

**SAJAK “PULANG SI TENGGANG” DALAM
PERSPEKTIF HISTORISISME BARU
(THE POEM OF “SI TENGGANG HOMECOMING”
FROM THE NEW HISTORICISM’S PERSPECTIVE)**

Abdul Halim Ali

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis sajak “Pulang Si Tenggang” karya Muhammad Haji Salleh daripada perspektif teori Historisisme Baru yang dikemukakan Stephen Greenblatt. Teori Historisisme Baru menggagaskan rekonstruksi sejarah dan menawarkan idea tentang konsep sejarah terkini (*present history*). Walaupun idea teori lebih mementingkan aspek dan teks sejarah, namun analisis terhadap sajak ini cuba memahami cara penyajak melakukan rekonstruksi cerita rakyat “Si Tenggang Derhaka” dengan menampilkan kisah diri penyajak sebagai anak Melayu yang merantau sekian lama di luar negara, kemudian pulang dengan semangat kemelayuan yang tidak berubah. Dalam konteks pemahaman makna sejarah terkini, sajak ini menampilkan konsep baru berkenaan “Si Tenggang” yang ada kemiripan kisah “Si Tenggang Derhaka”. Penampilan konsep ini bertujuan mengenengahkan visi memartabatkan bangsa Melayu dengan ilmu dan pengalaman yang dibawa pulang daripada seluruh dunia.

Kata kunci: Pensejarahan baru, Makna terkini, Rekonstruksi, Sejarah lama, Peniruan.

Abstract

The purpose of this paper is to analyze the poem of “Si Tenggang Home Coming” written by Muhammad Haji Salleh from the perspective of New Historicism proposed by Stephen Greenblatt. The idea of New Historicism theory is reconstruction of history and offered the idea of the present history. Specifically, the idea of theory is due to historical aspects and historical texts however, analysis on this poem is to examine how the reconstruction done by the poet with showing his personal experiences travelled over the world and return home with unchanged values and spirits of the original Malay. In the context of new understanding and the meaning of present history, this poem revealed the new concept of Si Tenggang which resembles the story of “Si Tenggang Derhaka” in Malay folklore. The appearance of this concept is to bring forward the vision of Malay nation with intellectual and experiences brought from over the world.

Keywords: *New Historicism, Present meaning, Reconstruction, Old historicism, Simulacra.*

Pengenalan

Dalam abad ke-19, Pendekatan sejarah sangat dominan dan dianggap satu-satunya landasan kritikan sastera yang sangat sesuai berhadapan dengan teks-teks beraliran romantisme dan realisme. Aspek sejarah menjadi latar belakang yang mengembangkan teks. Pendekatan sejarah menjelaskan bahawa sejarah sebagaimana yang dituliskan, membentuk, dan memberi gambaran tentang apa yang sebenar-benarnya berlaku (Charles E. Bressler, 1999: 237). Aliran ini berkembang agak lama iaitu bermula tahun 1800 hingga ke pertengahan abad ke-20.

Pada waktu itu, ramai pemikir percaya bahawa sejarah hanyalah sebagai latar belakang maklumat yang ditulis semula oleh para ahli sejarah tentang bagaimana sesuatu realiti berlaku, tidak lebih dari itu. Sehingga kemunculan teori-teori dan pendekatan yang berorientasikan formalisme seperti pendekatan Formalisme, *New Critics*, dan Strukturalisme. Kemunculan pendekatan-pendekatan ini menyebabkan pendekatan sejarah kehilangan daulatnya (Mana Sikana, 1998: 290). Penolakan penulis Barat terhadap unsur dan teks sejarah mencapai tahap ekstrim sehingga biografi

pengarang juga dinafikan (*Abdul Halim Ali, 1999: 1*). Hasilnya kritikan sastra waktu itu menjurus kepada aspek konseptual dan mengabaikan aspek kontekstualnya.

Kritikan Baru (*New Critic*), Pendekatan Strukturalisme, dan Pendekatan Formalisme mengambil alih tempat pendekatan sejarah dalam dunia kritikan sastra di Barat dan menjadi landasan kritikan teks yang sangat dominan khususnya dalam tahun-tahun 1940-an, 1950-an dan 1960-an. Pada waktu itu, buku teori kesusasteraan (*Theory of Literature*) karya Rene Wellek dan Austin Warrens menjadi rujukan penting yang memberi tumpuan kepada proses menginterpretasi teks.

Beberapa orang tokoh seperti Roland Barthes, Rene Welleks, Austin Warren, I. A. Richards dan lain-lain merupakan di antara pemikir besar yang memelopori kaedah kritikan baru. Penolakan terhadap aspek sejarah menjadikan analisis teks pada waktu itu tertumpu kepada teks semata-mata, tanpa mengambil kira hubungan teks itu dengan hal-hal di luar teks, termasuklah pengarang teks itu sendiri. Kecenderungan mereka ialah menganalisis teks dengan melihat kepada struktur dan bentuk-bentuk yang terdapat dan yang membina teks. Roland Barthes yang memelopori pendekatan Struktural di Perancis, secara ekstrim menolak sejarah, budaya, dan juga pengkarya sendiri. Oleh itu, tidak hairan Barthes sendiri menanggapi bahawa pengkarya sebenarnya mati dan tidak penting. Beliau sangat terkenal dengan konsep kematian pengkarya (*the death of author*). Strukturalis menolak tanggapan pengkarya (*author*) sebagai tempat bermulanya sesebuah karya atau sumber yang menerbitkan makna dan berkuasa membuat sesuatu penafsiran (*Raman Selden & Peter Widdoson, 1993: 131-132*).

Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 1960-an (sekitar tahun 1966) muncul pula pendekatan Dekonstruksi yang dipelopori oleh Jacques Derrida yang kemudiannya menenggelamkan dominasi pendekatan-pendekatan terdahulu itu, termasuk Kritikan Baru, Formalisme, dan Stukturalisme dalam dunia kritikan sastra di Barat. Joseph Litvak menyebutnya era ini sebagai "*the age of deconstruction*". Pemahaman spektikal terhadap fungsi bahasa dan segala makna serta konsep-konsep yang terbina dalam bahasa telah membentuk aliran baharu Pascastruktural. Namun begitu, Derrida sebagaimana juga pendokong Kritikan Baru dan Formalisme menolak sejarah. Sejarah bagi Derrida tidak dapat membantu operasi dalam pembacaan teks dan tidak dapat "membuka" teks dengan dirinya sendiri (*Daniel Stempel dlm. Joseph Natoli, 1987: 920*). Oleh itu, untuk beberapa waktu aspek sejarah bagai tidak dipedulikan oleh

pengkarya dan pengkritik sastra di Barat. Hubungan sastra dengan sejarah dilihat sebagai suatu yang sukar untuk diterima. Analisis- analisis kesusasteraan akhirnya menjurus kepada analisis teks semata-mata (*textual*), sebagaimana sebut Robert Scholes (1974) kritikan berligar dan berpaut pada sistem dan struktur teks dan memperjelaskan saling kaitan yang ada hanya dalam lingkungan teks itu sahaja tanpa mengambil kira unsur dan fenomena yang berkaitan dengan sejarah dan budaya sebagai sebahagian yang penting dalam menanggapi dan menginterpretasi teks.

Penolakan terhadap sejarah dirasakan sebagai satu kelemahan dalam pendekatan sastra. Dengan penolakan itu, maka wujud “vakum” dalam persoalan sejarah, sehinggalah pada akhir abad ke-20. Pada pertengahan dekad 1980-an, mulalah kedengaran percikaraan untuk kembali kepada sejarah (*Wilfred L. Guenn, et al., 1992: 319*). Sebilangan pemikir dan sarjana sastra di Barat mula melihat aspek-aspek yang berada di luar teks khususnya aspek sejarah, politik, social, dan budaya sebagai sebahagian daripada unsur yang mempengaruhi dan membentuk teks. Perbincangan-perbincangan tentang sejarah telah kembali menjadi topik argumentatif dalam dunia sastra di Barat.

Jonathan Morse dalam artikelnya berjudul “*History in the text*” menganggapkan bahawa teks itu sendiri adalah sejarah yang tidak hanya sebagai dokumen tentang proses sosialisasi tetapi sebagai satu bahasa (*language*) yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri (*Daniel Stempel dlm. Joseph Natoli, 1987: 923*). Jonathan turut bersama-sama Foucault menentang tanggapan-tanggapan Derrida dan pendekatan Dekonstruksi.

Walau bagaimanapun konsep kembali kepada sejarah bukannya kembali kepada keobjektifan sejarah sebagaimana yang ditanggapi dan difahami oleh pensejarahan lama. Orientasi Historisisme Baru bersifat dekonstruktif, manakala faktor-faktor luaran teks seperti budaya, sistem sosial, politik dan persekitaran menjadi domain yang penting mendekonstruksikan keobjektifan sejarah itu, dan sebagai hasilnya ia memantulkan kerelatifan sejarah dengan makna yang baru pula. Menurut Montrose, peranan teori Dekonstruksi dalam Historisisme Baru adalah sebagai alat menganalisis ideologi seperti yang digunakan oleh Dekonstruksi untuk meruntuhkan struktur binari yang menjadi pusat kepada pemikiran tradisional Barat (*Montrose dlm. Suhaimi Abdul Aziz, 2000: 4*).

Historisisme Baru bergerak dan bernafas dalam gelombang pascamoden yang mewarnai dunia baru dengan segala ketidakpastian (skeptikalisme). Ia berdiri di atas landasan sejarah, tetapi sebagai sebuah landasan yang tidak pernah dan tidak akan kontradiksi sampai bila-bila. Dalam erti kata yang lain, tujuan kembali kepada sejarah dalam Historisisme Baru bukan bertujuan mencari kebenaran sejarah atau mengagungkan sejarawan, tetapi ianya lebih memberi penekanan kepada tektualiti (*Wilfred L. Guerin, et al.*, 1992: 32). Demikian juga tanggapan Montrose bahawa sejarah adalah satu rekonstruksi tekstual tentang masa lalu, maka secara materialnya tidak punyai apa-apa autoriti.

Pemuka Teori

Istilah *New Historicism* mula dikenali apabila Stephen J. Greenblatt mengungkapkan dalam pengenalan karyanya yang berjudul *Genre* pada tahun 1982 (*H. Aram Veesser*, 1989: xiii). Meskipun pengungkapan istilah Historisisme Baru oleh Greenblatt ini dianggap “tidak sengaja” dan bersifat kebetulan, namun istilah itu lebih tetap dihubungkan dengan Greenblatt, kerana beliau adalah tokoh yang memberi dan memperkenalkan istilah tersebut. Istilah ini kemudiannya digunakan dengan lebih meluas dalam beberapa buah esei dan buku seperti *Improvisation and power* dan *Renaissance Self Fashioning* tulisan Stephen Greenblatt serta beberapa hasil oleh Louis Montrose, Jonathan Dollimore, dan lain-lain (*Charles E. Bressler*, 1999: 238). Menurut Jeremy Hawthorn, *New Historicism* bertitik tolak daripada *Cultural Poetic* yang berubah kepada istilah *the new history* yang juga disebut dengan *new historicity*, kemudian berubah lagi menjadi *textual historicism*, tetapi akhirnya berubah kepada suatu nama yang lebih mantap dan diterima umum iaitu *New Historicism* (dlm. *Mana Sikana*, 1988: 295). Menurut Philip Rice & Patricia Waugh (1993), secara rasmi Greenblatt menamakan *New Historicism* pada tahun 1988. Di Australia, *New Historicism* disebut sebagai *Neohistoricism* (*Stephen Greenblatt*, 1989: 1), manakala di Malaysia lebih dikenali sebagai teori Historisisme Baru. Pada tahun 1996 Umar Junus telah membicारा secara umum tentang teori ini tetapi dengan menggunakan istilah Pensejarahan Baru.

Idea-idea yang berkaitan dengan sejarah dan budaya sebagai agen perubahan sosial sebagaimana yang disebutkan pada awal tulisan ini telah lama dibincangkan, khususnya oleh pendokong Marxist seperti Louis Althusser, Raymond Williams, Louis Montrose, dan lain-lain. Isu-isu tentang kapitalisme menjadi topik besar yang menjadi tentangan para Marxis. Jameson mengkritik kapitalisme yang dianggap menjarakkan

sejauh-jauhnya di antara orang awam dengan pemodal. Lyotard pula menyebut kapitalisme sebagai telah memaksa kesesatan dan kepalsuan berlaku di dunia ini (*Wilfred L. Guerin et. al.*, 1992: 321). Historisisme Baru muncul di tengah-tengah dua tunggak idea ini dan berusaha untuk melihat pertentangan sejarah yang jelas kesan kapitalisme tanpa menolak teori-teori sejarah dan ekonomi yang sukar dilentur. Berdasarkan pernyataan ini, Historisisme Baru kelihatan ingin meruntuhkan sempadan-sempadan yang memisahkan pelbagai disiplin, khususnya politik dan sastra (*Wilfred L. Guerin et al.*, 1992: 321).

Kemunculan Historisisme Baru bukan hanya manifestasi kegagalan pendekatan-pendekatan Formalisme dan Kritikan Baru yang dianggap tidak berusaha menginterpretasi teks dari sudut sejarah, namun ianya juga adalah sebagai satu reaksi terhadap pendekatan sejarah lama (*Old Historicism*) yang dianggap lemah. Greenblatt dan rakan seilirannya berpendapat, kritikan sejarah lama yang muncul pada tahun 1800 sangat lemah, kerana ia hanya membicarakan aspek-aspek sejarah sebagaimana yang dirakam dan ditulis oleh ahli sejarah tentang peristiwa-peristiwa benar dan bagaimana peristiwa itu berlaku (*Bressler, C. E.*, 1999: 239). Greenblatt sebaliknya melihat aspek sejarah itu lebih jauh dari itu, bukan setakat rakaman atau fotokopi yang dianggap kaku dan lemah, namun sejarah itu mestilah memberi makna kepada kehidupan manusia di luar teks. Oleh itu, aspek budaya, sejarah, kesusasteraan, dan lain-lain faktor turut dibicarakan, dan menurut Greenblatt akan membantu memutus dan menentukan makna atau fungsi teks. Oleh itu, Greenblatt mengengahkan persoalan sejarah dan budaya sebagai sesuatu yang sangat relevan dalam usaha menginterpretasi teks sebagaimana yang digagaskan dalam *Cultural Poetics*nya. Jelas Greenblatt, Historisisme Baru adalah percikan daripada pemikiran *Cultural Poetics* yang sudah sekian waktu dijadikan landasan kritikan teks.

Meskipun istilah Historisisme Baru dikemukakan Greenblatt, tetapi perbincangan tentang sejarah dan pensejarahan sudah lama berligar dalam kalangan beberapa tokoh lain seperti Althusser's, Hayden White, Gadamer, Raymond Williams Clifford Geertz, dan Foucault (*Philip Rice & Patricia Waugh*, 1993: 260). Daripada kumpulan pemikir *Cultural Poetics* pula terbahagi kepada dua kelompok, iaitu kelompok yang mempeloporinya di *Great Britain*. Kelompok ini dikenali dengan nama *Cultural Material*. Satu kelompok lagi yang turut mengembangkan idea *Cultural Poetics* dan membiak di Amerika Syarikat lebih dikenali dengan nama *New Historicism*. Pemikir *Cultural Material* lebih terpengaruh

dengan pemikiran Marxist, khususnya dengan tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Louis Althusser dan Raymond William. Mereka percaya bahawa sastera boleh berfungsi sebagai agen perubahan dalam masyarakat dunia hari ini. Manakala aliran Historisisme Baru yang dipelopori oleh Stephen Greenblatt lebih cenderung kepada pemikiran Michel Foucault khususnya yang berhubung dengan konsep kuasa menghasilkan kebenaran, kerelatifan makna sejarah dan pengaruh budaya.

Secara ringkas, elok ditinjau pemikiran Foucault tentang sejarah yang menjadi sebahagian daripada teras pemikiran Greenblatt. Menurut Foucault, ahli sejarah terpengaruh dan dipengaruhi oleh corak dan bentuk budaya di tempat ia hidup. Oleh itu, ahli sejarah tidak boleh menjelaskan secara tepat tentang era sejarahnya atau era-era sejarah yang lain. Sejarah tidak mendarat sifatnya. Oleh itu tiada permulaan, pertengahan, dan pengakhiran yang pasti baginya. Manusia berbicara tentang dunia mereka sendiri dan interaksi yang berlaku ini adalah ditentukan oleh asas-asas dan corak masyarakat yang terjalin utuh di dalamnya. Foucault menyebut hal ini sebagai episteme. Pengkarya yang berkarya bukan sahaja dilingkungi oleh epistemanya, malah turut dipengaruhi dan dibentuk oleh epistemanya.

Idea Foucault ini telah melatari sebahagian besar pemikiran Greenblatt, khususnya dalam perbincangan tentang sejarah dengan makna terkini (*history of the present*) dan budaya yang berpengaruh dan mempengaruhi serta konsep “kekuasaan”. Greenblatt memperluaskan tanggapannya dengan mengambilkira aspek sosiologi, ekonomi, pendidikan, dan metafizik sebagai asas perbincangan.

Historisisme Baru Sebagai Teori Sastera Pascamoden

Umumnya, teks-teks sastera pascamoden memperlihatkan penentangan secara menyeluruh terhadap teks-teks beraliran realisme. Realisme didakwa gagal menjadi kaedah pengkaryaan kerana hidup hari ini (moden) dikatakan terlalu menakutkan. Menurut Horace L. Fairlamb (1994), kegagalan-kegagalan modenisme menjadi punca kemunculan pascamoden yang bersifat anti meta naratif, penolakan terhadap ilmu, makna dan autoriti.

Pascamodenisme mengambilalih tempat modenisme dan meresapi ke segenap penjuru dunia sastera di dunia hari ini. Ia ditandai dengan kehadiran teori-teori baharu seperti Poststrukturalisme, Dekonstruksi, Postfeminisme dan Historisisme Baru. Argumentasi teoretikal pascamoden menolak pendekatan Struktural dan Formalisme yang meminggirkan aspek

kontektual dalam menginterpretasi teks. Tokoh-tokoh penting di sebalik pemikiran baharu ini ialah Michel Foucault, Jaques Derrida, Louis Montrose, Hyden White, Jonathan Morse, Stephen Greenblatt, Habermas, Julia Kristeva, Jean Francios Loytard, Jean Baundrillard dan ramai lagi.

Derrida menentang Struktural dan Formalisme kerana menolak kejituan makna. Manakala Foucault memperkenalkan konsep sejarah terkini (*history of present*) yang menekankan kepada kekuasaan menghasilkan kebenaran. Baundrillard mengenegahkan konsep *simulacra* sebagai mengantikan realiti, Loytard pula tidak percaya kepada peranan naratif besar (*grand narrative*) manakala Stephen Greenblatt menyelusuri sejarah silam dengan makna terkini. Pendek kata, wajah pascamoden merangkumi seluruh kondisi yang bersifat kontradik dengan modenisme.

Pascamoden juga boleh disusuri dengan zaman “kembali kepada sejarah” setelah sejarah sewenang-wenangnya “dimatikan” para Strukturalis dan Formalis. Strukturalis dan Formalis menolak pandangan klasik yang dipercayai bahawa pengarang adalah tempat bermulanya sesebuah karya dan sumber yang menerbitkan makna serta berkuasa membuat sebarang penafsiran (*Raman Selden & Peter Widdowson, 1993: 131-132*). Walau bagaimanapun konsep kembali kepada sejarah bukannya kembali kepada keobjektifan sejarah sebagaimana yang ditanggapi dan difahami oleh pensejarahan lama. Orientasi Historisisme Baru bersifat dekonstruktif, manakala faktor-faktor luaran teks seperti budaya, sistem sosial, politik dan persekitaran menjadi domain yang tegar mendekonstruksikan keobjektifan sejarah itu, dan sebagai hasilnya ia memantulkan kerelatifan sejarah dengan makna yang baru pula. Menurut Montrose, peranan teori Dekonstruksi dalam Historisisme Baru adalah sebagai alat menganalisis ideologi seperti yang digunakan oleh Dekonstruksi untuk meruntuhkan struktur binari yang menjadi pusat kepada pemikiran tradisional Barat (*Montrose dlm. Suhaimi Abdul Aziz, 2000: 4*).

Historisisme Baru bergerak dan bernafas dalam gelombang pascamoden yang mewarnai dunia baru dengan segala ketidaktentuan (skeptikalisme). Ia berdiri di atas landasan sejarah, tetapi sebagai sebuah landasan yang tidak pernah dan tidak akan kontrik sampai bila-bila. Dalam erti kata yang lain, tujuan kembali kepada sejarah dalam Historisisme Baru bukan bertujuan mencari kebenaran sejarah atau mengagungkan sejarawan, tetapi ianya lebih memberi penekanan kepada tektualiti (*Wilfred L. Guerin, et al., 1992: 32*). Demikian juga tanggapan Montrose bahawa sejarah

adalah satu rekonstruksi tekstual tentang masa lalu, maka secara materialnya tidak punyai apa-apa autoriti.

Malah dari aspek sejarah inilah yang memunculkan dan membezakan *Old Historicism* dan *New Historicism*. Historisisme Baru percaya bahawa fenomena sejarah boleh dibaca seperti membaca sebuah teks (*Gregory Castle, 2007: 131*). Historisisme Baru membawa semangat pascamoden dengan gagasan idea yang diadun dari beberapa pemikir seperti Michel Foucault dan pemikiran Marxisme. Jika tahun-tahun selepas 1960 hingga 1970-an dianggap sebagai “*the age of deconstruction*”, maka era tahun 1980-an hingga kini boleh dianggap pula sebagai era pensejarahan baru (*the age of new historicism*).

Praktis Teori dalam Kritikan Sastera

Merujuk kepada pendapat Greenblatt, Historisisme Baru bukanlah sebuah teori atau doktrin, tetapi ianya lebih kepada satu kaedah pembacaan teks (*a method of reading*) yang menganalisis kesan-kesan pembacaan teks-teks lama atau sejarah yang mana berkaitan dan berhubungan dengan makna terkini (*Philip Rice & Patricia Waugh, 1993: 259*). Bagi Greenblatt praktis adalah lebih baik daripada doktrin (*Stephen Greenblatt, 1989: 1*). Ia berkaitan dengan proses pembacaan, penulisan dan pengajaran sebagai satu tindakan yang melewati penjelasan terhadap tindakan itu (*Wilfred L. Guerin et al., 1992: 320*). H. Aram Veaser (1989) menyebutkan Historisisme Baru bergabung secara bersama dengan sastera, etnografi, antropologi, seni, sains, dan lain-lain disiplin dan percaya bahawa sejarah dan budaya merupakan penyumbang besar kepada perubahan.

Dalam praktis ini pendokong Historisisme Baru mahu memahami satu bentuk hubungan kompleks yang berkaitan dengan teks sewaktu ia dihasilkan. Mereka juga mahu mengkaji dan memahami hubungan-hubungan yang berlaku antara politik, ekonomi, social, dan aspek-aspek estetika yang sentiasa bertentangan antara satu sama lain. Dapat difahami kehendak pendokong Historisisme Baru ini dengan merumuskan bahawa mereka sebenarnya mahu menjelaskan satu cara terkhusus bagaimana kuasa beroperasi dalam satu waktu persejarahan yang tertentu. Dengan cara itu pembaca akan dapat memahami berbagai maklumat tentang keadaan dan hubungan-hubungan bagi satu perkaitan yang khusus sebagaimana yang terdapat di dalam teks sastera. Dalam keadaan tertentu, Historisisme Baru diperlengkap oleh Marxisme kerana banyak memberi

penekanan kepada persoalan yang sama tentang kuasa, ideologi dan institusi.

Dalam pembacaan ini, beberapa aspek penting diberi pertimbangan, iaitu peniruan (*simulacra*) semula atau fotokopi sejarah silam, nostalgia, dan idealistik. Ketiga-tiga aspek ini menurut Mana Sikana (2000) merupakan fokus pembacaan yang penting terhadap sesuatu teks. Beliau memetik pandangan Plato yang menyarankan bangsa Greek supaya mempelajari sejarah *photographic simulacrum*, *nostalgic simulacrum*, dan *idealistic simulacrum*. *Photographic simulacrum* agar dapat dimanfaatkan dan dijadikan iktibar pada setiap sejarah yang berlaku. *Nostalgic simulacrum* pula bertujuan menggunakan sejarah sebagai kenang-kenangan, *idealistic simulacrum* pula berhasrat menjejaki nilai murni yang ada pada masa silam untuk rujukan masa kini (Mana Sikana, 2000: 24). Jelasnya, fokus pembacaan tertumpu kepada aspek sejarah dan masa silam yang digunakan oleh pengarang bagi tujuan membina bangsa pada masa kini dengan pandangan baharu.

Analisis Sajak “Pulang Si Tenggang” daripada Perspektif Historisisme Baru

Analisis ini memberi fokus kepada sejarah penyajak iaitu Muhammad Haji Salleh yang disifatkan penyajak tidak berubah sifat dan jiwa Melayunya meskipun bertahun-tahun berada di perantauan sebagaimana yang dipuisikan dalam sajak “Pulang Si Tenggang”. Si Tenggang dalam sajak ini hadir sebagai satu lambang diri penyajak (Muhammad Haji Salleh).

Mengapa “Pulang Si Tenggang”?

Sajak “Pulang Si Tenggang” (PST) termuat dalam kumpulan puisi Buku Perjalanan Si Tenggang 2 karya Muhammad Haji Salleh dan diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1975. Kumpulan puisi ini tidak memuatkan pra kata, oleh itu, inti kumpulan puisi ini tidak mudah untuk ditanggapi, melainkan setelah membaca keseluruhan sajak yang terkandung di dalamnya. Shafie Abu Bakar (1997) menganggap kumpulan puisi ini mengandungi falsafah dan idealisme keintelektualisme yang tinggi. Dengan merujuk kepada sajak PST, Shafie merumuskan puisi Muhammad Haji Salleh ini sangat tinggi mutunya berbanding dengan sajak-sajak yang termuat dalam kumpulan puisi pertama beliau berjudul

“Sajak-Sajak Pendatang”. Kemala (1992) pula menjelaskan, bahawa sajak PST adalah sebuah sajak Muhammad yang bermutu, baik dari segi tema, persoalan dan gaya bahasa. Shafie seterusnya beranggapan sajak PST adalah refleksi pernyataan penyajak terhadap tanggapan negatif kawan-kawanya yang mencurigai dirinya yang dianggap telah “derhaka” kepada budaya, bangsa, dan bahasanya sendiri setelah bertahun-tahun hidup di negara asing. J. U. Nasution pernah menyebutkan bahawa “*Muhammad was “estranged” from his own tradition...*” (dlm. Ahmad Kamal Abdullah *et al.*, 1992: 99). Pak Sako juga adalah antara yang sangat sinis memandang “perubahan Muhammad” yang lebih banyak berkarya dengan latar negara asing.

Sebagai jawapan kepada tuduhan dan prasangka itu, Muhammad menulis sajak “Pulang Si Tenggang” bagi mempertegaskan sikap dan pendiriannya yang tetap utuh terhadap budaya, bangsa, dan bahasanya (Abdul Halim Ali, 2002: 7). Apa yang penting dan menarik pada sajak ini ialah kepekaan dan sensitiviti Muhammad terhadap “kisah silam” yang berlaku kepada “Nakhoda Si Tenggang” (NST) dalam merefleksikan kisah dan makna baru “pengembara” (orang Melayu yang pergi atau menuntut ilmu di negara asing) sepertinya. Jelasnya, Muhammad menyusuri “kisah silam” bangsanya dalam usaha mencorak pemikiran baru yang boleh membina bangsanya sendiri, berbeza dengan corak dan cara pemikiran yang dibawa oleh NST. Boleh dipercayai bahawa Muhammad memilih kisah NST secara sedar dan melakukan proses penulisan sajak PST dengan visi politik dan intelek yang tinggi untuk menyedarkan bangsanya. Oleh itu, sajak PST kelihatan sangat relevan dengan pencernaan idea *political dimension* dan serasi dengan konsep *history of present* yang menawarkan idea mengenai refleksi sejarah tentang bagaimana manusia harus berfikir dan bertindak seperti yang ingin dilakukan.

Jungkir Balik Makna dalam Sajak “Pulang Si Tenggang”

Dalam memerihalkan budaya manusia Melayu yang merantau jauh ke negara asing Muhammad kembali kepada kisah NST yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu sebagai latar persajakannya. Oleh itu, pembaca dapat menafsir, Muhammad sebenarnya telah melakukan proses *simulacra* kisah silam dengan mengenegahkan watak NST dalam sajaknya. *Simulacra* itu akhirnya menghilangkan “realiti” kisah NST dan yang terhasil ialah kisah Muhammad sendiri yang berhadapan dengan pelbagai pandangan sinis kawan-kawannya. Kebalikan makna daripada sajak PST membawa pembaca kepada satu pemahaman baru terhadap orang Melayu yang

mengembara, menuntut ilmu atau tinggal di negara asing. Meskipun dilanda perubahan dan keterasingan persekitaran, namun tidak semestinya pengembara atau penuntut ilmu di negara asing itu berubah segala-galanya. Lihat nukilan Muhammad dalam sajak PST:

Aku tidak pulang sepenuhnya, aku tahu,
Aku telah dirobah waktu dan persekitaran
Dikasar oleh kepayahan
Dianehkan oleh perpisahan.

Tapi lihat,
Aku bawa pulang diriku
Yang dibesarkan oleh rasa percaya (b. 16-21)

.....

(*Buku Pulang Si Tenggang 2, 1975: 3-5*)

Si Tenggang (Muhammad) dalam sajak PST pulang ke negeri ke tanah air sebagaimana asalnya. Tidak menderhakai atau melupai (membelakangkan) ibu dan neneknya meskipun sebelum berangkat beliau pernah “memarahi” mereka. Si Tenggang (Muhammad) juga tidak melupai budayanya meskipun beliau dilanda dengan pelbagai ragam di negara asing, tidak melupai bangsa dan jati dirinya sebagai anak Melayu. Muhammad menegaskan:

Lihat, aku seperti kau juga
Masih Melayu
Sensitif pada apa
Yang kupercayai baik (b. 31-34)

.....

(*Buku Pulang Si Tenggang 2, 1975: 3*)

Berdasarkan praktis Historisisme Baru, pembaca dapat melihat cara bagaimana penyajak menyusuri “kisah silam” dan kemudian menjungkir balik perspektif konvensional sehingga terhasil makna baharu yang turut merubah perspektif masyarakat Melayu hari ini terhadap orang-orang Melayu yang menuntut di luar negara. Perspektif ini memperjelaskan hubungan makna baru yang dihasilkan dengan konteks sosial masyarakat Melayu terkini yang tidak lagi memandang serong kepada daerah asing sebagai tempat menimba ilmu dan pengalaman hidup.

Visi Politik dan Intelektual

Menurut John Brannigan (1999), “*literary text have specific functions within a network of power relations in society*”. Meneliti kepada tanggapan ini, pembaca boleh menelaah dan menghalusi sajak PST untuk mencapai gagasan politik yang ada dalam pemikiran penyajak. Gagasan atau visi politik penyajak berangkai dengan wadah intelektual yang dipaparkan. Lihat penggunaan diksi dan ayat dalam sajak PST. Antaranya:

Aku bawa pulang diriku
yang diperbesarkan oleh rasa percaya
diluaskan tanah dan bahasa-bahasa
aku tidak takut lagi pada lautan
atau manusia yang berlainan
tidak mudah ditipu oleh sesiapa
dengan bicara atau idea. (b. 21-27)

(Buku Pulang Si Tenggang 2, 1975: 3)

Penyajak merefleksi visi politik dengan idealisme intelektualnya. Orang Melayu dalam pemahaman penyajak tidak seharusnya takut kepada cabaran, tidak bimbang dengan perbezaan budaya dan masyarakat. Oleh itu, ia sangat penting agar diri orang Melayu tidak mudah ditipu baik dengan ideologi atau argumentasi. Politik tidak sekadar merangkumi makna kuasa dan kuasa tidak sekadar terletak kepada makna politik. Dalam konteks pembinaan masyarakat Melayu di negara pada hari ini, politik harus juga ditafsir sebagai satu proses pembinaan diri sebagai bangsa bertamadun dan berilmu. Oleh itu, dimensi visi politik dalam sajak PST kelihatan sangat strategik dan relevan dengan kedudukan orang-orang Melayu hari ini yang masih lemah dan ketinggalan dalam bidang pendidikan dan berhadapan pula dengan krisis identiti. Pembaca boleh mengesan visi politik yang ingin diterjemahkan penyajak terhadap bangsanya ialah:

Perjalanan membuat aku pemilih
pencari yang selalu tidak menerima
apa yang diberi tanpa kejujuran
atau yang meminta bayaran dari peribadi.
bertahun di lautan dan negeri pesisiran
aku telah belajar membeza
mengambil hanya yang teruji bandingan
atau yang sesuai dengan kata-kata datukku

yang membuat aku sering memikirkan
kampung dan kesempurnaan. (b. 39-48)
(*Buku Pulang Si Tenggang* 2, 1975: 4)

Jika dihalusi, penyajak juga cuba bermain dengan visi politiknya sendiri dalam usahanya mempertahankan diri daripada tohmahan serong masyarakat dan rakan-rakannya. Visi politik ini kadang-kadang bersifat peribadi tetapi memperlihatkan visi Historisisme Baru dalam misinya. Oleh itu, penyajak secara tegas menyebutkan bahawa;

Lihat, aku seperti kau juga
Masih Melayu (b. 31-32)

Dalam barisnya lain penyajak menyebutkan;

Aku bukan manusia baru
Tidak terlalu
Berlainan denganmu (b. 56-58)

Pada baris yang lain;

Aku adalah aku
Yang dibebaskan dari kampung
Tanah dan kebiasaan
Merdeka, kerana aku
Telah menemui diri. (b. 65-69)

Pengaruh Episteme Penyajak

Di samping memiliki visi politik, sajak PST juga memperlihatkan *double voice* dalam memperjelaskan sikap dan pendirian diri. Penyajak tidak sekadar ingin menampilkan suara dalam dirinya namun, ia juga menyuarakan kritiknya terhadap sikap masyarakat Melayu yang masih dibelenggu pesimisme terhadap sesuatu yang baharu dan asing. Pemahaman lama yang tercorak atas pesimisme telah membentuk gaya berfikir yang sempit dan terkongkong. Hal ini sangat berkaitan dengan sikap masyarakat Melayu di sekitar awal tahun 1970-an yang kuat sikap pesimisnya terhadap dunia Barat. Dalam pemikiran Historisisme Baru, sikap masyarakat yang membelenggu dan mempengaruhi pengarang (penyajak) itu disebut sebagai episteme. Penyajak melihat daripada sudut

yang bertentangan, apabila memberi “contoh” dirinya yang tidak terpengaruh dengan dunia Barat, sekalipun hidup dalam episteme Barat sekian lama. Imej perwatakan Si Tenggang yang derhaka kepada ibunya ditunjukkan oleh penyajak gaya *simulacra* tetapi bukan bertujuan untuk menampakkan penderhakaan sebaliknya mahu memberitahu tentang sikap baharu yang perlu dizahirkan supaya persepsi terhadap Barat tidak menghalang keinginannya untuk menuntut ilmu di negara asing itu. Imej sifat derhaka Si Tenggang dapat dilihat dalam rangkap kedua;

Benar aku pernah memarahi ibu atau nenekku,
Tetapi hanya setelah berkali-kali menceritakan keadaan
Yang mereka tidak pun pernah mencoba memahami,
Isteri yang mula kucintai di waktu kesepian
Di negeri yang terlalu mengasingkan,
Telah mereka bawa ke prasangka. (b. 10-16)
(Buku Pulang Si Tenggang 2, 1975: 3)

Episteme yang membelenggu penyajak dijadikan asas simulasi penderhakaan Si Tenggang bagi menampilkan imej dirinya yang “memarahi” ibu dan neneknya itu bertempat. Penyajak secara halus mempertalikan kisah silam (dalam cerita Si Tenggang) dengan sejarah dirinya dengan konteks masyarakat pada masa sajak ini dituliskan secara simulera dan pertentangan makna. Penyajak menghasilkan sajak tidak semata-mata kerana ilham dalam dirinya tetapi terdorong oleh persekitaran dan sistem sosial yang berada di luar dirinya. Inilah yang diperjelaskan oleh Foucault, bahawa manusia berbicara tentang dunia mereka sendiri dan interaksi yang berlaku ini adalah ditentukan oleh asas-asas dan corak masyarakat yang terjalin utuh di dalamnya.

Penutup

Meneliti sajak PST karya Muhammad Haji Salleh ini menunjukkan berlakunya jungkir balik kisah silam dan pemaknaan baharu kisah penderhakaan Si Tenggang. Jungkir balik dan pemaknaan baharu ini dilakukan secara sedar oleh penyajak dengan pengaruh episteme di sekeliling dirinya. Penyajak sengaja menghadir imej Si Tenggang derhaka dalam kisah silam masyarakat Melayu bagi menampakkan kisah lain tentang “Si Tenggang” baharu dengan makna “penderhakaan” yang berbeza.

Analisis ini juga menunjukkan realiti “kisah silam” itu lenyap dengan kemunculan “sejarah baharu” yang sesuai dengan *world view* masyarakat Melayu baharu pada masa sajak itu dihasilkan. Sejarah baharu ini pula berdiri atas landasan fleksibiliti yang tidak akan konkrit sampai bila-bila dan akan berubah lagi bergantung kepada *world view* masyarakat pada masa akan datang.

Bibliografi

- Abdul Halim Ali. 1999. “Pahlawan Daerah Rodat Sebagai Karya *New Historisisme*”. Kertas Kerja. Seminar Pengaburan Genre. Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur. 25 September.
- Bressler, C. 1999 (2nd Edition). *Literary Criticism: An Introduction to Theory and Practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fairlamb, H.L. 1994. *Critical conditions, Postmodernity and The Question of Foundations*. London: Cambridge University Press.
- Greenblatt, S. 1989. “Towards a Poetics of Culture” dlm. H. Aram Veesser. *The New Historicism*. New York: Routledge.
- Guerin, W.L. & et al., 1992 (3rd Edition). *A Handbook of Critical Approaches to Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Mana Sikana. 1996. “Sastera Melayu Moden”. *Jurnal Persuratan Melayu*, Jil. 2, Bil. 1. Bangi. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. 2000. “Teori Historisisme Baru Dalam Sastera Melayu”. Kertas Kerja Seminar Teori Historisisme Baru. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur. 27-28 Oktober.
- Mohd Salleh Yaapar. 1997. Pascamoden: Satu Tanggapan Kritis, Kertas Kerja. Kolokium Pascamoden dan Kita. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur. 3-4 Disember.
- Muhammad Haji Salleh. 1975. *Buku Perjalanan Si Tenggang 2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rice, P. & Waugh, P. 1993 (2nd Edition). *Modern Literary Theory*. London: Edward Arnold.
- Selden, R. & Widdoeson, P. 1993. *A Reader's Guide to Contemporary Literary Theory*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Shafie Abu Bakar. 1997. "Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip" dlm. Mana Sikana (Pngr.). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stempel, D. 1987. "History and Postmodern Literary Theory" dlm. Joseph Natoli, *Tracing Literary Theory*. Illinois: University Of Illinois Press.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2000. "Historisisme Baru: Satu Bacaan Sejarah Yang Dekonstruktif Terhadap Teks Sastera". Kertas Kerja. Seminar Teori Historisisme Baru. Dewan Bahasa Pustaka Kuala Lumpur. 27-28 Oktober.
- White, H. 1989. "New Historicism: A Comment" dlm. H. Aram Veesser. *The New Historicism*. New York: Routledge.

**TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU
PELAJAR DI *ISLAMIC SANTITHAM
FOUNDATION SCHOOL (ISFS)*
(*LEVEL OF MASTERING IN MALAY LANGUAGE OF
STUDENTS IN ISLAMIC SANTITHAM FOUNDATION
SCHOOL (ISFS)*)**

Ab. Razak Ab. Karim
Muhammad Saiful Haq Bin Hussin

Abstrak

Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thailand didapati amat lemah. Fenomena ini turut memberi kesan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia, termasuklah pelajar yang menuntut di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka didapati tidak begitu memberangsangkan. Hal ini demikian kerana dasar bahasa dan dasar pendidikan yang diamalkan oleh kerajaan Thailand tidak memberi ruang kepada perkembangan bahasa Melayu.

Penyelidikan yang dilakukan di *Islamic Santitham Foundation School (ISFS)* untuk mengesan tahap penguasaan bacaan dalam bahasa Melayu dalam kalangan pelajarnya mendapati bahawa pencapaian mereka sangat lemah. Subjek kajian tidak mampu untuk menguasai tahap bahasa Melayu sejajar dengan usia dan kemahiran yang sepatutnya berasaskan tahap umur dan kandungan sukatan pelajaran yang sepatutnya dikuasai mereka.

Permasalahan ini timbul kerana pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan oleh guru-guru semasa mengajarkan bahasa Melayu didapati tidak sistematik. Guru dan pelajar juga menghadapi pelbagai

kekangan yang menjadikan proses pengajaran dan pembelajarannya begitu bermasalah. Begitu juga halnya dengan penglibatan pihak lain yang sepatutnya didapati boleh membantu meringankan beban permasalahannya. Bagi menyelesaikan permasalahan ini maka sewajarnya semua pihak perlulah memainkan peranan yang proaktif ke arah penyelesaiannya.

Kata kunci: Bahasa Melayu, Penguasaan pelajar, *ISFS*.

Abstract

The command of the Malay among Thailand students is very weak. This phenomenon also affects the students' a study in institutions of higher education in Malaysia, including students of the Academy of Malay Studies, Universiti Malaya. The command of the Malay language among them is not very encouraging. This is so because language policy and education policy adopted by the Thailand government does not give space to the development of the Malay language.

Research done at the Islamic Foundation School Santitham (ISFS) to detect the level of reading in the Malay language among students found that their performance is very weak. Subjects research are unable to control the level of the Malay language in line with the age and skill level based on age and content of the syllabus that should be controlled by them.

This problem arises because the approach, methods and techniques used by teachers while teaching the Malay language is not systematic. Teachers and students also face many constraints that make teaching and learning process so problematic. Likewise the involvement of other parties should help alleviate the burden caused by these problems. Hence, all parties should play a proactive role in finding the solutions.

Keywords: Malay language, Mastery of students, *ISFS*.

Pendahuluan

Nakhon Si Thammarat, yang juga dikenali dengan nama Ligor tetap mekar dengan pengamalan dan budaya Melayu Islam. Kedatangan Islam di wilayah Nakhon, yang bermaksud kota untuk raja ini, dikatakan berlaku sekitar pertengahan abad ke-19 namun ada juga pendapat mengatakan Islam bertapak lebih awal daripada itu, apabila pedagang Arab singgah di wilayah tersebut kerana kedudukannya yang strategik di Teluk Siam.

Latar Belakang Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan di Nakhon Si Thammarat

Bahasa Melayu yang menunjangi medium pendidikan kelihatan mempunyai hubungan yang erat dengan pembelajaran dan perkembangan ilmu agama Islam di tempat-tempat yang disediakan seperti di masjid-masjid, surau-surau, dan juga rumah-rumah guru al-Quran itu sendiri, yakni berbentuk sistem pengajian pondok. Pada masa ini didapati bahasa pengantar di pondok-pondok secara rasminya ialah bahasa Melayu bertulisan jawi. Manakala, kitab yang digunakan juga sebahagian besarnya adalah kitab berbahasa Melayu Pattani dengan menggunakan sistem tulisan jawi.

Keadaan bahasa Melayu di negara Thailand tidak seperti di negara-negara lain, bahasa Melayu tidak dipandang sebagai bahasa sasaran yang perlu dikembangkan bidang penggunaannya, malah kerajaan Thailand melakukan usaha yang sebaliknya kepada bahasa Melayu. Pada zaman kesultanan Melayu Pattani (Pattani Darulssalam) bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan memainkan peranan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran. Tetapi setelah Pattani jatuh ke tangan Siam pada 1902, bahasa Melayu juga hilang dari kedudukannya, dan peranan bahasa dalam pentadbiran telah diambil alih oleh bahasa Thailand. Fenomena yang sama berlaku di daerah Nakhon Si Thammarat. Dasar bahasa yang diamalkan oleh kerajaan Thailand juga menimbulkan pelbagai implikasi negatif terhadap bahasa Melayu.

Menurut Fathiyah Chapakia (2008: 11) kedua-dua dasar ini didapati mempunyai tujuan yang sama, iaitu bermatlamat pengasimilasian orang-orang Melayu dengan majoriti penduduk negara, yakni bangsa Thailand yang merangkumi semua lapangan kehidupan kecuali dalam bidang agama Islam. Istilah *Thai Muslim* merupakan suatu langkah untuk mengasimilasikan orang-orang Melayu dengan golongan majoriti bangsa

Thailand dan dasar-dasar lain yang dilakukan dengan matlamat yang sama, iaitu “mensiamkan” orang-orang Melayu.

Pernyataan Masalah

Prestasi pelajar-pelajar dari luar negara, khususnya dari Thailand yang menuntut di Akademi Pengajian Melayu (APM) Universiti Malaya, sama ada pelajar pada peringkat ijazah dasar (di bawah program pertukaran pelajar) atau yang menjadi pelajar ijazah tinggi di bawah penyeliaan penyelidik didapati tahap penguasaan bahasa Melayu mereka agak lemah dan kurang memuaskan. Di samping itu juga kajian yang dijalankan oleh mereka sebagai pelajar ijazah tinggi di APM terhadap penguasaan bahasa Melayu di Thailand juga memperlihatkan timbulnya pelbagai masalah dan kekangan terhadap bahasa Melayu di Thailand. Oleh hal yang demikian, fenomena ini telah menarik minat penyelidik untuk menelusuri permasalahan dalam proses penguasaan bahasa Melayu di sana dan amalan-amalan pengajaran bahasa Melayu yang telah dijalankan di Thailand. Fenomena ini timbul kerana dasar *rathainiyom* yang telah dijalankan oleh kerajaan Thailand ke atas rakyatnya sejak sekian lama.

Menurut Fathiyah Chapakia (2008: 85) menyatakan bahawa pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bahasa Melayu di Thailand adalah berada pada tahap yang tidak begitu membanggakan. Dari sudut penggunaan alat bantu mengajar pula didapati kebanyakan bahan yang digunakan tidak begitu merangsangkan minat pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), dengan ini minat dan motivasi pelajar menjadi semakin berkurangan dan pemahaman serta penguasaan tahap bahasa Melayu pelajar menjadi semakin bermasalah.

Alat-alat bantu mengajar yang lebih *sofistikated* seperti komputer, internet, *Overhead Projector (OHP)*, *Liquid Crystal Display (LCD)*, radio, dan lain-lain kelengkapan sebagai bahan bantu mengajar tambahan hanya mampu diadakan oleh pihak pentadbir sekolah dalam bilangan yang terhad. Keadaan-keadaan beginilah yang menjadikan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di Thailand menjadi bermasalah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Untuk meninjau tahap penguasaan bahasa Melayu lisan dalam kalangan pelajar.
2. Untuk meninjau pengaplikasian pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu.
3. Untuk mengenal pasti masalah dan kekangan yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.
4. Untuk mengenal pasti masalah dan kekangan yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di kalangan guru.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di *Islamic Santitham Foundation School (ISFS)*, Nakhon Si Thammarat, Thailand. Keadaan kelas di *ISFS* didapati mencukupi untuk menampung kapasiti pelajarannya yang berjumlah melebihi 2536 orang pelajar dan 164 orang guru. Menurut pengurus sekolahnya En. Na'im Bin Hj. Hussin atau En. Noppha-Rat Sumalee (50+ tahun) menyatakan bahawa kelas-kelas yang diwujudkan serta prasarana lain seperti bangunan surau, kantin dan blok-blok asrama adalah mencukupi untuk menampung jumlah pelajarannya. *ISFS* juga menyediakan laman web untuk diakses dengan menggunakan alamat <http://www.santitham.ac.th/>.

Kajian berdasarkan kaedah tinjauan dan pemerhatian ini meliputi aspek kemahiran-kemahiran bacaan asas dalam fonologi, morfologi dan sintaksis berdasarkan sukatan pelajaran yang didedahkan oleh guru dalam proses P&P. Aspek kemahiran pada tahap penulisan juga telah ditinjau dan diperhatikan secara tidak langsung. Kemahiran-kemahiran dalam bidang ini perlu diperkukuh untuk membolehkan murid-murid menguasai bacaan dan penulisan dalam bahasa Melayu dengan baik. Faktor-faktor yang membawa kepada masalah penguasaan bahasa Melayu pada peringkat asas akan turut dikenal pasti. Selain daripada itu, masalah dan kekangan yang dihadapi oleh murid dan guru dalam proses P&P juga turut dikenal pasti. Pembahagian masalah dilakukan berdasarkan data-data yang diperolehi. Masalah linguistik akan dikenal pasti dan cara penyelesaiannya akan dibincangkan dari aspek psikolinguistik.

Signifikan Kajian

Dasar pelajaran agama di Thailand yang digubal pada 1997 melalui Sukatan Pelajaran Agama menghendaki P&P dapat memenuhi kehendak Muslim tempatan supaya melahirkan masyarakat yang berkualiti, baik dan juga menjadi insan yang berguna selain peka dalam bidang kemajuan teknologi terkini. Pada masa yang sama masyarakat Muslim juga dituntut supaya bersifat jujur, adil dan berdisiplin, memupuk perpaduan dan berkorban untuk negara. Di samping itu juga, mereka dituntut agar rajin berusaha, bertanggung jawab serta berkasih sayang sesama insan, berfikiran kreatif dalam membina jati diri (*Hasnah Nataening, 2004*). Semua gagasan yang diperlukan ini menghendaki masyarakat yang celik huruf dan dapat menimba ilmu agar mereka mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan serta dapat mengangkat taraf kehidupan mereka.

Permasalahan dari segi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran merupakan suatu hal yang perlu diselesaikan bagi membolehkan tahap penguasaan bahasa Melayu dipertingkatkan. Menurut Richard dan Lockhart (1994) menyatakan bahawa pengajaran adalah suatu proses yang kompleks. Bagi memahami bagaimana seseorang guru mengendalikan pengajarannya dengan baik, maka kita perlulah meneliti kepercayaan dan proses pemikiran guru tersebut untuk menentukan tindakannya dalam bilik darjah (*Wong Seet Leng, 2005*). Pada masa yang sama guru perlu menyediakan perancangan yang kemas, tersusun dan rapi. Selain dari itu, penggunaan bahan pengajaran juga adalah penting. Menurut Wan Nordin (2006) memperakui bahawa antara faktor yang menghalang keberkesanan proses P&P bahasa ialah melibatkan teknik P&P yang kurang berkesan kerana kurang melibatkan penggunaan alat bantu P&P yang pelbagai.

Penggunaan bahasa Thailand dalam kalangan pelajar semasa berkomunikasi di sekolah dan di rumah serta ditambah pula dengan kekurangan minat pelajar disebabkan oleh gangguan bahasa Thailand menjadikan bebanan kepada guru untuk memantapkan pengajaran bahasa Melayu. Hal ini juga akan membuatkan murid menjadi kurang terangsang dan kurang bermotivasi untuk meminati dan mempelajari bahasa ibunda mereka, yakni bahasa Melayu.

Kedudukan bahasa Melayu di Thailand yang dalam keadaan sering tergugat dan tidak berwibawa dari segi nilai ekonominya menjadikan bahasa Melayu terpaksa mengalami zaman kegetiran. Namun demikian, bahasa Melayu di Thailand masih dapat dipertahankan kedudukan dan kewibawaannya pada masa ini sebagai bahasa perantaraan

dalam kalangan orang Melayu yang majoritinya sebanyak 80 peratus yang mendiami wilayah sempadan Selatan Thai (*Abdulroya Panamala*, 1995).

Di Nakhon Si Thamarrat, penyebaran Islam yang berpusat di pondok-pondok dan masjid-masjid masih lagi menggunakan bahasa Melayu (variasi dialek Kedah dan Pattani). Dengan jumlah masjid yang berdaftar dengan kerajaan di Bangkok sebanyak 75 buah dan ditambah lagi dengan bilangan yang kecil-kecil dan masih belum lagi berdaftar. Hal ini membuktikan bahawa kerajaan Thailand telah menetapkan bahawa orang Melayu Islam di bawah suatu polisi yang tidak boleh dikhianati malah kerajaan Thailand tetap beranggapan bahawa mereka juga ialah warga Thailand keseluruhannya ditambah pula dengan anutan agama Islam orang-orang Melayu yang menuntut supaya menghormati sesama manusia. Dua faktor inilah yang menjadikan keharmonian dan kesejahteraan hidup dapat dicapai di Nakhon (*Abdul Razak Panamala*, 2005).

Definisi Operasional

Penguasaan bahasa Melayu di Nakhon Si Thammarat merujuk kepada tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dan guru yang terlibat secara langsung dalam proses P&P bahasa Melayu di institusi pendidikan formal. Tahap penguasaan yang dimaksudkan sama ada dari aspek bahasa Melayu lisannya mahu pun bahasa Melayu penulisannya.

Kajian-Kajian yang Berkaitan

Penyelidikan tentang penguasaan bahasa telah diselidiki dengan agak meluas setelah lahirnya disiplin psikolinguistik. Namun, ini bukanlah bermakna tidak adanya usaha untuk mengkaji dan menyelidik sebelum lahirnya disiplin tersebut. Penyelidikan sedemikian masih belum begitu meluas berbanding dengan perkembangannya di negara Barat. Di Amerika Syarikat terdapat banyak kajian yang menganalisis masalah tersebut yang dijalankan secara rapi. Umpamanya Smith dalam bukunya *Reading: Seventy-five Years of Progress* telah merumuskan kajian beliau berdasarkan kemajuan dalam bidang bacaan selama 75 tahun, bermula dari tahun 1891 hingga 1966.

Kajian Tentang Masalah Penguasaan Bahasa Melayu

Atan Long (1970), dalam kajiannya terhadap penguasaan bahasa di peringkat permulaan telah membahagikan kaedah pengajaran bahasa Melayu kepada dua bahagian yang bertentangan, iaitu kaedah tradisional yang terdiri daripada kaedah abjad dan kaedah suku kata; kaedah moden yang terdiri daripada kaedah pandang dan sebut (kaedah seluruh perkataan) dan kaedah fonik.

Isahak Haron (1979), telah menjalankan satu penyelidikan tentang beberapa kaedah mengajar murid-murid membaca di peringkat awal. Hasil daripada kajian beliau itu didapati bahawa Kaedah Gabungan (Kaedah Eklektik), iaitu dengan cara mencuba memasukkan ciri-ciri yang baik daripada kaedah fonik dan kaedah seluruh perkataan.

Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2001), mendapati bahawa wujudnya masalah penguasaan bahasa pada peringkat asas bacaan. Permasalahan tersebut timbul setelah pelajar dikehendaki menguasai kemahiran yang banyak dan bahan pengajaran yang digunakan adalah tidak sistematik. Pada masa yang sama wujud pula masalah guru yang mengajar bahasa Melayu pada tahap tersebut tidak dapat menguasai pendekatan, kaedah, dan teknik dengan baik.

Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2006) juga, mendapati bahawa perlunya pembinaan bahan pengajaran yang menarik, tersusun secara sistematik yakni dari mudah ke susah dan dari mautod ke abstrak. Pada masa yang sama guru-guru yang mengajar pada tahap tersebut juga perlu menguasai pendekatan, kaedah dan teknik yang baik (bersifat eklektik) bagi memberikan kesan yang baik terhadap pencapaian penguasaan asas bacaan pelajar melalui P&P yang tersusun dan pelbagai. Kesimpulannya guru perlulah mempunyai daya kreativiti yang tinggi bagi membolehkan penguasaan bahasa Melayu pada peringkat tersebut dikuasai oleh murid.

Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia (2008), mendapati bahawa kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa Melayu. Kepelbagaian aktiviti dalam proses P&P bahasa Melayu juga perlu diambil kira oleh guru semasa mengajar. Demikian juga halnya dengan keperluan alat bantu mengajar yang dilihat turut memainkan peranan penting dalam proses P&P untuk tujuan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar agar

mereka berjaya meningkatkan tahap pencapaian penguasaan bahasa mereka.

Kajian Tentang Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Kanak-kanak

Carro (1961), dalam tulisannya yang bertajuk *Language Development in Children*, menyatakan bahawa murid-murid lebih dipengaruhi oleh dialek ibundanya dan sistem bahasanya yang tersendiri.

Layton (1979), dalam bukunya yang bertajuk *The Psychology of Learning To Read*, menyentuh perkaitan antara belajar, mengajar, dan cara-cara membaca. Fokus utama ialah bacaan berdasarkan psikologi. Beliau turut melihat perkaitan dan perkembangan bahasa pada peringkat kanak-kanak. Beliau turut membincangkan sebab murid-murid harus membuat persediaan untuk membaca dan cara emosi mempengaruhi kemahiran membaca seseorang murid. Di samping itu beliau membincangkan teori psikologi yang berkaitan dengan teori pemerolehan membaca. Beliau mengatakan kesan belajar dan ingatan dapat membantu kita, sebab sesetengah murid-murid dapat membaca dengan baik.

Prideaux (1986), menjalankan kajian yang ada kaitan dengan teori psikolinguistik. Prideaux menjalankan kajian ini di makmal. Beliau serba sedikit menyentuh perihal perolehan dan penguasaan bahasa. Beliau menyatakan murid-murid normal akan mempelajari bahasa dengan mudah dan cepat. Perolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan murid-murid ialah proses semula jadi dan normal dalam kehidupan mereka. Perolehan dan penguasaan bahasa memberikan maklumat yang penting kepada pengkajian linguistik.

Reeder (1987), menjalankan kajian psikolinguistik tentang cara murid-murid mempelajari sifat-sifat linguistik dalam situasi perbualan. Murid-murid dapat membezakan ayat dengan menggunakan strategi pragmatik. Reeder menggunakan penilaian paradigma prafrasa untuk melihat kesan struktur kontekstual terhadap jawapan yang diberikan oleh murid-murid prasekolah. Dalam kajian ini permainan “*puppet*” digunakan bagi mengajuk murid-murid berinteraksi.

Kajian-kajian tentang pemerolehan dan penguasaan yang terdahulu banyak membantu penyelidikan pada masa sekarang.

Metodologi Kajian

Setelah merancang dan menyediakan kaedah dan bahan untuk penyelidikan penguasaan bahasa Melayu di Nakhon Si Thammarat seperti yang telah dibincangkan di atas, penyelidik telah mengenal pasti reka bentuk kajian, sampel kajian, informan kajian, dan instrumen kajian yang bersesuaian dengan objektif yang telah ditentukan.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini adalah berbentuk penyelidikan tinjauan dan pemerhatian dengan membuat penelitian tentang pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, dan membuat pemantauan serta penyeliaan dalam sesi pengajaran guru untuk melihat proses P&P di sekolah kajian yang telah dikenalpasti. Tujuannya adalah untuk melihat tahap dan masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid dan guru-guru yang mengajar dan seterusnya memberikan saranan bagi mengatasi permasalahan tersebut.

Kerangka Teori

Penyelidik akan mengaplikasikan teori yang masyhur dalam hubungannya dengan perolehan dan penguasaan bahasa, iaitu teori pemerolehan bahasa kedua (B2) yang dipelopori oleh Stephen Krashen (1985) dan dikenali sebagai Teori Monitor. Teori ini diasaskan kepada lima prinsip: Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran, Hipotesis Monitor, Hipotesis susunan semulajadi, Hipotesis Dapatan, dan Hipotesis Kesan Penyaringan. Bagi memperoleh kejayaannya tiga perkara perlu diambil kira untuk membantu menjayakannya yakni, seseorang yang mempelajari sesuatu bahasa sasaran itu memerlukan masa yang mencukupi, memberikan tumpuan atau fokus dan mengetahui hukum dan peraturan serta rumus sesuatu bahasa sasaran.

Ahli-ahli psikolinguistik menyatakan bahawa, pemerolehan dan penguasaan bahasa adalah satu proses memasukkan bahasa ke dalam otak murid-murid melalui pencaindera. Proses ini memberikan pengalaman berbahasa yang sangat berguna kepada murid-murid tersebut. Proses pemerolehan dan penguasaan bahasa ini berlaku kepada murid-murid sejak lahir tanpa diajar dan tanpa disedari oleh murid-murid itu. Proses tersebut memerlukan pendedahan yang sebanyak mungkin kepada bahasa murid-murid dalam lingkungan kehidupannya. Murid-murid akan mengalami

kesukaran menguasai bahasa sesudah mereka meningkat umur 13 tahun. Namun begitu ada juga yang berpendapat masalah ini dihadapi apabila murid-murid berumur 14 tahun. Selepas umur tersebut murid-murid tidak lagi menguasai bahasa secara pemerolehan tetapi melalui proses pembelajaran yang merupakan usaha yang agak berat.

Walaupun penerimaan kewujudan alat perolehan bahasa (*LAD*) yang tersembunyi, namun bukti yang lebih lanjut perlulah diperolehi untuk memastikan bahawa alat ini boleh digunakan bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa ibunda tetapi juga bahasa-bahasa asing. Tidak keterlaluan kalau kita bertanya sama-sama bahawa kebolehan pemerolehan dan penguasaan bahasa berkekalan setelah bahasa pertama dipelajari atau proses-proses yang berlainan digunakan dalam pembelajaran bahasa-bahasa selanjutnya. Dalam hal ini guru bahasa tidak perlu merasa dipaksa sama ada untuk memilih pendekatan atau pendirian terhadap Behaviourisme atau Mentalisme.

Subjek Kajian

Subjek kajian dipilih secara rambang, pelajar yang berumur di sekitar 13 hingga 15 tahun diambil dan ditentukan oleh guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah *ISFS*. Guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di kelas berkenaan dilibatkan secara langsung. Dua orang guru perempuan dipantau oleh penyelidik semasa P&P berlangsung.

Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan berdasar kepada kaedah pemerhatian di dalam bilik darjah, rakaman temu bual secara tidak berstruktur, dan tinjauan serta penyeliaan ke atas guru dan murid semasa proses P&P dijalankan.

Kaedah Pemerhatian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kaedah pemerhatian. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian terkawal. Pemerhatian dilakukan dalam keadaan pembelajaran sedang dilakukan oleh guru yang mengajar bahasa Melayu di dalam kelas. Sewaktu menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, pengumpulan data

berdasarkan soalan-soalan yang diuji dikawal secara langsung oleh pengkaji.

Penyelidik turun ke lapangan untuk membuat kajian rintis atau pemerhatian awal ke atas tempat kajian. Setelah pengkaji mendapat kelulusan daripada pentadbir sekolah, maka pada hari sesi (hari) yang berikutnya, penyelidik telah membuat pemerhatian awal di tempat kajian. Pada peringkat ini pengkaji cuba bersama-sama dengan guru-guru kelas masing-masing untuk mendekati murid-murid tersebut. Oleh sebab, kesemua murid-murid tersebut merasa segan dengan kehadiran penyelidik yang dilihat sebagai 'orang asing' menjadikan perasaan malu menyelubungi mereka. Namun, akhirnya murid-murid tersebut mula merasa mesra setelah penyelidik mengajukan beberapa soalan bagi mendekati mereka dengan penyelidik, usaha ini dibantu dengan pengalaman penyelidik sebagai guru selama lebih kurang 25 tahun, semua pengalaman yang dilalui oleh penyelidik pada masa lalu telah banyak membantu untuk melicinkan proses komunikasi di antara penyelidik dengan subjek kajian walau pun agak terbatas dengan menggunakan bahasa isyarat secara bebas.

Untuk melihat pelaksanaan proses P&P penyelidik telah berada di dalam kelas khas untuk mengikuti pengajaran guru semasa proses P&P. Pemerhatian ke atas proses P&P dipantau. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat melihat keadaan sebenar dan perkembangan atau peningkatan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan subjek kajian tersebut. Pemerhatian yang dibuat meliputi:

- Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- Pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan oleh guru semasa proses P&P.
- Respons murid-murid melalui jawapan kepada soalan yang diberikan sama ada secara lisan atau bertulis.
- Masalah memahami dan menguasai kemahiran-kemahiran lisan dan penulisan yang telah diajarkan oleh guru.

Temu bual

Temu bual telah dijalankan dengan kesemua subjek kajian (41 orang atau 10 kumpulan murid Kelas 1 dan 33 orang murid Kelas 2) dan 2 orang guru yang dilibatkan secara langsung dalam penyelidikan serta 4 orang guru lain

yang mengajar bahasa Melayu tetapi tidak dilibatkan secara langsung dalam proses P&P di bilik darjah. Temu bual secara tidak berstruktur juga dilakukan ke atas informan yang tidak terlibat secara langsung, mereka terdiri daripada ibu bapa dan orang-orang kampung di persekitaran sekolah berkenaan. Temu bual ini penting untuk mendapatkan:

- Pengesahan tentang perkara-perkara yang diperhatikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.
- Penjelasan lanjut tentang maklumat-maklumat yang tidak diperolehi daripada instrumen kajian yang lain.

Maklumat daripada temu bual ini dapat membantu mengukuhkan dapatan dan pemerhatian, soal selidik dan rekod pencapaian murid.

Tinjauan

Tinjauan dilakukan secara temu bual tidak berstruktur:

- Bahagian I : Latar belakang sekolah.
- Bahagian II : Latar belakang guru-guru yang mengajar bahasa Melayu.
- Bahagian III : Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru semasa proses P&P.

Rakaman

Rakaman audio dan audio visual dilakukan semasa proses P&P berlangsung. Rakaman tersebut dianalisis dan ditentukan untuk mendapatkan data-data. Rakaman visual juga dibuat ke atas buku-buku bacaan yang digunakan oleh guru dan pelajar.

Kajian Rintis

Tinjauan awal ke atas *ISFS* dilakukan bertujuan mengenal pasti lokasi sekolah dan membiasakan diri dengan pentadbir dan persekitaran sekolah. Kemudian diikuti dengan kajian rintis. Semasa kajian rintis dijalankan penyelidik telah mengenal pasti masalah dan kekangan yang dihadapi oleh

guru dalam proses P&P. Hasil temu bual guru-guru menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka, terutamanya dalam hal pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan oleh mereka semasa menjalankan proses P&P di bilik darjah.

Dalam menangani permasalahan ini, penyelidik telah menyampaikan satu ceramah yang bertajuk “Amalan Psikolinguistik dalam Proses Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar” input yang diberikan ini diharapkan dapat diaplikasikan oleh guru-guru tersebut semasa menyampaikan pelajaran bahasa Melayu kepada murid.

Kajian Sebenar

Setelah melakukan tinjauan dan pemerhatian serta memberikan input dalam bentuk ceramah penyelidik telah melakukan kajian sebenar. Pemerhatian secara ikut serta dilakukan di bilik darjah. P&P telah dilakukan oleh dua orang guru yang berlainan. Semasa pengajaran pemerhatian telah dilakukan ke atas guru dan murid, pada masa yang sama rakaman audio dan audio visual telah dilakukan. Pemerhatian dilakukan ke atas pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru semasa proses P&P berlangsung. Masa yang diperuntukan ialah selama 30 minit. Latihan lisan dan latihan bertulis diperhatikan oleh pengkaji. Penganalisan data kemudiannya dilakukan berasaskan kepada tinjauan dan pemerhatian di dalam kelas. Selain dari itu, penganalisan daripada rakaman juga dilakukan oleh penyelidik.

Dapatan Kajian

Setelah selesai menjalankan penyelidikan, penyelidik membuat persembahan dapatan tentang data-data yang diperolehi. Data-data daripada ujian ke atas subjek kajian dianalisis secara manual.

Keputusan Kajian

Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif. Pemerhatian dilakukan oleh penyelidik untuk menggambarkan hasil dapatan penyelidikan yang dilakukan. Pembahagian dapatan kajian dilakukan berasaskan kepada setiap objektif yang telah ditentukan.

Tahap Penguasaan Bacaan dan Penulisan Bahasa Melayu

Kajian membuktikan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu subjek kajian di *ISFS* sangat rendah. Pemerhatian dan tinjauan yang dilakukan ke atas *ISFS* menunjukkan bahawa pelajar Kelas 1 diajarkan kemahiran tatabahasa peringkat morfologi. Pada masa ini guru mengajarkan kemahiran tentang kosa kata. Pelajar yang berjumlah 41 orang dibahagikan kepada 10 kumpulan masing-masing yang terdiri daripada ahli yang sama kebolehan. Setiap kumpulan dianggotai oleh 4 hingga 5 orang pelajar. Kemahiran kosa kata asas diperkenalkan oleh guru. Guru mengajarkan pembentukan kosa kata hasil daripada gabungan dua suku kata yang diwakili oleh suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Kosa katanya seperti berikut. Lihat Jadual 1 (Lampiran 1).

Berikut adalah analisis data daripada hasil pembacaan yang diperoleh dari Kelas 1 di *ISFS*. Hanya dengan 6 kosa kata yang diajarkan oleh guru dan dikehendaki pelajar membaca serta mendiskriminasikan huruf-huruf konsonan dan vokalnya didapati bahawa hampir kesemua kumpulan dapat membacanya kembali. Namun ada 1 kumpulan yang tidak dapat menguasainya dan hanya dapat membaca 5 daripada 6 soalan yang diberikan, Lihat Jadual (Lampiran 1).

Keputusannya didapati 9 daripada kumpulan tersebut berjaya mengklasifikasikan huruf-huruf konsonan dan vokal dengan betul, namun pelajar tersebut tidak dapat membatang suku kata (sama ada suku kata terbuka atau tertutup) terhadap kosa kata yang dibaca oleh mereka apabila diminta oleh penyelidik untuk membacanya dalam bentuk cerakinan secara membatang suku kata. Keseluruhan pencapaian subjek kajian menunjukkan 59 (98.3%) kosa kata berjaya dikuasai oleh subjek kajian.

Permasalahan menjadi semakin kompleks apabila pelajar diarahkan oleh guru untuk membina dan membaca ayat dengan menggunakan kosa kata yang sudah dipelajari. Lihat Jadual 3 (Lampiran 1).

Sepatutnya secara perbandingan, pelajar pada tahap ini (sama tahap dengan pelajar tingkatan 1 di Malaysia) sudah dapat membina 60 ayat dengan nisbah 6 ayat bagi setiap kumpulan. Namun, dapatan kajian menunjukkan suatu tahap yang sangat lemah apabila hanya 9 ayat yang dapat dibina oleh kumpulan 2, 3, 5, 6, 8 dan 10. Sedangkan 4 kumpulan lagi iaitu kumpulan 1, 4, 7, dan 9 tidak dapat membina langsung ayat-ayat daripada perkataan yang telah dipelajari.

Pembinaan ayat yang dihasilkan juga tidak sepadan dengan tahap umur dan tahap penguasaan kemahiran mereka, kerana berlaku banyak kesalahan dari segi tanda baca dan imbuhan yang sangat ketara, struktur ayat yang dibina juga didapati tidak gramatis. Kesalahan yang dikesan ialah seperti berikut:

1. Farida nampak burung tiong (kesalahan ejaan – sepatutnya tiung).
2. Rumah nyonya sunyi (kesalahan kata ganda – sepatutnya sunyi-sepi).
3. Saya nyanyi-nyanyi (kesalahan imbuhan sepatutnya – menyanyi-nyanyi).
4. Umi tampi guna nyiru (kesalahan imbuhan meN – sepatutnya menampi).
5. Nyonya tampi padi (kesalahan imbuhan meN – sepatutnya menampi).
6. rumah saya ada penyu (kesalahan tanda baca – sepatutnya ‘r’ = ‘R’).
7. Saya suka nyanyi (kesalahan imbuhan meN – sepatutnya menampi).
8. Saya tampi guna nyiru (kesalahan imbuhan meN – sepatutnya menampi + objek).

Dapatan yang seterusnya ialah jumlah ayat yang dihasilkan oleh pelajar *ISFS*. Lihat Jadual 4 (Lampiran 2).

Tinjauan dan pemerhatian secara ikut serta dalam proses P&P oleh penyelidik di Kelas 2 pula mendapati tahap penguasaan pelajar agak baik. Namun demikian, tahap penguasaan tersebut sangat rendah berbanding dengan tahap umur mereka yang sudah menjangkau lebih kurang 14 tahun. Pada sesi P&P, guru mengarahkan pelajar menghasilkan ayat secara bebas. Berdasarkan kosa kata yang telah dibincangkan.

Setelah berbincang dan melakukan pengajaran tentang proses pembinaan ayat yang dikehendaki oleh guru, pelajar menghasilkan pelbagai ayat secara individu. Hasilnya pelajar hanya dapat membina ayat penyata 2 hingga 5 kosa kata bagi satu-satu ayat. Pelajar didapati tidak dapat membina ayat-ayat yang lebih kompleks seperti ayat majmuk. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat membina di antara 4 hingga 15 ayat bagi setiap subjek kajian. Lihat gambar 1 dan 2 (Lampiran 3).

Ayat-ayat yang dihasilkan oleh pelajar adalah tidak gramatis. Banyak mengandungi kesalahan tanda baca dan kesalahan tatabahasa yang lain seperti kesalahan ejaan, kesalahan imbuhan dan kesalahan dari segi struktur ayat. Pelajar yang diajukan soalan dengan bantuan guru kelas menyatakan bahawa mereka lebih fasih berbahasa Thailand berbanding dengan bahasa ibunda mereka (bahasa Melayu). Mereka turut mempelajari mata pelajaran agama melalui kaedah terjemahan ke bahasa Thailand. (Lampiran 4).

Rumusan

Kajian membuktikan bahawa dalam ke dua-dua Kelas 1 (41 orang) dan Kelas 2 (33 orang) yang telah dipantau oleh penyidik menunjukkan bahawa kesemua subjek kajian yang berjumlah 74 orang tidak dapat bercakap dalam bahasa Melayu langsung. Penguasaan bahasa Melayu mereka berlaku secara ajukan sahaja. Pelajar tersebut lebih suka dan fasih bertutur dalam bahasa Thailand. Fenomena ini terjadi mengikut guru yang mengajar bahasa Melayu mendakwa bahawa pelajar yang berada pada tahap Kelas 1 dan kelas 2 (bersamaan dengan Tingkatan 1 dan 2 dalam sistem persekolahan di Malaysia) telah didedahkan dengan bahasa Thailand sejak kecil lagi. Melalui pelaksanaan dasar Thai Muslim dan dasar bahasa Thai maka pelajar berkenaan telah terdedah sejak awal-awal lagi dengan penggunaan bahasa Thai sama ada dalam komunikasi seharian semasa pergaulan di luar alam persekolahan, mahu pun semasa sesi persekolahan pada setiap hari. Pendek kata mereka tidak pernah berbahasa Melayu.

Pengaplikasian Pendekatan, Kaedah, dan Teknik Pengajaran Bahasa Melayu

Pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran adalah merupakan elemen yang sangat penting dalam proses P&P yang bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran yang diajarkan kepada mereka. Namun demikian, didapati bahawa:

- Penerapan kaedah tradisional dengan memberikan pengajaran secara sehala, yakni secara berpusatkan guru.
- Keseluruhan sesi pengajaran yang dijalankan oleh guru berkenaan ialah dalam bahasa Thailand.

Masalah dan Kekangan yang Dihadapi oleh Pelajar dalam Proses P&P

Sebagaimana yang dimaklumi pelajar di *ISFS* telah didedahkan dengan bahasa Thailand sejak mereka kecil lagi, seawal bermulanya mereka mengenali alam pendidikan formal. Keadaan ini telah mempengaruhi mereka secara langsung untuk menggunakan bahasa Thai sebagai medium komunikasi mereka. Akhirnya mereka tidak lagi dapat menuturkan bahasa ibunda (bahasa Melayu). Implikasinya sebagaimana berikut:

- Semasa berkomunikasi di rumah bersama ibu bapa atau penjaga dan adik beradik serta rakan sebaya mereka, bahasa Thai juga digunakan sebagai bahasa komunikasi mereka.
- Di sekolah pula, taraf bahasa Melayu juga sudah tidak menjadi satu kepentingan lagi kerana dasar kerajaan Thai yang tidak mementingkan bahasa Melayu, sebaliknya menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa rasmi.
- Masa yang diperuntukkan kepada pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu juga terlalu sedikit, bahasa Melayu diperuntukkan hanya dua waktu bersamaan dengan satu jam seminggu sahaja.

Akhirnya bahasa Melayu menjadi sudah tidak penting lagi untuk dikuasai oleh pelajar tersebut, kerana bahasa Melayu juga dilihat tidak boleh memberi nilai tambah atau nilai ekonomi untuk pelajar.

Masalah dan Kekangan yang Dihadapi oleh Guru dalam Proses P&P

Peranan guru yang kritis, kreatif dan inovatif amat diperlukan dalam proses P&P semasa menjalankan aktiviti pengajarannya. Namun, dalam soal ini didapati bahawa:

- Guru-guru bahasa Melayu di *ISFS* tidak diberikan latihan perguruan yang sepatutnya untuk memantapkan proses pengajaran mereka.
- Guru-guru yang diambil untuk mengajar bahasa Melayu, hanyalah berpandukan kepada 'tangkap muat' sahaja.
- Guru tidak berkeyakinan untuk menjalankan tugas-tugas pengajaran semasa berada di dalam kelas.

- Guru juga menghadapi masalah yang sama dalam soal menguasai ilmu bahasa Melayu khususnya tentang tatabahasa bahasa Melayu standard.
- Sukatan pelajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh guru-guru yang mengajar juga tidak diselaraskan.
- Kandungan sukatan pelajaran yang dibina dan digubal oleh guru-guru berkenaan juga sudah agak ketinggalan, mereka masih lagi menggunakan buku-buku bahasa Melayu dalam bentuk ejaan lama, malah guru-guru berkenaan masih lagi menggunakan buku bahasa Melayu yang menggunakan tulisan jawi.

Proses pembelajaran bahasa kedua (B2) dan bahasa ibunda (B1) kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Melayu di *ISFS* tidak berlaku sebagaimana disarankan oleh Krashen melalui prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Monitor sebagaimana dibincangkan. Hal ini demikian kerana hipotesis ini tidak memberikan implikasi yang penting kepada pengajaran bahasa kerana andaiannya yang mengatakan untuk memahami sesuatu bahasa yang harus diutamakan ialah komunikasi. Sebaliknya komunikasi yang berlaku dalam kalangan penutur dan pendengar dan pembelajaran tentang pertuturan bahasa juga tidak berlaku sebagaimana yang diharapkan.

Rumusan dan Cadangan

Hasil kajian membuktikan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu di *ISFS* adalah berada pada tahap yang sangat lemah. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran yang didedahkan kepada pelajar dan penguasaan mereka tidak sepadan dengan tahap perkembangan usia fizikal dan usia mental mereka. Kemahiran pada tahap asas pun menunjukkan tahap penguasaan mereka yang begitu rendah apatah lagi sekiranya tahap kemahiran yang lebih tinggi didedahkan kepada mereka, sudah tentulah permasalahan yang lebih kompleks akan timbul dalam usaha untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan sempurna. Oleh hal yang demikian beberapa langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah yang dikesan. Antaranya ialah :

Cadangan Mempertingkatkan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Lisan dan Penulisan dalam Kalangan Pelajar

Pendedahan bahasa yang lebih pesat dan meluas perlulah didedahkan kepada pelajar dalam usaha mereka untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2), walaupun pada asalnya bahasa Melayu adalah bahasa ibunda mereka. Guru-guru yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah perlulah menggunakan bahasa Melayu (bahasa sasaran) semasa menyampaikan pelajaran mereka. Usaha ini diperlukan bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa sasaran (bahasa Melayu) yang mereka pelajari.

Pendedahan bahasa Melayu yang lebih meluas juga perlulah diberikan kepada pelajar dengan cara mewujudkan komunikasi dalam bahasa Melayu, terutama semasa mereka berada dalam lingkungan keluarga dan masyarakat serta rakan sebaya mereka. Usaha ini boleh dilakukan dengan cara memberikan motivasi dan kesedaran tentang betapa perlunya bahasa Melayu dikuasai demi melestraikan bahasa tersebut agar tidak mengalami kepupusan dan sekali gus menyatakan peranannya dalam usaha mengekalkan pelestarian peradaban bangsa Melayu.

Cadangan untuk Mempelbagaikan Pengaplikasian Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran Bahasa Melayu

Pendekatan, kaedah dan teknik P&P perlulah lebih banyak berpusatkan pelajar. Agar pelajar dapat memahami dengan lebih berkesan tentang aspek-aspek tata bahasa bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh mereka.

Guru-guru yang terlibat secara langsung dalam proses P&P bahasa Melayu perlulah diberikan latihan yang cukup dengan sewajarnya. Kursus-kursus dalam perkhidmatan mestilah sentiasa didedahkan kepada mereka agar mendapat input-input yang terkini untuk memantapkan pengajaran mereka. Pada masa yang sama mereka mestilah proaktif dan bersifat kreatif dalam mempelbagaikan alat bantu mengajar yang diplikasikan melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang pelbagai bagi memotivasikan pelajar untuk mengikuti pengajaran yang diajarkan. Melalui usaha-usaha yang sedemikian dapatlah pelajar tersebut mempertingkatkan tahap penguasaan kemahiran penulisan bahasa Melayu mereka.

Cadangan untuk Mengatasi Masalah yang Dihadapi dalam Kalangan Pelajar

Masalah yang melingkari pelajar dalam usaha untuk belajar bahasa Melayu perlulah ditangani dengan bersungguh-sungguh. Bukan guru sahaja yang perlu dibebankan. Semua pihak perlulah menanamkan kesedaran untuk sama-sama meyakinkan pelajar mempelajari bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang sukar. Kesedaran yang tinggi terhadap kecintaan kepada bahasa ibunda (bahasa Melayu) perlulah ditanam dan dipupuk agar pelajar dapat meningkatkan motivasi mereka untuk berusaha mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda yang perlu dipelihara secara berterusan.

Masa pembelajaran yang terhad yang dihadapi oleh pelajar untuk menerima pengajaran guru perlu ditambah. Sekiranya masa yang diperuntukkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran didapati tidak mencukupi, usaha-usaha lain haruslah diambil. Masa tambahan untuk mempelajari bahasa Melayu boleh diadakan di rumah atau di kelas-kelas yang tidak formal dalam institusi masyarakat seperti di masjid-masjid, surau-surau, ataupun di rumah-rumah individu seperti sistem yang diamalkan oleh pelajar dalam usaha mengaji al-Quran.

Cadangan untuk Mengatasi Masalah yang Dihadapi dalam Kalangan Guru

Peranan pentadbir seharusnya memastikan guru-guru yang hendak ditugaskan untuk mengajar bahasa Melayu perlulah dikenal pasti dengan betul dan tepat. Seboleh-bolehnya guru tersebut mestilah menguasai bahasa Melayu dengan baik. Bagi guru-guru yang tidak mencukupi tahap penguasaan bahasa Melayunya perlulah diberikan latihan perguruan yang mencukupi.

Kandungan sukatan pelajaran yang hendak diajarkan kepada pelajar juga mestilah diselaraskan. Penyelarasannya bukan sahaja dari segi kandungan sukatanya malah penyelarasan juga perlulah dibuat ke atas kemahiran yang harus dikuasai oleh pelajar agar bersesuaian dengan tahap umur fizikal dan umur mental mereka.

Peranan Pihak-pihak Lain

Peranan dan status bahasa Melayu perlulah dipertingkatkan. Ibu bapa yang masih boleh berbahasa Melayu perlulah memberikan pendedahan bahasa Melayu yang lebih, terutamanya semasa berkomunikasi dengan anak-anak mereka sewaktu di rumah. Masyarakat juga perlulah memainkan peranan yang sama. Sekiranya sampai kepada peringkat yang terdesak mungkin boleh diadakan usaha-usaha seperti mengadakan pertandingan bercerita, berpantun, berseloka dan sebagainya dengan menggunakan bahasa Melayu. Kempen-kempen ke arah menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu dengan pesat boleh diadakan secara berterusan. Seperti hari bahasa Melayu, bulan bahasa Melayu, dan aktiviti-aktiviti yang sama agar usaha yang berterusan daripada semua pihak ini akan dapat menghindari bahasa Melayu daripada mengalami kepupusannya.

Kesimpulan

Namun demikian, semua pihak yang berkaitan perlulah bekerjasama untuk melihat sinar dan harapan bahasa Melayu kembali memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu. Keberhasilannya akan dapat dipercepatkan sekiranya segala usaha dilakukan ke arah merealisasikannya. Sesuai dengan dasar pemerintahan junta tentera Thailand yang menyatakan bahawa “Thailand memutuskan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kerajaan di wilayah yang didiami majoriti penduduk Islam di selatan negara Thailand. Kerajaan Thailand juga telah meluluskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tambahan untuk pekerjaan dan memastikan penghantaran secukupnya pegawai kerajaan agar mahir bertutur dalam bahasa tersebut. Kami mengarahkan pegawai belajar atau berlatih berkomunikasi dalam bahasa Melayu,” kata jurucakap kerajaan Yongyuth Mayalarp. Penerimaan bahasa Melayu yang dikenali penduduk tempatan sebagai Yawi, merupakan satu daripada tuntutan utama dibuat oleh Suruhanjaya Perpaduan Kebangsaan (*Berita Harian*, 22 November 2006). Usaha-usaha murni ini diharapkan akan diteruskan oleh kerajaan baru Thailand, di bawah kepimpinan Yingluck Shinawatra sebagai anggota parti Puea Thailand, yang baru menerajui kepimpinan kerajaan Thai sebagai Perdana Menteri wanita yang pertamanya (*Kosmo*, 6 Ogos 2011).

Bibliografi

- Abdulroya Panamalae. 1995. *Kedudukan dan Kewibawaan Bahasa Melayu di Wilayah Sempadan Thailand: Renungan Sejarah Silam dan Ramalan Arah Tuju Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Bin Long. 1970. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian*. 2006. Wilayah selatan Thailand mula gunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tambahan. 22 November.
- Bialystok, E. & Frohlich, M. 1977. *Aspect of Second Language Learning in Classroom Setting*. Kertas Kerja rencana Bilingualism. No. 13. The Ontario Institute for Studies in Education.
- Carol, John B. (ed.). 1976. *Language Thought Reality Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. The MIT Press. Cambridge Massachusetts: Twelfth Printing.
- Fathiyah Chapakia Bt. Omar Chapakia. 2008. *Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand: Kajian Kes di Sekolah Muslim Phatanasad*. Tesis Master. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hasnah* Nataening. 2004. *Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Imran Malulim. 1995. "Kajian Mengenai Perselisihan antara Muslim Thailand dengan Kerajaan, Kajian Kes Pelajar Selatan Thailand" dlm. *Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isahak Haron. 1979. "Beberapa Kaedah Mengajar Murid-murid Membaca di Peringkat Awal". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa Julai 1980*. hlm 25-35.

- John Oats and Andrew Grayson. 2004. *Cognitive and Language Development in Children*. United Kingdom, Oxford: Blackwell Publishing Limited.
- Kosmo. 6 Ogos 2011. "Yingluck Sah Perdana Menteri Thailand".
- Krashen, S. 1985. *Second Language Acquisition and Secod Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Layton James R. 1979. *The Psychology of Learning to Read*. Academic Press Inc. New York: Publishers. 111 Fifth Ave.
- Prideaux G.D. 1986. *Psycholinguistics: The Experimental Study of Language*. University of California: Croom Helm.
- Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. 2001. *Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas di Kalangan Pelajar Tahun 1*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. 2006. *Amalan Psikolinguistik dalam Penguasaan Asas Bacaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Muda*. Disertasi Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Nik Anwar Nik Mahmud. 1990. *Sejarah Perjuangan Melayu Pattani 1785-1794*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Stern, H. H. 1975. What Can We Learn from the Good Language Learner? dlm. *Canadian Modern Language Review* 3,1. hlm. 304–318.

Lampiran 1

Bil.	Suku kata	Membatang Suku kata	Kosa kata
1.	KKV + KVK	nya + muk	nyamuk
2.	KV + KKV	pe + nyu	penyu
3.	KKV + KKV	nya + nyi	nyanyi
4.	KKV + KKV	nyo + nya	nyonya
5.	KKV + KV	nyi + ru	nyiru
6.	KKV + KKV	bu + nyi	bunyi

Jadual 1: Kosa Kata yang diajarkan oleh guru

Kumpulan	Kosa kata						Jumlah Skor
	nyamuk	penyu	nyanyi	nyonya	nyiru	bunyi	
1	√	√	√	√	√	√	6
2	√	√	√	√	√	√	6
3	√	√	√	√	X	√	5
4	√	√	√	√	√	√	6
5	√	√	√	√	√	√	6
6	√	√	√	√	√	√	6
7	√	√	√	√	√	√	6
8	√	√	√	√	√	√	6
9	√	√	√	√	√	√	6
10	√	√	√	√	√	√	6
Jumlah	10	10	10	10	9	10	59 98.3%)

Jadual 2: Skor pencapaian pelajar Kelas 1 di ISFS

Kumpulan	Ayat	Jumlah ayat	Skor
1	Tiada ayat.	0	0
2	1. Farida nampak burung <u>ti</u> ong 2. Rumah nyonya sunyi	2	2
3	1. Saya nyanyi-nyanyi 2. Umi <u>tampi</u> guna nyiru	2	2
4	Tiada ayat.	0	0
5	1. Nyonya <u>tampi</u> padi	1	1
6	1. Ini rumah nyonya	1	1
7	Tiada ayat.	0	0
8	1. rumah saya ada penyu 2. Saya suka <u>nyanyi</u> 3. Saya <u>tampi</u> guna nyiru	3	3
9	Tiada ayat.	0	0
10	1. Saya dengan kawan-kawan nyanyi di <u>sekolah</u> .	1	1
Jumlah		10	10

Jadual 3 : Pembinaan ayat oleh pelajar Kelas 1 di ISFS

Lampiran 2

Subjek kajian	Bilangan ayat
1	8
2	7
3	10
4	5
5	7
6	13
7	4
8	4
9	8
10	7
11	6
12	13
13	7
14	10
15	13
16	9
17	8
18	6
19	8
20	11
21	7
22	12
23	13
24	8
25	7
26	10
27	10
28	4
29	9
30	10
31	11
32	15
33	0
Jumlah	280

**“PERKARA” (MATTER) DALAM PERISIAN
CERITA UNGGAS 1: DARI PESPEKTIF MODEL
PERSEPSI ESTETIKA
(MATTER ASPECT IN SOFTWARE UNGGAS STORY
1: A STUDY AESTHETIC PERCEPTION MODEL)**


Arbai’e Sujud
Madiawati Mamat @ Mustaffa

Abstrak


Estetika pasti wujud dalam hasil-hasil kesusasteraan kerana sifat sastera itu indah. Apabila membincangkan konsep keindahan dalam sastera ia merangkumi soal pemikiran, bahasa, dan teknik pengungkapan yang digunakan. Walaupun medium penyampaian sastera bersilih ganti, dari tradisi lisan ke tulisan, dan kini melalui kepada medium alternative. Namun aspek estetika perlu diberi keutamaan dalam menghasilkan karya yang bermutu serta menarik. Aspek perkara (*matter*) merupakan salah satu prinsip dalam model Persepsi Estetika yang boleh dikupas untuk membincangkan soal estetika dalam sastera yang menggunakan medium multimedia bagi mengkaji sejauh mana tanggapan estetika terdapat dalam perisian Cerita *Unggas1*.

Kata kunci: Estetika, Sastera, Perkara (*matter*), Perisian, Cerita Unggas 1, Multimedia, Animasi, Teks, Grafik, Tradisi lisan.

Lampiran 3



Gambar 1:
Contoh ayat-ayat
yang dibina oleh pelajar



Gambar 2:
Contoh ayat-ayat
yang dibina oleh pelajar

Lampiran 4



Gambar 3:
Cara pelajar memahami isi kandungan pelajaran yang dipelajari

Abstract

The content of aesthetic in literary it become beauty art. The beauty of it includes many things such as languages, ideas and techniques of the disclosure. Although the literary medium keep changing from oral tradition, written tradition and become alternative media, but the aspect of beauty remains ad given priority for to produce a quality and interesting literary work. Matter aspect one of the aesthetic perception model can be discuss about aesthetic in literary which use multimedia elements to review extent aesthectic perception content ini Unggas Story Software 1.

Keywords: *Aesthetic, Literature, Matter aspect, Software, Unggas Story 1, Multimedia, Animation, Teks, Graphic, Oral tradition.*

Pendahuluan

Dalam sastera, estetika sesuatu yang pasti wujud kerana sastera itu bersifat indah. Keindahan itu mencakupi banyak perkara antaranya bahasa, pemikiran, dan teknik pengungkapan yang digunakan. Walaupun medium sastera bersilih ganti, iaitu bermula daripada tradisi lisan kepada tradisi tulisan dan kini kepada medium alternatif, namun aspek keindahan terus dikekalkan dan diberikan keutamaan. Justeru, dunia kesusasteraan Melayu perlu mengambil prakasa melalui perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi secara berterusan untuk membantu memperluas penyebaran karya sastera. Penggabungan elemen multimedia seperti teks, animasi, grafik dan audio-visual dalam persembahan karya sastera bertujuan untuk menimbulkan impak kepada pengguna.

Walaupun kedudukan sastera dalam multimedia masih baru dan masih belum mantap dari segi konsep dan istilah yang berkaitan, namun langkah ke arah memantapkan medium ini sedang dilakukan dengan mengambil pertimbangan bahawa unsur kehalusan dan estetik tidak diabaikan. Hal ini kerana istilah kesusasteraan membawa maksud, iaitu sesebuah hasil karya yang berseni serta memberi makna kepada khalayak. Definisi kesusasteraan selalunya dihubungkan dengan asal-usul perkataan kesusasteraan. Perkataan "sastera" berasal daripada bahasa *Sanskrita castra*, disebut *syasira*, yang bererti kitab suci. *Susastera* memberi erti seni sastera atau seni bahasa, dan umumnya dimaksudkan persuratan. Tambahan *ke* di awal dan *an* di akhir kata *susastra* menyimpulkan maksud

yang terdekat, iaitu seni persuratan yang bersifat halus dan indah (*Ali Ahmad, 1994*).

Manakala multimedia pula dapat dirujuk sebagai istilah yang menjadi *trend* dalam era teknologi maklumat (*IT- Information Technology*). Perkataan *multi* bermaksud “banyak” atau “pelbagai” dan *media* bermaksud “perantara untuk berkomunikasi”. Menggunakan multimedia, bermaksud menggunakan pelbagai media sama ada visual atau auditori untuk tujuan interaktiviti dan komunikasi dengan komputer (*Rozinah Jamaludin, 2005: 2*).

Sementara itu, Muhamad Hassan Abdul Rahman (2000: 3) menjelaskan media sebagai bahan pengajaran seperti video, televisyen, model, gambar, poster, carta, rajah, pita, kaset, komputer dan bahan rujukan yang digunakan dalam kelas untuk memudahkan interaksi dan proses pembelajaran secara berkesan.

Dalam hubungan ini, perisian multimedia interaktif, merupakan satu asas data dalam bentuk komputer yang membolehkan pengguna memperolehi maklumat dalam pelbagai bentuk termasuklah teks, grafik, video, dan juga audio (*Reeves, 1992*). Rozinah Jamaludin (2000: 3), mendefinisikan multimedia dengan merujuk definisi asal dan definisi kini. Multimedia mengikut definisi asal dengan memetik pendapat Heinich, *et al.*, (1996), dicipta pada tahun 1950-an yang merupakan kombinasi media kaku dan bergerak bagi membentuk satu program pengajaran secara formal atau tidak formal. Sementara itu multimedia dijelaskan pada masa kini sebagai integrasi elemen-elemen teks, audio, grafik, animasi, video dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses pembelajaran secara signifikan dan menghidupkan suasana maklumat.

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa sastera multimedia merupakan karya sastera yang berseni yang menggunakan pelbagai elemen multimedia seperti teks, grafik, audio, video serta animasi bagi menyampaikan gagasan pengarang kepada khalayak. Seni yang dimaksudkan dalam konteks sastera multimedia ini bukan sahaja seni berbahasa, iaitu bagaimana kata-kata disusun begitu halus untuk menyampaikan maksud termasuklah juga seni suara, seni grafik, dan sebagainya yang berkaitan dengan persembahan sesebuah cerita.

Dalam konteks ini kesemua elemen tersebut perlu diambil kira supaya nilai yang diketengahkan dalam sesebuah karya dapat dihayati oleh para khalayak. Justeru itu apabila membincangkan istilah sastera yang berseni serta berestetika, adalah menarik untuk diperluaskan dalam kajian ini. Bagi menjelaskan hal tersebut, maka kajian ini akan melakukan pembicaraan awal aspek perkara (*matter*) berdasarkan model persepsi estetika dalam perisian cerita *Unggas 1*, bertujuan melihat sejauh mana pengalaman penghayatan persepsi estetika dapat ditanggapi dalam karya sastera yang menggunakan elemen multimedia.

Perisian Cerita *Unggas 1*, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah kumpulan cerita kanak-kanak dalam bentuk multimedia berkonsepkan watak komik dalam cakera padat. Terdapat tiga buah cerita yang dipersembahkan dalam perisian tersebut, iaitu *Ayam Kampung dan Ayam Hutan*, *Cenderawasih* dan *Bangau Membalas Jasa*. Ketiga-tiga buah cerita yang berkisarkan tentang unggas dipersembahkan dengan menggunakan gabungan elemen-elemen. Justeru perbincangan ini akan meneliti aspek perkara (*matter*) melalui model Persepsi Estetika bagi meneliti elemen estetika.

Kajian Lalu

Estetika yang merupakan bidang falsafah mengkaji tentang keindahan yang terdapat dalam alam semulajadi mahupun yang telah diterjemahkan dalam bentuk karya seni ataupun sastera. Alam semulajadi merupakan inspirasi utama pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya. Kajian dalam bidang estetika sastera banyak dilakukan terhadap karya-karya sastera dalam bentuk teks tetapi tidak terhadap karya dalam bentuk cakera padat ataupun bahan-bahan multimedia yang lain.

Zakaria Osman (1997), dalam kajian ijazah kedoktorannya di Universiti Malaya misalnya, mengkaji Novel-novel A. Samad Said Menghayatinya dari Sudut Estetika. Kajian ini mengkaji Persepsi Estetika berdasarkan aspek perkara, bentuk dan pernyataan dalam sembilan buah novel A. Samad Said. Kajian yang bertujuan untuk mengemukakan satu cara penghayatan estetika yang boleh memberi kepuasan dan pengalaman estetika apabila menghayati karya seni ternyata berjaya menghuraikan aspek Persepsi Estetika yang terdapat dalam karya-karya A. Samad Said secara terperinci. Pembentukan model Persepsi Estetika juga dikupas secara mendalam, iaitu merangkumi sejarah dan perkembangan ilmu estetik dan seterusnya juga membincangkan kekuatan serta kelemahan

sesebuah teori estetika yang akhirnya membentuk sebuah model Persepsi Estetika boleh menghuraikan nilai estetika dalam sesebuah teks sastra secara menyeluruh.

Tiga aspek yang dipentingkan dalam model Persepsi Estetika iaitu perkara (*matter*), bentuk (*form*) dan pernyataan (*expression*). Ketiga-tiga unsur ini pada hakikatnya adalah satu kesatuan yang saling berhubungan antara satu sama lain dalam pembentukan karya seni. Malah kalau mahu dihayati secara estetika dan demi memperoleh pengalaman estetika yang sebenarnya, ketiga-tiga unsur ini harus dilihat sebagai satu kesatuan yang saling bekerjasama hingga terbentuk sebuah karya seni yang indah.

Dalam karya sastra dalam multimedia, ketiga-tiga aspek yang dibincangkan di atas boleh disesuaikan kerana sifat sastra multimedia itu sendiri yang menggunakan pelbagai elemen untuk menyampaikan maklumat. Ketiga-tiga aspek tersebut merupakan satu rangkuman atau kesatuan yang boleh menyampaikan gagasan pengarang.

Selain itu, kajian Arbaie Sujud (1999), dalam ijazah sarjananya yang bertajuk Estetika Dalam Lirik Lagu Nyanyian P. Ramlee yang disempurnakan di Universiti Putra Malaysia pula menggunakan teori estetika mengikut pendekatan Thomas Aquino untuk menganalisis lirik-lirik lagu P. Ramlee. Kajian tersebut menghuraikan aspek keindahan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu P. Ramlee serta menjelaskan pengalaman seniman tersebut yang dikaitkan dengan lirik-lirik lagu yang diciptanya. Tiga aspek estetika yang menjadi tumpuan dalam pendekatan ini ialah kesempurnaan, keseimbangan, dan kejelasan. Ketiga-tiga aspek itu diuraikan berdasarkan bentuk, bahasa, rima, pemilihan kata, dan aspek yang tersurat serta tersirat yang terdapat dalam lirik lagu P. Ramlee.

Aspek kesempurnaan, keseimbangan dan kejelasan menjadi perkara penting dalam neraca estetika dilihat secara lebih global supaya kemandapan suatu penghasilan itu benar-benar berjaya dan menarik. Perkaitan antara unsur yang ada harus diselarikan dengan matlamat yang ditentukan supaya nilai estetika yang sedia wujud boleh berdiri secara sendiri (*Arbaie Sujud, 1999: 39*).

Kesempurnaan dalam sesebuah karya sastra perlu ditimbulkan oleh seseorang pengarang kerana unsur tersebut tidak wujud secara sengaja. Pelbagai pertimbangan yang sesuai harus difikirkan oleh pengarang dalam menghasilkan karya sastra yang bermutu dan tinggi nilai estetikanya. Begitu juga dengan keselarasan bentuk dan keseimbangan

perlu dilihat dalam segala aspek seperti bentuk, gaya bahasa, rima serta pemilihan kata jikalau dirujuk pada sesebuah karya puisi. Jakob Sumarjo (1986: 6) dalam Arba'ie Sujud (1999), menjelaskan bahawa keselarasan dan keseimbangan merujuk kepada kesesuaian setiap unsur atau bahagian sesuai dan seimbang dengan fungsinya. Ini bermakna unsur atau bahagian lain membantu menjelaskan makna atau pemikiran pengarang bukan menganggu atau mengaburkannya.

Dalam penghasilannya, aspek kejelasan juga merupakan perkara yang penting untuk penyampaian idea atau gasasan pengarang secara berkesan. Aspek kejelasan tidak akan wujud dengan sendirinya, tetapi ia juga bergantung kepada kejayaan seseorang pengarang mewujudkan aspek kesempurnaan serta keseimbangan dalam karya mereka.

Norma Bajuria (2000), pula menggunakan pendekatan estetika apabila mengkaji tesis sarjana di Universiti Malaya. Tesis yang bertajuk *Cerita Lipur Lara Rakyat Terengganu dari Sudut Estetika* menggunakan pendekatan estetika yang diperkenalkan oleh Zakaria Osman (1997) dan Teori Kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligence*) oleh Howard Gardner (1984). Kedua-dua pendekatan ini digunakan untuk mengkaji estetika dalam cerita lipur lara Melayu serta menghuraikan kemahiran seseorang penglipur lara dalam menyampaikan sesebuah cerita secara lisan.

Pendekatan persepsi estetika dapat menentukan sikap estetika dan akhirnya mencapai pengalaman estetika dalam menghayati satu-satu karya sastera (Norma Bajuria, 2000: 24). Kajian tersebut hanya menggunakan salah satu aspek model persepsi estetika Zakaria Osman (1997), iaitu aspek keindahan isi yang menjelaskan pengalaman-pengalaman peristiwa yang terdapat dalam cerita lipur lara dari Terengganu. Penelitian terhadap keindahan isi itu dapat menyerlah bahawa cerita rakyat negeri Terengganu disampaikan berdasarkan pengalaman dan pengamatan tukang cerita tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka. Kesemua elemen yang dilihat serta dirasai dimanupulasikan dalam bentuk yang paling kreatif yang boleh memberi hiburan dan pengajaran kepada khalayak.

Norma Bajuria (2000: 95), berpendapat bahawa pendekatan persepsi estetika mengandungi ciri dan sikap estetika dan pengalaman estetika mampu merangsang cetusan rasa pembaca dan amat sesuai digunakan sebagai pendekatan dalam kajian hasil-hasil kesusasteraan sama ada moden atau klasik berjaya memperkaya khazanah pengkajian hasil kesusasteraan Negara.

Begitu juga dalam kajian sastera multimedia, pendekatan persepsi estetika juga sesuai digunakan kerana konsep cerita lipur lara dengan sastera dalam multimedia ada persamaannya, iaitu disampaikan secara lisan. Jikalau cerita lipur lara konsep lisan merujuk kepada persembahan cerita tersebut yang disampaikan secara lisan tetapi dalam sastera multimedia bukan sekadar lisan, tetapi merangkumi aspek teks, muzik, kesan animasi, dan sebagainya.

Bentuk ini juga dikenali sebagai penceritaan berdigital (*digital story telling*) merupakan satu pendekatan baru dalam penyampaian cerita, yang menggabungkan kaedah penceritaan tradisional dengan pelbagai media berdigital. Dalam penceritaan tradisional atau sastera rakyat, cerita disampaikan oleh seseorang penglipur lara dengan bahasa yang muda serta gaya yang tersendiri. Misalnya seseorang tukang cerita mahir dalam memaparkan nada sedih, kecewa, cemas, dan gembira dalam penyampaian sesebuah cerita.

“Digital Storytelling is the modern expression of the ancient art of storytelling. Throughout history; storytelling has been used to share knowledge, wisdom, and values. Stories have taken many different forms. Stories have been adapted to each successive medium that has emerged, from the circle of the campfire to the silverscreen, and now the computer screen.”

- The Digital Storytelling Association
(http://my.simmons.edu/services/technology/ptrc/pdf/digital_storytelling.pdf)

Justeru itu dalam kajian persepsi estetika terhadap karya-karya sastera berbentuk multimedia ini, kajian yang telah dilakukan terhadap karya-karya lisan serta tulisan boleh dijadikan landasan atau panduan. Hakikatnya isi serta isu yang disampaikan oleh pengarang tidak berubah. Perubahan hanya pada bentuk penyampaian serta kesan penerimaan khalayak sahaja. Dalam hal ini pengarang masih berautoriti dalam menentukan mutu serta kualiti sesebuah hasil karya mereka.

Umumnya kajian-kajian estetika yang telah dilakukan oleh para sarjana membincangkan aspek estetika secara menyeluruh, iaitu kajian persepsi estetika dilihat dalam dua karya sastera yang berbeza zamannya, iaitu kajian terhadap sastera moden oleh Zakaria Osman (1997), yang membincangkan aspek perkara, bentuk dan pernyataan pada Novel-novel A. Samad Said. Kajian oleh Norma Bajuria (2000), yang menjelaskan

persepsi estetika dalam genre sastera rakyat, iaitu cerita lipur lara dari Terengganu dari aspek keindahan isi. Ternyata kedua-dua kajian ini berjaya menyerlahkan nilai ilmu dan falsafah yang terdapat dalam kajian masing-masing.

Berdasarkan soroton kajian estetika yang dibincangkan di atas, ternyata kajian estetika banyak dilakukan terhadap karya sastera yang berbentuk lisan ataupun yang bertulis. Kajian estetika dalam bentuk multimedia masih belum lagi dilakukan secara serius. Walau bagaimanapun, sorotan kajian berkenaan penyelidikan bidang multimedia diharapkan dapat memenuhi ruang yang ada bagi melengkapkan satu tulisan aspek perkara (*matter*) dalam karya sastera yang menggunakan medium multimedia.

Kajian-kajian estetika yang telah dilakukan di atas memperlihatkan bahawa estetika aspek yang penting dalam karya-karya sastera. Estetika dapat memberi lebih penghayatan penelitian sesebuah karya sama ada secara lisan, tulisan mahupun yang menggunakan medium multimedia sebagai agen penyampaian gagasan kepada khalayak. Dalam multimedia, estetika juga dititikberatkan bagi menghasil satu produk yang bukan sahaja berteknologi malahan mempunyai nilai-nilai intelektual serta nilai budaya yang boleh memberi kesan positif kepada khalayak.

Sehubungan itu, dalam membincangkan aspek estetika sastera, aspek estetika dalam multimedia juga tidak boleh diabaikan. Kedua-dua aspek ini perlu diteliti dengan sebaik mungkin supaya kajian yang dilakukan ini data menghuraikan secara baik aspek persepsi estetika sastera dalam multimedia.

Perkara (*Matter*) dalam Model Persepsi Estetika

Perkara (*matter*) merupakan salah satu prinsip yang dibincangkan dalam model persepsi estetika oleh Zakaria Osman dalam mengkaji *Novel-novel A. Samad Said: Menghayatinya dari Sudut Estetika Sastera* pada tahun 1997.¹ Persepsi estetika yang dibincangkan adalah untuk menjelaskan soal tanggapan estetika yang terdapat dalam sesebuah karya sastera.

¹ Zakaria Osman, 1997. *Novel-novel A. Samad Said: Menghayatinya dari Sudut Estetika Sastera*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

Persepsi estetika merupakan satu daya pengamatan yang digunakan dalam mengamati pengalaman-pengalaman estetika berdasarkan dua aspek, iaitu sikap estetika (*aesthetic attitude*) dan pengalaman estetika (*aesthetic experience*). Kedua-dua unsur tersebut saling berhubungan dalam menanggapi pengalaman estetika. Mengabaikan mana-mana satu dari dua unsur ini akan menjejaskan kemampuan tanggapan kita untuk memperoleh pengalaman estetika yang sebenarnya (*Zakaria Osman, 1998: 115*).

Dhasono (1997), ada juga menjelaskan bahawa pengalaman estetika merupakan hasil interaksi antara karya dengan penghayatnya. Kedua-duanya saling berhubungan atau berinteraksi dalam memperoleh pengalaman estetika.

Interaksi tersebut tidak akan terjadi tanpa adanya satu kondisi yang mendukung dan dalam kondisi penangkapan nilai-nilai estetika yang terkandung dalam karya seni; iaitu kondisi intelektual dan kondisi emosional.

(*Dhasono, 1997: 38*)

Sehubungan itu terlihat ada satu persamaan pandangan antara kedua-dua sarjana tersebut, iaitu dalam menghayati Persepsi Estetika, perkara yang penting seperti sikap estetika atau pengalaman estetika perlu ada untuk menghayati pengalaman estetika dalam sesebuah karya sastera. Namun begitu pengalaman estetika ini dapat dihayati dengan lebih baik apabila seseorang pengkaji mempunyai pengalaman, ilmu serta daya sensitiviti yang tinggi terhadap karya atau objek yang ditelitinya.

Tujuan pendekatan Persepsi Estetika adalah untuk mendapatkan satu keseragaman dalam menanggapi sesuatu objek seni. “sekurang-kurangnya apabila diberi garis panduan terhadap aspek-aspek mana yang perlu diteliti peneliti-peneliti akan memperoleh pengalaman estetika yang sama” (*Zakaria Osman, 1997: 116*).

Keseragaman pengamatan penghayatan estetika amat penting dalam mencapai pengalaman yang menarik dalam meneliti sesebuah objek seni terutamanya karya sastera. Karya sastera memerlukan keseragaman penghayatan supaya idea serta gagasan pengarang yang hendak disampaikan dapat ditanggapi oleh khalayak dengan sebaik yang mungkin.

Dalam mencapai keseragaman pengalaman estetika ini pertama, sikap estetik merupakan suatu pemerhatian terhadap sesuatu objek tanpa

ada minat untuk mengkaji serta mengetahuinya dengan lebih mendalam. Zakaria Osman (1997), dengan memetik pendapat Jerome Stolnitz (1960), menjelaskan sikap estetik sebagai “*disinterested and sympathetic attention to and contemplation of any object for its sake alone*”. Dalam membincangkan sikap estetika, Zakaria Osman (1997), banyak memetik pendapat Jerome Stolnitz yang membicarakan sikap peneliti dalam mengkaji sesuatu karya seni. Sehubungan dengan itu beliau menjelaskan bahawa:

Sesebuah karya seni itu tidak boleh dihubungkan dengan apa-apa maksud yang lain selain dari keindahan estetikanya. Kita tidak boleh melihat sesebuah karya seni itu dari sudut hubungannya dengan moral, atau hubungannya dengan kemasyarakatan, atau hubungannya dengan psikologi penciptanya, atau mahu menghubungkan dengan persoalan-persoalan yang dibentangkan dalam karya berkenaan.

(Zakaria Osman, 1997: 117)

Model persepsi estetika oleh Zakaria Osman (1997), mengenengahkan tiga prinsip penting dalam menanggapi persepsi estetika dalam sesebuah karya sastera, iaitu yang terdiri daripada aspek perkara (*matter*), aspek bentuk (*form*), dan aspek pernyataan (*expression*). Ketiga-tiga aspek ini berhubungan antara satu dengan lain bagi melahirkan persepsi estetika yang tinggi dalam sesebuah karya.

Dalam konteks ini perbincangan akan difokuskan terhadap aspek perkara (*matter*) sahaja dalam menjelaskan berkenaan dengan persepsi estetika dalam perisian Unggas. Kedua-dua prinsip tersebut akan disesuaikan dengan ketiga-tiga buah cerita yang dijelaskan di atas berdasarkan lakaran papan cerita (*storyboard*) dan cerita dalam bentuk multimedia.

Perkara (*matter*) merupakan aspek utama dalam pembinaan sesebuah karya seni. Pengamatan terhadap perkara ini dirangsang melalui pandangan atau pendengaran yang dipilih dari pelbagai karya seni. Zakaria Osman (1997) menjelaskan bahawa perkara (*matter*) dalam bidang seni dapat diamati dalam hal-hal yang berkaitan dengan garisan, lakaran, dan warna yang digunakan. Manakala dalam sastera pula merupakan hal-hal yang melibatkan pembentukan sesebuah karya sastera seperti latar, peristiwa, watak serta perlakuan watak, dan persoalan yang dikemukakan dengan untaian bahasa serta ungkapan yang tertentu. Begitu juga dengan

bidang muzik, nada serta skala yang digunakan merupakan perkara yang membina sesebuah lagu.

Kesemua elemen ini dapat ditanggapi dengan pancaindera penglihatan dan pendengaran yang akhirnya membawa satu pengalaman estetika yang berguna pada khalayak sastera. Zakaria Osman (1997), menjelaskan pancaindera di peringkat ini (penglihatan dan pendengaran) sebagai “*higher senses*” manakala deria sentuhan, bau dan rasa sebagai pancaindera bawahan atau “*lower senses*”. Dalam mengamati sesuatu objek seni pancaindera yang utama dapat merasai pengalaman seni tersebut ialah penglihatan dan pendengaran. Seterusnya proses penghantaran maklumat akan mempengaruhi pancaindera sentuh, bau, dan rasa mengikut pengalaman serta tanggapan terhadap sesuatu objek yang diperhatikan. Justeru itu, kesemua pancaindera ini memainkan peranan yang penting dalam menanggapi estetika dalam sesebuah karya sastera.

Sehubungan itu karya sastera dalam bentuk multimedia dapat memberikan kesan yang lebih efektif kerana khalayak bukan sahaja boleh menanggapi objek tersebut dengan pancaindera penglihatan, malahan juga dapat menanggapi dengan pancaindera pendengaran bagi bunyi-bunyi yang tertentu. Pengamatan serta pengalaman estetika terhadap karya sastera dalam bentuk multimedia mudah ditanggapi oleh khalayak kerana kesannya dapat rasai secara langsung dengan penggunaan sistem audio serta visual yang memaparkan alur sesebuah cerita.

Dalam kajian Zakaria Osman (1997), aspek perkara (*matter*) dalam kajian tersebut dapat menghuraikan bahawa pengalaman penghayatan keindahan terhadap novel-novel yang dibincangkan dapat dianalisis mengikut aspek-aspek seperti berikut:

1. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang mengejutkan.
2. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang membayangkan kehidupan yang terdesak.
3. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang menimbulkan ketegangan dan kecemasan.
4. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang dahsyat dan ngeri.
5. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang menyedihkan.
6. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang menyebabkan keresahan.

7. Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang lain (yang tidak berhubung langsung dengan persoalan pokok dalam sesebuah novel seperti berkaitan cita-cita menentang penjajah, sikap pendendam, peristiwa ganjil, dan kegembiraan kanak-kanak yang belum mengenal erti penderitaan semasa penjajahan).

Berdasarkan pembahagian di atas, tidak semua ketujuh-tujuh aspek tersebut boleh disesuaikan dengan bahan kajian kerana cerita-cerita yang dianalisis merupakan genre sastera kanak-kanak yang sifatnya lebih ringkas serta berfokus kepada konsep hiburan selain daripada pendidikan. Walau bagaimanapun penjelasan mengenai aspek perkara (*matter*) akan dibincangkan berdasarkan penyatuan dua bidang, iaitu bidang estetika serta multimedia sebagaimana yang akan dijelaskan di bahagian-bahagian seterusnya.

Dalam perbincangan ini, aspek perkara (*matter*) yang akan dianalisis ialah aspek keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang membayangkan kehidupan yang terdesak, peristiwa-peristiwa yang menimbulkan ketegangan, dan kecemasan peristiwa-peristiwa yang menyedihkan dan keindahan pada pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menyebabkan keresahan.

Keselarasan serta keseimbangan unsur estetika dalam pembinaan sesebuah karya dilihat sebagai sesuatu yang penting, iaitu setiap aspek yang dikemukakan dalam sesebuah karya itu bukan sahaja sesuai malahan juga perlu seimbang dari aspek fungsi dan peranannya. Begitu juga dalam menghasilkan sesebuah perisian sastera multimedia, pemilihan elemen multimedia serta elemen sastera perlu seimbang dari aspek teknikal, dan aspek pengisian sesebuah karya sastera. Misalnya dalam pemilihan perlukisan watak perlulah diseimbangkan aspek pemilihan imej, warna, kostum dengan perwatakan yang diketengahkan dalam sesebuah karya. Keseimbangan penggunaan elemen-elemen tersebut berjaya menghasilkan produk yang bermutu serta menarik perhatian para khalayak.

Perkara (*Matter*) dalam Perisian Unggas 1

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, aspek perkara (*matter*) berdasarkan model Persepsi Estetika ialah perkara-perkara yang dapat ditanggapi oleh pancaindera, iaitu penglihatan dan pendengaran. Cerita *Unggas 1* sebagai sebuah cerita yang dipaparkan dalam gabungan pelbagai

elemen multimedia dapat memberi pengalaman serta tanggapan yang lebih baik berbanding dengan karya sastera dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

Cerita-cerita yang dipaparkan dengan menggunakan gabungan teks, grafik yang pelbagai warna mengikut kesesuaian suasana serta latar yang dipaparkan, dan audio yang sesuai akan memberi lebih penghayatan kepada para khalayak terutamanya kanak-kanak. Secara psikologinya kanak-kanak gemarkan gambar-gambar yang pelbagai warna serta bunyi-bunyian seperti muzik serta bunyi-bunyi unggas. Elemen-elemen ini yang akan membantu merangsangkan penghayatan khalayak, terutamanya kanak-kanak terhadap sesuatu cerita. Bunyi-bunyian unggas juga boleh memberi pengalaman yang menyeronokkan kepada mereka.

Dilihat kepada perbincangan aspek perkara (*matter*), misalnya Keindahan pada pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menyebabkan keresahan dapat ditanggapi dalam beberapa buah cerita yang dikaji. Keresahan terjadi akibat perasaan yang tidak tenteram yang boleh membawa kepada kerunsingan. Suasana begini dapat ditanggapi dalam “Cerita Ayam Kampung dan Ayam Hutan”, iaitu dipaparkan keadaan ayam hutan yang dalam kegelisahan apabila melihat ayam kampung yang saiz badannya lebih besar daripada ayam-ayam hutan. Kegelisahan ini menimbulkan perasaan tidak tenteram yang membawa kepada pelbagai pertanyaan dan persoalan yang boleh memberi konflik dalaman watak tersebut. Antaranya diceritakan seperti berikut:

Ayam Kampung: (kehairanan/dalam hati)

Eh! Apa pulak tu? Rupanya seperti aku, tapi ...
katik pula. Bulunya licin berkilat dan berwarna-warni.
Sungguh segak walaupun kecil.

Ayam Hutan: (kehairanan/dalam hati)

Eh! Apa tu...? Rupanya seperti aku, tapi sungguh
besar dan gemuk! Bulu pelepahnya kasar-kasar. Tak
macam aku...hairan betul!

Berdasarkan kedua-dua contoh dialog di atas, pelbagai perkara yang membawa kepada persoalan apabila berada dalam suasana keresahan. Keresahan boleh diredakan dengan perbincangan atau apabila terjawabnya persoalan-persoalan yang membawa kepada keresahan tersebut. Merujuk kepada dua situasi tersebut yang dipersembahkan dengan elemen grafik dan audio, penghayatan terhadap pengalaman tersebut mudah ditanggapi oleh khalayak kerana grafik dan audio yang

digunakan dapat meningkatkan daya pengamatan terhadap sesuatu perkara (rujuk kepada lampiran papan cerita i dan ii).

Audio yang digandingkan dengan persembahan video adalah lebih baik daripada video atau audio yang digunakan secara bersendirian bagi tujuan mempertingkatkan ilmu pengetahuan pengguna. Bunyi yang realistik mampu menarik perhatian pengguna (Baharuddin Aris, 2002: 113).

Bunyi-bunyi yang realistik dapat memberi kesan yang tinggi kepada khalayak terutamanya kanak-kanak kerana bunyian tersebut dekat dengan mereka. Pengalaman-pengalaman kebiasaan mendengar bunyian tersebut dapat memberi tanggapan estetika yang lebih tinggi. Misalnya dalam cerita Unggas, banyak bunyi-bunyi alam diketengahkan seperti bunyi ombak, kicauan burung, dan unggas. Bunyi-bunyi ini akan menarik perhatian kanak-kanak untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan cerita tersebut.

Begitu juga persembahan cerita *Unggas 1* ini, gabungan pelbagai elemen multimedia dapat meningkatkan pemahaman serta pengamatan terhadap peristiwa dalam sesebuah persembahan. Selain daripada grafik, audio serta warna-warna yang menarik, terdapat juga suara latar yang diketengahkan supaya bagi tujuan pemahaman terhadap cerita tersebut. Misalnya aspek warna yang digunakan sesuai dengan latar atau suasana yang diketengahkan. Suasana aman damai dan tenang diberikan warna hijau dan biru manakala suasana yang kelam kabut serta tegang diberikan warna kelabu dan hitam. Secara tidak langsung ini dapat meningkatkan pemahaman terhadap cerita yang dipaparkan tersebut.

Albert H. Munsel (1912), dalam Dharsono (2007: 77), menjelaskan bahawa penggunaan warna mempunyai standard yang tertentu berdasarkan angka-angka warna dan terminologinya bagi menjelaskan aspek fizikal serta psikologi sesuatu imej. Berdasarkan *standard* tersebut, satu-satu imej yang dibina dapat memberikan perwatakan yang berbeza mengikut mood dan suasana latar yang diketengahkan

Jika dilihat pada pembangunan imej atau grafik watak, perlulah sesuai dengan perwatakan yang dibawa merupakan imej komik bukannya imej realiti.

Watak-watak yang telah direka serta dibangunkan kemudiannya perlu dikembangkan. Air muka, posisi, struktur badan, jenis pakaian, warna, cara duduk, berdiri,

berjalan dan sebagainya perlu dikenalpasti dan ditetapkan. Ini bagi membolehkan watak yang direka mempunyai personaliti yang tersendiri dan seterusnya membolehkan iannya lebih dekat di hati penonton.

(Jamaludin Harun & Zaidatun Tasir, 2005: 76)

Berbeza dengan pengamatan cerita dalam bentuk teks kerana memerlukan daya pengamatan yang tinggi bagi merasai pengalaman sesuatu peristiwa cerita yang disampaikan.

Keindahan pada pengalaman dari peristiwa-peristiwa yang membayangkan kehidupan terdesak juga dapat ditanggapi dalam cerita “Ayam Kampung Ayam Hutan”. Peristiwa ayam hutan serta keluarganya sanggup meninggalkan tempat tinggal mereka disebabkan kehidupan mereka di hutan amat daif. Tidak seperti kehidupan ayam kampung, dalam keadaan terurus dan dijaga oleh tuannya, iaitu tidak perlu mencari makan sendiri dan tidur di reban. Namun begitu kehidupan yang disangka senang lenang itu, akhirnya menjadi kelam kabut kerana mereka dipelihara dalam reban dan diberi makan setiap hari adalah untuk dijadikan lauk pauk sebagai hidangan semasa kenduri.

Daripada peristiwa tersebut ternyata, kehidupan yang terdesak boleh memaksa watak supaya meninggalkan tempat tinggal yang dihuninya daripada sejak kecil semata-mata kerana terpedaya dengan kesenangan yang diperolehi oleh watak yang lain. Keindahan dari peristiwa membayangkan kehidupan yang terdesak ini memberi suatu tanggapan bahawa dalam melakukan sesuatu tindakan perlunya perbincangan serta berfikiran secara waras dan teliti supaya keputusan yang diambil boleh membawa kesenangan kepada semua.

Cerita “Ayam Hutan dan Ayam Kampung” memaparkan keindahan pada pengalaman daripada peristiwa yang menimbulkan ketegangan dan kecemasan. Situasi cemas ini boleh menyebabkan perasaan seseorang berada dalam kurang menyenangkan dan gelisah. Akibat daripada peristiwa cemas biasanya akan berlaku tindakan-tindakan di luar kawalan. Misalnya suasana ini didapati dalam peristiwa ayam hutan menjumpai bulu-bulu ayam yang telah disembelih oleh manusia. Apabila melihat longgokan bulu ayam di merata-rata tempat timbul rasa cemas dalam diri ayam hutan dengan pelbagai persoalan yang bermain di fikirannya. Rasa cemas ini juga boleh mendatangkan rasa bimbang dan ketakutan dengan pengalaman yang dialami oleh watak-watak yang

terlibat. Gambaran pengalaman cemas ini dapat dilihat dengan imej yang disertakan dalam lampiran iii dan iv.

Keindahan pada pengalaman dari peristiwa yang menimbulkan ketegangan dan kecemasan dapat ditanggapi apabila meneliti cerita "Cenderawasih". Ini dapat dilihat pada peristiwa Raja Camang yang baru pulang berdagang mendapati pakaian yang disimpan di gedung habis kerana telah dipakai Putera Cenderawasih yang selalu hendak berpakaian baharu dan pakaian-pakaian tersebut akan diberikan kepada rakyat jelata. Pencerita menggambarkan suasana ini pada watak Raja Camang dengan pelbagai perasaan marah sehingga menimbulkan rasa cemas dan tegang pada watak-watak yang lain. Keadaan cemas dan tegang ini bukan sahaja dapat dirasai dengan kesan muzik serta nada suara watak yang digunakan malahan dengan perlukisan grafik, iaitu watak dilukiskan dengan wajah berang dan marah (rujuk lampiran papan cerita v). Apabila menonton babak tersebut dapat dirasai wujudnya suasana tegang dan cemas akibat rasa marah tersebut. Suasana tegang yang berlaku di dalam cerita tersebut bukan sahaja dapat dirasai oleh watak Raja Camang, malahan juga Putera Cenderawasih serta Perdana Menteri yang turut sama dalam babak tersebut.

Suasana kecemasan dan ketegangan ini akan disusuli dengan perasaan marah serta tidak berpuas hati akibat peristiwa-peristiwa yang tidak sepatutnya telah berlaku. Misalnya Raja Camang kelihatan berang kerana marahkan anaknya yang bersikap membazir serta tamak. Secara tidak langsung peristiwa ini juga dapat menimbulkan rasa keresahan pada watak Putera Cenderawasih yang tidak menyangka beliau dimarahi sehingga disumpah menjadi seekor burung. Suasana tegang diceritakan seperti berikut:

Raja: (menyampuk/dengan perasaan marah)
Beta tidak menyangka anakanda akan berkelakuan sebegini.
Sekarang nyah kamu dari sini!!!
Jadilah kamu seekor burung dan terbanglah kamu dari istana ini.

Akibat berfikiran tidak rasional dan berkeadaan marah, Raja Camang tidak teragak-agak menghalau serta menyumpah anaknya menjadi seekor burung. Ketegangan yang berlaku antara dua beranak diraja tersebut telah menimbulkan rasa cemas dalam kalangan rakyat jelata. Rakyat jelata tidak dapat menerima hukuman yang dijatuhkan ke atas anak raja tersebut dan telah memulangkan semula segala harta yang telah diberikan oleh

Putera Cenderawasih kepada Raja Camang dengan harapan Putera Cenderawasih tidak akan menjadi seekor burung. Namun begitu Putera Cenderawasih telah menjadi seekor burung dan tidak dapat kembali menjadi manusia.

Ternyata perasaan tegang yang dikemukakan dalam peristiwa tersebut tidak dapat dikawal dengan baik sehingga memberi kesan negatif. Menurut Lorraine Bilodeau, M.S. (1992), marah merupakan satu perasaan yang berkaitan dengan emosi, iaitu berkaitan dengan tindak balas biopsikologikal dan kejutan fizikal yang terbina apabila ada ketikanya bahan kimia dalam tubuh seseorang itu telah meningkat. Namun apabila tubuh berada dalam keadaan normal, perasaan tersebut akan terkawal.

Meneruskan penelitian terhadap cerita ini juga dapat menanggapi keindahan pada pengalaman dari peristiwa yang menyedihkan, iaitu Raja Camang sedih dan kesal akibat hukuman yang dilakukan terhadap anakandanya. Walaupun baginda diberi rezeki dan kekayaan yang bertambah tetapi perasaan baginda tidak gembira dan selalu bersedih terkenangkan nasib yang menimpa anaknya.

Apabila meneliti cerita “Bangau Membalas Jasa” pula, dapat dikesan keindahan pada pengalaman dari peristiwa yang menyedihkan. Peristiwa yang menyedihkan dapat dirasai dalam pelbagai keadaan, sama ada dengan dialog serta reaksi para watak secara langsung ataupun dengan penggunaan muzik latar yang lebih perlahan yang akhirnya khalayak dapat menanggapi suasana sedih tersebut. Dalam cerita ini peristiwa sedih digambarkan dalam banyak situasi, antaranya peristiwa Bangau Jantan patah kaki akibat ditimpa dahan yang patah. Ini menimbulkan rasa sedih pada watak tersebut kerana dia tidak lagi dapat menjalankan tanggungjawab untuk mencari makanan untuk Bangau Betina. Peristiwa ini diceritakan seperti berikut:

Bangau Jantan: (Suara sedih)

Nampaknya mulai hari ini, saya tidak dapat lagi mencari makanan untuk kita berdua. Saya masih boleh terbang tetapi tidak boleh hinggap dengan selesa. Nampaknya terpaksa kita makan apa yang ada sahaja.

Bangau Betina: (sayu)

Apa boleh buat... sudah nasib kita begini...

Pengalaman peristiwa tersebut dapat dirasai daripada dialog yang dituturkan dengan nada yang sedih serta sayu. Jikalau diteliti melalui karya dalam bentuk multimedia kesan ini mudah ditanggapi kerana khalayak secara langsung dapat mendengar dialog serta melihat grafik yang dipaparkan. Misalnya dalam peristiwa ini digambarkan imej Bangau Betina sangat sedih dengan gambaran matanya yang sayu. Sekaligus gabungan elemen-elemen multimedia serta dialog yang digunakan akan memberi kesan yang lebih bagus terhadap persembahan sesebuah cerita.

Peristiwa yang menggambarkan kesedihan ini juga dapat dilihat apabila kematian Bangau Jantan. Dengan melihat imejnya sahaja tanpa bantuan audio dan suara latar, khalayak dapat merasakan suasana sedih yang berlaku dalam babak tersebut. Suasana sedih dapat dikesan dengan gambaran imej dipaparkan. Selain memaparkan imej Bangau Betina yang sedang sedih meratapi kematian Bangau Jantan, gambaran imej kerbau serta matahari juga dilukiskan dalam suasana yang sama. (lampiran papan cerita vi)

Daripada penelitian secara awal aspek perkara (*matter*) terhadap tiga buah cerita yang dipersembahkan dalam perisian Unggas 1 ini, terlihat pelbagai peristiwa yang dapat ditanggapi apabila meneliti cerita tersebut. Peristiwa-peristiwa itu dapat mewujudkan rasa keindahan serta menarik para khalayak untuk meneliti cerita tersebut. Pelbagai unsur seperti cemas, sedih dan resah dapat memberi pengalaman suspen kepada khalayak untuk mengetahui peristiwa-peristiwa selanjutnya. Walaupun cerita-cerita ini merupakan cerita berkenaan dengan unggas, namun begitu pengalaman-pengalaman yang diceritakan adalah pengalaman yang ada kaitan dengan kehidupan manusia. Unggas yang dipaparkan adalah imej serta simbol sebagai daya penarik untuk kanak-kanak mengenal cerita-cerita yang penuh dengan nilai dan teladan.

Rumusan

Berdasarkan pembicaraan awal berkenaan aspek perkara (*matter*) yang disesuaikan dalam perisian Unggas, ternyata cerita kanak-kanak juga tidak terlepas daripada pelbagai penghayatan pengalaman-pengalaman estetika. Walaupun plot cerita yang ringkas, pengamatan terhadap peristiwa-peristiwa yang dipaparkan adalah penting bagi memberi kesan penghayatan kepada khalayak. Tambahan lagi cerita-cerita ini dipersembahkan dengan elemen multimedia, maka kesan penghayatan adalah lebih baik kerana pelbagai medium digunakan bagi merangsang

pemikiran khalayak. Bunyi, grafik, warna serta muzik merupakan ransangan-rangsangan penting bagi menarik minat khalayak untuk meneliti sesebuah persembahan.

Elemen-elemen multimedia yang digunakan itu perlu juga disesuaikan dengan tema dan isi cerita. Keseimbangan penggunaan elemen yang dijelaskan itu penting untuk menyerlahkan aspek estetika dalam sesebuah karya sastera. Estetika daripada aspek perkara (*matter*) yang dibincangkan di atas memperlihatkan terdapat pelbagai keindahan daripada pengalaman-pengalaman peristiwa yang hadir dalam karya sastera, tidak kira sastera kanak-kanak mahu pun karya sastera yang lebih luas sifatnya. Peristiwa yang membayangkan kehidupan yang terdesak, ketegangan dan kecemasan, menyedihkan, dan menyebabkan keresahan yang terjalin dalam cerita kanak-kanak.

Ternyata pengalaman-pengalaman peristiwa yang dialami oleh manusia juga boleh diterapkan serta disesuaikan dengan cerita-cerita yang berkisarkan binatang seperti unggas. Penghayatan terhadap peristiwa yang dibincangkan di atas juga memberi kesan yang baik untuk ditanggapi. Misalnya dapat dijadikan pengajaran serta pendidikan atau boleh menimbulkan rasa keinsafan serta nilai-nilai positif yang lain yang boleh membangunkan minda kanak-kanak.


Bibliografi

- Abraham Moles (terj.). 1966. *Information Theory and Esthetic Perception*. London: University of Illinois Press.
- Ali Ahmad. 1994. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbaie Sujud. 1999. *Estetika Dalam Lirik Lagu Nyanyian P. Ramlee*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Aripin Said. 2003. *Koleksi Terpilih Cerita Unggas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Aris. *et al.*, 2004. *Reka bentuk Perisian Multimedia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.



- Dickie, George. 1971. *Aesthetic An Introduction*. New York: Pegasus, A Division of the Bobbs-Merrill Company, Inc.
- Dharsono (Sony Kartika). 2007. *Estetika*. Bandung: Rekayasa Sains.
- Hamidah Abdul Hamid. 1995. *Pengantar Estetika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2005. *Animasi: Dari Helaian Kertas ke Skrin Digital*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Lorraine Bilodeau, M.S. 1992. *The Anger Work Book*. USA: Hazelden Foundation Norma Bajuria, 2000. *Cerita Lipur Lara Rakyat Terengganu dari Sudut Estetika*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Reeves, T.C. 1992. *Evaluating Interactive Multimedia*. *Educational Technology*, 32 (5). pp. 47-52.
- Muhamad Hasan Abdul Rahman. 2000. *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Universiti Putra Malaysia.
- Zakaria Osman. 1997. *Novel-Novel A.Samad Said: Menghayatinya dari Sudut Estetika Sastera*. Tesis Phd. Jabatan Pengajian Melayu. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Lampiran Papan Cerita

Lampiran i dan ii Peristiwa Keresahan




Lampiran iii dan iv Peristiwa Cemas



Lampiran v (Peristiwa Berang/Marah)



Lampiran vi Peristiwa Kesedihan



**PEMBENTUKAN EMOSI KANAK-KANAK
MELALUI BAHAN BACAAN SASTERA**
*(MOULDING CHILDREN'S EMOTION THROUGH
LITERATURE READING MATERIALS)*

Arba'ie Sujud
Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Abstrak

Emosi adalah suatu yang wajar hadir dalam kehidupan setiap manusia kerana tanpa emosi hidup seseorang akan menjadi kosong dan membosankan. Perasaan gembira atau sedih, suka atau duka, marah atau sayang, berani atau takut dan pelbagai perasaan yang wujud dalam diri manusia akan mempengaruhi tindakan, persepsi dan aktiviti kehidupan hariannya. Hal ini bermakna kehidupan manusia sedikit banyak dipengaruhi oleh pembentukan emosi. Pelbagai cara boleh diimplementasikan oleh seseorang untuk merangsang pembentukan emosinya. Dalam hal ini akan wujud perbezaan antara golongan kanak-kanak dengan orang dewasa berhubung pembentukan emosinya. Bagi kanak-kanak yang sebahagian besar dunianya di sekolah dan terdedah dengan pelbagai bahan bacaan, wajar untuk diteliti pengaruh bahan bacaan terhadap pembentukan emosi mereka. Justeru, tulisan ini akan membincangkan hasil kajian terhadap pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. Kajian dibuat terhadap pelajar berumur antara 7-12 tahun dijadikan sebagai sampel. Tiga puluh orang kanak-kanak dari tiga buah sekolah rendah di setiap zon di Malaysia akan dipilih. Responden dipilih secara rawak dan akan ditemu bual. Kaedah pemerhatian juga turut digunakan untuk memperoleh data bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Cerita kanak-kanak yang dipilih akan dianalisis menggunakan pendekatan psiko-stilistik dengan mengambil kira aspek bahasa dalam mempengaruhi pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera yang dibaca.

Kata kunci: Kesusasteraan, Emosi, Kanak-kanak, Pembangunan psikologi, Bahan bacaan.

Abstract

Emotion is necessary in humankind's life because without emotion life would empty and colourless. All sorts of feelings; happy or sad, anger or love, brave or coward and many others that exist in our life more or less influence our action, perception and other routine activities. Indeed human's life is being influenced by the establishment of its emotion. Moreover, there are differences in terms of the establishment of emotion among children and adults. To the children whose lives are spent at school are normally exposed to varieties of reading materials. Those reading materials are necessary to be studied on to check on its suitability in establishing the children's emotion. Thus, this study is discussing the findings on the emotion establishment of the children who are 7 to 12 years old at every zone in Malaysia. Respondents are chosen randomly and interviewed. Observation is also used to obtain data to fulfill the objective mentioned in the study. Besides, children stories are also analysed by using the psychological approach.

Keywords: *Literature, Children, Emotion, Psychology, Children's reading materials.*

Pengenalan

Kesusasteraan kanak-kanak ialah bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak yang mengandungi unsur hiburan dan juga pengajaran. Keperluan bahan mestilah sesuai dengan perkembangan psikologi kanak-kanak sama ada dari segi bentuk mahupun isinya. Sehubungan itu, Hadijah Rahmat (2006: ix) berpendapat bahawa bahan-bahan bacaan termasuk karya sastera adalah alat hiburan dan pendidikan yang penting khususnya untuk kanak-kanak. Malah buku sastera dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap unsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Oleh itu, peranan dan pengaruh sastera kanak-kanak dalam masyarakat tidak boleh diperkecilkan dan perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Bahan bacaan yang dapat merangsang minda kanak-kanak penting untuk pembinaan sendiri. Bahan bacaan kanak-kanak mampu mempengaruhi corak pemikiran, pembentukan personaliti dan emosi mereka. Pengalaman kanak-kanak adalah terhad berbanding dengan orang dewasa lantaran itu, kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan pengalaman pembacaan yang menarik dan menyeronokkan. Menurut Fadzilah Kamsah (2007: 3) dewasa ini, didikan yang patut diberikan kepada anak-anak adalah berbeza berbanding bagaimana kita dididik oleh ibu bapa kita dahulu. Didikan sepatutnya selari dengan peredaran zaman. Setiap anak itu dilahirkan mengikut fitrah (suci bersih), maka ibu bapalah yang menjadikannya sama ada Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Justeru, dalam konteks ini bahan bacaan kanak-kanak yang bersesuaian dengan perkembangan psikologi mereka mampu membantu ke arah pembentukan personaliti positif kanak-kanak. Bahan bacaan kanak-kanak yang berbentuk hiburan, pengajaran dan juga informasi mampu mendekatkan kanak-kanak dengan dunia di sekeliling mereka. Persoalannya apakah bahan bacaan pada peringkat awal yang mampu merangsang emosi kanak-kanak dan mengapa emosi perlu dikaji? Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat bagaimana bahan bacaan sastera secara tidak langsung dapat merangsang emosi kanak-kanak. Gelak ketawa, kesedihan, kegembiraan, kemarahan, geram, benci, dan pelbagai emosi memberi warna kepada kehidupan manusia. Air muka dan renungan mata dapat memperlihatkan tentang emosi manusia. Selain daripada bahasa verbal, yang dapat membantu kita mengenali emosi dengan menggunakan komunikasi tanpa bahasa pergerakan tubuh manusia. Keadaan tubuh, iaitu jari, tangan, kaki, bahu, kepala, air muka, dan lain-lain dapat dilihat apabila seseorang itu sedang marah, ketawa, bersedih, dan bermuram. Ternyata apabila seseorang itu marah dan sedih terdapat perbezaan yang ketara antara pergerakan anggota tubuh mereka. Di sini jelas menunjukkan emosi dan perasaan ini memberi makna kepada kehidupan manusia. Justeru, objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mengenal pasti emosi kanak-kanak sewaktu membaca bahan bacaan sastera.
2. Untuk mengenal pasti dan menganalisis bahan bacaan sastera yang dapat merangsang emosi kanak-kanak.
3. Menyenarai bahan bacaan sastera yang menjadi tumpuan kanak-kanak.

Dalam kajian ini seramai 240 kanak-kanak yang dipilih secara rawak dari pelbagai negeri dijadikan sampel kajian. Secara terperinci 30 orang kanak-kanak dari negeri Selangor, Melaka, Perak, Kelantan, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, dan Putrajaya telah dijadikan sampel kajian. Pengkaji menggunakan borang soal selidik, temubual, dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Teori Emosi juga digunakan untuk memantapkan lagi kajian. Melalui Teori Emosi dapat mengesan reaksi kanak-kanak hasil daripada pembacaan. Teori Kognitif Arnold dan Ellis menekankan kepentingan terhadap penilaian serta interpretasi sesuatu peristiwa daripada rangsangan yang menyebabkan sesuatu emosi dan Teori Kognitif Schachter-Singer yang menekankan kepentingan saran-saran daripada perubahan keadaan tubuh serta sekitaran individu itu. Mereka mengatakan yang rangsangan luaran akan dihantar ke bahagian talamus, kemudian ke korteks serebral. Satu penilaian kognitif dilakukan ke atas rangsangan tersebut. Isyarat ini kemudiannya dihantar ke bahagian hipotalamus dan terus ke badan untuk menghasilkan reaksi fizikal tubuh. Reaksi seperti ini, akan digabungkan dengan penilaian yang telah dibuat tadi dan seterusnya pengalaman emosi yang menyeluruh akan dihasilkan. Oleh itu, emosi wujud setelah satu penilaian kognitif dilakukan ke atas sensasi-sensasi autonomi yang dialami oleh manusia.

Analisis Kajian

Buku Cerita Besar Bergambar

Secara ringkasnya buku bergambar kanak-kanak dapat didefinisikan sebagai buku yang dipenuhi dengan gambar yang menarik lebih besar daripada perkataan. Sebaik-baiknya gambar yang berwarna-warni. Ayatnya ringkas dan mudah difahami. Lantaran itu, Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 20) juga berpendapat buku bergambar mengandungi gambar-gambar atau lukisan sebagai elemen yang lebih penting daripada teks. Manakala Mohd Kasim Ismail (2001: 81) berpendapat dalam buku cerita bergambar fungsi gambar dan cerita adalah seimbang. Dalam buku cerita bergambar berfungsi mengikut cerita yang berurutan. Kanak-kanak akan mempelajari dan memahami cerita melalui gambar, kemudian barulah diikuti dengan aktiviti membaca ceritanya. Untuk menghasilkan sebuah buku cerita bergambar yang bermutu kemahiran pelukis-pencerita amat diperlukan. Pelukis perlu menggunakan kemahirannya melukiskan watak, latar, suasana yang sesuai dengan cerita. Begitu pula sebaliknya, pencerita perlu memberikan maklumat yang jelas kepada pelukis supaya cerita yang digambarkan bukan sahaja menarik tetapi jelas, tepat, dan selari dengan

maksud cerita. Misalnya gambaran watak, latar, dan aksi perlu dikaitkan dengan plot cerita yang dilukiskan dengan menggunakan warna.

Pada keseluruhannya buku cerita bergambar amat digemari oleh kanak-kanak yang berusia 7 hingga 8 tahun.


Negeri	Sangat Berminat	Berminat	Kurang Berminat	Tidak Berminat
Selangor	23	7	0	0
Melaka	24	6	0	0
Perak	25	5	0	0
Kelantan	25	5	0	0
Sabah	25	5	0	0
Sarawak	25	5	0	0
Kuala Lumpur	23	7	0	0
Putrajaya	21	9	0	0

Jadual 1: Tahap minat kanak-kanak terhadap kesusasteraan rakyat Melayu.

Kajian menunjukkan kanak-kanak yang berusia 7 tahun hingga 8 tahun berminat untuk membaca buku-buku cerita tersebut. Mereka merasa girang, bersungguh-sungguh, ingin tahu untuk membaca buku cerita tersebut. Ini dapat dilihat melalui reaksi verbal. Antara buku-buku yang menjadi pilihan mereka ialah *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang*, *Jejaka Biskut Halia*, *Jack dengan Pokok Kacang Ajaib*, *Cinderella*, dan *Si Comel Bertudung Merah*. Hasil daripada temubual pada keseluruhan kanak-kanak seronok membaca buku-buku tersebut kerana:

1. Ada unsur hiburan dan pengajaran.
2. Merangsang perasaan mereka. Ada kalanya mereka kelihatan ketawa, marah, tersenyum, dan sebagainya.
3. Ada unsur keindahan, iaitu gambaran watak yang menarik perhatian mereka.
4. Gambar menarik kerana berwarna-warni.
5. Murid-murid mengakui gambar yang sesuai dengan cerita.
6. Gambar ialah autentik, saiz font yang sesuai dan susunan perkataan yang sesuai dengan gambar dalam setiap halaman.
7. Merangsang minat mereka untuk mengetahui kesudahan cerita tersebut.
8. Watak menarik.
9. Plot cerita kronologi mudah difahami oleh kanak-kanak.
10. Penyelesaian cerita yang positif dan menggembirakan.

Kanak-kanak lelaki lebih meminati buku cerita *Jack dengan Pokok Kacang Ajaib*, dan *Jejaka Biskut Halia* manakala kanak-kanak perempuan lebih meminati cerita *Cinderella*, *Si Comel Bertudung Merah*, dan *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang*. Kesemua elemen yang disenaraikan di atas dapat merangsang emosi mereka. Pelbagai reaksi didapati sewaktu mereka membaca buku cerita tersebut. Malah mereka mula bercakap sesama mereka seperti apabila membaca buku “*Si Comel Bertudung Merah*” mereka bersuara seperti “Lihat serigala ni, jahat betul!”, “Eh! Kenapa jahat sangat ni!”, “Hodohnya serigala ni”. Mereka bercakap penuh beremosi marah. Keadaan mula berubah apabila mereka membaca buku “*Cinderella*”. Mereka memuji-muji watak Cinderella seperti “Cantiknya dia”, “Bajunya cantiklah”, “Tengok ada magiklah”. Bagi pelajar yang membaca buku *Jack dengan Pokok Kacang Ajaib* pula mereka juga tertarik dengan cerita tersebut. Antaranya mereka kagum dengan pokok kacang tersebut, “Wah pokok kacang tu tumbuh tinggi”, mereka juga kagum dengan itik emas tersebut “Hebatnya itik emas boleh bertelur” malah mereka juga boleh menyatakan perasaan tidak senang dengan gergasi hodoh tersebut seperti “Hodohnya gergasi tu”. Semasa membaca buku “*Biskut Halia*”, mereka kelihatan ketawa melihat telatah jejaka biskut halia. Semasa membaca buku *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang* kanak-kanak kelihatan bersahaja tetapi ingin tahu apa kesudahan yang akan terjadi kepada Goldilocks yang mencuri masuk ke rumah beruang. Kedengaran mereka bersuara “kasihan anak beruang tu”. Berdasarkan pemerhatian, kanak-kanak tersebut mula bertanya sesama mereka seperti “Apa ni?”, “Kasihan dia, kenapa mak dia buat macam tu?”, “Gambar apa tu?”, “Siapa yang jahat”, “Kenapa itu?”, “Mengapa jadi macam tu?”, dan sebagainya. Walaupun pada peringkat awal kanak-kanak kelihatan malu-malu tetapi sewaktu membaca cerita tersebut, mereka mula terangsang untuk mengetahui cerita tersebut. Buku cerita bergambar seperti yang dinyatakan di atas sesuai untuk kanak-kanak yang berusia 6 hingga 8 tahun. Mereka mula menguasai sejumlah perbendaharaan kata yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka. Jika ditinjau dari sudut psikologi, kanak-kanak pada peringkat ini mula menunjukkan perasaan ‘ingin tahu’ tentang dunia di sekitar mereka. Mereka mula berminat kepada dunia yang lebih luas.



Rajah 1: Emosi Dominan Kanak-kanak yang dapat dikesan.

Seramai 240 responden kanak-kanak daripada 8 buah negeri yang dinyatakan di atas telah dijadikan sampel kajian. Sewaktu membaca buku cerita besar bergambar terdapat 4 reaksi yang paling dominan ditunjukkan oleh mereka seperti girang, bersungguh-sungguh, ingin tahu dan reaksi verbal (bercakap dengan kawan dan bersendirian), dan non verbal (gerak tubuh, ekspresi muka dan mata). Hasil kajian menunjukkan kesemua mereka memperlihatkan sikap ingin tahu terhadap cerita yang dibaca. Seramai 191 kanak-kanak menunjukkan emosi girang dan bersungguh-sungguh. Mereka seolah-olah turut sama dalam cerita tersebut. Reaksi verbal dapat dikesan terhadap 140 kanak-kanak. Pada satu-satu ketika mereka berkomunikasi keseorangan dan pada suatu ketika mereka berkomunikasi dengan rakan-rakan. Terdapat 100 kanak-kanak yang dikesan berdiam diri. Mereka tidak berkata-kata seolah-olah menghayati cerita tersebut. Perasaan suka mereka dapat dikesan melalui ekspresi muka dan mata. Kadang-kadang dapat dilihat mereka menepuk-nepuk gambar yang terdapat dalam buku cerita besar bergambar tersebut.

Namun perlu diingat, tidak semua kanak-kanak yang bernasib baik. Mereka datang daripada pelbagai golongan sama ada golongan kaya, pertengahan, miskin, mendapat kasih sayang dan perhatian keluarga dan tidak kurang pula yang terbiar tanpa mendapat perhatian keluarga dan masyarakat sekeliling. Lantaran itu, didapati cerita-cerita bergambar tersebut merupakan bahan bacaan yang penting dan perlu diambil kira untuk menemukan atau mencari 'makna kehidupan' yang merupakan satu keperluan dimiliki oleh seseorang insan. Karya sastera termasuk sastera kanak-kanak merupakan gabungan antara imaginasi dan realiti. Tidak dapat dinafikan dalam bahan bacaan tersebut mengandungi nilai-nilai kehidupan dan jatuh bangun kehidupan yang dapat dikongsi oleh kanak-kanak. Melaluinya kanak-kanak mula mengenali tentang kehidupan yang melingkari hidup mereka secara sedikit demi sedikit. Malah dapat memberi satu pengalaman baru kepada kanak-kanak.

Secara sedar atau tidak, terdapat beberapa makna kehidupan yang dapat disemai kepada kanak-kanak. Buku “*Jack dengan Pokok Kacang Ajaib*” misalnya merupakan sebuah fiksiyen kanak-kanak yang dipersembahkan dengan gaya yang menarik. Di dalamnya juga mengandungi unsur realiti. Dalam cerita tersebut digambarkan seorang anak yang akhirnya berjasa kepada kedua ibu bapanya. Jack pernah dimarah oleh ibunya kerana menukarkan seekor lembu dengan beberapa biji kacang kacang. Ibu yang miskin dan sudah tua itu tidak dapat membendung emosi marah dan kecewa terhadap anaknya. Lantaran itulah Jack dimarah. Sebagai manusia biasa, Jack tidak lepas daripada melakukan kesilapan tambahan pula dia hanya budak dan masih mentah. Keesokan harinya berlaku perkara yang luar biasa, pokok kacang yang dicampak oleh ibunya menjadi besar dan tinggi hingga ke langit. Akhirnya dia berjaya menebus balik kesilapannya dengan membawa itik sakti dan syiling emas. Kehidupan yang miskin akhirnya berubah menjadi kaya. Sejak itu Jack dan ibunya tidak pernah kelaparan lagi.

Berdasarkan pemerhatian terhadap beberapa peristiwa dalam cerita ini yang memberikan kesan emosi kepada kanak-kanak.

1. Semasa Jack memanjatkan pokok kacang tersebut. Kanak-kanak tertanya-tanya apakah yang akan terjadi selepas itu. Mereka kelihatan begitu bersungguh-sungguh untuk mengetahui cerita selanjutnya.
2. Semasa gergasi mengejar Jack, kemuncak unsur suspen, kanak-kanak ingin mengetahui apakah yang akan berlaku kepada gergasi tersebut. Apakah Jack akan selamat dalam situasi itu? Gambaran cemas berserta ingin tahu terserlah pada kanak-kanak, ini kerana gambar yang dilukiskan dalam buku cerita tersebut dapat meninggalkan kesan emosi kepada kanak-kanak.

Kesemua ini jelas dapat dilihat melalui ekspresi muka, ekspresi emosi melalui mata dan ekspresi emosi melalui pergerakan anggota badan. Hal yang sama dapat dilihat apabila kanak-kanak membaca buku *Cinderella, Si Comel Bertudung Merah, Jejaka Biskut Halia* dan *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang*.

Cerita *Cinderella* berjaya menarik perhatian dan menyentuh emosi kanak-kanak kerana menggambarkan realiti kehidupan manusia sejagat. Pada peringkat awal cerita ini menggambarkan situasi yang negatif seperti kezaliman, kesombongan dan perhambaan. Ini dapat dilihat kanak-kanak bersimpati dengan watak *Cinderella*. Situasi berubah apabila *Cinderella*


dibantu oleh pari-pari. Kehidupan yang murung dan pesimistik akhirnya bertukar menjadi optimistik, penuh harapan, dan kejayaan. Nilai yang dapat disemai kepada kanak-kanak ialah kebaikan akhirnya mengatasi kejahatan. Kesan simpati terhadap Cinderella dan antipati kepada dua orang kakak tiri dan ibu tiri Cinderella menyebabkan kanak-kanak menolak kejahatan secara tidak langsung.

Si Comel Bertudung Merah juga merupakan sebuah cerita yang digemari oleh kanak-kanak. Watak Si Comel dilukis dengan menarik sekali. Si Comel merupakan anak yang baik, sentiasa menurut perintah ibunya. Pada tahap perkembangan tertentu, kanak-kanak akan belajar apa yang betul dan apa yang salah.

Dalam hal ini Kohlberg menyatakan kanak-kanak mempraktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan dan pelbagai jenis aspek moral yang lain, walaupun dia tidak mengetahui maksud moral yang sebenar. (*Mahmood Nazar Mohamed, 2007: 207*). Pada suatu hari Si Comel ingin menziarahi neneknya. Dia memasuki hutan sambil memetik bunga. Tiba-tiba, seekor serigala muncul dan bertanya arah tujuannya. Serigala yang dilukiskan dalam buku cerita bergambar kelihatan besar, hodoh dan menakutkan kanak-kanak dan meninggalkan kesan emosi kepada mereka. Malah mereka juga bersimpati kepada Si Comel yang dalam ketakutan. Unsur suspens yang terdapat pada peristiwa tersebut menyebabkan kanak-kanak tertanya-tanya apakah yang akan berlaku seterusnya. Peristiwa sang serigala bergegas ke rumah nenak Si Comel dan menyamar sebagai neneknya menambahkan lagi keinginan kanak-kanak untuk mengetahui kesudahan cerita. Cerita berakhir dengan '*happy ending*', apabila seorang lelaki pemotong kayu datang menyelamatkan Si Comel.

Dalam cerita *Jejaka Biskut Halia*, kanak-kanak kelihatan ketawa melihat watak-watak dalam cerita mereka. Seorang nenek telah membuat satu jejaka biskut halia menggunakan buah kismis sebagai mata, hidung, dan butang serta sedikit gula sebagai baju kotnya. Jejaka biskut halia tersebut kemudiannya boleh bergerak dan terus melarikan diri. Kemudiannya dikejar oleh nenek, lembu, kuda, dan rubah. Perlukisan watak dan gambar yang menggelikan hati kanak-kanak digambarkan dengan jelas dan terang mampu membangkitkan emosi Manakala cerita *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang* pula menimbulkan kesan simpati kanak-kanak kepada anak beruang. Goldilocks memasuki rumah beruang dan menghabiskan bubur anak beruang yang sudah sejuk dan duduk di atas kerusi anak beruang sehingga patah.

Kesan daripada pembacaan cerita-cerita di atas, dapat meninggalkan kesan emosi kepada kanak-kanak seperti suka, duka, sedih, gembira, dan sebagainya. Mengikut Arnold dan Ellis manusia akan menginterpretasi pelbagai situasi dan peristiwa yang berkaitan sebelum memaparkan sesuatu emosi. Ini dapat diterangkan dalam rajah di bawah.



Rajah 2: Diubah suai daripada Teori Emosi Arnold – Ellis.

Jika diteliti buku cerita bergambar membawa mesej kebaikan mengatasi kejahatan. Gambar yang cantik, jelas dan berwarna warni banyak memberi informasi kepada kanak-kanak dalam memahami urutan cerita. Gambar dijadikan sebagai panduan kepada kanak-kanak untuk memahami peristiwa yang terjadi. Melalui gambar juga kanak-kanak dapat bercerita tentang sesuatu peristiwa.

Cerita kanak-kanak membawa makna kehidupan secara tidak lansung. Melaluinya kanak-kanak mendapat satu pengalaman baru dan menilai erti sebuah kehidupan dari pelbagai dimensi. Secara umumnya sastera kanak-kanak termasuk buku cerita bergambar ialah bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak. Antara aspek penting yang perlu dititikberatkan ialah kejelasan, ketepatan, gambar selari dengan maksud cerita, mengandungi unsur realiti dan fantasi mampu memberi makna cerita kepada kanak-kanak. Bahan bacaan untuk kanak-kanak mestilah sesuai dengan perkembangan psikologi mereka yang dapat membantu

kanak-kanak mengenali dunia disekeliling mereka. Kanak-kanak perlu dibantu untuk mengurus kehidupan. Dengan pengalaman yang singkat, mereka perlu dibimbing secara bijaksana untuk mengenali tentang alam semesta.

Cerita Binatang

Cerita binatang merupakan salah satu cabang cerita rakyat, iaitu tradisi lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi dan merupakan milik masyarakat. Cerita binatang ini diceritakan oleh masyarakat Melayu tradisi kepada kanak-kanak apabila mereka mempunyai kelapangan atau semasa kanak-kanak hendak tidur. Ternyata cerita-cerita tersebut amat digemari oleh kanak-kanak. Kini terdapat usaha-usaha membukukan cerita-cerita tersebut supaya tidak mati ditelan zaman, malah terus diminati oleh kanak-kanak sehingga kini.

Daripada istilah Inggeris *fable* dan Prancis *fabel*, cerita binatang bermaksud cerita yang pendek dan sederhana, biasanya dengan tokoh binatang yang berkelakuan seperti manusia, serta mengandungi suatu ibarat, hikmah atau ajaran budi pekerti. (*Ensiklopedi Sastera Indonesia*: 2004: 257). Berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan di atas, jelas menunjukkan terdapat 'sesuatu' dalam cerita binatang yang merangsang kanak-kanak untuk terus mendengar dan mendengar, membaca dan membaca dari zaman berzaman. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, tidak semua cerita binatang diminati oleh kanak-kanak kini. Sebagaimana yang diketahui umum, cerita binatang mula ditulis semula malah cerita-cerita tersebut telah diubahsuai mengikut peredaran zaman, malah terdapat pelbagai watak binatang cuba diketengahkan oleh penulis buku cerita kanak-kanak dengan pelbagai tema.

Cerita yang disampaikan secara halus, menggunakan ayat-ayat yang bersahaja, diseliti dengan unsur-unsur humor, tidak terlalu informatif atau mengarah. Justeru, selain dari isi yang baik, dan bahasa yang berkesan juga memainkan peranan dalam penulisan sastera kanak-kanak. Sebagai contoh diambil dua cerita binatang yang berbeza, satu cerita binatang disampaikan secara bersahaja, tetapi satu lagi bersifat informatif, ternyata kajian yang dibuat di sekolah bandar dan luar bandar mengikut zon, kanak-kanak tidak menggemari walaupun mempunyai watak binatang.

Md. Rozaidee (2009) mengatakan cerita binatang merupakan cerita yang tertua, dipercayai diwarisi daripada masyarakat sejak zaman purba yang hidup di gua-gua lagi. Dalam kajian ini, cerita binatang yang dijadikan sampel kajian ialah cerita teladan yang mempunyai gambar yang berwarna-warni tetapi bukanlah kategori buku cerita besar. Buku cerita jenis ini sesuai untuk kanak-kanak yang berusia 9 hingga 10 tahun walaupun berbentuk fantasi. Dalam cerita fantasi turut terselit realitinya, sebagai contoh dapat dilihat watak-watak bintang tersebut mempunyai ciri manusia dalam kehidupan masyarakat realiti seperti berfikir, berbincang, tamak, berani, cerdik, gigih, garang, mudah berputus asa, dan sebagainya. Gambaran kehidupan yang diperlihatkan dalam cerita binatang tersebut dapat dilihat dalam dunia realiti dengan sejelasnya. Cerita fantasi merupakan cerita yang penuh dengan pelbagai kemungkinan yang luas, seluas pemikiran, dan khayalan manusia. Cerita jenis ini dikatakan menarik kerana kanak-kanak dengan mudah dapat membayangkan diri mereka dalam situasi yang dikhayalkan (*Md Sidin Ahmad Ishak*, 2005). Antara contoh-contoh cerita binatang adalah seperti berikut:


1. Pembalasan Si Anak Gagak
2. Anak Katak Ikut Nasihat
3. Rezeki Anak Tupai
4. Anak Musang Si Pencuri
5. Anak Itik Iri Hati
6. Anak Beruang Yang Berani
7. Simpati Anak Monyet
8. Jasa Nuri
9. Sang Murai Ingin Tahu
10. Belajar Computer

Jadual di bawah menunjukkan tahap minat kanak-kanak terhadap cerita binatang.

Negeri	Sangat Berminat	Berminat	Kurang Berminat	Tidak Berminat
Selangor	26	5	0	0
Melaka	24	6	0	0
Perak	24	6	0	0
Kelantan	24	6	0	0
Sabah	24	6	0	0
Sarawak	24	6	0	0
Kuala Lumpur	26	5	0	0
Putrajaya	26	5	0	0

Jadual 2 : Tahap minat kanak-kanak terhadap cerita binatang.

Keseluruhannya kanak-kanak tertarik untuk membaca buku cerita binatang. Mereka menunjukkan reaksi girang, bersungguh-sungguh, riang, dan beberapa reaksi emosi positif lain yang dilihat melalui pernyataan verbal dan non verbal. Pada watak-watak antagonis emosi geram, marah turut dipamerkan oleh kanak-kanak tersebut. Bahan-bahan bacaan tersebut merupakan cerminan kehidupan dan memberi kesedaran nilai kepada masyarakat. Buku cerita binatang yang paling digemari oleh kanak-kanak adalah seperti berikut:



Rajah 3: Cerita Binatang Yang Digemari oleh Kanak-kanak.


Rajah di atas menunjukkan cerita *Pembalasan Si Anak Gagak*, *Anak Itik Iri Hati*, dan *Simpati Anak Monyet* mendapat sambutan kanak-kanak berbanding dengan cerita binatang yang lain. Berdasarkan analisis di Selangor, Melaka, Perak, Kelantan, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, Putrajaya lebih 80% kanak-kanak memiliki cerita binatang. Hakikat ini tidak dapat dinafikan, jika ditinjau dari sejarah perkembangan cerita kanak-kanak juga menunjukkan bawa cerita binatang merupakan antara cerita kanak-kanak yang tertua dan digemari sejak dari zaman ke zaman. Cerita ini terus hidup dengan subur tidak mati ditelan zaman. Cerita *Anak Itik Iri Hati* merupakan cerita yang ringkas memaparkan kisah teladan. Terdapat nilai moral positif yang dapat dikutip dalam cerita ini, iaitu ‘hati yang baik disukai ramai, hati yang busuk dibenci orang’. Anak ayam menjadi watak protagonis dan anak itik menjadi watak antagonis. Anak ayam yang mempunyai ramai kawan menyebabkan anak itik iri hati. Lantaran itu, ditolak anak ayam ke dalam sungai. Bagaimanapun anak ayam berjaya diselamatkan oleh kawan-kawannya. Anak itik dimarahi oleh anak tupai dan anak katak. Anak itik berasa malu dan beredar dari situ. Banyak haiwan tidak suka akan perbuatannya. Sejak itu anak itik tidak ganggu anak ayam lagi. Dalam cerita tersebut dapat dikesan 80% kanak-kanak

menunjukkan reaksi geram dan marah terhadap anak itik manakala selebihnya bersahaja.



Rajah 4: Reaksi Kanak-kanak Melalui *Cerita Binatang 1*.

Hal ini berbeza pula dengan cerita *Simpati Anak Monyet*. Dalam cerita ini, reaksi kanak-kanak turut berbeza. Cerita teladan yang membawa nilai moral positif seperti ‘Insan mulia dikenang sepanjang masa’ memberi reaksi positif kepada kanak-kanak. Mereka kelihatan kagum dengan sikap mulia anak monyet yang rajin, tidak mudah putus asa untuk mendapatkan makanan, dan mempunyai sikap yang suka menolong. Ini dapat dilihat daripada kata-kata mereka melalui temu bual pengkaji dengan mereka. Rata-rata melahirkan perasaan kagum seperti “Baguslah anak monyet tu”, “Rajin bukan malas anak monyet tu”, “suka anak monyet tu sebab suka tolong orang”, “anak monyet tu baik hati”, “anak monyet tu tak jahat”, dan “anak monyet tu dengar cakap ibunya”. Lebih kurang 80.4% kanak-kanak menunjukkan reaksi tersebut manakala selebihnya menunjukkan reaksi bersahaja. Ini dapat dilihat dalam rajah di bawah.



Rajah 5: Reaksi Kanak-kanak Melalui *Cerita Binatang 2*.

Moral yang menarik juga dapat dikesan dalam cerita *Pembalasan Si Anak Gagak*. Kisah teladan ini juga bertunjangan falsafah ‘jangan suka menganayai orang yang lebih lemah daripada kita’ memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Dalam cerita ini digambarkan sikap anak gagak yang angkuh kerana mempunyai paruh yang panjang dan tajam. Kekuatan yang dimilikinya menjadikan dia menjadi bangga dan suka menindas binatang lain yang lemah seperti anak burung pipit. Anak gagak cuba mematuk anak burung pipit tetapi akhirnya membawa padah kepada dirinya sendiri apabila paruhnya terkena batu dan patah. Perbuatan anak gagak ini juga menimbulkan emosi marah dan geram terhadap anak gagak dan simpati terhadap anak burung pipit kerana cuba dianiaya berkali-kali.



Rajah 6: Reaksi Kanak-kanak Melalui *Cerita Binatang 3*.

Hasil daripada penelitian 83.3% kanak-kanak menunjukkan reaksi tersebut manakala yang selebihnya bersahaja. Emosi marah dan geram dapat dilihat melalui pernyataan verbal dan non verbal sekaligus. Ekspresi muka, mata, dan gerak tubuh adalah reaksi yang dominan dapat dikesan pada kanak-kanak. Pengalihan rasa marah, geram, dan simpati ini dapat dilihat melalui kata-kata “*Jahat betul Anak Gagak*”, “*Ingat dia kuat sangat*”, “*Kenapa nak ganggu anak pipit*”, “*Kasihannya anak pipit*”, “*Padan muka, paruh patah lain kali jangan angkuh*”, “*Teruk betul*”, dan sebagainya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sebilangan kecil pelajar tidak menunjukkan apa-apa reaksi walaupun mereka mengatakan mereka berminat terhadap cerita-cerita tersebut. Menurut Noran Fauziah Yaakub (1997: 5) setiap kanak-kanak mempunyai personaliti yang unik dan perkembangan personaliti bergantung kepada beberapa faktor termasuklah faktor genetik, nilai kelas sosial, dan kumpulan etnik, dan pendedahan kepada tingkah lain melalui media massa. Adalah nyata bahawa pembentukan atau perkembangan personaliti pada tahap kanak-kanak sering dikaitkan dengan amalan pemeliharaan anak atau proses sosialisasi. Hasil daripada proses sosialisasi tersebut dapat dilihat perubahan kanak-

kanak daripada beberapa perspektif seperti tingkahlaku, motivasi, dan kognitif mereka. Pada masa yang sama, dapat dilihat perubahan fizikal yang berlaku dengan cepat kepada kanak-kanak.

Cerita Rakyat

Sastera rakyat kanak-kanak bermaksud cerita rakyat yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian untuk kanak-kanak. Isi cerita dan teknik penulisan dipermudahkan agar mesej yang terdapat dalam cerita tersebut dapat disampaikan kepada audien kanak-kanak. Tidak dapat dinafikan kesusasteraan kanak-kanak bermula dengan cerita rakyat melalui tradisi lisan. Walaupun cerita rakyat tersebut disampaikan kepada masyarakat umum namun ia menarik minat kanak-kanak. Dalam sejarah perkembangan sastera kanak-kanak Hadijah Rahmat (2006: 3) turut berpendapat perkembangan awal kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat Melayu, seperti sastera untuk kanak-kanak dapat kesan daripada tradisi satera lisannya. Sastera lisan atau lebih dikenali sebagai sastera rakyat, walaupun ditujukan khusus untuk santapan jiwa anggota masyarakat dewasa, telah tersebar luas dan turut diminati oleh kanak-kanak.

Pendapat ini turut disokong oleh Md. Sidin Ahmad Ishak (2004: 19), menurutnya cerita rakyat diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi melalui tradisi lisan. Dalam proses ini cerita tersebut mengalami tokoh tambah dan pengubahsuaian supaya sejajar dengan situasi semasa dan setempat. Cerita rakyat dalam hal ini tidak mempunyai pengarang sebenar. Cerita rakyat dalam kebanyakan budaya pada asalnya bukanlah semata-mata ditujukan secara eksklusif kepada kanak-kanak. Dalam tradisi lisan, tukang cerita dikelilingi oleh orang dewasa dan kanak-kanak sebagai khalayaknya. Dalam proses mendapatkan bahan-bahan cerita bagi penerbitan, cerita rakyat ditulis semula bagi khalayak kanak-kanak. Berdasarkan pernyataan tersebut timbul persoalan adakah cerita berjaya merangsang emosi kanak-kanak. Istilah sastera rakyat pula sering kali disamakan pengertiannya dengan tradisi lisan selain *folklore*.

Sehubungan itu, mengikut Kohlberg pada tahap ini kanak-kanak mula memperaktikkan kebaikan, kejujuran, kesetiaan, kepatuhan, dan pelbagai jenis aspek moral yang lain, walaupun dia tidak mengetahui maksud moral yang sebenar. (*Mahmood Nazar Mohamed*, 2001: 2007). Sebagaimana yang diketahui umum, kanak-kanak tidak boleh hidup bersendirian tanpa dipandu. Mereka perlukan bimbingan masyarakat

sekeliling untuk mempelajari, mengetahui dan mengenali dunia di sekeliling mereka. Justeru, bahan bacaan yang sesuai dapat dijadikan panduan atau alat berkongsi maklumat. Di dalamnya mungkin dapat dikutip satu pengalaman yang mungkin tidak terdapat dalam dunia realiti. Kisah-kisah yang terdapat dalam cerita rakyat bukanlah untuk menyalahkan mana-mana pihak tetapi sekadar untuk meninggalkan sebagai cermin dan membina sebuah pengalaman hidup, mengharapkannya dapat menjadi khazanah hikmah yang tolong mengertikan akan sedikit dari zaman yang dilalui oleh kanak-kanak. Jika mereka terserempak dengan cermin, terpancar imbas wajah mereka, jika tersungkur di pertengahan jalan, terbinalah sebuah pengalaman hidup. Barangkali daripadanya dapat menanggung pengajaran, mencecap keindahan, dan memetik kebijaksanaan.

Dalam kajian ini, beberapa cerita rakyat telah dijadikan sampel bacaan untuk kanak-kanak berusia 11 dan 12 tahun. Antaranya ialah:

1. Siapa lebih bijak?
2. Gajah yang setia.
3. Awang yang lurus.
4. Asal Usul Pekan Teluk Sengat.
5. Raja Kuyuk.
6. Pekasam Mata Harimau.
7. Tuan Puteri Si Helang Bakau.
8. Awang Mata Berdener.
9. Tempua Bersarang Rendah.
10. Seuncang Padi.
11. Mabuk Lauk Mabuk Darat.
12. Gajah Bermata Kecil.
13. Buntat Teloh.
14. Cau Panda Hendak Menyerang Melaka.
15. Puteri Tupai.
16. Batu Penyu.
17. Tuk Naga.
18. Bayagong.
19. Si Luncai dengan labu-labunya.
20. Cincin Permata Biru.
21. Tuk Raja Bertemu Taring.
22. Padi Berbuah Emas.
23. Peniup Seruling.
24. Tersalah Tangkap.

Negeri	Sangat Berminat	Berminat	Kurang Berminat	Tidak Berminat
Selangor	5	10	10	5
Melaka	9	6	8	7
Perak	3	2	20	5
Kelantan	15	10	3	2
Sabah	3	2	15	10
Sarawak	3	2	10	15
Kuala Lumpur	10	14	5	5
Putrajaya	13	8	4	5


Jadual 3 : Tahap minat kanak-kanak terhadap Cerita Rakyat.

Hasil daripada kajian menunjukkan kanak-kanak dari Kelantan, Kuala Lumpur, dan Putrajaya berminat membaca buku cerita rakyat kanak-kanak. Manakala dari negeri Selangor dan Melaka mempunyai minat yang sederhana manakala dari negeri Perak, Sabah, dan Sarawak kurang berminat membaca cerita-cerita rakyat. Bagaimanapun emosi positif kanak-kanak dapat dilihat melalui reaksi mereka seperti di bawah.

1. Kanak-kanak kelihatan gembira, bangga, besar hati dan sangat suka. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui ekspresi muka, mata, dan gerak badan.
2. Kelihatan cerita-cerita tersebut menyenangkan dan menyedapkan hati mereka. Mereka tidak kelihatan gelisah ataupun resah untuk meneruskan pembacaan mereka. Mereka kelihatan menghayati apa yang dibaca.
3. Mereka kelihatan bersungguh-sungguh membaca buku cerita tersebut. Mereka kelihatan cuba memahami dan mencari makna daripada pembacaan mereka.
4. Kumpulan kanak-kanak tersebut menunjukkan sikap ingin tahu. Mereka bersemangat untuk meneruskan pembacaan mereka.
5. Kanak-kanak kelihatan terdorong untuk terlibat dalam cerita tersebut. Melalui ekspresi muka, mata, dan badan seolah-olah mereka turut terlibat dalam cerita tersebut.
6. Kanak-kanak memberi reaksi verbal dan non verbal semasa mendengar cerita tersebut. Malah mereka berinteraksi dengan rakan mereka sewaktu membaca cerita tersebut. Kadangkala dapat dilihat mereka berkata-kata sendirian. Ini jelas dapat dilihat melalui kata-kata mereka seperti yang berikut:
 - a. "Kenapa dia buat macam tu?"
 - b. "Pemalas betul orang tu."
 - c. "Kasihannya mereka."

- d. "Bagaimana nak selesai masalah tu, boleh selesai ke?"
- e. "Cerita ni best, tak bosan."
- f. "Lucunya watak tu". Diikuti dengan gelak ketawa, sambil mencuit kawan di sebelah untuk menceritakan isi cerita tersebut.

Pemaparan ciri positif tersebut dapat dilihat dalam gambar rajah di bawah. Seramai 15 kanak-kanak daripada 30 orang kanak-kanak dari negeri Selangor dan Melaka menunjukkan reaksi seperti di atas, manakala dari Perak, Sabah, dan Sarawak hanya 5 orang kanak-kanak sahaja yang menunjukkan reaksi seperti di atas. Dari Kelantan 25 orang kanak-kanak, dari Kuala Lumpur 24 orang kanak-kanak, dan Putrajaya 21 orang kanak-kanak menunjukkan reaksi seperti di atas.



Rajah 7: Reaksi positif Kanak-kanak dari pelbagai negeri sewaktu membaca cerita rakyat.


Bagaimana pun dapat dikesan sebilangan pelajar kurang berminat dan tidak berminat membaca buku cerita rakyat tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 1. Golongan yang kurang berminat ini menunjukkan reaksi seperti berikut:

1. Ekspresi mata, muka, dan gerak tubuh yang bersahaja.
2. Pada satu-satu ketika mereka tersenyum tawar.
3. Mereka tidak menunjukkan kesungguhan dan perasaan ingin tahu ketika membaca.
4. Mereka tidak banyak berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain.
5. Pada satu-satu ketika dapat dikesan mereka tidak menghayati apa yang dibaca.

Pelajar-pelajar yang tidak berminat untuk membaca buku cerita rakyat tersebut pula langsung tidak menyentuh cerita tersebut. Mereka mengambil bahan bacaan lain sebagai alternatif. Berdasarkan temu bual mereka mengemukakan beberapa alasan mengapa mereka tidak berminat membaca cerita-cerita rakyat.

1. Cerita tersebut dikatakan membosankan.
2. Menganggap cerita tersebut dongeng dan tidak masuk akal.
3. Berminat kepada bahan bacaan yang lain seperti fiksyen sains, cerita misteri, dan ada juga yang meminati puisi.

Pada usia 11 hingga 12 tahun, kanak mula boleh memahami makna yang tersirat dalam cerita. Hasil pemahaman ini melahirkan pelbagai emosi. Menurut Schachter dan Singer (2001) rangsangan luaran (termasuk hasil pembacaan) akan dihantar ke bahagian talamus, kemudian ke korteks serebral. Di sini, satu penilaian kognitif dilakukan ke atas rangsangan tersebut. Isyarat ini kemudiannya dihantar ke bahagian hipotalamus dan terus ke badan untuk menghasilkan reaksi fizikal tubuh. Daripada reaksi tersebut kemudiannya akan digabungkan dengan penilaian yang telah dibuat tadi dan seterusnya, pengalaman emosi yang menyeluruh akan dihasilkan. Oleh itu, emosi wujud setelah satu penilaian kognitif dilakukan ke atas sensasi-sensasi autonomik yang dialami oleh manusia.



Rajah 8: Diubahsui dari Teori Emosi Schachter-Singer
Sumber: Mahmood Nazar Mohamed (2001: 321).

Daripada 24 buah cerita yang menjadi sampel kajian, cerita-cerita yang menarik perhatian kanak-kanak ialah *Siapa lebih bijak, Puteri*

Tupai, Pekasam Mata Harimau, Gajah Bermata Kecil, Batu Penyu, Padi Berbuah Emas, Awang Mata Berdener, dan Cincin Permata Biru. Pada peringkat umur 11 hingga 12 tahun kanak-kanak mula boleh berfikir secara kritis. Cerita *Awang Mata Berdener* misalnya menarik perhatian kanak-kanak. Apabila membaca tajuk cerita sahaja, kanak-kanak tertanya-tanya apakah isi cerita tersebut. Mengapa “mata berdener” ditekankan pada bahagian tajuk. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila kanak-kanak bersuara bersendirian membaca balik tajuk yang tertulis itu secara bersendirian dan menunjukkan ekspresi muka yang ingin tahu. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mencuit kawan di sebelah menunjukkan tajuk cerita tersebut. Walaupun cerita tersebut ringkas namun meninggalkan satu kesan emosi kepada kanak-kanak. Kanak-kanak mula memikir tentang makna kehidupan sebenar. Di sebalik kekurangan yang ada pada diri seseorang turut juga diberi kelebihan dan kekuatannya. Awang mata berdener disisihkan oleh masyarakat kerana matanya sentiasa berair. Dia dipulaukan oleh rakan sebaya. Malah bukan rakan sebaya sahaja yang memulaukannya malah masyarakat umum. Ini dapat dilihat apabila dia hendak pergi ke Pulau Mandul mencari ubat untuk matanya yang berair. Puas dia merayu untuk menumpang perahu nelayan namun semuanya ditolak. Nelayan-nelayan itu jijik melihat matanya. Akhirnya Juragan Boyok belas akan dia. Awang Seraming atau dikenali sebagai Awang mata berdener diberinya tumpang. Dalam pelayaran menuju Pulau Mandul, tiba-tiba perahu besar Juragan Boyok dimasuki air. Kerana terkejut, Awang Seraming mengumpul tahi matanya dan menampalnya ke bahagian-bahagian perahu yang bocor. Akhirnya air tidak lagi masuk ke dalam perahu dan selamat sampai ke Pulau Mandul. Setelah mendapatkan ubat Awang Seraming sembuh. Awang Seraming tidak ingin lagi balik ke kampungnya. Dia meminta Juragan Boyok tolong membawa ibunya ke Pulau Mandul. Dia ingin membina hidup yang sempurna di Pulau Mandul. Tindakan Awang Seraming untuk terus tinggal di Pulau Mandul walaupun sudah sembuh kerana kecewa dengan sikap masyarakat kampung yang sering menghinanya.

Daripada temu bual yang dijalankan, kanak-kanak berasa simpati terhadap Awang Mata Berdener. Mereka berkata “bukan kehendak dia jadi macam tu”, “kenapalah masyarakat sisihkan dia”, “kasihan dia”, “Macam mana dia hendak hidup”. Kata-kata yang keluar dari bibir kanak-kanak ini menunjukkan mereka mula boleh berfikir. Lantaran itu, Jas Laile Suzana Jaafar (2000: 184) mengatakan pada peringkat umur tersebut kanak-kanak mula akur pada norma yang dipegang oleh majoriti. Mereka juga sudah bertanggungjawab untuk menyumbang sesuatu kepada masyarakat dan cuba kekalkan peraturan umum.

Kesimpulan

Keupayaan sastera kanak-kanak dalam meninggalkan kesan emosi penting kepada kanak-kanak. Bak kata pepatah Melayu “Melentur Buluh Biarlah dari Rebungnya”. Karya sastera kanak-kanak sewajarnya turut mengungkapkan unsur akaliah yang sifatnya indah. Melalui unsur akaliah ini tersisip ilmu atau pemikiran pengarang atau penulis. Justeru, hasil sastera merupakan perutusan, amanat, serta lontaran idea penulis untuk disampaikan dikongsi atau direnungi bersama oleh khalayak pembacanya. Di samping itu persoalan pemikiran, mesej dan gagasan idea dalam sesebuah karya sastera merupakan persoalan utama dan penting yang perlu difikirkan oleh seseorang penulis sebelum terhasil atau terciptanya sesebuah karya kreatif imaginatif. Dalam menjelmakan pemikiran atau idea, seseorang penulis atau penghasil sesebuah karya kreatif imaginatif akan berusaha menggabungkan dan memadatkan daya rasa (sensori) atau sensitif mereka. Mereka sedapat mungkin akan menyuntik perasaan khalayak melalui olahan dan fenomena yang diungkapkan sehingga menjadikan karya sastera berhasil meninggalkan kesan perasaan kepada khalayak pembaca. Kesan perasaan yang lahir seperti simpati, benci, marah, atau geram bersifat langsung mahupun tidak.

Bibliografi

- Fadzilah Kamsah, Muhamad Zakaria dan Husna Hassan. 2007. *Petua Mendidik Anak Menjadi Insan Positif*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. 1997. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadijah Rahmat. 2006. *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2000. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Harun. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan-Anak Beruang yang Berani* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- Mohd. Makzan Musa. 1997. *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Sidin Ahmad Ishak. 2005. *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kasim Ismail. 1999. "Sastera Kanak-kanak dan Remaja: Pentafsiran dan Penilaian Cerpen dan Novel Pilihan." *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Hanafiah Abd. Latif. 2007. *Siri Cereka Sains-Sang Murai Ingin Tahu*. Kuala Lumpur: Utusan & Distributors Sdn. Bhd.
- _____. Mat. Jilid. 2007. *Belajar Komputer*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Anak Itik Iri Hati* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn.Bhd.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Anak Musang Si Pencuri* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Simpati Anak Monyet* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Rezeki Anak Tupai* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Anak Katak Ikut Nasihat* Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Siri Teladan Anak-anak haiwan- Pembalasan Si Anak Gagak*. Kuala Lumpur: Early Learner Publication Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Goldilocks dan Tiga Ekor Beruang*. Kuala Lumpur: Kohwai & Yong Publications (M) Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Jejaka Biskut Halia*. Kuala Lumpur: Kohwai & Yong Publications (M) Sdn. Bhd.

- _____. 2008. *Jack Dengan Pokok Kacang Ajaib*. Kuala Lumpur: Kohwai & Yong Publications (M) Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Cinderella*. Kuala Lumpur: Kohwai & Yong Publications (M) Sdn. Bhd.
- _____. 2008. *Si Comel Bertudung Merah*. Kuala Lumpur: Kohwai & Yong Publications (M) Sdn. Bhd.
- Othman Puteh dan Aripin Said. 2010. Peny. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- _____. 2001. *Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Ramli Isin. 1997. *Novel Melayu Mutakhir*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zainurin Lokman Mat. Jilid. 2007. *Jasa Nuri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**MUSANG BERBULU AYAM:
KEPENGARANGAN YAHYA SAMAH¹**
*(THE FOX IN CHICKEN FEATHERS:
YAHYA SAMAH'S AUTHORSHIP)*

Che Abdullah Che Ya
Shaiful Bahri Md. Radzi

Abstrak

Artikel ini membincangkan kepengarangan Yahya Samah dalam dunia kreatif tanah air sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Bertugas sebagai guru, beliau muncul sebagai pengarang pada akhir 1950-an secara sukanya untuk menghiburkan rakan-rakan dengan melibatkan diri dalam pelbagai genre baik novel, cerpen mahupun drama. Sungguhpun begitu, kemasyhuran Yahya Samah menyerlah dalam penulisan novel yang bersifat erotik sehingga berjaya memenuhi cita rasa khalayak ketika itu. Umum beranggapan kejayaan Yahya terletak kepada kebijaksanaan gaya pengungkapan dan permainan kata-kata dalam melukiskan adegan-adegan sensasi. Daripada perspektif berbeza, kelebihan Yahya terletak pada motif “musang berbulu ayam” yang kerap kali digunakan dalam semua novel hasil tulisannya. Watak ini dapat dianggap sebagai “*focal point*” (titik fokus) yang mengawal perkembangan plot tersebut dan mewajarkan kehadiran adegan-adegan berunsur seks yang terkandung dalam karya-karya Yahya Samah. Watak yang menjadi sasaran beliau untuk mendukungi watak musang ini ialah watak-watak yang dalam realiti kehidupan sebenarnya adalah amat disegani dalam kelompok masyarakat terutamanya penghulu.

¹ Esei yang telah diperbaiki hasil pembentangan di Seminar dan Pameran Kepengarangan Selangor anjuran Persatuan Penulis Selangor, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor pada 1–2 November 2002 bertempat di UKM Bangi.

Kata kunci: Kepengarangan, Karya kreatif, Novel erotik, Musang berbulu ayam, Penghulu.

Abstract

This article deals with the authorship of Yahya Samah in the nation's creative writing era between 1960s and 1970s. A teacher by profession, Yahya emerged as an author late in the 50s for fun in order to please his friends who were writing novels, short stories and dramas. He gained his fame in novel writing especially in erotic ones as it suit the taste of the audience back then. General opinions are of the view that Yahya's successes are due to his genius in expression and word play in depicting sensational scenes. However, from a different perspective, his successes are based on the portrayal of the character of 'the fox in chicken feathers' which are used frequently in all his writings. Such a character can be considered as the focal point of Yahya's works that controls the plot advancement and the sex scenes. The targets of such character were usually played by the village chief who in real life is a renowned and well respected person in society.

Keywords: Authorship, Creative writing, Erotic novel, Fox in chicken feathers, Village chief.

Pengenalan

Yahya Samah muncul sebagai warga pengarang tanah air sekitar akhir tahun 1950-an dalam genre novel, cerpen² dan drama.³ Sungguhpun begitu, kemasyhuran beliau lebih menyerlah dalam penulisan genre novel terutama sekali yang bersifat 'sensasi.' Pada generasi yang berusia lingkungan 1960-

² Tahun 1956 memenangi hadiah sagu hati bagi negeri Selangor dalam peraduan cerita pendek anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan cerpen 'Daerah Yang Terbiar'. Antara antologi cerpen yang dihasilkan beliau ialah *Dimakan mabuk* (1966) dan *Malia* (1966), manakala *Gelisah* (1967) dan *Mercu 4* (1997) merupakan antologi bersama. Terkini, pada tahun 1996, beliau muncul sebagai pemenang Hadiah Pertama Hadiah Cerpen Maybank-DBP 1994-1995 dengan cerpen 'Jodoh dan Maut' (*Wajah: Biografi Penulis*, 2005: 757-761).

³ 'Sayang Disayang Buah Kepayang' dan 'Sekeping Tanah, Selelai Bendera' yang merupakan drama kanak-kanak yang kedua-duanya memenangi hadiah sagu hati dalam peraduan drama kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka tahun pada 1963 (*Ilias Zaidi*, 1976: 282).

an hingga 1970-an ketika ini, tentu sekali amat mengenali hasil kreativiti tokoh pengarang ini dengan lebih dekat lagi berbanding generasi semasa. Nama Yahya Samah mengingatkan zaman peralihan remaja kepada usia muda mereka yang seiringan dengan zaman kegemilangan tokoh ini begitu ghairah berkarya sekitar tahun 1960-an. Nama itu juga mengingatkan generasi ini kepada barisan watak-watak wanita seperti Sharifah Aini, Sophia, Ayu Rukiah, Sarah Dewi, Aidah, Anilah, Sulimah, dan Joo Joo yang cantik menawan bertubuh montok lagi menggiurkan umpamanya dalam *Layang-layang Putus Tali* (1964), *Dahaga* (1966), *Tembelang* (1966), *Pecah Berderai* (1967), *Perahu Kecil Belayar Malam* (1967), *Sophia* (1967), *Anak Muda Karam di Pantai* (1968), *Patah Dayung* (1968), *Air yang Diminum* (1974), *Kelkatu* (1976), *Bertiup Angin Beralih Awan* (1977), dan yang terbaharu *Anak Merdeka* (1988). Sekali imbas, daripada barisan judul karya sudah dapat dijangkakan isian yang ingin ditampilkan Yahya, seks, memandangkan judul-judul ini secara simbolik penuh kiasan memberikan konotasi yang sedemikian rupa.

Satu hal yang menarik, keadaan naskah karya tulisan Yahya dalam simpanan Perpustakaan Tun Seri Lanang dan perpustakaan cawangannya di ATMA,⁴ Universiti Kebangsaan Malaysia kesemuanya kelihatan agak lusuh. Keadaan ini mencerminkan betapa kerapnya buku-buku ini menjadi pilihan untuk dipinjam sebagai bahan bacaan sampingan kepada yang bersifat akademik. Dalam sebuah karya umpamanya, terdapat satu coretan nakal menganugerahkan gelaran tidak rasmi “*Prof. of Sexologi of Paris*” buat Yahya di lembaran judul atau lebih tepat lagi di bawah nama pengarang walaupun beliau tidak pernah menerima anugerah utama sastera.⁵ Bukan itu sahaja, di lembaran tertentu pula terdapat penanda, cacatan, contengan, kesan lipatan helaian muka surat, dan termasuk fraza atau ayat yang digaris secara sengaja sehingga menjadikan helaian itu agak lusuh berbanding dengan helaian yang lain. Pastinya, seperti yang diduga bahawa pada helaian itu terselit adegan mengghairahkan yang mungkin menjadi “*highlight*” kepada sesuatu karya tersebut. Dalam sebuah buku lain, terdapat catatan tidak rasmi, “**BUKU SEK SELINGAN UTK ANDA**” pada kulit luar seolah-olah iklan serta beberapa helaian muka suratnya yang hilang dan yang tinggal cuma kesan koyakan. Oleh itu, tidak mustahil Yahya Samah mendapat pelbagai jolokan dan gelaran sedemikian rupa dari peminatnya. Bakat dalam menguasai karya bertema sensasi ini banyak

⁴ Institut Alam dan Tamadun Melayu, dahulunya Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.

⁵ Kebanyakan kejayaan yang diraih sepanjang kerjayanya berkarya ialah hadiah sagu hati baik dalam genre novel, cerpen mahupun drama.

bergantung kepada kebolehan beliau yang cenderung menggunakan watak yang dapat diistilahkan sebagai watak “Musang berbulu ayam” dalam membina dan menggerakkan plot-plot sensasi itu. Sehubungan ini, perbincangan ini akan membincangkan watak ini dalam semua karya novel Yahya Samah dengan memberi tumpuan khusus kepada *Layang-layang Putus Tali* – novel pertama dan juga yang terbaik pernah beliau hasilkan.

Yahya Samah

Anak jati Selangor kelahiran Ulu Kelang pada 6 Mac 1932 kini telah mencecah usia 78 tahun.⁶ Sebagai warga emas, Yahya Samah atau nama penanya Yabas sudah tidak aktif lagi dalam berkarya kerana keuzuran dan lanjut usia walaupun beberapa kali mengakui masih mempunyai keinginan dan minat untuk berbuat demikian.⁷ Kini, beliau bertukar haluan dalam dunia pengurusan koperasi dengan aktif sekali secara sepenuh masa dalam koperasi yang turut sama beliau terlibat dalam mengasaskannya, Koperasi Serbaguna Pegemas Berhad.⁸ Koperasi ini boleh dianggap sebagai “kelab elit guru-guru pencen yang telah lanjut usia” (lebih 60 tahun ke atas) yang dari semasa ke semasa semakin susut ahlinya untuk menguruskan aset bernilai jutaan ringgit. Mesyuarat agung setiap tahun dinanti penuh minat kerana berpeluang bertemu rakan-rakan; mengenang semula zaman muda masing-masing; bertanya khabar tentang kesihatan; bermegah dengan bilangan anak cucu serta keluarga dan termasuk juga kejayaan mereka; memohon doa untuk kesejahteraan rakan yang uzur dan juga menghadihkan al-Fatihah kepada rakan yang tidak berkesempatan ke mesyuarat dek meninggal dunia.

⁶ Menerusi perbualan telefon pada 25 Julai 2010, beliau menjelaskan bahawa tarikh lahir rasminya ialah 6 Mac 1932 bukan 7 Mac 1932 (*Ilias Zaidi*, 1976: 282) mahupun 22 Mac 1932 (*A Biography of Malaysian Writers*, 1985: 299) dan (*Wajah: Biografi Penulis*, 2005: 757). Walaupun 6 Mac 1932 merupakan tarikh lahir rasmi yang didaftarkan tetapi tarikh lahir beliau yang sebenar ialah 22 Jun 1930. Pengubahsuaian ini dilakukan atas usaha ayahnya bagi membolehkan beliau memasuki SITC pada tahun 1949 kerana telah melebihi had umur yang ditetapkan British ketika itu 18 tahun. Pengubahsuaian ini atau diistilahkan ketika itu “curi umur” seperti digalakkan oleh British.

⁷ Walaupun “bersara” dalam penulisan kreatif tetapi dalam tempoh ini beliau pernah diberi ruang tetap menulis sorotan cerpen di *Mingguan Wanita* dan ruangan “Bimbingan Penulisan Bacaria” dalam akhbar *Bacaria* selain terlibat dengan ceramah penulisan kreatif di kalangan penulis muda (*Wajah: Biografi Penulis*, 2005: 759).

⁸ Beliau adalah antara tokoh penting yang mengasaskan semula koperasi ini yang pada asalnya Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor pada tahun 1981 setelah tanah yang menempatkan bangunan milik persatuan disita kerajaan kerana tamat tempoh pajakan. Melalui bantuan usahasama dengan Tan Sri Datuk Hj. Mustapha Kamal (MKLand), cukai tanah berjaya dilunaskan dan kelangsungan koperasi ini berterusan hingga kini yang beribu pejabat di Chow Kit di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur.

Yahya Samah atau nama penuhnya Yahya bin Abu Samah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Ulu Kelang pada tahun 1939. Senasib dengan generasi sezaman, pendidikan awal Yahya tergendala akibat Perang Dunia Kedua tetapi disambung semula di tempat yang sama pada tahun 1947. Tamat persekolahan ketika berusia sekitar 18 tahun, beliau berpeluang menjadi guru apabila dilantik mengajar di daerah Kuala Langat.⁹ Antara tahun 1949 hingga 1952, beliau berpeluang memasuki Sultan Idris Training Collage (SITC) sebagai persediaan menjadi guru. Sebagai lulusan SITC dan dianggap sebagai golongan ‘elit Melayu’ ketika itu, Yahya berpeluang mengajar di beberapa sekolah di Sabak Bernam¹⁰ dan Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Pada tahun 1960, Yahya sekali lagi berpeluang mendalami ilmu pedagoginya apabila diterima masuk ke Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur atau lebih dikenali ketika itu sebagai ‘LI’ (*Language Institute*) sahaja. Setelah tamat kursus di LI, beliau mengajar di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur.¹¹ Walau bagaimanapun, pada tahun 1967 beliau meninggalkan alam perguruan dan berpeluang berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di bawah kementerian baru ini Yahya Samah pernah bertugas di Kuala Kubu, Kuala Terengganu dan akhirnya di Kuala Lumpur sebelum bersara. Di perkhidmatan baru ini, beliau banyak melibatkan diri dengan tugas-tugas mengarang secara khusus kerana diamanahkan untuk mengendalikan majalah *Pemimpin* dan *Gelanggang* (Wajah: *Biografi Penulis*, 2005: 757-761).

Minat dan bakat yang mendalam Yahya Samah ke atas bidang penulisan kreatif ini dibuktikannya apabila memenangi hadiah penghargaan dalam Peraduan Mengarang Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958. Karya “Bukan Salah Ibu Mengandung” yang dianjurkan bagi penilaian di pertandingan tersebut kemudiannya diterbitkan sebagai *Layang-layang Putus Tali* pada tahun 1964. Novel pertama ini secara langsung mengangkat nama Yahya Samah sebagai seorang pengarang yang pada mulanya dianggap semata-mata untuk

⁹ Pertamanya di Sekolah Melayu Sungai Buaya (1 Februari 1948 – 1 Mei 1948) dan kemudiannya ditukarkan ke Sekolah Melayu Batu Laut (1 Mei 1948 – akhir 1948) perbualan telefon bersama beliau pada 25 Julai 2010.

¹⁰ Pada ketika itu sekitar tahun 1960-an dan awal 1970-an, kawasan Sabak di Selangor ini dianggap semua kaki tangan kerajaan dan tidak terkecuali guru sebagai “tempat buangan” suatu label negatif kerana kekurangan infrastruktur terutama bekalan air paip dan letrik di situ.

¹¹ Keterangan lanjut tentang kerjaya Yahya Samah sebagai guru, lihat, Wajah: *Biografi Penulis* (2005: 757-761).

menghiburkan beberapa orang temannya.¹² Pulangan yang diterimanya hasil dari royalti *Layang-layang Putus Tali* diakui beliau sendiri sebagai dorongan untuknya menceburkan diri dalam bidang penulis kreatif secara aktif (*Wajah: Biografi Penulis, 2005: 757-761*).

Kemunculan novel pertama penulis guru¹³ ini secara langsung meletakkan Yahya Samah di kedudukan tersendiri dalam deretan pengarang novel Malaysia iaitu sebagai novelis erotik yang begitu menonjol sekali. Supardy Muradi (1979: 194-195) dalam kajiannya ke atas novel 'erotik' Melayu tahun 1960-an hingga 1970-an, mengklasifikasikan tema erotik ini kepada empat kategori iaitu pergaulan bebas muda-mudi, materialistik, perlakuan sumbang, dan kemiskinan atau terpedaya. Sungguhpun terdapat empat tema utama yang diungkapkan tetapi ia sering disampaikan secara bertindan lapis antara satu sama lain. Masalah pergaulan muda-mudi yang begitu bebas tanpa batasan cukup mendominasi. Faktor materialistik dalam kehidupan dan kurangnya keimanan juga menjuruskan diri kepada kehancuran. Perlakuan sumbang mahram (perlakuan sumbang) turut diungkap selain gejala ini diakibatkan juga oleh kemiskinan dan terpedaya. Sering kali, pihak perempuan akhirnya akan berada di kedudukan yang paling malang menjadi mangsa akibat tindak tanduk mereka yang melulu tanpa berfikir panjang.

Melalui penggarapan tema-tema ini, pengarang 1960-an hingga 1970-an yang dibicarakan oleh Supardy Muradi (1979) tanpa segan silu menyatakan gejala sosial ini secara terang-terangan. Perlukisan yang tergambar dalam novel-novel itu tidak dapat ditolak kerana sememangnya berlaku dalam realiti kehidupan sehari-harian. Antara barisan pengarang yang diperkatakan oleh Supardy (1979) termasuklah Yahya Samah. Keempat-empat tema rumusan Supardy ini kesemuanya digarap Yahya Samah dalam karya-karyanya yang diungkap dan dijalin dengan begitu baik melalui watak protagonist wanita cantik jelita tetapi malang dan teraniaya seperti Sharifah Aini, Sophia, Ayu Rukiah, Sarah Dewi, Aidah, Anilah, Sulimah, dan Joo Joo sehingga mendapat sambutan khalayaknya. *Wajah: Biografi Penulis (2005: 758-759)* menjelaskan:

¹² Dalam sebuah karya di helaian penghargaannya terdapat catatan "Istimewa untuk teman-temanku yang selalu mengarut." Kenyataan ini jelas sekali menggambarkan niatnya untuk berkarya dan lebih-lebih lagi dalam menghasilkan novel-novel erotik.

¹³ Untuk keterangan lanjut tentang sumbangan dan peranan angkatan penulis guru dalam senario penulis kreatif tanah air, lihat Ahmad Kamal Abdullah (1992: 237).

Sejak pertengahan tahun 1960-an, Yahya memperlihatkan kecenderungannya menulis cerita-cerita yang berunsur seks dengan kisah-kisah sensasi melalui cerpen dan novel. Beliau nampaknya lebih berminat untuk memberi hiburan kepada masyarakat pembacanya. Maka itu, beliau terkenal sebagai penulis cerpen dan novel yang gemar mengutarakan kisah-kisah seks dengan memberikan penekanan yang berlebihan terhadap unsur tersebut. Karyanya menjadi bahan bacaan dan digemari oleh pembaca golongan muda-mudi.

Novel-novelnya amat laris di pasaran dan kerana itu tidak hairanlah beberapa buah novelnya telah banyak kali diulang cetak. Antara novel-novelnya yang mendapat sambutan termasuklah novel *Layang-layang Putus Tali*, *Perahu Kecil Belayar Malam*, *Dahaga*, *Tembelang*, *Sophia* dan *Pecah Berderai*. Persoalan yang sering ditimbulkan oleh Yahya dalam kebanyakan novel-novelnya ialah tentang kegelojohan dan kegilauan manusia terhadap seks.

Keistimewaan Yahya Samah dalam mengolah novel berunsur erotik memenuhi cita rasa khalayaknya ketika itu secara langsung meningkatkan pasaran dan keuntungan dinikmati bersama baik penerbit, pencetak mahupun Yahya Samah sebagai pengarang. Bagi Yahya bayaran royalti yang diterima cukup lumayan sehingga mendorongnya untuk menghasilkan beberapa novel lagi yang senada dan sealiran dengannya. Fenomena ini mencerminkan bahawa persoalan seks menjadi daya penarik kepada khalayaknya yang dahagakan cerita-cerita yang bertemakan sedemikian rupa. Selain memenuhi cita rasa khalayak, Li Chuan Siu (1986: 447) memberikan pujian kepada kebijaksanaan gaya pengungkapan dan permainan kata-kata Yahya Samah dalam melukiskan adegan-adegan sensasi. Hamburan pujian itu diluahkan apabila menjelaskan:

Tetapi ada satu hal yang sangat mengagumkan, iaitu pandainya pengarang menyembunyikan babak-babak hidup dalam peristiwa hubungan jantina, misalnya: (1) Sharifah Aini kelihatan tergesa-gesa keluar. Di muka pintu biliknya itu ia terpenpan memerhatikan Datuk Ujang yang ketika itu sedang membetul-betulkan bajunya. (hlm. 142); (2) Sejurus kemudian terdengar Sharifah Aini menarik nafas. Maskam menyapu mulut. (hlm. 206). Babak-babak itu halus sekali, hati pembaca tidak didenyutkan; lain

halnya dengan babak demikian yang terlukis dalam antologi cerpennya *Malia*, di mana hati pembaca betul-betul didenyutkan sampai berdebar-debar rasanya.

Pandangan Li Chuan Siu ini turut dikongsi sama apabila diungkapkan *Wajah: Biografi Penulis* (2005: 759):

Yahya Samah selalu mendapat pujian terutamanya oleh pembaca-pembaca novelnya daripada golongan muda kerana Yahya cukup pintar dari segi permainan bahasa terutama dalam mengemukakan adegan-adegan sensasi itu.

Secara umumnya, dapat dianggap bahawa kekuatan Yahya Samah dalam berkarya terletak kepada keserasian cerita berunsur erotik itu memenuhi cita rasa khalayak dan juga gaya pengolahan bahasanya. Keadaan ini mencerminkan kebijaksanaan beliau memilih khalayak sasaran dalam menghasilkan karya dan juga kekuatan bahasanya dalam 'menghalalkan' penyampaian agar karya yang terhasil tidak dikelaskan sebagai lucah atau porno tetapi lebih bersifat "sensasi" yang menitikberatkan unsur estetik daripada merangsang erotik semata-mata.¹⁴ Sungguhpun begitu, jika diperhalusi satu persatu novel Yahya Samah akan terserlah nanti bahawa kedua-dua faktor ini disokong pula oleh kecenderungan beliau membina dan mengutarakan watak yang dikenali sebagai "Musang berbulu ayam." Melalui penonjolan watak ini, Yahya bebas menggerakkan cerita yang berunsur erotisme ini dengan lebih berkesan dan menarik sehingga menjadikannya sebagai satu kecenderungan kepada kepengarangan beliau.

Musang Berbulu Ayam

Bagi orang Melayu yang tinggal di desa terutama di pinggir hutan dan belukar, musang merupakan musuh tradisi mereka. Jika tidak dicegah, musang akan menjadi pesaing kepada warga desa kerana ayam peliharaan mereka adalah mangsa mudah untuk dijadikan makanan binatang pemangsa ini. Secara semula jadi musang akan mengelak berhadapan

¹⁴ Pada tahun 1984, Kementerian Dalam Negeri telah menguatkuasakan undang-undang pengharaman ke atas karya-karya yang menonjolkan unsur seks melulu dengan mengharamkan 24 judul karya dan salah satu daripada karya ini ialah *Sophia* karangan Yahya Samah. Pemilik buku boleh dikenakan denda RM5,000 manakala pesalah mencetak dan mengedar didenda RM20,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya, keterangan lanjut lihat Nurazmi Kuntum (1991: 222).

dengan manusia berbanding binatang pemangsa lain yang lebih ganas seperti harimau yang akan menyerang. Saiz musang yang agak sederhana besar dan habitatnya di pinggir hutan, belukar, dan semak samun berhampiran kediaman manusia menjadi kelebihan bagi binatang pemangsa ini menyelinap masuk mencari mangsa dan kemudiannya dengan cepat meloloskan diri menghilang untuk bersembunyi. Kelicikan tindakan (mencuri–menangkap ternakan), kecekapan penyamaran dan kepantasan bersembunyi adalah sifat semula jadinya yang sama seperti seorang pencuri dalam aktivitiinya. Keakraban hubungan antara manusia Melayu dengan musang membawa pengalaman dalam kehidupan yang secara langsung disimbolkan negatif, jahat yang kemudiannya dirakamkan dalam peribahasa sebagai kiasan kepada tabiat manusia yang jahat terutamanya yang suka mencuri serta pandai menyembunyikan kejahatan tersebut–menyamar. Dalam warisan perbendaharaan peribahasa Melayu terdapat beberapa ungkapan seperti:

- i. **“Musang berbulu ayam,”** orang jahat yang menyamar sebagai baik (*Abdullah Hussain, 1989: 153*)¹⁵
- ii. **“Hidup seperti musang,”**¹⁶ seorang pencuri atau orang yang jahat budi pekertinya. Siang ia tidak kelihatan tetapi malam hari ia merayap mencari mangsanya (*K. St. Pamuntjak, N. St. Iskandar dan A. Dt. Madjoindo, 2004: 302*)
- iii. **“Musang jebat lari tinggal baunya,”** orang yang baik atau jahat itu, apabila pindah ke tempat lain, namanya akan disebut-sebut orang juga. (*Abdullah Hussain, 1989: 153-154*)
- iv. **“Musang terjun, rantai terjungkit,”** tanda-tanda atau bukti tentang kejahatan yang telah dibuat (*Abdullah Hussain, 1989: 154*)

Secara umumnya, kesemua peribahasa di atas merujuk musang sebagai binatang jahat yang bijak menyembunyikan kejahatannya tetapi tidak terlalu ganas sehingga boleh membawa ancaman yang memudaratkan. Apabila dipadankan dengan tabiat manusia, secara kiasannya, manusia yang jahat itu (yang sebenarnya menjadi musuh) sentiasa berada berhampiran menanti peluang untuk bertindak tanpa disedari kerana setiap tindak tanduknya mampu mengabui mata dari sebarang bentuk kecurigaan dan hanya disedari apabila kejahatan itu telah membawa kemudatan apabila terbongkar kemudiannya.

¹⁵ Serigala berbulu domba. Motif serigala dan kambing jenis kibas tidak popular dalam folklor Melayu oleh itu peribahasa ini mungkin pengaruh asing campuran Eropah dan Arab yang mempunyai pengertian yang sama dengan yang asli miliki tempatan, musang berbulu ayam.

¹⁶ Lang pungguk lang berikan, tidur siang berjaga malam. Sejenis burung helang yang juga mempunyai sifat dan tabiat yang sama seperti musang.

Dalam sastra Melayu, motif musang sudah berakar lebih awal lagi dalam sastra tradisional terutamanya dalam cerita jenaka *Musang Berjanggut*.¹⁷ Kisah berbentuk sindiran ini mendedahkan salah laku golongan bangsawan, tampuk yang pemegang kuasa baik Raja, Putera Raja, Bendahara, Tok Menteri, Temenggong mahupun Tuan Kadi yang jatuh berahi akan kejelitaan isteri Kemala al-Arifin, dan Dang Seri Arif Laksana. Menerusi status kedudukan masing-masing, mereka berangan-angan untuk memiliki wanita itu secara helah dan muslihat selain mengharapkan agar Kemala al-Arifin ditimpa bala dan mati. Melalui helah dan muslihat juga ianya diatasi apabila musang berjanggut yang dituntut untuk dicari bagi dipersembahkan kepada raja sebagai ubat untuk mengubati penyakit mudarat (pura-pura) baginda. Musang yang merupakan pemangsa bertukar peranan dijadikan mangsa apabila Tuan Kadi terperangkap di dalam peti lalu didakwa sebagai ‘musang berjanggut.’ Secara tersirat, persembahan musang berjanggut itu mendedahkan peribadi buruk golongan berkuasa itu sehingga menimbulkan rasa malu kepada setiap orang yang terlibat kerana masing-masing berada di rumah Dang Seri Arif Laksana untuk menggodanya ketika ketiadaan suami (*Winstedt, 1909: 121-172*).

Sehaluan dengan itu, motif musang yang jahat dan bijak menyembunyikan kejahatan itu terpancar pula dalam karya moden dan sekali gus mencerminkan perlanjutan motif digunakan. Berdasarkan karya-karya Yahya Samah, amat jelas watak ‘musang berbulu ayam’ adalah manusia jahat yang amat licik menyembunyikan identiti sebenar sehingga sukar dikesan akan kejahatannya. Oleh itu, motif musang ini kerap kali digunakan untuk mengembangkan plot-plotnya dalam sesuatu novel hasil tulisan Yahya Samah. Watak ini dapat dianggap sebagai “*focal point*” (titik fokal) yang mengawal perkembangan plot tersebut dan mewajarkan kehadiran adegan-adegan berunsur seks yang terkandung dalam karya-karya Yahya Samah. Kebiasaannya, watak yang menjadi sasaran beliau untuk mendukungi watak musang ini ialah watak-watak yang dalam realiti kehidupan sebenarnya adalah amat disegani dalam kelompok masyarakat dan termasuk keluarga. Antara barisan ‘musang’ yang menjadi fokus Yahya ialah penghulu, haji, penyewa rumah dan abang ipar. Walau bagaimanapun, watak penghulu merupakan watak yang telalu kerap digunakan oleh Yahya dalam menggerakkan plot dalam kebanyakan ceritanya. Dalam deretan novelnya, cuma sekali sahaja Yahya Samah menyebut tentang peranan watak ini, iaitu dalam *Bertiup Angin Beralih*

¹⁷ Winstedt (1969: 21) mendakwa bahawa cerita ini saduran dan pinjaman daripada motif India dan juga Arab yang disesuaikan pengarang Melayu dalam situasi tempatan.

Awan (1977: 203) ketika ia mengulas, tentang watak Tomah Bidan yang mengalami “kecelakaan” apabila Yahya menulis sebagai “Tomah Bidan ada memelihara **musang berbulu ayam**.”¹⁸

Dalam *Layang-layang Putus Tali* yang merupakan karya sulung Yahya dan juga karya yang mengangkat namanya sebagai seorang penulis,¹⁹ khalayak diperkenalkan dengan watak Datok Empat Ujang, Penghulu Kampung Ulu Kelang. Selain menjawat jawatan penghulu beliau juga seorang haji. Kedua-dua status ini terutamanya dalam masyarakat kampung Melayu yang tipikal amat dihormati dan disegani oleh anak-anak buah yang bernaung di bawahnya. Tokoh pemimpin yang menjadi pelindung dan sandaran masyarakat ini digarap dan diadun pula dengan tokoh seorang alim melalui gelaran “haji” yang diberikan kepada Datok Empat Ujang. Bukan sekadar itu sahaja, Yahya juga melukiskannya sebagai seorang pekedai yang menjadi sandaran kepada masyarakat tempatan untuk mendapat bekalan makanan serta menyediakan tapak bernaung untuk berhutang di kedainya. Oleh itu, setiap katanya didengar dan nasihatnya dituruti oleh penduduk kampung. Melalui watak musang berbulu ayam yang berstatus penghulu, haji dan pekedai inilah Datok Ujang berjaya memerangkap mangsanya Sharifah Aini, seorang berdarah berketurunan Arab (DKA) dari Pasir Mas, Kelantan yang tersepit di antara cinta dan keluarga hingga membawa dirinya bersama suami ke Kampar, Ipoh, Taiping, Kuala Lumpur, dan akhirnya terdampar di Ulu Kelang. Pengembaraan pasangan ini terakam melalui pengakuan suami Sharifah Aini, Kamal kepada Badri seorang kenalan barunya di Ulu Kelang apabila memberitahu identiti dirinya:

“Kampung saya Pasir Mas. Sudah tujuh tahun kami meninggalkan kampong-halaman. Mula² dahulu saya bekerja kapal korek di-Kampar. Bila kapal itu di-tutup kami berpindah pula ka-Ipoh, kemudian ka-Taiping, ka-Ipoh balek, dan akhir-nya ka-Kuala Lumpur,”...

(*Layang-layang Putus Tali* 1964: 23).

Keperitan hidup yang dilalui pasangan muda ini digunakan sepenuhnya oleh Datok Ujang. Bagi menjayakan rancangan jahatnya, Datok Ujang memasang perangkap menabur budi dengan menghulurkan

¹⁸ Watak “musang” yang dirujuk dalam karya itu ialah Samid, suami kepada Tomah Bidan yang secara langsung merupakan ayah tiri kepada Siti Rodiyah.

¹⁹ Karya yang memenangi hadiah penghargaan Peraduan Mengarang Novel Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1958.

bantuan demi bantuan termasuk memberi tempat tinggal, tanah untuk bercucuk tanam, getah untuk ditoreh, kemudahan hutang di kedai, wang ringgit serta pujuk rayu, dan godaan ke atas Sharifah Aini. Budi baik Datok Ujang yang mengandungi maksud tersirat, 'ada udang di balik batu,' ini hanyalah untuk mengabui mata demi memikat Sharifah Aini yang cantik jelita. Bentuk bantuan yang dihulurkan oleh Datok Ujang dilukiskan oleh Yahya Samah sebagai berikut:

“Esok pindah-lah ka-rumah belakang ‘tu,” kata Datok Ujang menyuruh Kamal berpindah ka-rumah isteri muda-nya dahulu. ‘Duduk-lah di-situ. Bela-lah rumah ‘tu buat seperti rumah sendiri,’kata Datok Ujang lagi.

Dua-tiga hari yang telah lalu Kamal telah mula membersekan kawasan keliling rumah itu. Tetapi ia ta’ dapat membuat kerja dengan ber-sunggoh², kerana sa-lain dari kerja² di-situ, dia juga terpaksa pergi ka-kebun getah yang terletak di-belakang rumah-nya itu untuk dibersihkan, di-buat jalan dan menggantikan mana mangkok² getah yang telah pecah².

Buat sementara ini --- sementara Kamal pandai memotong, dan sa-hingga mendapat hasil²-nya --- Datok Ujang menyuruh mereka mengambil barang² makan di-kedai-nya itu dahulu. Hutang² itu nanti boleh-lah di-kira kemudian. Demikian juga berkenaan rumah --- buat masa sekarang dudok-lah begitu sahaja. Bila sudah ada wang besok, sudah mampu hidup sendiri, boleh-lah di-bayar sewa-nya

(Layang-layang Putus Tali 1964: 34).

Walau bagaimanapun, pada peringkat awal rancangan penghulu itu tidak berjaya kerana wanita DKA itu masih mampu bertahan memandangkan ia masih mempunyai tempat pergantungan, suaminya Kamal. Tindakan yang lebih drastik kemudiannya diambil, iaitu melalui pengasingan pasangan muda itu. Kesempatan itu tiba juga akhirnya apabila Datok Ujang menganjurkan satu cadangan kepada Kamal supaya mencari atap di tepi hutan bagi menggantikan atap bocor di rumah yang mereka ditumpangi itu. Pemergian Kamal itu akhirnya memisahkan pasangan itu dan seterusnya memporak-perandakan keluarga tersebut. Sharifah Aini terdedah kepada godaan yang bertalu-talu daripada Datok Ujang dan akhirnya melarat ke lembah penghinaan. Sungguhpun, khalayak sudah dapat mengagak dari awal lagi gejala kehilangan Kamal di hutan itu gara-gara Datok Ujang @ Datok Haji Ujang, tetapi Yahya Samah

menyembunyikan kenyataan itu sehingga ke akhir cerita apabila Kamal bersemuka dengan Sharifah Aini semula dan ketika suami malang itu cuba memujuk isterinya:

“Tetapi aku masok hutan bukan kehendak-ku. Aku di-paksa,” kata Kamal sa-telah ia menguchap beberapa kali. Ke-dua² tangan-nya berpaut pada tiang pintu. Ia tundok. “Aku di-paksa. Datok Ujang sendiri yang memaksa-ku,” ia diam lagi

(*Layang-layang Putus Tali*, 1964: 251).

Kehilangan Kamal benar-benar menjadikan Sharifah Aini hilang tempat bergantung dan keperitan hidup yang dialaminya itu menepati sekali dengan judul karya tersebut iaitu *Layang-layang putus tali*. Kehilangan itu juga menyebabkan hidup Sharifah Aini tertekan kerana terpaksa menyara anak tunggal mereka Zaini yang sering sakit pula dan juga dirinya sendiri yang hilang tempat bergantung. Bukan itu sahaja, ia menjadi bualan masyarakat kampung yang sememangnya terkenal dengan sikap ‘menjaga tepi kain orang lain’ sama ada kerana suaminya dicap sebagai komunis mahupun dirinya yang cantik itu terdedah kepada rebutan ramai. Dalam isu komunis, telah sedia termaktub peraturan di kampung itu bahawa sesiapa sahaja dari ahli keluarga yang terlibat dengan komunis secara automatik keluarga itu harus dinyahkan dari situ. Sebagai orang dagang yang membawa untung di tempat orang, Sharifah Aini memerlukan simpati dan bantuan untuk kelangsungan hidup. Demi kasih ibu terhadap anaknya yang sakit itu menyebabkan Sharifah Aini hilang rasa malu dan pertimbangan diri lalu sanggup mendapatkan Datok Ujang untuk menjual dua helai kain batik miliknya. Tawaran bagi mendapatkan wang untuk membeli ubat itu ditolak dengan pelbagai alasan. Dalam keadaan sudah jatuh ditimpa tangga itulah Datok Ujang --- penghulu dan juga haji yang berwatak musang berbulu ayam itu kemudiannya datang mengugut-ngungut akan hutang yang perlu dijelaskan oleh Sharifah Aini sambil menawarkan pertolongan jika ia sanggup tunduk kepadanya. Godaan yang bertalu-talu ke atas hati perempuan yang semacam kerak nasi itu akhirnya lembut juga apabila mempertimbangkan tentang kesihatan anaknya dan kehidupannya dua beranak di hari muka. Landaan pujuk rayu dan keperitan hidup setelah hilang tempat bergantung akhirnya menyebabkan Sharifah Aini tunduk layu merelakan dirinya menjadi ‘isteri tidak resmi’ Datok Ujang. Yahya melukiskan keadaan itu sebagai berikut:

Dunia sa-makin tua. Perhubungan mesra di-antara Datok Ujang dengan Sharifah Aini sudah berlalu sa-lama enam bulan! Dalam jangka waktu enam bulan ini banyak perubahan² yang telah berlaku bagi ke-dua² pehak.

Kehidupan Sharifah Aini sejak beberapa bulan ini sudah mula menjadi cerah. Nyawa anak-nya dan nyawa diri-nya sendiri sudah agak terjamin. Ia ta' perlu lagi memikirkan wang untok hidup. Ia senang. Kadang² ia melanjutkan tidor-nya sa-hingga fajar menyinsing. Benarlah saperti sangkaan-nya dahulu bahawa ketawa-nya, bahawa senyuman-nya, dapat menjamin kehidupan-nya, tidak saperti tangis-nya, saperti ayer mata-nya, tidak berguna.

(Layang-layang Putus Tali, 1964: 143).

Hari-hari panas akhirnya dilanda ribut dan hujan juga. Zaman mewah yang bersifat sementara itu hanyalah ibarat retak menanti belah sahaja dan kesengsaraan berulang kembali dengan lebih drastik lagi. Detik kehancuran Sharifah Aini bermula apabila dia mendedahkan kepada Datok Ujang tentang kehamilannya. Berita itu merupakan tamparan hebat kepada Datok Ujang. Dia meragui kandungan itu zuriatnya, enggan bernikah takut menjadi kecaman dan ejekan masyarakat kampung, takut kepada isterinya serta takut dilabelkan sebagai tali barut komunis yang dipegangnya sendiri. Akhirnya Sharifah Aini dinyahkan dengan hina sekali walaupun pelbagai usaha dilakunya untuk bernikah dengan Datok Ujang sebelumnya.

Lebih menarik lagi, untuk memungkinkan Datok Ujang bergerak bebas menjadi 'musang' tanpa dapat dikesani oleh mangsanya, Yahya Samah menggunakan zaman darurat²⁰ sebagai latar masa ketika negara mengalami ancaman komunis. Lebih mengukuhkan lagi peristiwa yang dirakamkan itu Yahya memilih latar tempatnya di Ulu Kelang yang ketika itu masih lagi merupakan sebuah kampung terpencil serta berdekatan dengan hutan yang menjadi sarang komunis. Zaman darurat yang sentiasa menjadikan penduduk hidup dalam ketakutan terpaksa mengurung diri di rumah lebih-lebih lagi ketika waktu malam kerana kerajaan melaksanakan perintah berkurung. Kesempatan inilah yang digunakan oleh Datok Ujang untuk memerangkap mangsanya, Sharifah Aini yang jauh lebih cantik dari isterinya, Mak Haji. Yahya Samah (1964: 143) menulis:

²⁰ Darurat dikuatkuasakan pada tahun 1948 hingga 1960 oleh kerajaan bagi mengekang ancaman komunis.

Datok Ujang pun kelihatan berubah–berubah sikap dan watak. Dahulu ia sentiasa memikirkan kesusahan² yang sentiasa di-tanggung oleh anak² buah-nya di-kawasan hitam ini, tetapi sekarang tidak lagi. Biar-lah dzarurat berlanjutan. Biar-lah kawasan hitam itu berkekalan. Biar-lah. Itu lebih menguntungkan!

Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga. Kesempatan zaman darurat itu jugalah yang menghancurkan reputasi Datok Ujang sebagai penghulu dan haji, tokoh pemimpin yang disegani di kampung tersebut serta mendedahkan dia sebagai ‘musang berbulu ayam.’ Pada malam yang disangkakan cukup indah oleh Datok Ujang untuk bersenang-senang di samping Sharifah Aini itulah merupakan malam sial baginya. Sharifah Aini rupanya mempunyai agenda lain untuk mendedahkan kehamilannya dan mendesak penghulu untuk bernikah bagi ‘menghalalkan kandungannya.’ Malam itu jugalah musang terjebak berkaparan mati ditembak di hadapan rumah ‘isteri tak resminya’ apabila meninggalkannya dengan penuh kehampaan kerana tidak dapat memenuhi tuntutan batinnya. Dalam kepekatan malam *cerfew* musim darurat itu dia disangkakan komunis gara-gara mahu mengelakkan dari menerima malu menziarahi rumah perempuan yang digantung tidak bertali. Kematian itu menjadi tanda tanya oleh anak-anak buahnya yang tampil beberapa minit kemudian sama ada ia ditembak oleh Kamal, komunis atau mungkin juga pemuda kampung yang menjadi pesaing Datok Ujang untuk memenangi hati Sharifah Aini termasuk Badri pemuda yang terkenal dengan baik budi di situ. Yahya merakam peristiwa itu dengan cukup tragik:

Mahu ta’ mahu Datok Ujang terpaksa turun dari rumah itu. Empat-lima langkah ia berjalan ka-hadapan ia berhenti kemudian menoleh ka-belakang. Lepas itu ia mendongak ka-langit merenongi bintang² yang lesu. Kemudian tundok sa-mula. Berjalan lagi ka-hadapan. Satu ketika ia mengangkat senapang-nya ka-atas, sa-paras pinggang. Kemudian lambat² turun sa-mula. Tetapi tangan kanan-nya yang memegang senapang itu kelihatan tidak berlelgang.

‘Siapa...?’ suatu sergahan yang datang dengan tiba².

Tidak menjawab.

“Siapa...?’sergahan itu kedengaran bertambah nyaring dan kuat membelah malam. ‘Kominis?’

Muka Datok Ujang menjadi puchat. Badan-nya menggeletar ta’dapat di-tahan². Mulut-nya terkunchi

saperti mulut kanak² di-marahi ayah-nya. Ia berpaling ka-belakang, ka-kiri dan ka-kanan, memerhatikan tempat kedatangan suara itu, kemudian melompat ka-hadapan, berlari...

‘Jangan lari...’

Tidak ada jawapan.

‘Berhenti...’

Tidak ada jawapan juga.

Satu letupan kuat terdengar membelah malam. Letupan yang tiba² dan bagitu dahshat itu di-iringi oleh dua letupan lagi. Sa-butir peluru mengenai bahu-nya di-belah kanan sa-belum ia sempat menghabiskan langkah-nya yang ketiga. Tetapi ia maseh bertenaga. Bisa peluru itu sa-olah² tidak di-rasai-nya. Ia penoh ketakutan. Ketakutan-lah yang membawa ia berlari.

Satu letupan yang lain terdengar lagi. Letupan ini di-iringi pula oleh satu jeritan kuat meminta tolong. Jeritan itu kian lemah, dan akhir-nya hilang di-telan oleh beberapa letupan lagi. Dan Datok Ujang rebah ka-bumi

(*Layang-layang Putus Tali*, 1964: 159-160).

Pengalaman pahit Sharifah Aini terheret ke lembah maksiat dalam *Layang-layang Putus Tali* akibat dalang seperti musang berbulu ayam ini diterapkan terus oleh Yahya Samah dalam karya-karyanya yang lain selepas itu. Dalam *Perahu Kecil Belayar Malam* (1967b), Yahya menampilkan sekali lagi peranan penghulu iaitu Datok Penghulu Baharuddin sebagai watak musang berbulu ayam yang cuba menggoda Ayu Rukiah, janda muda beranak satu. Walaupun tubuh Ayu Rukiah dapat dijamah beberapa kali tetapi ia tidaklah semalang Sharifah Aini. Ayu Rukiah tersepit antara kehormatan diri dan kasih kepada Donan, ayahnya. Donan mengharapkan bantuan penghulu untuk mendapatkan sekeping tanah bagi menjamin kehidupan di masa hadapan. Tembelang penghulu akhirnya terbongkar juga apabila Ayu Rukiah menyedari bahawa Yang Berhormat wakil rakyat yang disebut-sebut itu tidak wujud serta wang sogokan itu semuanya masuk ke poket penghulu kaki machok (mahjung) itu. Cerita-cerita itu diada-adakan oleh Penghulu Baharuddin hanyalah sebagai alasan untuk membawa janda itu ke pekan bagi menjamah tubuhnya.

Hal yang sama muncul lagi dalam *Patah Dayung* karya Yahya Samah tahun 1968. Kali ini bukan penghulu tetapi Datuk Empat, satu lagi tokoh pemimpin kampung yang dilukiskan sebagai seekor musang berbulu

ayam. Keluarga Dali yang hidup miskin dan bergantung hidup semata-mata kepada hasil torehan getah dan melanda bijih di sungai berdekatan bercita-cita untuk mendapat bantuan seekor lembu pawah kerajaan. Orang yang menjadi batu penghalang kepada niat murninya itu ialah Datuk Empat Rapi yang menjadi sandaran kepada anak-anak buahnya dan juga agen kerajaan di kampung. Nasib Dali sungguh baik kerana secara kebetulan dia bersua dengan Pegawai Daerah yang amat jujur dalam perjalanan ke Pejabat Daerah. Sokongan yang diharap-harapkan dari pegawai itu diterimanya dalam bentuk surat sokongan yang perlu diserahkan kepada Datuk Empat Rapi. Kelewatan menyerahkan surat tersebut menyebabkan Sulimah anak gadis Dali bersua muka dengan Datuk Empat Rapi. Kesempatan itu digunakan sepenuhnya untuk memperdaya gadis tersebut bagi menjamah tubuhnya. Demi kasih dan keinginan untuk membantu ayahnya sama seperti yang dilakukan oleh Ayu Rukiah dalam *Perahu Kecil Belayar Malam*, Sulimah merelakan perbuatan terkutuk musang tersebut.

Dalam *Tembelang* (1980) pula, Yahya Samah menonjolkan pula watak seorang haji penyewa rumah bernama Haji Sapuan sebagai musangnya kali ini. Watak alim kucing dengan berselindung di sebalik gelaran 'haji' terdedah juga akhirnya sifat mata keranjang serta kaki perempuan haji tersebut. Kegilaan penyewa rumahnya, Mat Lajis kepada judi mahjung mendedahkan isterinya Semiah dan anak gadisnya Sharifah kepada Haji Sapuan. Kesempatan inilah yang digunakan oleh Haji Sapuan untuk bertemu dengan Semiah di rumah sewaan itu setelah meleakakan Mat Lajis melalui sogokan wang supaya terus berjudi. Semiah juga bukanlah seorang perempuan yang jujur. Dia juga curang dan sanggup menggadaikan maruahnya demi untuk mengejar kebahagiaan dunia. Kelekaan Mat Lajis berjudi dan Semiah mendagangkan tubuhnya menyediakan ruang kepada Haji Sapuan untuk bertandang ke rumah yang pada mulanya tertarik kepada ibu tetapi kemudiannya beralih kepada anak pula. Melalui sogokan wang gadis itu akhirnya tunduk juga kepada kemahuan Haji Sapuan tetapi tidak berkesempatan melaksanakan niatnya kerana Semiah pulang secara tiba-tiba.

Novel *Bertiup Angin Beralihlah Awan* (1977) merupakan satu-satunya novel Yahya Samah yang berkisar tentang masyarakat bukan Melayu. Novel ini menceritakan Lee Koon Fook yang berhasrat untuk membawa keluarganya tinggal semula di Kampung Kemesah di kalangan keluarga Melayu. Satu hal yang menarik ialah penampilan watak Joo Joo anak kepada Lee Koon Fook yang mempunyai raut wajah Melayu sehingga menimbulkan tohmahan negatif penduduk Kemesah yang menentang

kehadiran mereka. Di bahagian pertengahan cerita baharulah Yahya mendedahkan identiti sebenar Joo Joo yang merupakan anak luar nikah melalui hubungan sulit Chong Mew Ling, isteri Lee Koon Fook dengan Datuk Penghulu Mustapa suatu ketika dahulu ketika Lee terlantar sakit di hospital. Sekali lagi Datuk Penghulu dilukiskan Yahya sebagai musang yang bijak mengambil kesempatan di sebalik menabur budi dengan menyewakan bilik hotel bagi memudahkan mangsanya melawat Lee Koon Fook. Yahya (1977: 11) menulis:

Datuk Penghulu Mustapa selalu sahaja berulang-alik ke Pejabat Tanah di Kuala Lumpur. Kadang-kadang dia tidak pulang ke rumah. Bermalam di Kuala Lumpur. Setahun kemudian lahirlah Joo Joo. Hari ini Joo Joo sudah menjadi gadis remaja. Wajahnya seperti wajah gadis Melayu. Tentulah Datuk penghulu Mustapa akan gembira melihat gadis Cina ini setelah beberapa tahun mereka berpisah
Bertiup Angin Beralihlah Awan.

Berbanding tokoh pemimpin seperti penghulu, Datuk Empat dan termasuk haji, dalam *Air yang Diminum* (1974) Yahya Samah mengetengahkan pula watak abang ipar dan bapa tiri dalam *Bertiup Angin Beralihlah Awan* (1977) sebagai watak musang berbulu ayam. Watak abang ipar dan bapa tiri ini merupakan musang yang berligar di lingkungan persekitaran mangsa sendiri khususnya di rumah. Dengan kata lain, dalam konteks kedua-dua novel ini hubungan seks yang berlaku dapat dianggap sebagai 'sumbang mahram' kerana kedua-dua watak yang terlibat mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mangsa. Dalam *Air yang Diminum* (1974), Yahya Samah menonjolkan watak Badrul seorang pegawai tinggi kerajaan dan merupakan abang ipar kepada Anilah manakala dalam *Bertiup Angin Beralihlah Awan* (1977) watak tersebut ialah Samid bapa tiri Siti Rodiyah. Hubungan intim kedua-dua pasangan ini berlaku berulang-ulang kali di rumah sendiri tanpa diketahui oleh isteri masing-masing dan ahli rumah lain. Walau bagaimanapun, Yahya tidak menghukum musang-musang tersebut dalam karyanya sehingga mereka terlepas bebas kerana mangsa terus merahsiakan peristiwa hitam masing-masing. Wanita-wanita yang menjadi habuan musang ini setelah mendapati diri mereka mengandung membuat perhitungan sendiri. Anilah dalam *Air yang Diminum* melarikan diri dan akhirnya menjadi pelacur dan perempuan simpanan Encik Laidin sebelum dilamar oleh Izi, jejak yang lebih kurang sealiran dengannya. Siti Rodiyah pula mengambil jalan yang lebih drastik lagi iaitu untuk membunuh diri apabila terjun ke dalam lombong puaka di Kemesah. Niatnya tidak kesampaian, yang menjadi

korban lombong puaka itu sebaliknya Tomah Bidan pula dikatakan berpindah ke tempat lain bersama Samid.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, amat jelas sekali kecenderungan Yahya untuk melukiskan watak musang berbulu ayam dalam karya-karyanya. Watak-watak yang lazim menjadi sasarannya ialah penghulu dan haji termasuklah juga Datuk Empat merupakan antara tokoh pemimpin kampung yang disegani oleh masyarakat Melayu kampung. Melalui kedudukan dan status masing-masing dalam kelompok masyarakat kampung tindakan curang itu susah dikesani sehingga memungkinkan mereka bertindak. Selain tokoh-tokoh pemimpin kampung, Yahya juga mengaplikasikan watak ahli keluarga kepada mangsa seperti abang ipar dan bapa tiri. Hubungan yang terjalin antara pasangan seperti ini bukan hanya dilabelkan sebagai persetubuhan haram tetapi dapat dianggap sebagai sumbang mahram. Watak-watak yang diharap menjadi pelindung mengambil kesempatan untuk memuaskan hawa nafsu masing-masing. Mereka menjadi penaja atau penganjur kepada perbuatan kemungkaran. Penampilan watak seperti itu dapat dianggap sebagai teknik paling sesuai dan berkesan untuk mewujudkan adegan-adegan sensasi yang diaplikasikan dengan cukup berkesan oleh Yahya Samah dalam novel-novel karyanya.

Watak-watak musang berbulu ayam ini dihidupkan oleh Yahya Samah untuk bergerak bebas dalam semangat dan suasana bumi merdeka khususnya berpusat di sekitar ibu kota Kuala Lumpur. Beliau seolah-olah menganjurkan kepada khalayaknya untuk merebut peluang semampu yang mungkin ke atas kekayaan bumi bertuah Malaysia ini selepas bebas daripada belunggu penjajah. Dalam meniuapkan semangat dan suasana bumi merdeka inilah persoalan kemungkaran dan kebatilan itu diungkapkan oleh beliau. Masing-masing watak cuba merebut peluang yang tampil dengan sebaik mungkin. Dalam usaha inilah ada antara watak tersebut terutama wanita yang bernasib malang mudah diperdaya melalui pujukan dan godaan oleh watak musang yang dihidupkan oleh Yahya Samah.

Bibliografi

- Abdullah Hussain (pnys.). 1989. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Ed. Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A Biography of Malaysian Writers*. 1985. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilias Zaidi. 1976. *Biografi Penulis dan Karya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes.
- K. St. Pamuntjak, N. St. Iskandar dan A. Dt. Madjoindo (pnys.). 2004. *Peribahasa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Li Chuan Siu. 1986. *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Nurazmi Kuntum. 1991. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar (pnys.). 2005. *Wajah: Biografi penulis*. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supardy Muradi. 1979. "Novel-novel Erotik Melayu di Sekitar Tahun-tahun 1960-1970-an: Satu Pembicaraan." Latihan Ilmiah Sarjanamuda Sastera (Tidak diterbitkan). Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Winstedt, R. O. 1909. "Musang Berjanggut." dlm. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 52: 121-172.
- Winstedt, R. O. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yahya Samah. 1964. *Layang-layang Putus Tali*. Kuala Lumpur: Federal.
- Yahya Samah. 1967a. *Pecah Berderai*. Kuala Lumpur: Setia Murni.
- Yahya Samah. 1967b. *Perahu Kecil Belayar Malam*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Yahya Samah. 1968a. *Anak Muda Karam di Pantai*. Kuala Lumpur: Pena.

- Yahya Samah. 1968b. *Patah Dayung*. Kuala Lumpur: Pena.
- Yahya Samah. 1974. *Air yang Diminum*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu.
- Yahya Samah. 1976. *Kelkatu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Yahya Samah. 1977. *Bertiup Angin Beralih Awan*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise.
- Yahya Samah. 1980 (Cetakan Kedua). *Tembelang*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru
- Yahya Samah. 1988. *Anak Merdeka*. Shah Alam: Marwilis Publisher and Distributors.

**PENDEKATAN KECERDASAN PELBAGAI
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KOMSAS DALAM BAHASA MELAYU
(*MULTIPLE INTELLIGENCE APPROACH IN
TEACHING AND LEARNING LITERARUTE
COMPONENT (LC) IN MALAY LANGUAGE*)**

Chew Fong Peng

Abstrak

Kajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti sebab-sebab kaedah tradisional masih menjadi pilihan utama para guru yang mengajar KOMSAS dalam Bahasa Melayu di sekolah menengah. Eksperimen telah dilakukan dengan menggunakan kaedah baru iaitu “Kecerdasan Pelbagai” bagi melihat perubahan dari segi sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran KOMSAS. Kajian dilakukan terhadap 78 orang murid sekolah menengah kebangsaan di sekolah luar bandar. Murid-murid terbabit menjalani ujian pra (*Pre Test*) dan ujian pasca (*Post Test*) di samping menjawab soal selidik mengenai pembelajaran KOMSAS. Berdasarkan pencapaian kumpulan eksperimen selepas ujian pasca (post test), wujud peningkatan pencapaian akademik yang signifikan bagi kelas yang menggunakan kaedah pengajaran yang baru. Pengajaran menggunakan Pendekatan Kecerdasan Pelbagai yang berpusatkan murid memberi peluang kepada murid menunjukkan daya kreativiti mereka di samping meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran KOMSAS. Kaedah pengajaran guru penting untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan melibatkan murid secara aktif. Oleh itu, kepelbagaian kaedah pengajaran mampu meningkatkan tarikan kepada daya tumpuan murid. Ini boleh dibantu dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang boleh menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih efektif. Jelaslah kaedah pengajaran

**PENDEKATAN KECERDASAN PELBAGAI
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KOMSAS DALAM BAHASA MELAYU
(*MULTIPLE INTELLIGENCE APPROACH IN
TEACHING AND LEARNING LITERARUTE
COMPONENT (LC) IN MALAY LANGUAGE*)**

Chew Fong Peng

Abstrak

Kajian ini telah dijalankan bagi mengenal pasti sebab-sebab kaedah tradisional masih menjadi pilihan utama para guru yang mengajar KOMSAS dalam Bahasa Melayu di sekolah menengah. Eksperimen telah dilakukan dengan menggunakan kaedah baru iaitu “Kecerdasan Pelbagai” bagi melihat perubahan dari segi sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran KOMSAS. Kajian dilakukan terhadap 78 orang murid sekolah menengah kebangsaan di sekolah luar bandar. Murid-murid terbabit menjalani ujian pra (*Pre Test*) dan ujian pasca (*Post Test*) di samping menjawab soal selidik mengenai pembelajaran KOMSAS. Berdasarkan pencapaian kumpulan eksperimen selepas ujian pasca (post test), wujud peningkatan pencapaian akademik yang signifikan bagi kelas yang menggunakan kaedah pengajaran yang baru. Pengajaran menggunakan Pendekatan Kecerdasan Pelbagai yang berpusatkan murid memberi peluang kepada murid menunjukkan daya kreativiti mereka di samping meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran KOMSAS. Kaedah pengajaran guru penting untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan melibatkan murid secara aktif. Oleh itu, kepelbagaian kaedah pengajaran mampu meningkatkan tarikan kepada daya tumpuan murid. Ini boleh dibantu dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar yang boleh menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih efektif. Jelaslah kaedah pengajaran

guru memainkan peranan penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Kata kunci: Pendekatan Kecerdasan Pelbagai, KOMSAS, Pengajaran dan pembelajaran, Kajian eksperimen.

Abstract

The study was conducted to identify the reasons for the traditional method is still a preference for teachers who teach KOMSAS in secondary schools. The experiment was carried out using a new method of "Multiple Intelligences" to see changes in attitudes and perceptions of students' learning literature component (LC) in Malay Language. Survey was conducted on 78 secondary school pupils in rural schools. Pupils involved in the pre-test and post-test as well as to answer the questionnaire on the learning of LC. Based on the performance of the treatment groups after post-test, there was a significant achievement for the class that used the new teaching methods. Teaching with Multiple Intelligences Method centered on students to provide students the opportunity to show their creativities and increase students' interest in the subject of LC. Teaching methods is important to encourage students to think creatively and to involve students actively. Therefore, the diversity of teaching methods could increase the attraction and concentration of students. This can be increased by the variety of teaching aids that may lead to more effective learning environment. Clearly, teaching method play a significant role in the success of teaching and learning in the classroom.

Keywords: *Multiple Intelligences Approach, Literature component, Teaching and learning, Experiment study.*

Latar Belakang Pendidikan KOMSAS di Sekolah Menengah

Komponen Kesusasteraan Melayu atau KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mula diperkenalkan pada bulan Mac 2000 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ketika itu, Kementerian Pelajaran menetapkan bahawa pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan

I dan Tingkatan IV akan menggunakan karya sastera secara menyeluruh. Pelaksanaan ini berlandaskan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 4/1999 pada 3 Februari 1999. Menteri Pelajaran telah meminta dibuat persediaan untuk memasukkan pengajaran unsur sastera Melayu sebagai satu komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, pengajaran KOMSAS sebagai komponen wajib dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Semua tingkatan telah didedahkan dengan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam semua aliran di sekolah menengah di seluruh negara pada tahun 2003. Justeru itu, murid perlu membaca dan memahami teks-teks yang terkandung dalam KOMSAS sebagai persediaan untuk mereka menjawab soalan kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan mahupun peringkat sekolah ataupun peperiksaan awam, iaitu PMR dan SPM.

KOMSAS dimuatkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah dengan tujuan memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera yang sesuai seperti cerpen, novel, dan puisi yang kaya dengan unsur-unsur alam, kemasyarakatan, kebudayaan, dan kemanusiaan¹. Dengan terlaksananya pengajaran KOMSAS, kemahiran berbahasa di kalangan murid diharapkan dapat ditingkatkan. Di samping itu juga, melalui KOMSAS, diharapkan dapat membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan generasi kini terhadap karya kreatif, seterusnya menerapkan nilai murni dan unsur kemanusiaan dengan lebih berkesan melalui contoh-contoh yang dipaparkan dalam karya KOMSAS².

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu ilmu daripada pelbagai bidang ilmu dan disiplin, peraturan sosiobudaya, serta kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini diajarkan dalam konteks bagi

¹ Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. 2001. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Zaharah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah. 2001. Pengajaran KOMSAS dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. Kertas kerja. *Seminar Pengajaran KOMSAS*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Bahasa Melayu Malaysia. 11-13 Jun.

² Mat Asuar bin Awang. 2008. *Kesan Pendekatan Penghayatan Terhadap Pembelajaran Puisi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik³ Karya-karya sastera yang dipilih berkonsepkan unsur sains, teknologi maklumat, sejarah, bahasa, alam sekitar, moral, agama, ekonomi, geografi, dan muzik yang boleh menimbulkan rangsangan serta memberi manfaat kepada mata pelajaran yang lain.

Sudah hampir sepuluh tahun KOMSAS diperkenalkan, tetapi terdapat guru-guru yang menghadapi pelbagai masalah dalam pengajaran KOMSAS⁴. Kementerian Pelajaran memberi kelonggaran kepada guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah atau mencipta pendekatan baru jika difikirkan perlu, tetapi masih ada guru-guru yang menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran pembelajaran walaupun mereka sedia maklum bahawa penggunaan pendekatan harus selari dengan bahan pengajaran dan keupayaan murid. Memandangkan sistem pendidikan kini masih berorientasikan peperiksaan, kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah masih bersifat sehalu atau berpusatkan guru.

Guru didapati kurang yakin dengan kaedah pengajaran yang hendak digunakan ketika berlangsungnya pengajaran KOMSAS dan kurang yakin menggunakan penemuan-penemuan baru walaupun telah terbukti keberkesanannya melalui penyelidikan⁵. Pengajaran guru yang stereotaip menyebabkan pembelajaran menjadi kaku, kering, hambar dan kurang memberangsangkan. Ekoran daripada itu, timbullah kegelisahan dalam kalangan murid terhadap pengajaran KOMSAS dalam bahasa Melayu; didapati murid berasa bosan dan kurang memberi tumpuan semasa guru mengajar KOMSAS⁶.

Saedah Siraj⁷ (1992) dan Roshani Abdullah⁸ (1993) mendapati guru bahasa Melayu amnya kurang cekap dalam memilih dan

³ Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. 2001. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴ Seman Salleh. 2005. *Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁵ Rose Aza. 2003. *Kefahaman guru tentang KOMSAS*. Rohizani Yaakub, Shahabuddin Hashim & Hashim Othman (pnyt.). *Prosiding Seminar Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

⁶ Chew Fong Peng. 2008. *Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: KEPKKWA.

⁷ Saedah Siraj. 1992. *Mengajar Sastera: Teori, Eksperimen, Aplikasi*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.

melaksanakan strategi-strategi pengajaran Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, Salbiah Ani⁹ (2001), Mat Asuar Bin Awang¹⁰ (2008), dan Chew¹¹ (2010) mendapati bahawa kebanyakan guru yang mengajar bahasa Melayu tidak mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan bahasa Melayu mahupun kesusasteraan Melayu. Kesannya guru menghadapi banyak masalah terutama untuk memilih dan menggunakan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran KOMSAS.

Mengikut Mohd Kasim Ismail dalam kajian Tahir Nuruddin¹² (2004), kekeliruan terhadap pelaksanaan dan pengajaran KOMSAS dalam bahasa Melayu menyebabkan pengajaran guru lebih menekankan pendekatan struktural. Pendekatan Struktur sebenarnya mengambil cara atau langkah kajian teks Pendekatan Formalistik di Barat. Dalam pengajaran dan pembelajaran, aspek-aspek struktur karya dikaji satu per satu, sama ada disampaikan secara deduktif atau induktif. Elemen struktur tersebut ialah tema dan persoalan, plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar (latar tempat, latar masa, dan latar masyarakat), dan sudut pandangan. Elemen tambahan pula ialah nilai murni dan pengajaran¹³.

Guru tidak berkemampuan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran agar lebih menarik dan mudah difahami murid kerana tidak didedahkan dengan pedagogi bahasa Melayu atau sastera Melayu. Mereka lebih gemar dan cenderung untuk mengaplikasikan pendekatan tradisional. Kaedah pengajaran tersebut yang lebih berpusatkan guru kurang memberi perhatian kepada aspek perkembangan individu, murid diajar bagaimana mengingat fakta bagi tujuan menghadapi peperiksaan. Justeru itu ramai murid masih lemah dalam penguasaan bahasa Melayu dengan baik dan

⁸ Roshani Abdullah. 1993. Penggunaan Novel dalam Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan II di Beberapa Buah Sekolah di Daerah Petaling. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.

⁹ Salbiah Ani. 2001. Kemelut Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu. *Berita Harian*, 20 Mac.

¹⁰ Mat Asuar bin Awang. 2008. *Kesan Pendekatan Penghayatan Terhadap Pembelajaran Puisi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

¹¹ Chew Fong Peng. 2010. Isu-isu Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Seminar Internasional Bahasa dan Sastra*. (FORKIBASTRA 2010). 1-2 Jun. Hotel Sandjaja, Palembang, Sumatera, Indonesia.

¹² Tahir Nuruddin. 2004. *Kefahaman Guru tentang Konsep Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa.

¹³ Lim Swee Tin. 2007. KOMSAS dalam P&P Bahasa Melayu: Masihkah Menjolak Buah yang Tinggi? Kertas Kerja. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu*, 11-13 Disember. Universiti Malaya.

berkesan. Menurut Hazri Jamil¹⁴ (2003), sistem berorientasikan peperiksaan ini lebih mementingkan kebolehan meluahkan apa yang sudah dipelajari oleh murid. Jadi, secara luarannya, murid dianggap sudah menguasai sesuatu mata pelajaran, tetapi hakikatnya kebanyakan murid hanya menghafal dan gagal melibatkan pemikiran kognitif yang tinggi dalam pembelajaran.

Keadaan ini diperkukuh dengan sistem pendidikan di negara kita yang mengukur kejayaan murid berdasarkan kecemerlangan akademik. Mengikut Zaidatul Akmaliah¹⁵ (2005), di negara kita, pencapaian dalam peperiksaan adalah penting dalam menentukan tahap kecemerlangan murid. Penilaian yang diamalkan untuk melabelkan murid adalah berdasarkan skor peperiksaan awam.

Oleh yang demikian, peranan guru wajar berubah kerana guru yang berperanan sebagai punca dan pembekal maklumat atau pengetahuan kepada paradigma baru yang memerlukan peranan guru lebih cenderung kepada tugas fasilitator yang membimbing murid dalam usaha murni mereka untuk membina pengetahuan yang bermakna¹⁶.

Hakikatnya satu pendekatan pengajaran yang berkesan, menarik melalui bacaan harus diteroka. Guru seharusnya dapat menguasai berbagai-bagai jenis pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran supaya dapat disesuaikan dengan isi kandungan pelajaran dan sentiasa bersikap responsif, bertimbang rasa, bertanggungjawab, tenang dan berkeyakinan semasa melaksanakan pengajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran perlu menarik minat dan mencabar kebolehan murid. Kriteria ini amat penting menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih bersifat inovatif dan kreatif untuk mengembangkan minda kritis dan kreatif murid, sesuai dengan pembaharuan kurikulum dan perubahan budaya belajar dan budaya mengajar pada era perkembangan informasi maklumat dalam masyarakat moden ini.

¹⁴ Hazri Jamil. 2003. *Teknik Mengajar Sejarah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.

¹⁵ Zaidatul Akmaliah Lope. 2005. *Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

¹⁶ Tan Khun. 2001. *Penyelidikan ke arah Keberkesanan dan Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sains dan Matematik*; http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/2001/2001_1_tankh.pdf, dimuat turun pada 25-10-2009.

Oleh itu, Shahabuddin Hashim dan rakan-rakan¹⁷ (2007) menyatakan pendekatan pengajaran haruslah berpusatkan murid untuk mencapai matlamat tersebut. Para guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran bercorak aktif dengan melibatkan murid sepenuhnya dalam setiap sesi pembelajaran mereka. Sehubungan itu, apabila aplikasi kecerdasan pelbagai digunakan dalam pembelajaran, secara tidak langsung guru telah melibatkan para murid kerana proses pembelajaran adalah berdasarkan kecerdasan.

Teori Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan Pelbagai dipercayai antara kemahiran bernilai tambah yang dapat mengembangkan potensi kecerdasan murid. Teori Kecerdasan Pelbagai diperkenalkan oleh Howard Gardner pada tahun 1983 dari Universiti Harvard. Menurut Gardner¹⁸ (1983), kaedah lama untuk mengukur tahap kecerdasan manusia, iaitu berdasarkan ujian IQ adalah terlalu terhad. Justeru, Gardner telah mengemukakan 8 jenis kecerdasan yang berbeza sebagai satu cara untuk mengukur potensi kecerdasan manusia, kanak-kanak dan dewasa.

Kelapan-lapan kecerdasan adalah saling berkait secara kompleks bila seseorang melakukan sesuatu aktiviti. Kecerdasan-kecerdasan yang dikemukakan oleh Garner (1983) adalah seperti berikut: Kecerdasan Linguistik, Kecerdasan Logikal-Matematikal, Kecerdasan 'Spatial', Kecerdasan Kinestetik Badan, Kecerdasan Muzikal, Kecerdasan Interpersonal, Kecerdasan Intrapersonal, dan Kecerdasan Naturalis. Menurut Garner¹⁹ (1983) lagi, manusia mempunyai kesemua lapan kecerdasan. Sesetengah orang mungkin mencapai tahap yang tinggi dalam sesetengah kecerdasan dan tahap yang rendah dalam kecekapan lain, manakala ada orang yang mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam hampir kesemua lapan kecerdasan ini.

¹⁷ Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2007. *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

¹⁸ Gardner, H. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intellingence*. New York: Harper & Row.

¹⁹ Gardner, H. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intellingence*. New York: Harper & Row.

Menurut Armstrong²⁰ (2004), fenomena murid yang menunjukkan aksi kelainan (*misbehave*) dalam kelas merupakan petanda wujudnya pelbagai jenis kecerdasan pada mereka. Hampir semua orang boleh diperkembangkan dalam kelapan-lapan kecerdasan yang disenaraikan ke tahap yang tinggi, jika keadaan-keadaan seperti penggalakan, pengkayaan dan pengajaran adalah sesuai.

Menurut Gardner²¹ (1983), kecerdasan sebagai keupayaan atau set keupayaan yang membolehkan seseorang menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang mempunyai nilai dalam satu atau lebih budaya. Hal ini disebabkan teori ini tidak menggalakkan murid menguasai pelajaran akademik secara hafalan sahaja, sebaliknya belajar mengikut kecenderungan kecerdasan agar murid sendiri dapat menguasai sesuatu kemahiran dan berminat dalam pembelajaran. Oleh itu, ketika mengaplikasikan TKP, guru berusaha mempersembahkan bahan pengajaran dalam pelbagai cara dengan menggunakan bahasa, nombor, persekitaran bunyi, fizikal, tubuh badan dan kemahiran sosial.

Hal ini disebabkan setiap murid memiliki latar belakang berbeza seperti status sosio-ekonomi keluarga, aliran pengajian, gender, etnik dan lain-lain. Justeru, cara setiap murid berfikir dan bertindak serta belajar adalah berlainan berbanding dengan yang lain. Gardner²² (1983) juga telah mengenal pasti bahawa pengalaman, pendidikan dan persekitaran mampu mempengaruhi tahap setiap kecerdasan yang ditunjukkan oleh seseorang murid.

Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum²³ (2001), Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) perlu diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS kerana teori ini dapat menyokong pembelajaran bersepadu yang menyeluruh, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan murid. Selain itu, aplikasi teori ini dapat meningkatkan kecerdasan pelbagai seseorang dan menyedari bahawa potensinya tidak terbatas. TKP juga dapat meningkatkan harga diri, kreativiti dan motivasi melalui pembelajaran yang mengembirakan.

²⁰ Armstrong, David G. 2004. *Teaching Today: An Introduction To Education*. Edisi Ke-7. New Jersey: Prentice-Hall.

²¹ Gardner, H. 1983. *Multiple Intelligence: The Theory in Practice*. New York: Basic Books.

²² Gardner, H. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intellingence*. New York: Harper & Row.

²³ Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur.

Di samping itu, kaedah ini juga dapat membantu pendidik dalam mengendali serta menyesuaikan diri dengan perbezaan murid dan juga suasana pembelajaran. Malahan Abd. Fatah²⁴ (1998) menyatakan penyelidikan telah menunjukkan bahawa teori kecerdasan beraneka jenis, jika diamalkan dalam pembelajaran dan kehidupan boleh meningkatkan potensi keseluruhan otak.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sebab-sebab kaedah pengajaran tradisional masih diamalkan oleh guru-guru di sekolah, dan kesannya berserta cara-cara mengatasinya. Pengkaji akan menentukan sama ada penggunaan kaedah pengajaran baru iaitu kecerdasan pelbagai dalam KOMSAS berkesan atau tidak untuk meningkatkan pemahaman dan pencapaian murid di sekolah.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada murid tingkatan II di sebuah Sekolah Menengah daerah Batu Gajah, Perak. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah survei dengan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik dijalankan secara persampelan terpilih berdasarkan tujuan kajian ini iaitu mengkaji persepsi murid terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang pendekatan pengajaran dan pembelajaran guru dalam KOMSAS. Untuk menunjukkan keberkesanan pendekatan kecerdasan pelbagai, reka bentuk kajian eksperimental benar yang menunjukkan perbandingan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan diadakan. Salah satu kumpulan responden tingkatan II diberi eksperimen dan kumpulan responden tingkatan II yang lain tidak menerima eksperimen.

²⁴ Abd. Fatah Hassan. 1998. *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Instrumen Kajian

Soalan Ujian Pra

Ujian pra Topik KOMSAS terdiri daripada 40 soalan objektif aneka pilihan. Soalan Ujian Pra: soalan 1 hingga soalan 6 berdasarkan cerpen "Batu", soalan 7 hingga soalan 12 berdasarkan prosa tradisional "Pak Kaduk", soalan 13 hingga soalan 18 berdasarkan pantun teka-teki, soalan 19 hingga soalan 24 berdasarkan sajak "Mata Ayah", soalan 25 hingga soalan 30 berdasarkan drama "Penunggu Pusaka", soalan 31 hingga soalan 36 berdasarkan "Syair Pesanan Ibu", soalan 37 hingga 40 berdasarkan "Kapten Hassan Wira Bangsa". Soalan ujian pra diberikan kepada semua murid kumpulan eksperimen dan kawalan selepas murid mendapat keterangan daripada pengkaji. Ujian pra ditadbir selama 1 jam dan markah yang diperuntukkan ialah 100 markah.

Soalan Ujian Pasca

Soalan ujian pasca yang diberikan adalah sama seperti ujian pra. Soalan ujian pasca diberikan kepada murid kumpulan eksperimen selepas eksperimen diberikan. Ujian pasca ditadbir selama 1 jam dan markah yang diperuntukkan juga 100 markah.

Dua kelas telah terpilih untuk dilakukan ujian pra dan ujian pasca. Kedua-dua kelas mempunyai sampel yang sama banyak, iaitu 39 orang bagi setiap satu kelas. Sebuah kelas telah terpilih sebagai kelas eksperimen, manakala sebuah lagi kelas diletakkan sebagai kelas kawalan. Kedua-dua ujian ini diberikan serentak.

Ujian pra telah diberikan pada peringkat awal kajian penyelidikan ini, iaitu sebelum penggunaan kaedah pengajaran yang baru. Ujian ini untuk mengukur sejauh mana kefahaman murid terhadap KOMSAS yang dipelajari mereka. Dalam tempoh sebulan selepas ujian pra, kedua-dua kelas, iaitu kelas eksperimen dan kelas kawalan diberikan pula ujian pasca, yang meliputi soalan-soalan yang sama seperti ujian pra. Dalam tempoh sebulan selepas ujian pra, kelas eksperimen telah diajar dengan penggunaan kaedah baru iaitu '*Teori Kecerdasan Pelbagai*'.

Soal Selidik

Satu set soal selidik yang digunakan dalam kajian ini, iaitu soal selidik bagi kumpulan murid eksperimen selepas pengajaran dan pembelajaran. Set soal selidik murid yang dibina mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Bahagian A terdiri daripada kajian data demografi. Terdapat lima item maklumat latar belakang murid, iaitu lokasi sekolah, jenis sekolah, jantina, tingkatan yang dipelajari sekarang dan bahasa perantaraan di rumah. Bahagian B dibahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian I mengenai penerimaan murid tentang kaedah kecerdasan pelbagai dan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru, bahagian II menyentuh kesan yang diperolehi murid daripada kaedah pengajaran guru, bahagian III cara-cara untuk murid meningkatkan penguasaan ilmu KOMSAS; manakala Bahagian C ialah pandangan murid terhadap pengajaran KOMSAS. Skala Likert digunakan untuk mendapat maklum balas daripada responden murid mengikut darjah persetujuan 1. Tidak setuju, 2. Kurang setuju, 3. Kurang pasti, 4. Setuju, dan 5. Sangat setuju.

Kajian rintis merupakan kajian sejarah kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan²⁵. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian rintis yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal berhubung kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Sampel yang terlibat dalam ujian ini terdiri daripada 30 responden murid di sebuah sekolah yang berhampiran dengan sekolah kajian. Menurut Mohd Majid Konting²⁶ (1990), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan. Hasil kajian rintis ini mendapati bahawa nilai Alpha Cronbach soal selidik pada paras 0.827, ini bererti soal selidik adalah tekal dan sesuai mengikut objektif kajian ini.

Markah yang telah dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, serta data yang dikumpulkan melalui soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 17.0. Ujian-t digunakan untuk menganalisis keputusan ujian pra dan pos, manakala analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghurai pendapat dan persepsi murid setelah mengikuti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kaedah kecerdasan pelbagai.

²⁵ Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

²⁶ Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Profil Responden Murid

Terlebih dahulu, pengkaji akan menerangkan maklumat latar belakang murid seperti yang ditunjukkan melalui Jadual 1 di bawah:

Faktor Demografi (N=78)	Keterangan	Kekerapan	Peratus
Lokasi Sekolah	Bandar	0	.0
	Luar bandar	78	100.0
Jantina	Lelaki	28	35.9
	Perempuan	50	64.1
Etnik	Melayu	1	1.3
	Cina	74	94.9
	India	3	3.8
Bahasa Perantaraan di Rumah	Bahasa Melayu	1	1.3
	Bahasa Cina	72	92.3
	Bahasa Tamil	3	3.8
	Bahasa Inggeris	1	1.3
	Dialek	1	1.3

Jadual 1: Latar Belakang 6 Responden Murid.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekolah yang dikaji ialah sekolah luar bandar (100%). Dari segi jantina, didapati murid perempuan (64.1%) lebih banyak berbanding murid lelaki (35.9%). Kebanyakan responden terdiri daripada etnik Cina (94.9%) berbanding etnik India (3.8%) dan Melayu (1.3%): Bahasa perantaraan responden di rumah, berkait rapat dengan etnik, iaitu sebilangan besar murid-murid menggunakan bahasa Cina (92.3%) dalam pertuturan harian mereka. Ini disebabkan mereka berbangsa Cina. Hanya sebilangan kecil sahaja menggunakan bahasa Melayu (1.3%), bahasa Tamil (3.8%), bahasa Inggeris (1.3%) dan dialek (1.3%) sebagai bahasa perantara di rumah.

Dapatan Kajian Tentang Keberkesanan Penggunaan Kaedah Kecerdasan Pelbagai dan Kaedah Struktur dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS

Dapatan kajian ini diperolehi melalui dua ujian yang dijalankan, iaitu ujian pra dan ujian pasca terhadap dua kumpulan murid, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Dapatan kajian ini ingin melihat perbezaan keputusan yang diperolehi antara kedua-dua kumpulan tersebut. Perbezaan keputusan yang diperolehi dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Ujian Pra			Ujian Pasca			t	p
N	Min	S.P.	N	Min	S.P.		
39	60.2	7.42	39	62.4	8.64	-1.17	.96

Jadual 2: Perbandingan Ujian T (*Paired T-Test*) kumpulan kawalan.

Jadual 2 di atas menunjukkan perbandingan ujian-t bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan yang telah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi ujian pra ialah 60.2 (S.P. 7.42). Manakala nilai skor min bagi ujian pasca pula, didapati skor minnya ialah 62.4 (S.P. 8.64). Ujian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua ujian tersebut (nilai-t = -1.17, $p > .05$). Ini bermakna murid daripada kumpulan kawalan tidak menunjukkan peningkatan ketara dalam mendapat keputusan yang tinggi setelah kedua-dua ujian tersebut dijalankan. Dengan perkataan lain, pendekatan struktur tidak membawa kesan pengajaran KOMSAS yang ketara dalam pencapaian akademik murid.

Ujian Pra			Ujian Pasca			t	p
N	Min	S.P.	N	Min	S.P.		
39	61.2	7.28	39	69.6	7.60	-6.62	.006

Jadual 3: Perbandingan Ujian T (*Paired T-Test*) kumpulan eksperimen.

Jadual 3 di atas pula menunjukkan perbandingan ujian-t bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen yang telah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai skor min bagi ujian pra ialah 61.2 (S.P. 7.28). Manakala skor min bagi ujian pasca pula ialah 69.6 (S.P. 7.60). Ujian-t ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua ujian tersebut (nilai-t = -6.62, $p < 0.05$). Maka dapat dikatakan bahawa terdapat peningkatan yang ketara antara ujian pra dengan ujian pasca bagi keputusan yang diperolehi oleh murid daripada kumpulan eksperimen yang telah menjalani pengajaran dan pembelajaran KOMSAS berdasarkan pendekatan Kecerdasan Pelbagai. Dengan perkataan lain, pendekatan ini berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik murid dalam KOMSAS.

Dapatan Kajian Tentang Persepsi Murid Eksperimen Terhadap Kaedah Kecerdasan Pelbagai

Item	%TS (n)	%KS (n)	%KP (n)	%S (n)	%SS (n)	Min	S.P.
1. Kaedah pengajaran guru sesuai dengan topik.	0.0 (0)	0.0 (0)	12.8 (10)	55.1 (43)	32.1 (25)	4.19	1.48
2. Maklumat yang disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran mudah difahami.	0.0 (0)	0.0 (0)	14.1 (11)	62.8 (49)	23.1 (18)	4.09	.61
3. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru menarik minat murid.	0.0 (0)	7.7 (6)	28.2 (22)	35.9 (28)	28.2 (22)	3.85	.93
4. Proses pengajaran dan pembelajaran teratur dengan kaedah pengajaran yang terancang.	0.0 (0)	3.8 (3)	26.9 (21)	46.2 (36)	23.1 (18)	3.88	.81
5. Aspek gaya bahasa dalam KOMSAS boleh diaplikasikan dengan mudah melalui kaedah pengajaran.	1.3 (1)	5.1 (4)	30.8 (24)	41.0 (32)	21.8 (17)	3.77	.90
6. Kaedah pengajaran guru melibatkan murid secara aktif.	3.8 (3)	0.0 (0)	30.8 (24)	43.6 (34)	21.8 (17)	3.79	.92
7. Media bantu mengajar sering digunakan oleh guru dalam kaedah pengajaran.	7.7 (6)	14.1 (11)	30.8 (24)	25.6 (20)	21.8 (17)	3.40	1.20
8. Media bantu mengajar yang digunakan dalam kaedah pengajaran bersesuaian dengan murid.	3.8 (3)	10.3 (8)	34.6 (27)	32.1 (25)	19.2 (15)	3.53	1.04
9. Proses pengajaran dan pembelajaran terancang dan bersesuaian bagi mata pelajaran KOMSAS.	0.0 (0)	0.0 (0)	25.6 (20)	38.5 (30)	35.9 (28)	4.10	.78
10. Kaedah pengajaran bersesuaian dengan kehendak sukatan pelajaran.	1.3 (1)	16.7 (13)	17.9 (14)	43.6 (34)	20.5 (16)	3.65	1.03

Penerangan:

TS - Tidak setuju KP - Kurang pasti SS - Sangat setuju
KS - Kurang setuju S - Setuju S.P. - Sisihan piawai

Jadual 4: Kekerapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai Penerimaan Murid Terhadap Teori Kecerdasan Pelbagai dan Alat Bantu Mengajar yang digunakan oleh Guru.

Berdasarkan Jadual 4 di atas, dapatan kajian menunjukkan penerimaan murid terhadap kaedah dan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS adalah positif. Data menunjukkan majoriti responden murid (87.2%) bersetuju bahawa kaedah pengajaran guru sesuai dengan topik yang dipelajari. Selain itu, 85.9% responden juga bersetuju bahawa maklumat yang disampaikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mudah difahami. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dianggap dapat menarik minat murid yang dikaji dengan kadar persetujuan sebanyak 64.1%.

Sebanyak 69.3% responden bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru mereka teratur dengan kaedah pengajaran yang terancang, 74.4% murid menganggap proses pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan mata pelajaran KOMSAS, dan 64.1% murid berpendapat kaedah kecerdasan pelbagai yang disampaikan oleh guru sesuai dengan sukatan pelajaran. Walaupun begitu, didapati masih ramai responden yang kurang pasti (30.8%) dan tidak setuju (7.7%) bahawa guru sering menggunakan media bantu mengajar dalam kaedah pengajarannya.

Bagi min dan sisihan piawai, dapatan kajian menunjukkan bahawa min yang tertinggi diperoleh oleh item 9, bahawa responden bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran terancang dan bersesuaian dengan mata pelajaran KOMSAS (min 4.10, S.P. .783). Ini membuktikan bahawa cara ramai guru mengajar KOMSAS dengan pendekatan kecerdasan pelbagai dianggap terancang dan sesuai. Manakala min yang terendah diperlihatkan melalui item 7, iaitu responden kurang bersetuju bahawa guru sering menggunakan media bantu mengajar dalam kaedah pengajarannya (min: 3.40, S.P. 1.20). Ini membuktikan bahawa guru masih kurang menggunakan media bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Item	% TS (n)	% KS (n)	% KP (n)	% S (n)	% SS (n)	Min	S.P.
1. Murid memberi respon terhadap pengajaran guru yang menggunakan kaedah pengajaran kecerdasan pelbagai.	0.0 (0)	5.1 (4)	12.8 (10)	50.0 (39)	32.1 (25)	4.09	.81
2. Skop kurikulum KOMSAS terlalu luas dengan bilangan teks yang banyak daripada pelbagai genre.	0.0 (0)	5.1 (4)	28.2 (22)	25.6 (20)	41.0 (32)	4.03	.95

3.	Kaedah pengajaran guru menggalakkan murid berfikir secara kreatif.	0.0 (0)	1.3 (1)	20.5 (16)	38.5 (30)	39.7 (31)	4.17	.80
4.	Murid mengulas semula sinopsis teks puisi dan prosa.	7.7 (6)	7.7 (6)	25.6 (20)	34.6 (27)	24.4 (19)	3.60	1.17
5.	Murid boleh mengkaji sendiri pelbagai aspek gaya bahasa dalam puisi tradisional.	11.5 (9)	15.4 (12)	24.4 (19)	37.2 (29)	11.5 (9)	3.22	1.19
6.	Murid boleh mengkaji sendiri pelbagai aspek gaya bahasa dalam prosa tradisional.	10.3 (8)	16.7 (13)	29.5 (23)	34.6 (27)	9.0 (7)	3.15	1.13
7.	Proses pengajaran dan pembelajaran berpusat kepada murid.	3.8 (3)	11.5 (9)	43.6 (34)	32.1 (25)	9.0 (7)	3.31	.93
8.	Strategi penyampaian guru menarik minat murid.	0.0 (0)	5.1 (4)	19.2 (15)	38.5 (30)	37.2 (29)	4.08	.88
9.	Murid memahami dengan jelas kepelbagaian aspek gaya bahasa dalam KOMSAS.	2.6 (2)	10.3 (8)	29.5 (23)	39.7 (31)	17.9 (14)	3.60	.98

Jadual 5: Keckerapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai Kesan Kaedah Pengajaran Guru kepada Murid.

Melalui Jadual 5 di atas memaparkan kesan yang diperolehi murid daripada kaedah pengajaran guru. Dapatan menunjukkan murid memberi respon terhadap pengajaran guru yang menggunakan kaedah kecerdasan pelbagai dengan persetujuan sebanyak 82.1%. Sejumlah 66.6% responden bersetuju bahawa skop kurikulum KOMSAS terlalu luas dengan bilangan teks yang banyak daripada pelbagai genre. Sebanyak 78.2% responden mendapati kaedah pengajaran guru menggalakkan murid berfikir secara kreatif.

Daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, 59% murid berpendapat bahawa mereka boleh mengulas semula sinopsis teks puisi dan prosa, tetapi mereka kurang bersetuju bahawa mereka boleh mengkaji sendiri pelbagai aspek gaya bahasa dalam puisi tradisional (26.9%) dan prosa tradisional (27%). Bagi item strategi pengajaran guru dapat menarik minat murid pula, didapati sebanyak 75.7% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walaupun begitu, 43.6% responden kurang pasti dan 11.5% kurang bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan berpusatkan murid. Keadaan ini disebabkan kebanyakan murid jarang terdedah dengan kaedah pengajaran moden atau lain daripada kaedah “*chalk and talk*” dan kaedah struktur.

Dari segi min dan sisihan piawai, didapati bahawa min tertinggi diperolehi oleh item 3 bahawa kaedah pengajaran guru dapat menggalakkan murid berfikir secara kreatif (min 4.17, S.P. .80). Ini bermakna guru-guru yang mengajar KOMSAS menggunakan kaedah pengajaran yang menggalakkan responden berfikir secara kreatif. Min terendah menunjukkan bahawa responden masih tidak boleh mengkaji sendiri pelbagai aspek gaya bahasa dalam prosa tradisional (min 3.15, S.P. 1.13). Walaupun guru menggunakan pendekatan kecerdasan pelbagai, tetapi nampaknya aspek gaya bahasa dalam prosa tradisional menjadi masalah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas KOMSAS memandangkan bahasa tradisional susah difahami.

Seterusnya perbincangan beralih kepada cara-cara murid meningkatkan penguasaan dalam ilmu KOMSAS seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah.

Item	%TS (n)	%KS (n)	%KP (n)	%S (n)	%SS (n)	Min	S.P.
1. Murid dibimbing oleh guru untuk memahami kepelbagaian aspek gaya bahasa dalam KOMSAS.	0.0 (0)	3.8 (3)	9.0 (7)	39.7 (31)	47.4 (37)	4.31	.80
2. Guru menggunakan kaedah yang baru selain daripada kaedah pengajaran "chalk and talk".	3.8 (3)	5.1 (4)	30.8 (24)	30.8 (24)	29.5 (23)	3.77	1.06
3. Guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza untuk mengajar genre KOMSAS yang berlainan.	3.8 (3)	3.8 (3)	28.2 (22)	28.2 (22)	35.9 (28)	3.88	1.07
4. Tahap persediaan murid untuk pembelajaran KOMSAS adalah tinggi.	6.4 (5)	20.5 (16)	34.6 (27)	24.4 (19)	14.1 (11)	3.19	1.12
5. Murid berpeluang menunjukkan kreativiti dan bakat dalam sastera semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.	2.6 (2)	1.3 (1)	17.9 (14)	38.5 (30)	39.7 (31)	4.12	.93
6. Saya selalu menggunakan buku rujukan KOMSAS untuk	5.1 (4)	12.8 (10)	17.9 (14)	32.1 (25)	32.1 (25)	3.73	1.19

mempelajari KOMSAS.							
7. Saya suka membaca buku teks KOMSAS.	3.8 (3)	9.0 (7)	24.4 (19)	35.9 (28)	26.9 (21)	3.73	1.08
8. Saya suka menggunakan buku rujukan KOMSAS	6.4 (5)	9.0 (7)	24.4 (19)	41.0 (32)	19.2 (15)	3.58	1.10

Jadual 6: Kekekapan, Peratusan, Min, dan Sisihan Piawai Cara-cara Murid Meningkatkan Penguasaan dalam Ilmu KOMSAS.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid perlu dibimbing oleh guru untuk memahami kepelbagaian aspek gaya bahasa dalam KOMSAS. Item ini mendapat kadar persetujuan sebanyak 87.1%. sebanyak 60.3% responden bersetuju bahawa guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang baru selain daripada kaedah pengajaran tradisional iaitu kaedah “*chalk and talk*”, dan 64.1% berpendapat guru juga mengajar menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza untuk mengajar genre KOMSAS yang berbeza kepada murid.

Selain itu, 78.2% murid menganggap mereka diberi peluang untuk menunjukkan kreativiti dan bakat dalam sastera semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Walaupun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persediaan murid untuk pembelajaran KOMSAS adalah relatif rendah dengan kadar kurang dan tidak setuju sebanyak 26.9%, dan kurang pasti banyak 34.6%. Keadaan ini berlaku disebabkan murid kajian yang majoritinya terdiri daripada murid Cina kurang berminat untuk belajar KOMSAS. Bagi mereka, dunia dan sastera Melayu adalah sesuatu yang agak asing untuk mereka.

Dari segi apa yang perlu dilakukan oleh murid pula, diperlihatkan bahawa 64.2% murid selalu menggunakan buku rujukan KOMSAS untuk mempelajari KOMSAS dan 62.8% murid mempunyai minat untuk membaca buku-buku KOMSAS sebelum mereka mempelajarinya.

Dari segi min dan sisihan piawai, min yang tertinggi diperolehi oleh item 1 yang menyatakan bahawa murid-murid dibimbing oleh guru untuk memahami kepelbagaian aspek gaya bahasa dalam KOMSAS (min 4.31, S.P. 80). Ini bermakna murid-murid paling lemah dalam mempelajari gaya bahasa terutama prosa tradisional, oleh itu, mereka memerlukan bimbingan daripada guru dalam aspek ini. Min terendah pula diperolehi oleh item 4 bahawa murid-murid menyedari bahawa tahap persediaan mereka untuk pembelajaran KOMSAS adalah rendah (min 3.19, S.P. 1.12). Ini menunjukkan bahawa murid-murid masih belum bersedia untuk mempelajari KOMSAS dengan lebih mendalam.

Pendapat	Kekerapan	%
Murid berminat mempelajari KOMSAS kerana mereka berpeluang untuk menunjukkan kreativiti dan bakat dalam sastera.	6	7.7
Murid tidak berminat mempelajari KOMSAS.	5	6.4
Murid gembira mempelajari KOMSAS kerana dapat memahami lebih mendalam tentang puisi tradisional dan Bahasa Melayu klasik.	10	12.8
KOMSAS dapat mengajar murid-murid tentang nilai-nilai murni.	3	3.8
Murid sukar memahami KOMSAS kerana terlalu banyak genre-genre berbeza yang perlu dipelajari.	11	14.1
Pengajaran KOMSAS banyak memberi pengetahuan dan ilmu kepada murid.	1	1.3
Murid berminat mempelajari KOMSAS kerana pengajaran guru yang menarik.	6	7.7
Tidak memberi pandangan.	36	46.2
Jumlah	78	100

Jadual 7: Pandangan/komen Murid tentang Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di Sekolah.

Berkaitan soalan terbuka pula, Jadual 7 menunjukkan bahawa sebanyak 11 orang murid-murid (14.1%) sukar memahami KOMSAS kerana terlalu banyak genre berbeza yang perlu dipelajari. Walaupun begitu, terdapat 10 orang responden (12.8%) berasa gembira mempelajari KOMSAS kerana dapat memahami puisi tradisional dan bahasa Melayu klasik dengan lebih mendalam.

Selain itu, 6 orang responden (7.7 %) juga berpendapat bahawa mereka berminat mempelajari KOMSAS kerana mereka berpeluang untuk menunjukkan kreativiti dan bakat dalam sastera. Di samping itu, 6 orang responden (7.7%) pula berpendapat mereka berminat mempelajari KOMSAS kerana pengajaran guru yang menarik. Walaupun begitu, hampir separuh atau 36 orang responden (46.2%) tidak memberi komen atau pendapat mereka tentang KOMSAS.

Perbincangan dan Interpretasi

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, murid kajian didapati sukar memahami KOMSAS kerana terlalu banyak genre-genre berbeza yang perlu dipelajari. Setiap genre pula terlalu luas dengan jumlah bahan yang terlalu banyak. Tahap kefahaman murid mungkin tidak mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran kerana murid akan belajar semata-mata untuk memenuhi keperluan peperiksaan.

Untuk mengatasi masalah ini, pengurangan jumlah bahan atau teks bagi setiap genre sastra yang perlu dipelajari oleh murid diharap dapat mengubah persepsi murid terhadap KOMSAS. Cara ini sebagai langkah awal memupuk minat murid. Genre sastra juga perlu melibatkan unsur kepelbagaian budaya (*multicultural*) dalam masyarakat Malaysia. Kepelbagaian kebudayaan yang menekankan nilai hormat-menghormati perbezaan dalam usaha memupuk perpaduan dapat menyemai murid-murid sekolah dengan pelbagai nilai murni yang boleh menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

Pemilihan karya sastra yang sedia ada perlu disesuaikan dengan nilai semasa yang perlu diterapkan dalam diri murid. Murid boleh memperoleh banyak pengetahuan, nilai dan pengajaran serta semangat patriotisme bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara. Terpulang kepada cara dan kaedah penyampaian guru bagi penerapan segala unsur-unsur murni yang terdapat dalam karya-karya sastra tersebut.

Dapatan kajian ini dibuktikan oleh Noriah Bakar²⁷ (1986), iaitu faktor guru dan pendekatan pengajaran guru amat mempengaruhi pencapaian murid. Guru seharusnya menggunakan pendekatan pengajaran pemusatan murid agar murid dapat berpeluang menunjukkan kreativiti dan bakat dalam sastra semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di dalam kelas, guru tidak seharusnya bersandarkan buku teks semata-mata. Penggunaan bahan-bahan tambahan lain yang bersesuaian amat perlu bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan efektif bagi mengelakkan kebosanan murid, di samping menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam setiap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Latihan yang diterima oleh guru secara langsung akan memberi pendedahan kepada mereka dalam kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran. Latihan yang diterima oleh guru juga termasuklah kursus, seminar, bengkel atau persidangan. Latihan dan pengalaman mengajar membentuk kemahiran kepada setiap guru kerana mereka boleh meningkatkan daya kreativiti dalam pengajaran setiap hari. Secara tidak langsung, cara ini dapat menarik minat murid untuk mengikuti proses

²⁷ Noriah Bakar. 1986. *Kesan pendekatan mengalami dan menghayati terhadap pembelajaran sajak Tingkatan 6 di sekolah menengah*. Tesis Sarjan Pendidikan, Universiti Malaya.

pembelajaran sehingga tamat. Oleh itu pengalaman mengajar mematangkan guru bagi mewujudkan situasi pembelajaran yang efektif dan kolaboratif, di samping memainkan peranan penting bagi meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Pengenalan dan penerangan tentang kaedah-kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran harus disebarkan ke sekolah-sekolah agar guru-guru lebih peka dengan kehendak pendidikan masa kini.

Sehubungan itu, Teori Kecerdasan Pelbagai adalah antara pendekatan yang sesuai diaplikasikan. Ujian pra dan ujian pasca dalam kajian ini dijalankan terhadap dua kumpulan kawalan dan eksperimen yang masing-masing mengaplikasi kaedah struktur dan TKP dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kumpulan eksperimen tentang pencapaian akademik dalam ujian berbanding kumpulan kawalan. Ini bererti TKP didapati lebih sesuai dan berkesan untuk mengajar KOMSAS kerana dapat mencungkil kecerdasan murid dari pelbagai latar belakang.

Dapatan kajian juga menunjukkan para murid berpendapat bahawa kaedah pengajaran guru berdasarkan Teori Kecerdasan Pelbagai berperanan bagi menggalakkan murid berfikir secara kreatif (Min 4.17, S.P. .80) (Item 3, Jadual 5). Selain itu murid juga berpendapat bahawa kaedah pengajaran guru melibatkan murid secara aktif (Min 3.79, S.P. .92) (Item 8, Jadual 4). Murid juga bersetuju bahawa guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza mengikut genre KOMSAS yang berbeza (Min 3.88, S.P. 1.07) (Item 3, Jadual 6). Ini memudahkan kefahaman murid, di samping mengurangkan kekeliruan membezakan setiap genre sastera.

Mengikut Salhah Abdullah²⁸ (2009), Teori Kecerdasan Pelbagai yang dikemukakan oleh Howard Garner (1983) menghuraikan hingga lapan kecenderungan potensi seseorang untuk belajar. Guru sebagai fasilitator dan mentor disarankan mengenal pasti kecerdasan pelbagai diri sendiri supaya mudah membimbing murid sebagai mentee. Guru boleh melibatkan semua murid dan sesuaikan bakat dan kebolehan mereka dengan pembelajaran KOMSAS.

²⁸ Salhah Abdullah. 2009. *Kecerdasan Pelbagai: Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Dalam pada itu, Gardner²⁹ (1983) menyarankan agar guru mendedahkan murid dengan pelbagai projek dan meletakkan murid yang berlainan kecerdasan dalam satu kumpulan supaya kumpulan murid ini dapat saling belajar, membantu dan bekerjasama. Oleh itu, guru haruslah memahami setiap murid secara mendalam. Di samping itu, TKP menggalakkan setiap murid memahami tentang apa yang telah dipelajari. Murid dikatakan faham apabila dapat menangkap idea yang dipelajari sama ada di sekolah mahupun di tempat lain, kemudian mengaplikasikan idea tersebut dalam situasi baru untuk menyelesaikan masalah.

Sehubungan itu, Lazear³⁰ (2004) memberi saranan yang membina. Antaranya ialah memberi peluang kepada murid untuk menyelesaikan masalah, belajar dalam kumpulan kecil atau besar, menyediakan peluang kepada murid untuk memperoleh kemahiran dan maklumat, memberi peluang kepada mereka untuk menghasilkan suatu produk dengan menjadikan kemampuan dan minat sebagai garis panduan, dan belajar serta berfikir secara aktif.

Menurut Campbell dan rakan-rakan³¹ (1996), apa yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan TKP ialah bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kandungan mata pelajaran. Dari segi pengajaran dan pembelajaran, tidak terdapat model tunggal dalam reka bentuk pelajaran tertentu. Guru yang cekap akan mudah mencipta pendekatan yang paling sesuai dengan gaya pengajaran serta keperluan murid. Guru tidak perlu merancang lapan rancangan pengajaran yang berbeza atau membahagikan murid kepada lapan kumpulan mengikut kekuatan kecerdasan mereka. Apa yang perlu dilakukan ialah merangka suasana pengajaran yang memupuk murid agar menggunakan kombinasi pelbagai jenis kecerdasan dalam menguasai sesuatu tajuk yang diajar³².

Kaedah ini menggalakkan murid menunjukkan potensi individu masing-masing. Guru sebagai penunjuk cara boleh memberikan tugasan yang bersesuaian dengan minat, bakat dan keupayaan murid. Suasana pembelajaran yang hidup dan menyeronokkan merangsang minat murid selaras dengan keperluan jiwa mereka sebagai remaja. Ini secara langsung

²⁹ Gardner, H. 1983. *Multiple Intelligence: The Theory in Practice*. New York: Basic Books.

³⁰ Lazaer, David G. 2004. *Multiple intelligence approaches to assessment: solving the assessment conundrum*. Wales: Crown House.

³¹ Campbell, L.C., Campbell, B.C. & Dickinson, D. 1999. *Teaching and Learning through Multiple Intelligence*. Tucson: Sephyr Press. hlm. 68.

³² Moran, S., Kornhaber, M & Gardner, H. 2006. *Orchestrating MI. Educational Leadership*. 64: 26.

menyebabkan murid terdorong untuk mengikuti pembelajaran hingga akhir. Kaedah ini boleh dijadikan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Ini bergantung kepada keupayaan guru mempelbagaikan aktiviti yang bersesuaian dengan pelbagai genre sastera juga dengan tahap keupayaan murid.

Pendekatan baru yang ditemui oleh penyelidikan tempatan lebih meyakinkan kerana penyelidik memberi pertimbangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran bahasa Melayu dengan mengambil kira latar belakang murid yang datang dari pelbagai etnik, iaitu Melayu, Cina dan India yang belajar secara bersama dalam sesebuah kelas atau sekolah. Maka, guru perlu menggunakan kaedah yang lain dan memberikan penekanan terhadap aspek KOMSAS bagi menarik minat murid dan menghindarkan suasana pembelajaran yang membosankan murid. Murid perlu dilibatkan secara aktif dan bukan sekadar memberikan nota sebagai satu cara kaedah pengajaran.

Kemudahan penggunaan teknologi maklumat juga merupakan salah satu cara bagi meningkatkan lagi minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran KOMSAS, seiring dengan era moden. Teknologi maklumat memberi kesan pengajaran yang lebih mendalam kepada murid kerana mempunyai kesan visual dan audio³³. Oleh itu, guru-guru bahasa Melayu seharusnya diberikan pelbagai bahan perisian (*software*) yang berkaitan KOMSAS agar boleh diaplikasikan dalam pengajaran. Pihak KPM perlu membekalkan guru-guru dengan BBM yang mencukupi. Oleh itu kebergantungan terhadap kaedah tradisional dapat dikurangkan, secara tidak langsung dengan cara ini juga akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif buat murid.

Kesimpulan

Kesimpulannya, guru-guru memainkan peranan yang paling besar bagi menjayakan KOMSAS di sekolah dengan mengaplikasikan pendekatan pengajaran berpusatkan murid yang sesuai dan berkesan. Kajian ini menunjukkan Teori Kecerdasan Pelbagai berkesan sebagai kaedah pengajaran KOMSAS yang harus digalakkan di sekolah menengah untuk menarik minat murid. Pihak KPM juga harus peka dengan keperluan rombak semula sukatan pelajaran KOMSAS dan memilih kesesuaian

³³ Neo, M. & Rafi, A. 2007. Designing interactive multimedia curricula to enhance teaching and learning in the Malaysian classroom - from teacher-led to student-centered experiences. *International Journal of Instructional Media*, 34(1), hlm. 57.

teks berdasarkan genre agar matlamat KPM mengadakan KOMSAS tidak tersasar dari tujuan yang asal.

Bibliografi

- Abd. Fatah Hassan. 1998. *Pemikiran Keseluruhan Otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Armstrong, David G. 2004. *Teaching Today: An Introduction to Education*. Edisi ke-7. New Jersey: Prentice-Hall.
- Campbell, L.C., Campbell, B.C. & Dickinson, D. 1999. *Teaching and Learning through Multiple Intelligences*. Tucson: Sephyr Press.
- Chew Fong Peng. 2008. *Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: KEPKKWA.
- Chew Fong Peng. 2010. Isu-isu Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Seminar Internasional Bahasa dan Sastra*. (FORKIBASTRA 2010). 1-2 Jun. Hotel Sandjaja, Palembang, Sumatera, Indonesia.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Gardner, H. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Harper & Row.
- Gardner, H. 1983. *Multiple Intelligence: The Theory in Practice*. New York: Basic Books.
- Hazri Jamil. 2003. *Teknik Mengajar Sejarah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Kuala Lumpur: AG Grafik Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. 2001. *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lazaer, David G. 2004. *Multiple intelligence approaches to assessment: solving the assessment conundrum*. Wales: Crown House.
- Lim Swee Tin. 2007. KOMSAS dalam P & P Bahasa Melayu: Masihkah Menjolak Buah yang Tinggi? Kertas Kerja. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Kesusasteraan Melayu*, 11-13 Disember. Universiti Malaya.
- Mat Asuar Bin Awang. 2008. *Kesan Pendekatan Penghayatan Terhadap Pembelajaran Puisi*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moran, S., Kornhaber, M. & Gardner, H. 2006. Orchestrating M1. *Educational Leadership*. 64: 22-27.
- Neo, M. & Rafi, A. 2007. Designing interactive multimedia curricula to enhance teacher teaching and learning in the Malaysian classroom-from teacher-led to student-centered experiences. *International Journal of Instructional Media*. 34(1): 51-59.
- Noriah Bakar. 1986. *Kesan pendekatan mengalami dan menghayati terhadap pembelajaran sejak Tingkatan 6 di sekolah menengah*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur.
- Rose Aza. 2003. *Kefahaman guru tentang KOMSAS*. Rohizani Yaakub, Shahabuddin Hashim & Hashim Othman (pnyt.). *Prosiding Seminar Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Roshani Abdullah. 1993. Penggunaan Novel dalam Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan II di Beberapa Buah Sekolah di Daerah Petaling. Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.
- Saedah Siraj. 1992. *Mengajar Sastera: Teori, Eksperimen, Aplikasi*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.

- Salbiah Ani. 2001. Kemelut Komponen Sastra dalam Bahasa Melayu. *Berita Harian*, 20 Mac: hlm. 3.
- Salhah Abdullah. 2009. *Kecerdasan Pelbagai: Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Seman Salleh. 2005. Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad, 2007. *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Tan Khun. 2001. *Penyelidikan ke arah keberkesanan dan Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran dalam sains dan matematik*; http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/2001/2001_1_tankh.pdf, dimuat turun pada 25 Oktober 2009.
- Tahir Nuruddin. 2004. *Kefahaman Guru tentang Konsep Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa.
- Zahirah Abdul Aziz & Kamaruzaman Abdullah. 2001. Pengajaran KOMSAS dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. Kertas kerja. *Seminar Pengajaran KOMSAS*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Bahasa Melayu Malaysia. 11-13 Jun.
- Zaidatul Akmaliah Lope. 2005. *Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

**KITAB MELAYU JAWI: ANALISIS
METODOLOGI KARYA TASAWUF *HIDAYAH
AL-SALIKIN* OLEH SHEIKH 'ABD AL-SAMAD
AL-FALIMBANI
(*THE MALAY JAWI BOOK: AN ANALYSIS
METHODOLOGY OF THE TASAWUF BOOK
HIDAYAH AL-SALIKIN WRITTEN BY SHEIKH 'ABD
AL-SAMAD AL-FALIMBANI*)**

Ishak Suliaman
Khadher Ahmad

Abstrak

Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin karya Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani ialah sebuah karya Jawi yang masyhur dalam bidang tasawuf yang pertama kali diterbitkan di Mekkah. Karya ini telah diterima pakai oleh masyarakat Muslim di Malaysia, Selatan Thai dan Indonesia sebagai sebuah karya tasawuf yang menjadi bahan pembelajaran dan pengajian dalam bidang ini di pensentren, pondok, masjid dan surau-surau. Karya ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan telah menjadi karya tasawuf yang masyhur di Nusantara. Metodologi penulisan karya *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* dikenali sebagai karya yang mempunyai ciri-ciri yang sangat signifikan sebagai rujukan utama dalam bidang tasawuf dalam kalangan umat Islam di Nusantara. Berdasarkan realiti ini, artikel ini berusaha untuk mengkaji latar belakang penerbitan karya, kandungannya, rujukan utama karya dan pendekatan yang diterapkan oleh pengarang dalam menganalisis kandungannya.

Kata kunci: Kitab Melayu Jawi, Analisis metodologi, Tasawuf, *Hidayah al-Salikin*, Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani.

Penghasilan karya-karya dengan bahasa setempat menyemarakkan lagi perkembangan tersebut khususnya karya-karya dalam tulisan Jawi. Justeru itu, kitab Jawi berjudul *Hidayah al-Salikin* merupakan salah satu karya yang mengisi perkembangan ilmu di alam Nusantara ini.

Artikel ini memberikan penjelasan dan perbincangan yang khusus terhadap kitab *Hidayah al-Salikin*, berdasarkan kepada kepentingannya sebagai bahan atau teks pengajian khususnya dalam pembentukan akhlak Muslim melalui ilmu tasawuf. Perbincangan tertumpu kepada penjelasan dan perbincangan tentang sejarah dan latar belakang karya dan meliputi beberapa perkara lain seperti cetakan dan terbitan, kandungan perbincangan, metodologi penyusunan dan persembahan karya, serta beberapa perkara yang berkaitan.

Maklumat Karya Tasawuf *Hidayah al-Salikin*

Maklumat Terbitan dan Cetakan

Kitab *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*² atau dikenali dengan panggilan *Hidayah al-Salikin* adalah hasil karya seorang tokoh ulama yang dikenali sebagai Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani. Kitab ini telah diselesaikan penulisan pada hari Selasa 5 Muharam 1192H di Makkah.³ Walaupun demikian, lebih kurang 100 tahun kemudian barulah kitab ini dicetak dan diterbitkan.⁴ Kitab ini menjadi karya Melayu/Jawi pertama yang ditashihkan dan kemudian dicetak, hasil daripada inisiatif sebuah Badan Pentashih di Makkah dan Mesir⁵ yang diketuai oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani.

² Ahmad Fahmi Zamzam menterjemahkan nama kitab ini iaitu "*Pedoman Bagi Orang Yang Berjalan Pada Perjalanan Orang Yang Takut Akan Allah Ta'ala*". Lihat Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani. 2006. *Hidayatus-Salikin Fi Suluki Maslak al-Muttaqin*, ditahkikkan oleh Ahmad Fahmi Zamzam, Kedah: Khazanah Banjariah dan Pustaka Suhbah. c.1. hlm. i.

³ Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1982. *Hidayah al-Salikin fi Masalik al-Muttaqin*, ditahkikkan oleh Syamsuddin bin Siddiq. Kuala Lumpur: Biro Dakwah ABIM Pusat. c.1. hlm. 28-30.

⁴ Keadaan ini berlaku kerana tidak ada lagi syarikat percetakan yang ditubuhkan bagi mencetak kitab Melayu/Jawi pada ketika itu walaupun terdapat para pencetakan di kalangan orang Arab. Ini kerana orang-orang Arab tidak memahami dan tidak mampu untuk membaca tulisan Jawi walaupun tulisannya seperti tulisan Arab.

⁵ Badan ini terbentuk sekitar tahun 1296H yang diketuai oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani yang bertanggungjawab di bahagian kitab berbahasa Melayu/Jawi. Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pernah dihantar untuk bertemu Wakil Pemerintah Tukri Uthmaniyah di Mekah bagi mendapatkan sebuah mesin pencetakan. Lihat *Ibid*.

Abstract

The book of Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin written by Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani is one of the famous Jawi manuscripts of tasawuf which was first published in Mecca. This Jawi book is well accepted by Malay Muslims in Malaysia, South Thailand and Indonesia as a religious book of tasawuf that is being studied particularly at pasentrens, pondoks dan mosques. The Jawi book has it significant criteria as a famous religious book of tasawuf in Nusantara. The writing methodology of Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin is known as a most significant indicating main reference in the field of tasawuf among Malay Muslims in Nusantara. For this reason the article attempts study its background, publishing, contents of book, main references and approach of content analysis applied by the writer.

Keywords: *The Malay Jawi Book, Analysis methodology, Tasawuf, Hidayah al-Salikin, Sheikh 'Abd al-Samad al-Falimbani.*

Pengenalan

Kitab atau manuskrip Jawi merupakan khazanah keilmuan yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan ilmu dan penyebaran dakwah Islam dalam kalangan masyarakat di rantau Melayu. Bahkan, penghasilan karya-karya tersebut menjadi bukti berlakunya perkembangan ilmu-ilmu Islam yang pesat di kalangan bangsa atau rumpun Melayu yang merujuk kepada bangsa yang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Menurut Dato' Haji A. Aziz Deraman, kedatangan Islam telah membawa perubahan yang ketara dan memberi kesan yang besar kepada masyarakat di alam Melayu khususnya kepada perubahan sosiobudaya yang menyentuh beberapa aspek seperti pendidikan dan pengembangan ilmu, bahasa dan persuratan, kebudayaan dan kesenian, politik dan pentadbiran, serta dari aspek isu dan cabaran semasa kehidupan sosial umat.¹

Oleh yang demikian, kedatangan Islam adalah satu rahmat yang sangat besar yang telah mempengaruhi keseluruhan cara hidup masyarakat termasuklah bidang pendidikan dan pengajian ilmu-ilmu Islam.

¹ A. Aziz Deraman, Dato' Haji. (t.t). *Kedatangan Islam dan Pembudayaan Alam Melayu*. Kuala Lumpur. hlm. 2.

Berkaitan dengan judul, menurut Wan Mohd Shaghbir Abdullah, selain dinamakan sebagai *Hidayah al-Salikin*, terdapat juga cetakan yang menggunakan judul *Bidayah al-Salikin* seperti terbitan di Singapura dan Makkah⁶. Kedua-dua nama tersebut memang terdapat pada manuskrip asal. Namun, pada cetakan huruf *litografi* (huruf batu)⁷, sama ada cetakan di Singapura ataupun Makkah, kedua-duanya menggunakan judul “*Bidayah al-Salikin*”. Namun, Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani telah berusaha untuk menukar huruf tersebut kepada huruf yang dibuat *klise timah* dan diletakkan judul *Hidayah al-Salikin*, bukannya *Bidayah al-Salikin*. Beliau juga mendakwa, karya ini adalah karya atau kitab Melayu/Jawi pertama yang telah dicetak di Mesir.⁸

Dalam *Majalah Pelita* dicatatkan judulnya “*Hikayah al-Salikin*”, tetapi pada pandangan Wan Mohd Shaghbir Abdullah, kemungkinan berlaku kesilapan sewaktu mentransliterasikannya dari bahasa Melayu/Jawi ke rumi berdasarkan ambilan dan rujukan daripada tulisan orang barat (khususnya orientalis). Tambahan pula, berdasarkan kajian yang dilakukan, beliau tidak pernah menjumpai, bahkan tiada sumber yang menjelaskan bahawa Sheikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani pernah mengarang sebuah karya dengan judul tersebut.⁹

Merujuk kepada kitab ini yang telah diterbitkan, terbitan pertama bermula di Mesir pada tahun 1288H/1871M melalui cetakan Sheikh Hasan al-Thuki yang telah ditashihkan oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Kemudian dicetak di Makkah dengan edisi pertama pada tahun 1300H/1882M oleh Matba‘ah al-Kainah, Makkah.¹⁰ Seterusnya kitab ini diulang cetak di Makkah, Mesir, Bombay, Singapura, Indonesia dan Malaysia.¹¹ Sehingga pada hari ini, terdapat usaha yang dilakukan oleh

⁶ Judul ini didapati pada koleksi manuskrip Balai Islam Bahagian Hal Ehwal Islam dengan nombor kelas MI 170, MI 277 dan MI 334, lihat Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1996., *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. c.1. hlm. 111.

⁷ Cetakan ini dicatatkan tahun penulisannya pada tahun 1287H/1870M, lihat Wan Shaghbir Abdullah. 1996. *al-‘Urwatul Wutsqa Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani: Pegangan Yang Kukuh Golongan Sufi*”, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah. c.1. hlm. 7.

⁸ *Ibid.*

⁹ Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu. op.cit.* hlm. 111.

¹⁰ Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1999. *Hidayah al-Salikin*. edisi rumi. C.2. Jil.1. hlm. 2.

¹¹ Dr. Chatib Quzwain. 1996. *Mengenal Allah*, Selangor: Thinker’s Library. hlm.25 dan Dr. Taufik Abdullah *et al.*, 2002. *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam (Asia Tenggara)*, Jakarta: PT Ichtisar Baru Van Hoeve. hlm. 152.

Wan Mohd Shaghir Abdullah¹² dan Abu ‘Ali al-Banjari al-Nadwi al-Maliki¹³ yang telah mentransliterasikan daripada tulisan Jawi kepada tulisan rumi di samping penyusunan yang lebih teratur dan tersusun.

Kandungan Perbahasan

Hidayah al-Salikin ialah sebuah karya yang sarat dengan ilmu pengajian tasawuf yang dikhususkan untuk golongan *mubtadi* (permulaan). Al-Falimbani dalam *muqaddimah*nya menyatakan bahawa kitab ini merupakan inisiatif beliau untuk menterjemahkan karya “*Bidayah al-Hidayah*” karangan Imam al-Ghazali, yang merupakan sebuah karya yang lengkap dan telah menghimpunkan pelbagai ilmu yang dapat mendorong seseorang agar takut kepada Allah SWT. Bahkan, merupakan himpunan ilmu yang bermanfaat untuk dunia dan akhirat. Walaupun demikian, kitab *Hidayah al-Salikin* bukan sekadar karya terjemahan melainkan Al-Falimbani telah memberi penambahan terhadap beberapa permasalahan yang tidak dikemukakan beserta dengan hujah dan hurain daripada pihak beliau sendiri. Petikan kata-kata al-Falimbani seperti dalam *Muqaddimah*nya:

“Ketahuilah oleh mu hai saudara kami yang menuntut bagi negeri akhirat bahawasanya kitab “*Bidayah al-Hidayah*” bagi Imam Hujjatul Islam al-Ghazali rahimahullah itu, telah menghimpunkan bagi ilmu yang membawa kepada takut akan Allah Ta‘ala yang disebutkan di dalam firman Allah Ta‘ala; Maksudnya: “Dan ambil oleh kamu akan kekal

¹² Beliau merupakan cucu kepada Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Sehingga sekarang, beliau bertanggungjawab dalam usaha mengumpul, mencetak, menulis, mentahqiq dan memperkenalkan tokoh-tokoh ulama silam di Nusantara bersama dengan karya-karya mereka yang digerakkan di bawah Khazanah Fathaniyyah. Beliau telah mengalih bahasa tulisan kitab ini daripada tulisan Melayu/Jawi kepada tulisan Melayu/Rumi yang telah diusahakan dalam beberapa tahun sehingga terhasil karya *Hidayah al-Salikin* edisi rumi dengan tiga jilid iaitu Jil.1 pada tahun 1417H/1996M, Jil.2 pada tahun 1418H/1997M dan Jil.3 pada tahun 1419H/1998M.

¹³ Beliau Ustaz Fahmi bin Zamzam yang dilahirkan di Amuntai, Banjarmasin, Kalimantan, Selatan Indonesia pada tahun 1959M. Beliau telah mendirikan pondok Pasantren di Muara Tewe, Kalimantan Tengah Indonesia pada tahun 2001M dan Pasantren kedua di Banjarbaru, Kalimantan Selatan Indonesia pada tahun 2003M. Pada masa yang sama, sehingga kini masih menjadi tenaga pengajar di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Pokok Sena, Kedah. Usaha beliau terhadap karya *Hidayah al-Salikin*, menyamai usaha yang dilakukan oleh Wan Mohd Shaghir. Namun, beliau telah mengadakan beberapa pembaharuan dengan susun atur yang lebih menarik di samping terbitan dalam dua versi iaitu edisi Melayu/Jawi dan Rumi. Lihat Al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam, *Op.cit.* hlm. xxiii-xxiv.

akhirat, maka yang terlebih baik bekal itu iaitu takut akan Allah". Dan di dalam kitab ini terhimpun ilmu yang memberi manfaat di dalam dunia dan di dalam akhirat, maka tidak dapat tiada lagi bagi tiap-tiap orang Islam yang mukalaf daripada mengenal akan dia. Maka dari kerana inilah kasih aku bahasakan akan beberapa masalahnya di dalam kitab ini dengan bahasa Jawi serta aku tambah daripadanya beberapa masalah yang baik-baik yang tak dapat tiada daripadanya, supaya mengambil manfaat dengan dia oleh orang yang tiada mengetahui bahasa Arab...¹⁴

Kitab *Hidayah al-Salikin* secara umumnya ialah sebuah karya yang membicarakan persoalan tasawuf yang tertumpu ke arah kesempurnaan ibadah seseorang serta mu'amalahnya sesama manusia. Namun, jika diperincikan pemerhatian dan penelitian terhadap kandungannya terdapat elemen atau aspek lain yang ditekankan oleh al-Falimbani di dalam kitab tersebut. Misalnya, dalam bab yang pertama selepas membicarakan soal kepentingan ilmu dan faedahnya, beliau telah memulakan perbincangan dengan perbincangan terhadap persoalan akidah (tauhid), yang menekankan akidah sebagai tunjang utama sebelum mendalami ilmu-ilmu yang lain. Bahkan, akidah ialah perkara utama yang perlu diselesaikan dan difahami dengan baik sebelum pelaksanaan syariat dan amal ibadah yang lain. Dalam soal ini, al-Falimbani lebih cenderung untuk mengemukakan konsep akidah yang dibawa oleh *Ahl al-Sunnah wa la-Jama'ah* yang di dokong oleh Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Keadaan ini, bertepatan dengan pegangan Imam al-Ghazali sendiri.¹⁵

Dalam bab seterusnya, al-Falimbani mengemukakan perbincangan berkenaan fikah (*fiqh*). Beliau mendedahkan kepada pembaca, contohnya berkaitan kaifiat atau kaedah pelaksanaan solat-solat sunat seperti solat hajat, *istiqarah*, *isytiqaq*, *duha*, *awwab*, *tasbih*, *taubah* dan sebagainya. Beliau telah mengemukakan beberapa cadangan cara pelaksanaan solat-solat sunat tersebut seperti bacaan surah atau ayat al-Quran dalam rakaat, sama ada rakaat pertama, kedua dan seterusnya. Bahkan dikemukakan juga cara kedua, atau alternatif bacaan surah lain atau kaedah lain yang tidak

¹⁴ Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani, *Hidayah al-Salikin*, lihat cetakan Pulau Pinang oleh Sulaiman Prees (t.t), hlm. 3-4, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. 1996., oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1982. *op.cit.* hlm. 9-10 dan al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam, *ibid.* hlm. 2-3.

¹⁵ Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani (t.t). *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, Dar al-Ma'arif. hlm. 17-23.

membebankan pengamalannya, dan terserah kepada pembaca untuk memilih cara yang mampu untuk mereka laksanakan.¹⁶ Keadaan tersebut memperlihatkan usaha al-Falimbani untuk menarik minat pembaca dan pelajar kitab ini supaya tidak rasa terbeban, bahkan berupaya memilih sesuatu pelaksanaan sesuatu ibadah berdasarkan keupayaan mereka, bukan di atas rasa terpaksa. Walaupun demikian, beliau tidak memanjang perbicaraan dalam aspek ini. Cuma beberapa permasalahan atau tajuk sahaja yang disentuh seperti dalam konteks *taharah* (bersuci), solat dan puasa sahaja. Bahkan, perbahasannya juga dalam bentuk yang ringkas dan padat. Al-Falimbani meninggalkan daripada membicarakan secara mendalam terhadap permasalahan *fiqh* yang melibatkan perbezaan pandangan dan perselisihan pendapat dalam kalangan imam mazhab dan para ulama.

Perbahasan utama yang diberi penekanan oleh al-Falimbani adalah berkait rapat dengan tasawuf. Contohnya perbahasan berkait dengan adab-adab tertentu seperti ketika bersuci, berwuduk, tayamum, adab ketika pelaksanaan solat, adab di masjid, adab dengan manusia seperti adab anak kepada ibu bapa, adab bersahabat, adab makan dan minum dan sebagainya lagi. Selain itu, beliau juga membincangkan aspek-aspek tertentu terutama dalam konteks pemeliharaan diri seseorang seperti berkaitan *riya'*, *takabbur*, marah, *hasad*, sabar, syukur, zuhud, zikir dan lain-lain lagi. Seolah-olah apa yang dikemukakan oleh al-Falimbani ini merupakan satu pakej lengkap kepada setiap individu Muslim untuk diamalkan kerana perbincangannya berkait rapat dengan kehidupan dan amalan harian mereka. Bagi mereka yang melaksanakannya, diri mereka akan dapat dipagari dan dipelihara daripada perkara-perkara yang tidak baik ataupun maksiat. Dalam masa yang sama dapat membentuk peribadi Muslim yang berakhlak bukan hanya sesama manusia tetapi juga berakhlak ketika berhubung dengan Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah tersebut.

Oleh itu, dapat diketahui bahawa al-Falimbani melalui kitab ini, cuba untuk menggabung dan menyelaraskan tasawuf yang mengikut jalan syariat (perundangan Islam), iaitu bukan hanya menumpukan kepada aspek penyucian diri semata-mata, tetapi didorong dengan pelaksanaan syariat dan dikukuhkan dengan pegangan akidah yang benar sebagai paksi utama

¹⁶ Contohnya, dalam Bab Kedua; "Pada Menyatakan Berbuat Taat dan Ibadat Yang Zahir", diterangkan berkenaan solat Tasbih. Al-Falimbani mengemukakan dua riwayat cara pelaksanaan solat tersebut dan dijelaskan satu persatu cara pelaksanaannya. Lihat Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani. 2006. *Hidayatus-Salikin fi Suluki Maslakil-Muttaqin*, ditahkikkan Fahmi Zamzam, Kedah: Kazanah Banjariah, c.1. hlm. 87-100 dan Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani (t.t). *op.cit.* hlm. 86-102 pada perbahasan berkaitan Solat Tasbih.

ke arah jalan tersebut.

Berkaitan dengan sumber rujukan dalam perbincangan kitab ini, al-Falimbani dalam huraian dan penjelasannya merujuk kepada beberapa karya lain yang tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada karya al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*. Ia jelas disebutkan oleh beliau dalam pengenalan kitab tersebut serta disenaraikan nama-nama rujukan tersebut oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah berdasarkan kajian beliau.¹⁷ Al-Falimbani menyatakan:

Maka dari kerana inilah kasih aku bahasakan akan beberapa masalahnya di dalam kitab ini dengan bahasa Jawi serta **aku tambah daripadanya beberapa masalah yang baik-baik yang tak dapat tiada daripadanya.**¹⁸

Walaupun secara keseluruhannya, al-Falimbani merujuk kepada pelbagai sumber untuk menghasilkan kitab *Hidayah al-Salikin* ini, namun beliau lebih cenderung merujuk kepada karya-karya al-Ghazali dan juga pengaruh daripada guru beliau sendiri, Sheikh Muhammad bin 'Abd al-Karim Sammani sehinggalah nama guru beliau ini banyak disebutkan dalam kitab beliau tersebut.¹⁹

Ringkasnya, diketahui bahawa kandungan perbincangan kitab *Hidayah al-Salikin* tidak hanya mengkhususkan kepada aspek tasawuf semata-mata. Bahkan, dimuatkan juga soal akidah dan fikah. Manakala

¹⁷ Antara karya-karya yang menjadi sumber rujukan al-Falimbani dalam menghasilkan karya ini seperti yang disebutkan oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah adalah seperti *Minhaj al-'Abidin, Ithya' 'Ulum al-Din* dan *al-Arba'in fi Usul al-Din* karya Imam al-Ghazali, *Yawaqit wa al-Jawahir* karangan Sheikh 'Abd al-Wahab al-Sya'rani, *Madaris al-Salikin, Durar al-Jawahir, 'Uhud al-Masyayikh*, dan *'Uhud al-Muhammadiyah* karangan Sheikh 'Abd al-Wahab al-Sya'rani, *Kitab al-Hikam* karya Sheikh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari, *Syarh al-Hikam* karya Sheikh Ibn 'Ibad, *Miftah al-Falah*, dan al-Tanwir fi *Isqatat Tadbir*, karangan Sheikh 'Ata' Allah al-Sakandari, *Al-Durr al-Thamin* karya Sheikh 'Abd al-Qadir 'Aydarus, *'Umdah al-Muhtajin* karya Sheikh 'Abd Ra'uf bin 'Ali al-Fansuri, *'Awarif al-Ma'arif* karya Syahrwardi, *Risalah al-Qusyairiyah* karya Sheikh 'Abd al-Karim al-Qusyairi, *'Urwah al-Wuthqa* karya Sheikh Muhammad bin 'Abd al-Karim al-Samani, *Bustan al-'Arifin* karya Sheikh Ahmad al-Qusyasyi, *Iqadh al-Qawabil* karangan Sheikh Ibrahim al-Kurdi, *Nasa'ih al-Diniyyah* karya Sayyid 'Abd Allah al-Haddad, *Syarh Bidayah al-Hidayah* karya Sheikh 'Abd al-Qadir al-Faqihi, *Al-Tarsiyh fi Salah al-Tasbih* tulisan Sheikh Tajuddin al-Subki, *Syarh al-Rawdah* tulisan Sheikh Zakaria al-Ansari, *Syarh Matan Jawhar al-Tawhid* karya Sheikh 'Abd al-Mu'ti dan *Minhaj al-Salik* karya Sheikh 'Ali al-Mursafi. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang, Ulama Sufi dan Jihad Dunia Melayu*, *op.cit.* hlm. 126-127.

¹⁸ Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani (t.t). *op.cit.* hlm. 2-3.

¹⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1996. *op.cit.* hlm.127 dan Dr. Taufik Abdullah *et al.*, 2002. *op.cit.* hlm. 152.

merujuk kepada kitab-kitab rujukan al-Falimbani dalam menulis dan menambah kekurangan daripada kitab *Bidayah al-Hidayah*, melambangkan ketinggian ilmu beliau sehinggakan dapat mengenal pasti kekurangan daripada sesebuah karya dan menambah baik permasalahan yang tidak dibahaskan serta dibentangkan dengan kupasan yang menarik sesuai dengan kitab asalnya. Tidak mungkin seseorang itu dapat melakukan demikian kecuali penguasaannya yang luas dalam bidang keilmuan. Ketinggian ilmu tersebut melayakkan beliau untuk dilabelkan sebagai seorang tokoh ulama dan ilmuwan Islam di dunia Melayu khususnya.

Faktor Dorongan Kitab *Hidayah al-Salikin* Dihasilkan

Daripada penelitian pengkaji, apabila dirujuk kepada *muqaddimah muallif* kitab *Hidayah al-Salikin*, al-Falimbani menyebutkan bahawa:

“Dan di dalam kitab ini terhimpun ilmu yang memberi manfaat di dalam dunia dan di dalam akhirat, maka tidak dapat tiada bagi tiap-tiap orang Islam yang mukalaf daripada mengenal akan dia. Maka dari kerana inilah kasih aku bahawa aku bahasakan akan beberapa masalahnya di dalam kitab ini dengan bahasa Jawi (Arab Melayu) serta aku tambah daripadanya beberapa masalah yang baik-baik yang tak dapat tiada daripadanya, supaya mengambil manfaat dengan dia oleh orang yang tiada mengetahui bahasa Arab”²⁰

Berdasarkan kepada kata-kata di atas, secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa, di antara faktor dorongan al-Falimbani dalam menghasilkan kitab *Hidayah al-Salikin* ini adalah di atas dasar kesedaran yang ada pada beliau sendiri. Beliau melihat bahawa karya al-Ghazali iaitu “*Bidayah al-Hidayah*” mengandungi banyak ilmu yang bermanfaat dan sangat berguna untuk panduan seluruh masyarakat khususnya di alam Melayu ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, ilmu yang bermanfaat pada al-Falimbani merupakan ilmu *fardu ‘ain* yang wajib dipelajari oleh setiap *mukallaf*. Atas kesedaran itu, beliau mengadakan usaha untuk menterjemahkan karya tersebut dan dihuraikan berdasarkan pengetahuan dan keilmuan beliau di samping rujukan kepada beberapa karya lain.

²⁰ Syekh ‘Abd al-Samad al-Falimbani (t.t). *Hidayah al-Salikin*, *op.cit.* hlm. 3.

Tambahan lagi, beliau juga mendapati bahawa adalah sangat perlu untuk menterjemahkan karya tersebut ke dalam bahasa Melayu/Jawi. Ini kerana, keseluruhan karangan al-Ghazali termasuklah karya *Bidayah al-Hidayah* adalah dalam bahasa Arab. Sedangkan pada ketika itu, masyarakat Melayu kebanyakannya tidak memahami bahasa Arab kecuali mereka yang menuntut di pondok-pondok atau pulang dari Timur Tengah. Dengan keadaan demikian, adalah sukar bagi masyarakat Nusantara untuk membaca dan menjadikannya sebagai bahan pembelajaran serta panduan. Oleh itu, faktor ini menjadi satu dorongan kepada al-Falimbani untuk melakukan kerja-kerja penterjemahan dan penulisan berbahasa Melayu/Jawi bagi kegunaan seluruh masyarakat khususnya di Nusantara ini.

Selain itu, al-Falimbani telah diijazahkan oleh guru beliau, Sheikh Samman *Tarekat Sammaniyah*. Secara jelas beliau dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan tarekat tersebut di samping peranan beliau sebagai *khalifah* dalam tarekat itu. Di atas rasa tanggungjawab dan dipertanggungjawabkan, beliau merasakan bahawa, perlu ada usaha untuk menyebar dan menyampaikan tarekat tersebut kepada seluruh masyarakat di dunia terutamanya di Nusantara tempat tumpah darah beliau sendiri. Namun demikian, setiap daripada individu dalam masyarakat mempunyai tahap penguasaan dan pemahaman yang berbeza terhadap sesuatu bidang khususnya ilmu keagamaan termasuk ilmu tasawuf. Oleh yang demikian, perlu ada satu *silibus* atau satu bentuk kurikulum khusus yang dapat menjadi panduan mudah kepada seluruh masyarakat untuk belajar dan memahaminya berdasarkan kepada tahap penguasaan dan pemikiran mereka pada ketika itu. Keadaan ini menjadikan al-Falimbani terdorong untuk mencari sesuatu yang dapat memenuhi tuntutan tersebut. Beliau mendapati karya Imam al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah* adalah sesuai dijadikan *silibus* atau kurikulum tersebut. Lalu beliau berusaha menterjemahkannya dengan meletakkan beberapa penambahan dan huraian lain berdasarkan kepada rujukan kepada beberapa karya lain agar dapat memenuhi dan mencapai tujuan beliau tersebut. Dengan adanya karya ini, beliau bukan sahaja dapat menyampaikan apa yang diterangkan oleh al-Ghazali, bahkan dapat juga menyampaikan idea dan pemikiran beliau serta menerangkan cara pengamalan dalam beribadah kepada Allah dan menyampaikan tarekatnya itu. Oleh sebab itu secara tidak langsung, melalui karya *Hidayah al-Salikin* dan beberapa karya lain seperti *Siyar al-Salikin*, al-Falimbani menjadikannya sebagai jambatan kepada beliau untuk memperkenalkan *Tarekat Sammaniyah* dan juga mendedahkan pemikiran dan pandangan beliau berkaitan tasawuf.

Kesimpulannya, dapat diketahui bahawa al-Falimbani, di sebalik penghasilan karya-karya yang banyak khususnya kitab *Hidayah al-Salikin* terdapat dorongan tertentu atau cetusan idea beliau sendiri melalui kesedaran sendiri atau faktor dorongan orang lain sehingga menjadikan beliau gemar untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Sudah pasti juga, beliau sama sekali tidak mahu mensia-siakan keilmuan yang dimiliki untuk membantu mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik.

Metodologi Penyusunan dan Persembahan Kitab *Hidayah Al-Salikin*

Dalam memperincikan perbincangan terhadap metodologi penyusunan dan persembahan kitab *Hidayah al-Salikin*, pengkaji memberikan tumpuan terhadap beberapa aspek yang ditetapkan berdasarkan kepada kesesuaian yang dapat menjelaskan perkara tersebut. Aspek-aspek tersebut menyentuh tentang cara pembahagian kandungan kepada beberapa bab dan fasal, kaedah perletakan ayat-ayat al-Quran selaku *nas* terhadap hujah yang dikemukakan dan beberapa aspek berkaitan hadith-hadith yang dicatatkan, aspek huraian kandungan dan fakta, serta aspek rujukan yang menjadi sumber keterangan yang dikemukakan, dan disertakan contoh-contoh yang sesuai.

Pembahagian Kandungan Kepada Beberapa Bab Utama dan Pecahan Fasal Kecil

Secara keseluruhannya kitab ini mengandungi tujuh bab utama dengan satu *Khutbah al-Mu'allif* (Ungkapan Pengarang) dan *Muqaddimah* (Pengenalan)²¹ serta satu *Khatimah* (Penutup) dan merangkumi 41 fasal kecil dengan dua bab utama yang tidak mempunyai fasal iaitu bab pertama dan bab ketiga. Al-Falimbani menyebutkan dalam *Khutbah al-Mu'allif* iaitu:

“dan aku aturkan kitab ini atas satu muqaddimah dan tujuh bab dan satu khatimah”²²

²¹ Perbincangan awal al-Falimbani sebelum memasuki perbincangan seterusnya.

²² Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani. (t.t). *Hidayah al-Salikin, op.cit.* hlm. 4, dan lihat juga Al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam. *op.cit.* hlm. 4.

Merujuk kepada pembahagian daripada aspek atau bidang keilmuan, kandungannya dapat dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu akidah, fikah dan tasawuf. Ketiga-tiga aspek ini telah digabungkan oleh al-Falimbani dalam karyanya itu.

Namun, melalui tertib susunan bab yang telah dilakukan oleh al-Falimbani, memberi kemudahan untuk mengenal pasti pembahagian tersebut dengan merujuk kepada tajuk atau topik yang dibahaskan.

Dari itu, susunan perbahasan dalam kitab ini tersusun dan teratur berdasarkan sununan bab dan tajuk yang dikemukakan. Contohnya, dalam Bab 2 di bawah tajuk *Pada Menyatakan Berbuat Ta'at dan 'Ibadat Yang Zahir* terdapat 12 fasal (sub-bab) yang dibahaskan oleh al-Falimbani. Setiap fasal diperincikan mengikut tajuk sub-bab seperti berkaitan solat-solat sunat misalnya solat sunat dhuha, rawatib, dan sebagainya, tentang puasa, adab-adab solat, solat Jumaat dan sebagainya lagi. Jadual 2.0 berikut dapat menjelaskan gambaran susunan bab utama dan fasal dalam kitab *Hidayah al-Salikin*.

Bil.	Kandungan
1.	<i>Khutbah Mu'allif</i> (Mukadimah Pengarang)
2.	<i>Muqaddimah</i> Kitab <ul style="list-style-type: none">i. Fasal Pada Menyatakan Kelebihan Ilmu Yang Memberi Manfaat.ii. Fasal Pada Menyatakan Kelebihan Orang Yang Menuntut Ilmu Yang Memberi Manfaat
3.	Bab 1 Pada Menyatakan 'Akidah Ahli Sunnah
4.	Bab 2 Pada Menyatakan Berbuat Ta'at dan 'Ibadat Yang Zahir <ul style="list-style-type: none">i. Fasal Pada Menyatakan Adab Qada' Hajatii. Fasal Pada Menyatakan Adab Mengambil Wudukiii. Fasal Pada Menyatakan Adab Mandi Junubiv. Fasal Pada Menyatakan Adab Tayamumv. Fasal Pada Menyatakan Adab Keluar Ke Masjidvi. Fasal Pada Menyatakan Adab Masuk ke Masjidvii. Fasal Pada Menyatakan Adab Yang Dikerjakan Kemudian Daripada Terbitnya Matahariviii. Fasal Pada Menyatakan Adab Menyediakan Bagi Segala Sembahyangix. Fasal Pada Menyatakan Adab Sembahyangx. Fasal Pada Menyatakan Adab Imam Dan Makmumxi. Fasal Pada Menyatakan Adab Jumaatxii. Fasal Pada Menyatakan Adab Puasa

5.	Bab 3 Pada Menyatakan Menjauh Daripada Maksiat Yang Zahir
6.	Bab 4 Pada Menjauhkan Segala Maksiat Yang Batin <ul style="list-style-type: none"> i. Fasal Yang Pertama Pada Menyatakan Sangat Gemar Kepada Makanan ii. Fasal Yang Kedua Pada Menyatakan Sangat Gemar Kepada Membanyakkan Perkataan iii. Fasal Yang Ketiga Pada Menyatakan Marah iv. Fasal Keempat Pada Menyatakan Dengki v. Fasal Kelima Pada Menyatakan Bakhil Dan Kasih Akan Harta vi. Fasal Keenam Pada Menyatakan Kasih Kepada Kemegahan vii. Fasal Ketujuh Pada Menyatakan Kasih Kepada Dunia viii. Fasal Kelapan Pada Menyatakan <i>Kibr</i> (Membesarkan Diri) ix. Fasal Kesembilan Pada Menyatakan '<i>Ujub</i> x. Fasal Kesepuluh Pada Menyatakan <i>Riya</i>'
7.	Bab 5 Pada Menyatakan Segala Taat Yang Batin <ul style="list-style-type: none"> i. Fasal Pertama Pada Menyatakan Taubat ii. Fasal Kedua Pada Menyatakan Takut Akan Allah iii. Fasal Ketiga Pada Menyatakan Zuhud iv. Fasal Keempat Pada Menyatakan Sabar v. Fasal Kelima Pada Menyatakan Syukur vi. Fasal Keenam Pada Menyatakan Ikhlas dan Benar vii. Fasal Ketujuh Pada Menyatakan Tawakal viii. Fasal Kelapan Pada Menyatakan Kasih Akan Allah ix. Fasal Kesembilan Pada Menyatakan Reda Dengan Qada' Allah Ta'ala x. Fasal Kesepuluh Pada Menyatakan Menyebut Akan Mati
8.	Bab 6 (Berkaitan Zikir) <ul style="list-style-type: none"> i. Fasal Yang Pertama Pada Menyatakan Zikir dan Kemuliaan ii. Fasal Yang Kedua Pada Menyatakan Adab Zikir iii. Fasal Yang Ketiga Pada Menyatakan Kaifiat Zikir
9.	Bab 7 Pada Menyatakan Adab Bersahabat dan <i>Mu'asyarah</i> serta <i>Khaliq</i> dan <i>Makhluk</i>. <ul style="list-style-type: none"> i. Fasal Pada Menyatakan Adab Orang Alim ii. Fasal Pada Menyatakan Adab Orang Belajar iii. Fasal Pada Menyatakan Adab Anak Serta Ibu Bapa iv. Fasal Pada Menyatakan Seorang Yang Bersahabat serta Sahabatnya
10.	<i>Khatimah</i> Pada Menyatakan Adab Bersahabat serta Orang yang Berkenalan dan Orang Yang Tiada Berkenalan-kenalan daripada Umum Segala Muslimin.

Jadual 2.0: Senarai Susunan Kandungan Kitab *Hidayah al-Salikin*.

Menampilkan Pendapat al-Ghazali dalam Perbahasan

Ketika membicarakan sesuatu perbahasan atau sub-tajuk, al-Falimbani akan menampilkan pendapat yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali yang dipetik daripada karya-karya beliau seperti *Bidayah al-Hidayah*, *Ihya' 'Ulum al-Din* dan lain-lain. Pandangan al-Ghazali tersebut sama ada sebagai lontaran awal al-Falimbani sebelum menjelaskan tentang perkara yang dibincangkan atau ia menjadi hujah serta dalil yang menguatkan lagi perbahasan yang sedang dibicarakan.

Contohnya, dalam fasal yang keempat iaitu berkaitan dengan hasad (dengki), al-Falimbani mendahului perbahasan dengan menampilkan pandangan al-Ghazali, iaitu dicatatkan:

Kata Imam al-Ghazali: “Dan ketahui olehmu bahawa dengki itu haram iaitu bahawa suka engkau akan hilang nikmat daripada orang lain daripadamu dan suka engkau turun bala dengan dia. Dan tiada haram munafasah, iaitu bahawa engkau terkenang-kenang dan suka bagi dirimu seumpama nikmat bagi orang yang lain, dan tiada suka engkau hilang daripadanya.”²³

Selepas itu, al-Falimbani akan meneruskan perbahasan dan huraian tentang hasad (dengki) yang kemudiannya disertakan dalil daripada hadith Nabi SAW yang berhubung dengan perkara tersebut.²⁴ Walaupun demikian, tidak semua perbahasan pada sub-bab akan didahului nukilan daripada Imam al-Ghazali, tetapi pada sebahagian sub-bab (fasal) ada yang didahului dengan ayat al-Quran atau hadith Nabi SAW.

Menjadikan Nas al-Quran Sebagai Sumber Pendalilan

Dalam menghuraikan segala perbahasan dalam kandungan kitab ini, al-Falimbani merujuk kepada dalil dan sumber daripada nas-nas al-Quran

²³ Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani. (t.t). *Hidayah al-Salikin*, *op.cit.* hlm.190, dan lihat juga al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam. *op.cit.* hlm. 182.

²⁴ Hadith yang dicatatkan oleh al-Falimbani ialah (الْحَسَدُ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْخَطِيئَةَ), Maksudnya: “Hasad itu memakan ia akan amal kebajikan seperti api memakan kayu yang kering.” Lihat Sunan Abi Dawud [Kitab al-Adab, Bab (فِي الْحَسَدِ), no. hadith 4905]. Lihat Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'at al-Sajastani al-Azdi selepas ini Abu Dawud. 1424H. *Sunan Abi Dawud*, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'. Jil.4. hlm. 427.

serta hadith-hadith Nabi SAW. Beliau mendahului *nas-nas* al-Quran sebagai dalil, diikuti hadith-hadith yang sesuai sebagai memperincikan perbahasannya. Berdasarkan penelitian, terdapat **77 potong** ayat al-Quran yang digunakan sebagai *nas* dalam keseluruhan kandungan karya ini. Dalam *Muqaddimah*, *Bab Pertama* dan *Khatimah*, tidak disebutkan atau dicatatkan sebarang ayat al-Quran. Namun, dalam bab-bab yang lain, jumlahnya adalah berbeza mengikuti setiap bab. Bab kedua dan bab ketiga masing-masing terdapat 6 potong ayat al-Quran, diikuti bab keempat sebanyak 15 ayat, bab kelima 32 ayat, bab keenam 10 ayat dan bab terakhir 3 ayat. Untuk melihat dengan lebih dekat persembahan atau cara penulisan al-Falimbani dalam menerangkan sesuatu perbahasan, beberapa contoh di bawah akan memberikan gambaran tersebut. Hal ini memandangkan tidak semua fasal mengandungi *nas* al-Quran.

Contohnya, dalam Bab Kelima, Fasal Ketujuh dengan tajuk “*Pada Menyatakan Tawakal*”, al-Falimbani memulakan perbahasannya dengan membawa datang empat potongan ayat al-Quran dari surah yang beza dan diterjemahkan maknanya dalam bahasa Melayu/Jawi, diikuti dengan sebuah hadith yang juga berkait dengan tajuk tersebut. Selepas itu, dimulakan penjelasan tentang hakikat atau pengertian tawakal dengan merekodkan pandangan para ulama lain seperti pandangan Sheikh ‘Abd al-Qadir al-Idrus dan Imam al-Ghazali. Setelah itu perbahasan dilanjutkan lagi dengan penerangan berkaitan martabat-martabat tawakal yang dijelaskan satu persatu.²⁵ Beberapa potong ayat al-Quran daripada fasal tersebut adalah, firman Allah SWT:²⁶

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Taala mengasihi orang-orang yang bertawakal (berserah diri kepada-Nya)*”.

(Surah Ali ‘Imran 3: 159)

وَعَلَى اللَّهِ فَتَوَكَّلُوا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “*...Dan hanya kepada Allah hendaknya kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman.*”

(Surah al-Ma’idah 5: 23)

²⁵ *Hidayah al-Salikin* (t.t). *ibid.* hlm. 237-244 dan al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam. hlm. 236-242.

²⁶ Penulis sekadar membawa contoh ayat al-Quran yang disebutkan dalam fasal tersebut. Lihat al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam. hlm. 236.

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

Maksudnya: "...Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan) nya...".

(Surah al-Tallaq 65: 3)

إِنَّ الَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ رِزْقًا فَابْتَغُوا عِنْدَ اللَّهِ الرِّزْقَ
وَاعْبُدُوهُ وَاشْكُرُوا لَهُ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: "...Sesungguhnya yang kamu sembah selain Allah itu tidak mampu memberikan rezeki kepadamu; maka mintalah rezeki itu di sisi Allah, dan sembahlah Dia dan bersyukurlah kepada-Nya. Hanya kepada-Nya lah kamu akan dikembalikan".

(Surah al-Ankabut 29: 17)

Manakala dalam Bab Keempat, Fasal Yang Kelima "Pada Menyatakan Bakhil dan Kasih Akan Harta", juga kaedah atau metode penulisan yang sama digunakan. Didahului dengan sepotong ayat al-Quran, diikuti keterangan daripada hadith serta diselang seli antara ayat al-Quran dan hadith yang lain²⁷. Namun, hakikatnya metode penulisannya adalah sama sahaja. Begitu juga dalam bab dan fasal-fasal yang lain dan seterusnya.

Huraian dan Keterangan Merujuk Kepada Hadith

Hadith-hadith yang dicatatkan dan dinukilkan oleh al-Falimbani dalam kitab ini menjadi hujah atau dalil dalam membahaskan dan menjelaskan lagi segala permasalahan yang telah dikemukakan. Bahkan, boleh dikatakan al-Falimbani juga memetik dan menukilkan hadith-hadith yang dinyatakan oleh al-Ghazali dalam karyanya itu dengan tambahan hadith-hadith lain daripada al-Falimbani sendiri.

Hadith-hadith yang ditulis atau dicatatkan adalah dalam bentuk matan (teks) semata-mata tanpa disertakan dengan sanad, nama perawi, dan juga takhrij hadith. Cuma dalam edisi yang ditahkikkan oleh Ustaz Fahmi Zamzam²⁸, beliau telah mengusahakan untuk menyatakan riwayat pada sebahagian hadith. Walaupun pada asalnya karya *Hidayah al-Salikin* cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang yang menjadi rujukan kajian, serta

²⁷ *Hidayah al-Salikin*. (t.t). *op.cit.* hlm. 191-195 dan 2006. *op.cit.* hlm. 183-186.

²⁸ Dalam penulisan karya-karya, beliau menggunakan nama Abu 'Ali al-Banjari al-Nadwi.

beberapa cetakan lain juga digunakan sebagai rujukan seperti cetakan yang telah dialih bahasa kepada tulisan rumi oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah, terbitan Khazanah Fathaniyah, dengan tiga jilid iaitu terbitan pada tahun 1996 (Jilid 1), 1997 (Jilid 2) dan 1998 (Jilid 3) serta terbitan Khazanah al-Banjariyah oleh Ustaz Fahmi Zamzam pada tahun 2003, keseluruhannya tidak mengambil berat tentang sumber hadith atau ringkasnya dari aspek takhrij hadith.

Berkaitan dengan bentuk matan hadith, pengkaji dapat menyatakan bahawa al-Falimbani pada kebanyakan matan hadith membawa datang matan (teks) berbahasa Arab diikuti dengan terjemahannya. Walaupun demikian, tidak semestinya hadith tersebut dinyatakan matannya secara lengkap, memandangkan sesetengah hadith merujuk kepada sebahagian daripada matannya sahaja. Ini bermakna tidak semua hadith yang dicatatkan adalah merupakan sebuah matan lengkap bagi sesebuah hadith. Potongan-potongan sebahagian daripada matan lengkap hadith itu, diletakkan mengikut kesesuaian topik perbincangan dalam fasal atau bab-bab tertentu.

Contohnya, sepotong hadith yang dicatatkan dalam *Muqaddimah Mu'allif, Ini Satu Fasal Pada Menyatakan Kelebihan Ilmu Yang Memberi Manfaat*,²⁹ Hanya dicatatkan matan pendek daripada sebuah hadith iaitu, (الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ). Melalui carian pengkaji, didapati bahawa, matan hadith ini dipetik daripada beberapa sumber riwayat seperti *Sahih al-Bukhari* dan *Sunan Abi Dawud*. Dalam riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, matan penuh bagi hadith tersebut ialah:

"وَأَنَّ الْعُلَمَاءَ هُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَرَثُوا الْعِلْمَ، مَنْ أَخَذَهُ بِحَظِّ وَافِرٍ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ"³⁰

Sedangkan daripada riwayat Abu Dawud dalam sunannya, matan penuh hadith adalah seperti dibawah:

"مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ الْعَالِمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالْخَيْتَانِ فِي جَوْفِ الْمَاءِ، وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ،

²⁹ *Hidayah al-Salikin* (t.t). *ibid.* hlm. 8-9 dan 2006. *ibid.* hlm. 9-10.

³⁰ *Sahih al-Bukhari [Kitab al-'Ilm, Bab al-'Ilm Qabl al-Qawl wa al-'Amal* (Bab Berilmu sebelum Berkata-kata dan Beramal)]. Lihat Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. 1421H/2001M. *Sahih al-Bukhari*, al-Qahirah: Dar al-Taqwa. c.1. Jil.1. hlm.25-26

وإنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، وَرَثُوا الْعِلْمَ؛ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَطِّ
وَأَفْرِ" ³¹.

Contohnya yang lain adalah pada hadith dalam Bab Keempat; “*Pada Menyatakan Segala Maksiat Yang Batin, Fasal Kedua; Pada Menyatakan Gemar Kepada Membanyakan Perkataan*; terdapat sepotong hadith yang dicatatkan oleh al-Falimbani, iaitu:

(وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ) ³².

Hadith ini adalah keratan daripada hadith yang lengkap yang terdapat dalam beberapa riwayat seperti al-Bukhari, Muslim, Abi Dawud, al-Tirmidhi dan Ahmad. Jika dirujuk kepada riwayat al-Bukhari dalam sahihnya, matan lengkap hadith ini adalah seperti berikut; Daripada Abi Hurayrah RA: Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُوذِ جَارَهُ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ
لِيَصْمُتْ ³³

Maksudnya: “Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka jangan sakiti jirannya, dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah tetamunya, dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah dia berkata baik (perkara-perkara yang baik) atau mendiamkan diri sahaja.”

Namun, tidak menafikan juga bahawa al-Falimbani mencatatkan matan (teks) yang lengkap pada sebahagian hadith. Namun, tidak pula dinyatakan sanad, nama perawi tertinggi (Sahabat), dan taraf hadith itu. Contohnya, dalam Bab Kedua, *Ini Satu Fasal Pada Menyatakan Adab Mengambil Air Sembahyang*, terdapat matan hadith yang menyebutkan tentang kepentingan bersuci sebelum menunaikan solat, iaitu:

³¹ Sunan Abi Dawud [*Kitab al-'Ilm, Bab al-Hath 'ala Talab al-'Ilm* (Bab Dorongan Menuntut Ilmu)]. Lihat Sulayman bin al-Asy'at Abu Dawud al-Sajastani al-Azdi (t.t), *Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Fikr, j. 2, hadith 3641, hlm. 341.

³² *Hidayah al-Salikin* (t.t). *op.cit.* hlm. 188-189 dan 2006. *op.cit.* hlm. 179

³³ *Sahih al-Bukhari* [Kitab al-Adab, Bab (من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يوذ جاره)] Barang Siapa yang Beriman kepada Allah dan Hari Akhirat Janganlah Menyakiti Jirannya). Lihat Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. 1407H/1987M. *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir, c.3. Juz 5, hadith 5672. hlm. 2240

34. (لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرُهُمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ).

Daripada penelitian pengkaji, di dapati bahawa hadith tersebut adalah matan lengkap daripada beberapa sumber riwayat seperti Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Nasa'i, al-Darimi, Ahmad, Ibn Hibban dan sebagainya lagi. Contohnya dari riwayat Abu Dawud; Daripada Zayd bin Khalid al-Juhaniy katanya: “Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

«لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لِأَمْرُهُمْ بِالسَّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ»³⁵

Maksudnya: “Kalaulah tidak menjadi keberatan ke atas umatku, nescaya aku perintahkan agar mereka bersiwak sebelum melaksanakan solat.”

Manakala daripada riwayat al-Tirmidhi juga dengan lafaz matan yang sama, tetapi daripada perawi sahabat yang berbeza iaitu daripada hadith Abi Hurayrah RA.³⁶

Tidak Menyatakan Sanad dan Nama Perawi pada Hadith

Merujuk kepada perkara tersebut, pengkaji mendapati bahawa hadith-hadith dalam karya *Hidayah al-Salikin* tidak dinyatakan dan dicatatkan sebarang sanad walaupun di kalangan perawi tertinggi (sahabat). Ini bermakna, al-Falimbani hanya mencatatkan dan meriwayatkan matan (teks) hadith semata-mata dengan disertakan terjemahannya. Malahan matan tersebut kadang kala hanya nukilan sebahagian daripada matan (teks) lengkap sesuatu hadith.

Berdasarkan kepada pembacaan dan penelitian pengkaji terhadap beberapa tulisan, dapat diandaikan bahawa terdapat sebab-sebab tertentu al-Falimbani tidak menyebutkan sanad bagi hadith-hadith yang dicatatkan oleh beliau dalam karyanya itu. Pertamanya, kemungkinan besar kerana al-Falimbani hanya memindahkan atau menukilkan apa yang telah disebutkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *Bidayah al-Hidayah*, memandangkan al-Falimbani menyebutkan sendiri bahawa karya beliau adalah terjemahan

³⁴ *Hidayah al-Salikin* (t.t). *op.cit.* hlm. 151 dan al-Falimbani. 2006. *op.cit.* hlm. 145.

³⁵ Sunan Abi Dawud [Kitab al-Taharah, Bab (السَّوَاكِ), no. hadith 47]. Lihat Abu Dawud. 1424H. *op.cit.* Jil.1. hlm. 73.

³⁶ *Sunan al-Tirmidhi* [Kitab al-Taharah, Bab (ما جاء في السَّوَاكِ), hadith 22]. Lihat Muhammad bin 'Isa Abu 'Isa al-Tirmidhi (t.t). *Sunan al-Tirmidhi*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jil.1. hlm. 41.

daripada kitab tersebut dengan disertakan beberapa penambahan dan huraian beliau. Tambahan lagi, Imam al-Ghazali juga tidak menyebutkan sebarang sanad dalam kitabnya itu. Kenyataan ini bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh al-Falimbani sebelum ini.

Kedua, melihat kepada suasana dan keadaan persekitaran masyarakat pada ketika itu dapat diandaikan bahawa al-Falimbani dalam penilaian beliau melihat bahawa tidak menjadi satu keperluan atau kewajipan yang penting untuk menyatakan sanad terhadap hadith-hadith yang dinyatakan. Hal ini kerana, kemungkinan besar beliau boleh membuat penambahan sanad terhadap hadith-hadith yang dinyatakan tersebut. Namun, apa yang lebih ditekankan atau dipentingkan oleh al-Falimbani adalah memberi tumpuan kepada maksud dan kehendak hadith-hadith berbanding sanadnya. Seolah-olah, jika dinyatakan sanad sekali pun kemungkinan akan menimbulkan kecelaruan dalam masyarakat terutama masyarakat yang tidak mempunyai sebarang latar belakang pendidikan dan kemanfaatannya kepada masyarakat juga kurang. Jadi, adalah lebih baik dinyatakan matan hadith dan terjemahannya serta sedikit ulasan daripada beliau supaya mudah untuk masyarakat memahami maksud dan kandungan hadith serta kandungan topik yang dibahaskan.

Ketiga, kemungkinan juga ia adalah kebiasaan para ulama pada zaman tersebut dalam pola penulisan karya. Hal ini disebabkan kebanyakan karya yang dihasilkan oleh para ulama adalah di atas dasar keilmuan yang dimiliki yang telah diterjemahkan atau diluahkan dalam bentuk karya untuk dijadikan panduan dan rujukan generasi ketika itu dan juga generasi terkemudian. Oleh sebab itu, walaupun al-Falimbani menguasai pelbagai bidang keilmuan termasuk ilmu hadith, beliau meninggalkan daripada membahaskan secara panjang lebar berkaitan riwayat dan sanad hadith agar dapat memberi tumpuan kepada aspek tasawuf di dalam karya itu.

Tidak Menyatakan Martabat dan Kualiti Hadith

Selain tidak menyatakan sanad atau jalan periwayatan hadith, al-Falimbani juga tidak menyatakan taraf hadith-hadith yang dijadikan sumber pendalilan tersebut. Merujuk kepada kajian dan analisis terhadap hadith-hadith itu dan beberapa tulisan lain, di dapati bahawa hadith-hadith yang dicatatkan itu terdiri daripada hadith dalam pelbagai taraf sama ada diterima atau ditolak. Melalui usaha Ustaz Fahmi Zamzam yang

mentahkikan karya ini, beliau secara ringkas menyatakan sumber dan taraf hadith pada sebahagian hadith. Didapati bahawa, karya ini mengandungi hadith-hadith yang lemah yang dijadikan sebagai sumber dalil.

Bahkan, hasil daripada usaha pengkaji mentakhrij keseluruhan hadith-hadith di dalam karya tersebut,³⁷ telah terbukti bahawa karya itu mengandungi hadith-hadith dalam pelbagai martabat sama ada daripada hadith yang diterima sebagai hujah atau hadith-hadith lemah yang ditolak. Bahkan, terdapat juga sebahagian hadith yang tidak diketahui sumber periwayatannya.

Huraian yang Tidak Panjang dan Fokus pada Tajuk

Dalam perbincangan yang dilakukan oleh al-Falimbani, beliau meninggalkan daripada membahaskan sesuatu tajuk atau sub-tajuk dengan huraian yang terlalu panjang. Sebaliknya, huraian yang dikemukakan adalah tertumpu dan fokus kepada tajuk atau sub-tajuk tersebut. Sebagai contohnya, pada fasal keenam dalam Bab 4, berkaitan dengan *Kasih Akan Kemegahan*, al-Falimbani menyatakan bahawa "*hubb al-jah*" adalah merujuk kepada "kasih akan kemegahan, maka ia dicela oleh syarak." Kenyataan beliau ini kemudian dirujuk kepada ayat al-Quran, ayat 83 surah al-Qasas dan diikuti hadith Nabi SAW,³⁸ pandangan al-Ghazali³⁹, serta dikemukakan pendapat Sahabat.⁴⁰ Tidak ada huraian dan perincian yang mendalam dikemukakan oleh al-Falimbani untuk menjelaskan tentang "*hubb al-jah*" tersebut.

³⁷ Pengkaji telah mentakhrij keseluruhan hadith di dalam karya tersebut. Lihat Khadher bin Ahmad. 2007. "Sumbangan Syekh 'Abd al-Samad al-Falimbani Dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrij Hadith Dalam Kitab *Hidayah Al-Salikin*," (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

³⁸ Sabda Nabi SAW: (حُبُّ الْمَالِ وَالْجَاهِ وَيُنبِتَانِ النَّفَاقَ فِي الْقَلْبِ كَمَا يُنْبِتُ الْمَاءُ الْبَقِيلَ), Maksudnya: "Kasih akan harta dan kemegahan itu menumbuhkan keduanya itu akan sifat munafiq di dalam hati seperti menumbuhkan air akan sayur-sayuran." Lihat *ibid.* 187.

³⁹ Al-Ghazali mengatakan: "Ketahuilah olehmu bahawa *al-Jah* itu masyhur sebutan pada orang banyak, dan iaitu dicela oleh syarak melainkan bagi orang yang dimasyhurkan akan dia oleh Allah Taala kerana memasyhurkan agamanya dan dunianya." Lihat *Ibid.* hlm. 187.

⁴⁰ Al-Falimbani memetik kata-kata Saidina Ali RA: "Hinaan akan dirimu dan jangan engkau masyhurkan. Dan jangan engkau angkat akan dirimu supaya disebut oleh orang dengan mempunyai ilmu dan lainnya. Dan sembunyikan oleh mu akan dirimu dan pengetahuanmu, dan diam engkau nescaya sejahtera engkau daripada kejahatan lagi menyukakan akan segala orang yang soleh dan menyakutkan hati orang yang fasiq." Lihat *Ibid.* hlm. 188.

Memperincikan Huraian pada Sebahagian Tajuk Tertentu Sahaja

Namun demikian, al-Falimbani juga akan memperincikan perbincangan pada tajuk atau sub-sub tajuk tertentu sahaja. Ini bermakna, pada tajuk-tajuk tertentu, al-Falimbani cuba untuk menjelaskan dengan lebih panjang dan huraianya lebih terperinci.

Contohnya, dalam bab kelima, fasal yang ketiga, “*Pada Menyatakan Zuhud*”, selepas beliau menjelaskan tentang zuhud secara ringkas, beliau mendatangkan tiga hadith yang menjelaskan makna dan maksud zuhud, diikuti nukilan pandangan al-Ghazali tentang zuhud. Selepas itu, dalam satu sub tajuk kecil, beliau memperincikan lagi perbincangan tentang zuhud yang dikaitkan dengan perilakunya pada manusia. Selepas itu, beliau menjelaskan pula bahawa zuhud terdiri daripada tiga martabat. Martabat yang paling tinggi dan hampir dengan Allah SWT adalah martabat ketiga yang disebutkan sebagai “*Zuhud al-Arifin*”, iaitu hatinya tidak lagi berpaling atau cenderung melainkan kepada Allah SWT sahaja, sama ada hal keduniaan atau urusan akhirat.⁴¹ Demikian juga huraian yang lebih terperinci dalam sub tajuk berkaitan dengan sabar, tawakal, syukur dan sebagainya lain.

Mendatangkan Pendapat Para Sahabat dan Ulama dalam Huraian

Dalam pada itu, al-Falimbani ketika membuat huraian terhadap aspek-aspek tasawuf yang dibicarakan juga tidak ketinggalan untuk memetik pandangan dari kalangan para sahabat atau para ulama selain berdalilkan daripada al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW. Namun demikian, melalui penelitian pengkaji, tidak semua aspek tasawuf dikemukakan pendapat sahabat atau pandangan ulama, melainkan pada sebahagian aspek sahaja.

Contohnya, dalam bab keempat, fasal keenam, “*Pada Menyatakan Kasih Akan Kemegahan*”, al-Falimbani memetik pandangan Saidina ‘Ali RA. Kata beliau:

“Hinakan akan dirimu dan jangan engkau masyhurkan. Dan jangan engkau angkat akan dirimu supaya disebut oleh orang dengan mempunyai ilmu dan lainnya. Dan sembunyikan oleh mu akan dirimu dan pengetahuanmu, dan diam engkau nescaya sejahtera engkau daripada

⁴¹ Al-Falimbani. 2006. *Hidayah al-Salikin*, ditahkikan oleh Ustaz Fahmi Zamzam, *op.cit.* hlm. 223-224.

kejahatan lagi menyukakan akan segala orang yang soleh dan menyakitkan hati orang yang fasiq.”⁴²

Contoh lain, dalam bab ketiga, “*Pada Menyatakan Menjauh Segala Maksiat Yang Zahir*”, beliau telah memetik pendapat Sheikh ‘Abd al-Mukti yang mensyarahkan kitab “*Matan Jawharah*”, tentang menjaga lidah daripada al-Mirah (mencela). Katanya:

“Makna al-Mirah itu iaitu membantah akan orang lain pada perkataan yang didakwanya akan benarnya dan jika pada zann (sangkaan) benarnya sekalipun...”⁴³

Mendatangkan Contoh-contoh Doa Amalan untuk Pengamalan

Memandangkan perbahasan utama dalam karya ini berkaitan dengan tasawuf, iaitu ke arah membentuk peribadi Muslim yang berakhlak mulia dalam semua aspek, maka ia tidak terlepas daripada pelaksanaan amalan dengan disertakan amalan doa-doa tertentu. Pengkaji mendapati bahawa, ketika menyebutkan tentang adab-adab tertentu, beliau akan mendatangkan doa-doa atau bacaan yang sesuai untuk diamalkan ke arah pembentukan Muslim yang beradab dan berakhlak tersebut.

Contohnya dalam bab kedua, pada suatu fasal, “*Pada Menyatakan Adab Qada Hajat*”, al-Falimbani telah mengajarkan adab masuk ke dalam tandas yang dimulai dengan melangkah masuk dengan kaki kiri disertakan doa sebelum masuk ke tandas. Selepas itu, apabila selesai qada hajat, keluar dari tandas melangkah dengan kaki kanan diikuti anjuran berdoa memuji Allah sebagai tanda syukur kepada-Nya. Demikian juga, pada anjuran al-Falimbani supaya berdoa pada setiap kali membasuh anggota wuduk dengan doa-doa yang dicadangkan oleh beliau tersebut.⁴⁴

Kesimpulan

Oleh yang demikian, melalui usaha untuk memperkenalkan kitab *Hidayah al-Salikin* ini dan membongkar segala maklumat tentang karya dan kandungannya, secara jelas menunjukkan kemahiran dan kepintaran yang

⁴² *Ibid.* hlm. 186.

⁴³ *Ibid.* hlm. 154.

⁴⁴ *Ibid.* hlm. 38.

dimiliki oleh al-Falimbani. Walaupun secara kasarnya, al-Falimbani menyusun berdasarkan penyusunan karya al-Ghazali, *Bidayah al-Hidayah*, namun, jika dilihat secara lebih teliti dan mendalam, dapat disimpulkan bahawa al-Falimbani mempunyai cara dan kaedah tersendiri dalam menyusun, menulis dan mempersembahkan karya beliau itu. Tambahan lagi, beliau juga telah didedahkan dengan karya-karya sedemikian sewaktu pengajian dan pembelajaran sebelum ini. Dengan demikian, segala pengalaman beliau dalam bidang tersebut telah melahirkan al-Falimbani sebagai seorang penulis karya yang produktif terutama dalam pelbagai bidang keilmuan khususnya bidang yang beliau kuasai.

Oleh yang demikian, segala pendedahan dan penjelasan yang dikemukakan di atas jelas menggambarkan kitab *Hidayah al-Salikin* merupakan khazanah keilmuan yang tidak kurang pentingnya dalam pengajian ilmu-ilmu Islam, khususnya ilmu tasawuf yang telah mewarnai alam Melayu. Bahkan sehingga kini kitab ini masih memainkan peranan penting sebagai bahan atau teks pengajaran sama di institusi pengajian atau dikalangan orang awam.

Bibliografi


- A. Aziz Deraman, Dato' Haji. (t.t). *Kedatangan Islam dan Pembudayaan Alam Melayu*. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Press.
- Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'at al-Sajastani al-Azdi. 1424H. *Sunan Abi Dawud*, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawi Haji Ehsan. 2003. *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyumardi Azra, Dr. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Mizazr.

- _____. 2004. *The Origins of Islamic Reformism In Southeast Asia: Networks Of Malay-Indonesian And Middle Eastern 'Ulama' In The Seventeenth And Eighteenth Centuries*. Hawaii: University of Hawaii Press.
- Bagader, Abu Bakar A. 1983. *The Ulama in The Modern Muslim Nation: State*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Behling, John H. 1976. *Research Methods, Statistical Concepts and Research Practicum*, Washington, D.C.: University Press of America.
- Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al- 1407H/1987M. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- _____. 1421H/2001M. *Sahih al-Bukhari*. al-Qahirah: Dar al-Taqwa.
- Chatib Quzwain, Dr. 1996. *Mengenal Allah*. Selangor: Thinker's Library.
- Deliar Noer. 1980. *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.
- Enche Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad Dato' Kerani. 1968. *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Falimbani, Sheikh 'Abd al-Samad. 2006. *Hidayatus-Salikin Fi Suluki Maslakil-Mittaqin*, ditahkikkan oleh Ahmad Fahmi Zamzam, Kedah: Khazanah Banjariah dan Pustaka Suhbah.
- _____. (t.t). *Hidayah al-Salikin*, ditahkikkan oleh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, Dar al-Ma'arif.
- _____. (t.t). *Siar al-Salikin Tariqah Sadat al-Sufiyin*, Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Khadher bin Ahmad. 2007. "Sumbangan Syeikh 'Abd al-Samad al-Falimbani Dalam Bidang Hadith: Analisis Metodologi Penyusunan Dan Takhrij Hadith Dalam Kitab *Hidayah Al-Salikin*," (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

- Martin Van Bruinessen. 1995M/1415H. *Kitab Kuning Pesentren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*, (Abdurrahman Wahid) Bandung: Penerbit Mizan.
- Muhammad Hassan bin Tok Kerani Mohd Arsyad. 1968. *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taufik Abdullah Dr. *et al.* 2002. *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam (Asia Tenggara)*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Vlekke, Bernard Hubertus Maria. 1965. *Nusantara: A History of Indonesia*. The Hague: W. Van Hoeve
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1982. *Hidayah al-Salikin fi Masalik al-Muttaqin*, ditahkikkan oleh Syamsuddin bin Siddiq, Kuala Lumpur: Biro Dakwah ABIM Pusat.
- _____. 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- _____. 1996. *al-'Urwatul Wutsqa Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani: Pegangan Yang Kukuh Golongan Sufi*". Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.

Lampiran


Gambar A:
Cetakan Sulaiman Press, Pulau
Pinang.




Gambar B:
Cetakan Dar al-Ma'arif.



Gambar C:
Terbitan Khazanah al-Fathaniyah
Kuala Lumpur, 1996 dan telah
ditanliterasi kepada tulisan rumi
oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah.



Gambar D:
Terbitan Khazanah al-Banjariah
dan Pustaka Suhbah, 2006 dan
telah ditranliterasikan kepada
rumi oleh Ahmad Fahmi
Zamzam.



**NILAI TARBIAH DAN ISLAH WANITA
MELAYU ISLAM PASCAMERDEKA: SATU
ANALISIS TERHADAP NOVEL *TUNGGU TEDUH
DULU DAN SURAT-SURAT PEREMPUAN JOHOR*
(*THE VALUES OF TARBIAH AND ISLAH IN POST
INDEPENDENCE MUSLIM MALAY WOMEN: AN
ANALYSIS OF TUNGGU TEDUH DULU AND SURAT-
SURAT PEREMPUAN JOHOR NOVELS*)**

Kamariah Kamarudin

Abstrak

Islam menawarkan kepelbagaian bentuk *manhaj* (kaedah) dakwah bagi menyempurnakan sebuah kehidupan manusia dalam kumpulan masyarakatnya. Manakala golongan wanita pula diangkat martabatnya oleh Islam sebagai golongan yang dapat membentuk kesempurnaan manusia melalui sahsiah mulia dalam menyampaikan dakwah bagi kesejahteraan kehidupan. Justeru, nilai tarbiah dan islah merupakan dua cabang dakwah yang menyumbang ke arah anjakan paradigma (*sift paradigm*) kehidupan manusia berdasarkan proses percambahan ilmu dan peningkatan agama yang ditangani oleh golongan wanita. Hal ini kerana selepas kemerdekaan Tanah Melayu, rata-ratanya institusi pendidikan tinggi dikuasai oleh golongan wanita yang akhirnya dapat menjana kepada pengangkatan kedudukan Muslimah di mata dunia. Didapati bahawa hasil penguasaan ilmu yang disejajarkan dengan agama melalui tarbiah dan islah sebagai tunjangnya, memperlihatkan golongan wanita cemerlang dalam banyak aspek yang merangkumi sosial, budaya, ekonomi dan lain-lain. Penelitian ini terakam menerusi karya-karya sastera Melayu dengan menjadikan watak wanita Melayu-Muslim sebagai paksi perutusan untuk memugar kecemerlangan sama ada di duniawi mahupun ukhrawi. Sehubungan itu, makalah ini

merungkai tentang wanita Melayu Islam pascamerdeka dalam menggalur nilai tarbiah dan islah menerusi novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor* yang kedua-duanya dihasilkan oleh Faisal Tehrani

Kata kunci: Nilai tarbiah, Nilai islah, Wanita Melayu Islam selepas merdeka, *Tunggu Teduh Dulu Novel*, *Surat-surat Perempuan Johor Novel*.

Abstract

*Islam offers a great variety of manhaj (method) for da'wah (the call for Islam) to complete the life of individuals in their community. Meanwhile, Islam elevated the standard of women as a group of people who could shape holistic individuals through noble characters in spreading the call of righteousness for the well being of mankind. Hence, the values of tarbiah (to educate and nurture one's self) and islah (to facilitate change for improvement in one's self) are two subdivision of da'wah contributing to a paradigm shift in people's life via knowledge enrichment and deeper understanding of religion addressed by women. This is due to the fact that after the independence of Tanah Melayu, higher education institutions were mostly dominated by women which eventually lead to an uplift of Muslim women's standard in the eyes of the world. It is found that the grasp of knowledge parallel with religious teaching through tarbiah and islah as its core resulted in women excelled in many aspects encompassing social, culture, economy and others. This observation is recorded in Malay literature works which portray Muslim Malay women as the axis of delegation for excellence, be it for matters of this world or hereafter. Thus, this paper studies Post-Independence Muslim Malay women in ascertaining the values of tarbiah and islah as reflected in *Tunggu Teduh Dulu* and *Surat-surat Perempuan Johor* novels, which were both written by Faisal Tehrani.*

Keywords: *The value of tarbiah, The value of islah, Post-Independence Muslim Malay women, Tunggu Teduh Dulu novel, Surat-surat Perempuan Johor Novel.*

Mukadimah

Hubungan antara wanita dengan karya sastera sesungguhnya menawarkan suatu bentuk jaringan yang menarik dalam jagat hayat perkembangan kesusasteraan Melayu tanah air. Hal ini kerana kecenderungan pengarang meletakkan wanita sebagai watak utama dalam karya-karya memperlihatkan suatu usaha mengenegahkan kedudukan golongan hawa itu sendiri. Penelitian terhadap golongan wanita bukan sekadar ditangani oleh pengarang wanita bahkan turut dicerna oleh pengarang lelaki dalam menjadikan watak wanita “hidup” dan “gagah” dalam karya. Keadaan ini menunjukkan bahawa kepentingan golongan wanita dalam aspek kehidupan merangkumi agama, budaya, ekonomi dan sosial berasaskan kepada sumber pendidikan yang sempurna sama ada dalam keluarga mahu pun dalam masyarakat. Ini juga sejajar dengan pertumbuhan pendidikan yang bertunjangkan agama yang syumul dan kesedaran masyarakat meletakkan Islam sebagai paksi mendidik anak-anak sebagai insan Kamil. Walaupun terdapat perbandingan yang jelas antara hasil karya sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan dalam mengangkat kedudukan wanita¹, namun penyertaan pengarang meletakkan wanita sebagai fokus dalam berkarya mewujudkan iklim pengkaryaan yang mengujakan khalayak pembaca. Hal ini demikian kerana dengan menawarkan kepelbagaian bentuk watak dan ragam perwatakan wanita dalam karya telah membolehkan khalayak pembaca menilai seterusnya menyaring peranan wanita dalam galur kehidupan sama ada yang baik atau yang buruk. Sehubungan itu, didapati rata-rata corak pengkaryaan pengarang tempatan menampilkan watak dan perwatakan wanita yang berencam; cuma persembahannya yang berbeza hasil daripada kelainan gender pengarang (wanita atau lelaki) dan latar belakang pendidikan pengarang (tahap pengajian dan bidang kepakaran). Dalam hal ini, proses perkembangan pendidikan negara turut diambil kira kerana didapati pada tahap 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an, pengangkatan kedudukan wanita mulia dan hebat dalam karya tidak banyak dan menyeluruh berbanding pada tahap 1990-an dan 2000-an, perkara yang sebaliknya berlaku. Kedudukan ini juga bersangkut paut dengan proses kemasukan mahasiswa ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan jawatan besar yang disandang di agensi-agensi kerajaan dan korporat adalah dikuasai oleh golongan hawa. Maka, hal yang serupa dicernakan pengarang dalam

¹ Tidak banyak pengarang menggambarkan kehebatan wanita walhal Islam meletakkan wanita sebagai Muslimah pembangun ummah, berfungsi dalam banyak aspek kehidupan selari dengan kedudukannya yang tinggi dalam al-Quran, sila rujuk Muhammad Ali al-Hashimi, *Keperibadian Muslimah Jilid 1 dan II*, Selangor: Maktabah al-Qardhawi. 1998.

karya yang memperlihatkan golongan wanita melalui proses “ubahan” yang ketara dan proses “bentukan” yang sempurna selaras dengan tuntutan agama Islam yang mengangkat kedudukan wanita di tahap yang tinggi dan mulia. Tambahan pula, berdasarkan keperibadian wanita yang secara fitrahnya berhemah, maka Islam menganjurkan peri pentingnya golongan Muslimah ini sama-sama berjuang di medan dakwah yang mengajak masyarakat ke arah amal makruf nahi mungkar. Justeru, makalah ini merungkai nilai tarbiah dan islah wanita Melayu Islam pascamerdeka dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor*, kedua-duanya dihasilkan oleh Faisal Tehrani.²

Kedudukan Wanita Melayu Islam Pascamerdeka dalam Pendidikan

Terdapat bandingan yang jelas tentang kedudukan wanita Melayu Islam pascamerdeka dengan sebelum merdeka khususnya dalam bidang pendidikan. Didapati bahawa pada sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, pendidikan wanita adalah antara bidang kehidupan penting yang masih ketinggalan. Secara keseluruhannya masyarakat Melayu tidak memberi peluang anak-anak perempuan mendapatkan pendidikan tinggi kerana masih diselubungi oleh sikap tradisional yang memberi tumpuan terhadap ruang lingkup kehidupan wanita di sekitar keluarga dan rumah tangga sahaja.³ Namun begitu, didapati sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi, wanita telah menjalankan pelbagai tugas dan pekerjaan di samping menjaga dan mendidik anak-anak di rumah; justeru memperlihatkan peranan mereka berubah seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara dalam merealisasikan Wawasan 2020, yang mana mereka telah diberi hak untuk berkhidmat dalam pelbagai sektor.⁴ Hal ini diteliti menerusi proses perkembangan pendidikan dan tahap pencapaian yang diperolehi dalam kalangan wanita. Dengan lahirnya institusi pengajian tinggi yang menempatkan mahasiswa daripada

² Pengarang ini mempunyai pendidikan yang berlatar belakangkan bidang pengajian agama dari KISAS dan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah menghasilkan banyak novel seputar agama, antaranya ialah *1515*, *1511H (Kombat)*, *Advencer Si Peniup Ney*, *Detektif Indigo*, *Bedar Sukama Bisu*, *Manikam Kalbu* dan *Tuhan Manusia*, malah banyak pula memenangi hadiah sastera, sila lihat <http://www.tehranifaisal.blogspot>. Dan kini beliau mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan berkhidmat Di ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Penjelasan lanjut tentang perbandingan pendidikan wanita pada dekad 1970-an, 1980-an dan 1990-an boleh dirujuk Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Nor, Rosnah Baharudin, *Sumbangsih Wanita*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001. hlm. 15-17, rujuk juga Khalijah Mohd Salleh, *Development*, Kuala Lumpur: Hikmah Enterpris. (t.t).

⁴ Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita dalam Islam – Kedudukannya dalam Syariah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2000. hlm. 148.

golongan hawa, telah mencorakkan jalur perubahan dalam penglibatan bidang pekerjaan. Walaupun pencapaian wanita Melayu dalam lapangan pendidikan adalah sangat tinggi dibandingkan dengan negara Islam yang lain⁵, namun keadaan ketara sebelum dan selepas negara beroleh kemerdekaan. Penelitian ini dikesan menerusi penglibatan wanita Melayu dalam pelbagai pekerjaan yang mencabar seperti kehakiman, sektor pentadbiran awam, kejuruteraan, teknologi maklumat dan lain-lain membuktikan pencapaian yang membanggakan hasil daripada penguasaan mereka meneruskan pembelajaran ke institusi pengajian tinggi. Malahan keupayaan wanita dalam bidang ilmu terbukti dengan pertambahan bilangan kemasukan mereka ke universiti dari tahun ke tahun.⁶ Didapati bahawa pelajar wanita telah mengatasi bilangan pelajar lelaki dalam bidang tertentu memperlihatkan berlaku perubahan dalam bidang pendidikan, di mana sesiapa yang layak ke universiti ditentukan dengan menggunakan sistem meritokrasi, membuktikan bahawa tiada berlaku diskriminasi antara gender untuk memasuki institusi pengajian tinggi.⁷ Malahan, dengan munculnya sekolah-sekolah agama⁸ yang menawarkan subjek agama yang beriringan dengan subjek lainnya membolehkan mahasiswa melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi dalam pelbagai bidang tetapi tetap meletakkan agama sebagai asas dan prinsipnya.

Oleh yang demikian, ini memberi kesan terhadap jalur dan corak penulisan karya-karya sastera tanahair. Sumbangan pengarang lelaki dalam menggalur kemuliaan dan kehebatan golongan wanita mula diberi ruang hasil daripada kesedaran agama dan kebangkitan Islam yang ketara selepas alam pendidikan mengalami perubahan. Maka, kedua-dua novel yang dikaji ini memperlihatkan sumbangan wanita Melayu sebagai Muslimah sejati, yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat hasil daripada pemusatan terhadap pendidikan tanah air pascamerdeka. Kedua-dua novel ini memperihalkan tentang perjuangan wanita dalam cita-cita masing-masing. Pengarang menjadikan watak wanita sebagai teraju utama dalam kedua-dua novel ini bagi menunjukkan peranan wanita Muslim dalam

⁵ Faisal Hj. Othman, *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1996. hlm. 74.

⁶ Ibid. hlm. 149.

⁷ Baterah Alias, Che Zarrina Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005. hlm. 138.

⁸ Penubuhan beberapa sekolah agama berasrama penuh seperti Sekolah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan, Sekolah Agama Persekutuan Kajang, Selangor hasil daripada terdirinya Kolej Islam Malaya pada tahun 1966 yang dikenali kini sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), menunjukkan pembelajaran agama dititikberatkan dalam pendidikan negara, bacaan seterusnya sila rujuk Abdullah Jusuh, *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989. hlm. 22-24.

menggalur kesejahteraan dalam masyarakat amatlah dituntut. Watak wanita menerusi *Tunggu Teduh Dulu*, Salsabila⁹ dipotret pengarang sebagai penggerak bagi mengukuhkan nilai-nilai luhur dalam kehidupan. Begitu juga halnya berdasarkan watak wanita dalam *Surat-surat Perempuan Johor*, Ungku Nur¹⁰, diperlihatkan perkara yang muluk-muluk sebagai wanita Muslimah yang dapat dijadikan contoh tauladan terhadap pembaca khususnya membangunkan masyarakat yang sejahtera dan madani. Didapati dua tunjang utama Salsabila (*Tunggu Teduh Dulu*) dan Ungku Nur (*Surat-surat Perempuan Johor*) dalam dua buah novel hasil karya Faisal Tehrani ini, adalah gambaran wanita Islam pascamerdeka yang memartabat nilai tarbiah dan islah dalam kehidupan masyarakat kini. Malah kedua-dua novel ini berupaya memperlihatkan sebuah kaya yang perlu dinikmati pembaca lantaran keistimewaannya terletak pada kejayaan yang telah diraih pengarang. Novel *Tunggu Teduh Dulu* telah mengalami beberapa kali cetakan (2004 dan 2007) manakala *Surat-surat Perempuan Johor* pula merupakan pemenang Sayembara Novel Sejarah dan Tradisi Johor 1 yang dianjurkan oleh Yayasan Warisan Johor pada tahun 2005.

Peranan Wanita Islam dalam Nilai Tarbiah dan Islah

Kepentingan golongan wanita dalam agama Islam jelas kerana menerusi al-Quran terdapat banyak ayat yang secara langsung menyentuh tentang kedudukan wanita. Malahan dengan terdapatnya sebuah surah, iaitu surah al-Nisa' yang banyak mengungkapkan peranan dan tanggungjawab wanita di atas muka bumi ini membuktikan bahawa golongan hawa tersebut bukan sekadar diperlukan dalam kehidupan bahkan penting dalam nilai tarbiah dan islah. Hal ini kerana nilai tarbiah dan islah merupakan cabang dakwah yang dapat membentuk masyarakat kepada kebaikan dan kemuliaan yang dilihat dapat disempurnakan oleh wanita solehah. Malahan al-Quran menggariskan tentang tarbiah misalnya menerusi surah Ali 'Imran ayat 8¹¹,

⁹ Untuk bacaan lanjut tentang keperibadian Salsabila sebagai seorang wanita Muslim yang luhur dan postif dalam soal kepatuhan terhadap agama Islam, sila rujuk Faisal tehрани, 2004. *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Penerbit Selain.

¹⁰ Bagi memperlihatkan sahsiah diri Ungku Nur sebagai wanita Muslimah yang sabar, cekal, berani dan patuh pada agama Islam yang menjadi peneraju utama novel, sila rujuk Faisal Tehrani, 2007. *Surat-surat Perempuan Johor*. 2007. Putrajaya: Aberdeen Books World.

¹¹ Mereka berdoa: "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurmikanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; kerana sesungguhnya Engkaulah Maha Pemberi kurnia", *al-Quran dan Terjemahnya*, Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba' at al-Mushhaf al-Syarif Madina Munawwarah, Kementerian Urusan Agama Islam Wakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia. ibid. 1419H. hlm. 76.

surah al-Nisa' ayat 68¹², surah al-'Araf ayat 43¹³, surah Nahl ayat 121¹⁴, surah al-Mulk ayat 2¹⁵ dan surah al-Balad ayat 10¹⁶. Surah-surah tersebut menunjukkan kepentingan tarbiah sebagai salah satu cabang dakwah yang perlu diuruskan dengan baik oleh setiap Muslim sama ada lelaki atau perempuan. Begitu juga halnya tentang islah. Berdasarkan al-Quran, misalnya dalam Surah al-Nisa' Ayat 110¹⁷, Surah al-An'am Ayat 54¹⁸, Surah al-'Araf Ayat 35¹⁹, Surah Taha Ayat 82²⁰ dan beberapa surah lain jelas menunjukkan bahawa peri pentingnya nilai islah dalam Islam. Nilai dakwah dan islah didapati berupaya memugar kehidupan manusia dalam urusan pembentukan masyarakat harmoni, maka dalam konteks ini golongan wanita Muslim dapat menjadikan kedua-dua nilai tersebut sebagai teras perjuangannya.

Oleh kerana golongan wanita diakui sebagai makhluk yang dapat melakukan proses pendidikan (tarbiah) dan proses perbaikan (islah) hasil daripada sifat fitrahnya yang lemah lembut, bersopan dan berbudi bahasa, maka daya kepimpinan diperlukan dalam menggalas tanggungjawab besar tersebut. Dalam hal ini, daya kepimpinan yang berteraskan Islam perlu dilaksanakan agar pembangunan ummah dijayakan dalam suasana aman dan harmoni sejajar dengan perspektif Islam yang meletakkan golongan

¹² "Dan pasti Kami tunjuki mereka kepada jalan yang lurus". *ibid.* hlm. 130.

¹³ "Dan Kami cabut segala macam dendam yang berada di dalam dada mereka; mengalir di bawah mereka sungai-sungai dan mereka berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada syurga ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk. Sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami, membawa kebenaran." Itulah syurga yang diwariskan kepadamu, disebabkan apa yang dahulu kamu kerjakan", *ibid.*, hlm. 228.

¹⁴ "Lagi yang mensyukuri nikmat-nikmat Allah. Allah telah memilihnya dan menunjukinya kepada jalan yang lurus". *Ibid.* hlm. 420.

¹⁵ "Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun". *Ibid.* hlm. 955.

¹⁶ "Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan, iaitu kebajikan dan kejahatan". *ibid.* hlm. 1061.

¹⁷ "Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan dan menganiaya dirinya, kemudian ia mohon ampun kepada Allah, nescaya ia mendapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. *ibid.* hlm.140.

¹⁸ Apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang kepadamu, maka katakanlah: "Salaamun-alaikum". Tuhanmu telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang, iaitu bahawasanya barangsiapa yang berbuat kejahatan di antara kamu lantaran kejahilan, kemudian ia bertaubat setelah mengerjakannya dan mengadakan perbaikan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". *ibid.* hlm. 195.

¹⁹ Hai anak-anak Adam, jika datang kepadamu Rasul-rasul daripada kamu yang menceritakan kepadamu ayat-ayat-Ku, maka barangsiapa yang bertakwa dan mengadakan perbaikan, tidaklah ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati". *Ibid.* hlm. 226.

²⁰ Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat, beriman, beramal soleh, kemudian tetap di jalan yang benar". *Ibid.* hlm. 485.

wanita sebagai *qudwah hasanah* dalam masyarakat. Justeru, golongan wanita diperlukan dalam masyarakat bagi mengimarahkan ummah dengan penampilan keperibadian Muslimah sebagaimana berikut:²¹

- i. Wanita mempunyai keislaman yang teguh dan murni dengan menjadikan Islam sebagai tatacara hidup. (*nizamul hayat*)
- ii. Wanita mempunyai keimanan yang jelas dan tegas bagi mencapai tahap wanita solehah.
- iii. Wanita konsisten dalam ketaatan yang membabitkan hukum-hakam dalam al-Quran khususnya dalam menutup aurat, menghormati suami, ibu bapa dan dalam konteks *harakah Islamiyah*.
- iv. Wanita jujur dan benar dalam pergaulan dan membuat tanggapan dan keputusan selari dengan kehendak Islam.
- v. Wanita memiliki kesabaran yang tinggi dalam menyuruh yang ma'ruf dan mencegah mungkar.
- vi. Wanita perlu khusyuk dan warak dalam mengekalkan sifat-sifat mahmudah dan menangkis sifat-sifat mazmumah.
- vii. Wanita harus berkorban dan bersedekah demi pembangunan agama dan kelangsungan *harakah*.
- viii. Wanita perlu menguasai nafsu dan sering berpuasa bagi menjinakkan nafsu dan menguatkan daya penguasaan akal yang waras.
- ix. Wanita harus menjaga kehormatan diri dan maruah bagi mengelakkan daripada fitnah dan maksiat untuk mencapai ciri Muslimah sejati.
- x. Wanita perlu selalu banyak mengingati Allah SWT bagi menyuburkan *fada'il al-Nafsiyah* dalam zikrullah untuk memerangi kebatilan.
- xi. Wanita harus berilmu dan bijaksana dalam memartabatkan diri melalui aktiviti keilmuan, seperti usrah, tamrin, qiyamullail, *mukharyam*, *muzakarah* dalam menggerakkan usaha-usaha dakwah.
- xii. Wanita perlu berani menghadapi risiko perjuangan bagi mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi.
- xiii. Wanita perlu selalu beribadat dan sedia berhijrah kerana prinsip Islam melalui ibadat-ibadat *nawafil* atau dengan membaca sejarah pejuang-pejuang besar Islam pada zaman silam.

²¹ Bacaan lanjut, sila lihat Asiah 'Ali, *Muslimah – Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Mutaqin Sdn. Bhd. 1999. hlm. 28-44.

- xiv. Wanita sebagai ibu mujahid dalam mendidik anak-anak sama ada perempuan atau lelaki dalam suasana Islam.
- xv. Wanita terlibat dalam harakah bagi mengislahkan masyarakat ke arah kebaikan.
- xvi. Wanita perlu berjihad dan membantu saf hadapan demi memartabatkan kedudukan Islam.

Sehubungan dengan gambaran yang dikemukakan tersebut, jelas menunjukkan bahawa golongan wanita penting dalam segenap lapangan demi pembentukan *khayra ummah* bagi mencapai *al-Falah* duniawi dan ukhrawi. Malahan, jelas pula menunjukkan bahawa nilai tarbiah dalam Islam mempunyai pengertian dan cakupan yang luas dan mendalam berbanding dengan pengertian “pendidikan” semata-mata. Hal ini demikian kerana didapati bahawa walaupun ketiga-tiga istilah, iaitu “tarbiah”, “ta’lim” dan “ta’dib” merujuk kepada pendidikan, namun, ‘tarbiah’ adalah yang tepat dan sering digunakan. Ini adalah kerana perkataan ‘tarbiyah’ menurut sarjana Pendidikan Islam berasal dari “rabb” yang merujuk kepada Allah SWT sebagai pendidik umat manusia.²² Maka ini tentu sekali berbeza dengan maksud “pendidikan” yang tidak mempertalikannya dengan Tuhan Sebagai Pencipta manusia. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa “tarbiah” bersangkut paut dengan nilai-nilai dalaman (tersirat) manakala “pendidikan” hanya terbatas kepada nilai-nilai luaran (tersurat) sahaja.

Manakala nilai islah dalam Islam pula memperlihatkan ujaran tentang perbaikan yang dipertalikan dengan gaya kepimpinan yang menjurus kepada penyelesaian yang baik. Malah hal ini telah disentuh al-Ghazali bahawa menyarankan islah daripada dua sudut, iaitu pemikiran dan tingkah laku. Didapati bahawa perkara yang menjadi puncak islah dalam Islam ialah perbaikan terhadap diri sendiri yang merupakan pantulan terhadap perbaikan dengan Allah SWT dan seterusnya dengan masyarakat sekeliling.²³ Selain itu, islah juga merupakan cabang dakwah kepada orang Islam yang bermaksud usaha untuk memperbaiki keadaan orang Islam, sama ada dari sudut akidah, akhlak, muamalah, kemasyarakatan, perekonomian atau sebagainya yang boleh membawa kepada peningkatan

²² Penjelasan lanjut, sila lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Institusi_pendidikan_dalam_Islam, yang diakses pada 15 Ogos 2011.

²³ Sila rujuk Kamariah Kamarudin, 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 315-316.

mutu umat Islam.²⁴ Jadi jelas bahawa nilai tarbiah dan islah merupakan perkara penting yang harus dijadikan pegangan dan teras perjuangan manusia dalam melestarikan keharmonian masyarakat. Maka, didapati bahawa golongan wanita Muslim mampu melaksanakannya sementelah disorot dalam dua buah novel kajian ini, iaitu *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor* yang meletakkan wanita sebagai peneraju utama dalam karya masing-masing.

Nilai Tarbiah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka dalam *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor*

(a) Tarbiah dalam Ilmu

Menerusi novel *Tunggu Teduh Dulu* (selepas ini *TTD*), nilai tarbiah dalam ilmu jelas dikemukakan pengarang berdasarkan kesungguhan watak utamanya, Salsabila meraih ilmu pendidikan yang disejajarkan dengan tuntutan duniawi dan ukhrawi. Hal ini ditelusuri melalui tahap pendidikannya, iaitu memiliki Ijazah Sarjana Mudanya yang diperoleh di Amerika Syarikat, namun tetap mendalami ilmu agama dengan menyertai usrah dan sebagainya. Di samping mensejajarkan ilmu dunia dengan ilmu akhirat, pengarang turut menampilkan Salsabila sebagai pengamal ilmu yang dimilikinya. Hal ini jelas berdasarkan sikap taat watak utama ini terhadap penghayatan agama dengan sering membaca al-Quran, patuh dengan solat lima waktu dan tegar dengan hukum hakam agama. Novel ini memperlihatkan ketekunan anak muda ini dalam menguruskan hal pendidikan yang dikaitkan dengan keagamaan. Kemuncak nilai tarbiah yang dipaparkan pengarang dalam novel ini ialah tatkala Salsabila ke Tanah Suci menunaikan ibadah umrah menunjukkan penghayatan ilmu agama yang dimiliki oleh wanita Muslimah ini:

Waktu solat isyak. Jemaah berdiri sedia dan imam memimpin solat. Jemaah pelbagai sudut mengarah ke Kaabah. Hati saya benar-benar sayu, tambah-tambah apabila imam yang membaca surah Yaasin tersangkak menangis mengingatkan kebesaran Tuhan.

(*TTD*, 2004: 337-338)

²⁴ Penjelasan lanjut, sila lihat Ab. Aziz Mohd. Zin. 2003. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 6-7.

Manakala nilai tarbiah dalam ilmu juga turut terakam dalam novel *Surat-surat Perempuan Johor* (selepas ini *SsPJ*) sebagaimana yang dapat dikesani menerusi *TTD*. Pengutaraan watak Ungku Nur sebagai wanita yang gigih menuntut ilmu walaupun merupakan pensyarah di universiti turut disusuli dengan perjuangan menegakkan agama Islam. Novel ini memperlihatkan usaha keras Ungku Nur melakukan penyelidikan untuk memenuhi tuntutan dunia akademiknya tetapi tidak meminggirkan agama sebagai asas utama kajiannya. Hal ini ditelusuri berdasarkan kesungguhan Ungku Nur merealisasikan cita-citanya sebagai pencinta ilmu dan pencinta agama; penelitian watak wanita ini terhadap susur galur ketamadunan sejarah budaya bangsa dan keterkaitannya dengan pengaruh Islam melalui hubungjalin antara Tanah Melayu dan Turki. Sebagai wanita Melayu-Islam yang mempunyai latar belakang keturunan kerabat diraja, iaitu berstatus “ungku”, pengarang mengemukakan penampilan Ungku Nur sebagai golongan yang berkedudukan sama ada dari segi material dan juga spiritual, yang menyerlahkan peranannya dalam menyumbangkan jasa dalam masyarakat. Maka, proses pengembangan watak wanita ini dalam menempatkan diri dalam kelompok berpendidikan dan beragama kelihatan lebih “manis” dan disenangi.

(b) Tarbiah dalam Budaya

Berdasarkan novel *TTD*, tarbiah dalam budaya dikesani melalui corak penampilan watak Salsabila sebagai anak muda yang berbudi bahasa, bersopan santun dan menjunjung adab etika wanita Melayu. Hal ini kerana pengarang mengemukakan kebijaksanaan Salsabila menguruskan pekerjaanya di ladang betik dengan tutur kata yang baik mencirikan budaya Melayu-Islam yang pesona. Hubungan antara majikan dengan pekerja dalam suasana muhibbah telah dirakamkan dengan jayanya dalam *TTD*. Pemaparan budaya hormat menghormati dalam industri perladangan diketengahkan pengarang menerusi hubungan berinteraksi antara golongan muda dengan golongan tua, dan golongan atasan dengan golongan bawahan²⁵ menunjukkan Salsabila sebagai wanita Melayu yang menjunjung adab dan etika dalam pergaulan sehari-harian.

Selain itu, nilai tarbiah dalam budaya turut dikemukakan pengarang dalam novel *SsPJ*. Sebagaimana Salsabila menjadikan medan

²⁵ Cara Salsabila berurusan dengan pekerja-pekerja ladangnya yang terdiri daripada golongan berumur dan golongan muda, sila lihat Faisal Tehrani, *Tunggu Teduh Dulu*, Kuala Lumpur: Selain, 2004. hlm. 56-58, 62-63, dan 71-74.

kerjaya bagi menampilkan budaya bangsa, maka dalam *SsPJ* turut menawarkan hal yang serupa. Hal ini ditelusuri menerusi cara Ungku Nur menampilkan adab wanita Melayu yang berhemah tinggi dalam menjunjung warisan budaya bangsa yang berkaitan dengan agama Islam. Pengutaraan penelitian Ungku Nur terhadap warkah-warkah Tuk Hamidah yang menggunakan gabungan bahasa Melayu lama, Turki Uthmaniyyah dan bahasa Arab²⁶ yang ditulis dalam tulisan jawi sepanjang dalam proses pengkajiannya terhadap khazanah nendanya tersebut menunjukkan kecintaan wanita ini terhadap warisan budaya bangsa dan agama. Hal ini demikian kerana dengan pengamatan Ungku Nur terhadap pengkajiannya juga memperlihatkan budaya menghormati golongan tua (Tuk Hamidah) dan mencarigali ilmu pengetahuan (tulisan jawi) yang tidak ada sempadan masa. Maka ini menjadi contoh tauladan kepada pembaca khususnya gemerasi muda tentang peri pentingnya memartabatkan khazanah warisan budaya lebih-lebih lagi tulisan jawi.

(c) Tarbiah dalam Ekonomi

Nilai tarbiah dalam ekonomi dikesan dalam novel *TTD* berdasarkan ketekunan dan kesungguhan Salsabila mengusahakan ladang betiknya sehingga membuahkan kejayaan untuk wanita tersebut. Pemaparan kegigihan Salsabila dalam mempertingkatkan ekonomi ini disejajarkan dengan kedudukannya sebagai seorang wanita muda yang mempunyai pendidikan akademik lulusan dari luar negara, namun menceburkan diri dalam bidang pertanian agak jarang dilakukan orang. Pengarang memperlihatkan usaha keras Salsabila menguruskan hasil pendapatannya menerusi pergelutan perladangan merupakan suatu rangkaian pendidikan dalam menjana ekonomi. Berdasarkan kedudukan Salsabila sebagai wanita muda yang gigih dan utuh dalam melaksanakan sesuatu, maka novel ini menawarkan bentuk hubungan manusia dengan harta benda dan manusia dengan alam persekitaran yang menjadikan ekonomi sebagai paksi menguntungkan kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Menerusi *SsPJ* pula, pengarang memperlihatkan nilai tarbiah dalam ekonomi berdasarkan penonjolan Ungku Nur sebagai tokoh akademik yang bergulat dengan buku-buku dalam melunasi

²⁶ Antara perkataan yang ditemui misalnya janab (warkah satu), muhibbin (warkah dua), ikhwan (warkah tiga), azim (warkah empat), dan maratib (warkah lima), dan lain-lain, sila lihat Faisal Tehrani, *Surat-surat Perempuan Johor*, Putrajaya: Aberdeen Books World, 2007.

tanggungjawabnya sebagai pensyarah universiti. Pengarang memaparkan kewibawaan Ungku Nur sebagai keturunan kerabat diraja yang tidak megah dengan gelar dan kedudukan tetapi wanita Muslimah yang menjunjung ilmu, akhlak dan iman²⁷ demi mengangkat peradaban manusia mempertingkatkan ekonomi melalui pelaburan dalam penyelidikan dan pengkajian. Hal ini demikian kerana dengan adanya pendedahan tentang kehebatan bangsa Melayu yang menjunjung syariat Islam melalui daya usaha Ungku Nur menyelidik dan menyelongkar sejarah khususnya tentang kegemilangan aset Tuk Hamidah²⁸, menawarkan dorongan generasi kini menjana pendapatan keluarga dengan menjadikan ilmu dan Islam sebagai paksi kehidupan dengan meyakinkan.

(d) Tarbiah dalam Sosial

Penelitian terhadap nilai tarbiah dalam sosial terakam menerusi *TTD* berdasarkan etika kerja mulia yang dituntut dalam agama Islam. Hal ini demikian kerana sebagai seorang Muslim, telah digariskan etika kerja, iaitu bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah SWT, bekerja dengan ikhlas dan amanah, bekerja dengan tekun dan cekap, bekerja dengan semangat gotong-royong dan bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat.²⁹ Justeru berdasarkan *TTD*, pengarang memperlihatkan jalinan hubungan yang baik antara majikan dengan pekerja. Malahan dalam persahabatan dan kekeluargaan, turut mempamerkan hubungan yang kukuh dan mantap. Pemaparan sikap Salsabila sebagai wanita Muslimah yang amanah, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas, sederhana, berani dan rendah hati jelas diperhatikan dalam novel ini. Muatan sifat-sifat murni yang digambarkan tersebut sesungguhnya menawarkan suatu bentuk hubungan dua hala, iaitu hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) dan hubungan manusia dengan Pencipta (*habl min Allah*) yang digariskan dalam proses sosialisasi Islam. Jalinan hubungan majikan dengan pekerja, persahabatan dan kekeluargaan digalurkan dalam suasana muhibah yang mempertautkan rasa kemesraan kepada manusia dan rasa kecintaan kepada Yang Maha Pencipta. Dengan mengajukan daya

²⁷ Lihat bagaimana Ungku Nur sanggup berhabisan wang hanya semata-mata untuk melakukan penyelidikan tentang kehebatan sejarah bangsa Melayu Islam khususnya mengenai Majalah Ahkam Johor, sila rujuk *ibid.*, hlm. 15 dan 28-36.

²⁸ Tuk Hamidah seorang hartawan yang memiliki kebun gambir, lada, kebun kelapa dan nanas, sila lihat Faisal Tehrani, *Surat-surat Perempuan Johor*, Putrajaya: Aberdeen Books World. 2007. hlm. 162-163.

²⁹ Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, H. A. Yaakob Matondang, *Dakwah dalam Perspektif Sosio-budaya Malaysia-Indonesia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2003. hlm. 160.

kepimpinan yang berteraskan Islam, Salsabila bukan sahaja disenangi pekerjaanya (Pak Haris, Annette dan Sazli), kaum selawannya (Kamil dan Lam Ping Hai), kaum sejenisnya (Teh Sofia) bahkan ahli keluarganya (Makcik dan Mimi) sebagai wanita mulia dan berwibawa.

Manakala menerusi *SsPJ* pula, nilai tarbiah dalam sosial diperhati berdasarkan cara Ungku Nur menyalurkan dakwah dalam komuniti masyarakat khususnya ahli keluarganya. Penelitian terhadap jaringan hubungan antara anak dengan ayah, adik dengan kakak, isteri dengan suami diutarakan secara menarik dan mengesankan dalam novel ini. Pemaparan sifat tegas dan berani tetapi berhikmah yang dimiliki Ungku Nur dalam menyampaikan ajaran agama telah memperlihatkan suasana yang “manis” dan “enak” dalam iklim dakwah. Hal ini demikian kerana cara Ungku Nur menegur ayahnya, meneguhkan kepercayaan kakaknya (Ungku Nurul) dan menasihati suaminya (Asri) supaya tekal dengan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian adalah dengan berlandaskan surat³⁰ memperlihatkan wanita Muslimah yang bijaksana dalam pergaulan dan persekitaran. Pemusatan mengenai teguran dan nasihat yang berhikmah tentang kebaikan (*al-Khayr*), kebenaran (*al-Haqq*) dan keindahan (*al-Jamal*) Islam digalurkan dalam bentuk wacana berilmu³¹ yang menunjukkan nilai tarbiah dalam sosial diperkukuhkan dalam novel ini.

Nilai Islah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka dalam *Tunggu Teduh Dulu dan Surat-surat Perempuan Johor*

(a) Islah dalam Ilmu

Pengemukaan nilai islah dalam ilmu menerusi *TTD* dikesan berdasarkan ketekunan Salsabila mempelajari ilmu-ilmu di luar bidangnya demi mempertingkatkan diri sebagai wanita cemerlang, sama ada dalam keluarga dan dalam kerjaya. Novel ini merakamkan penghayatan Salsabila terhadap bidang agama, bidang pertanian, bidang psikologi, bidang pengurusan dan bidang ekonomi dalam suatu ikatan yang erat dan simpulan yang kejap

³⁰ Terdapat surat satu, surat dua, surat tiga, surat empat, surat lima, surat enam, surat tujuh, surat lapan, surat sembilan, surat sepuluh, surat sebelas, surat dua belas, surat tiga belas dan surat empat belas yang kesemuanya mengandungi pengajaran dan perutusan yang berguna tentang penghayatan Islam, sila rujuk novel *Surat-surat Perempuan Johor*.

³¹ Lihat bagaimana Ungku Nur menyalurkan pandangan bernasnya tentang agama kepada ayahnya dan bekas suaminya (Asri), sila rujuk *ibid.* hlm. 57-64 dan 72-77.

bagi melengkapkan dirinya sebagai Muslimah sejati. Pengarang mengemukakan usaha Salsabila menekuni ilmu tentang pohon betik³² menunjukkan bahawa kesedaran memiliki pengetahuan tanpa mengenal usia dan masa. Penguasaan ilmu dalam bidang-bidang tertentu penting bagi Salsabila yang menjerumuskan diri dalam dunia perniagaan untuk mencapai kegemilangan duniawi dan ukhrawi. Hal ini kerana keseimbangan menekuni kepelbagaian bidang ilmu dengan menjadikan Islam sebagai paksi utama, dapat mengarahkan manusia kepada insanul kamil. Novel ini menyarankan khalayak pembaca ke arah pembaikan terhadap penguasaan ilmu di atas muka bumi ini. Malah dengan pembaikan terhadap diri sendiri dapat pula menggalurkan pembaikan itu terhadap masyarakat sekeliling. Maka inilah yang telah diadun pada watak Salsabila.

Manakala dalam *SsPJ*, penyerlahan nilai islah dalam ilmu ditelusuri menerusi pementapan dalam kajian penyelidikan. Dalam hal ini, Ungku Nur digambarkan sebagai seorang wanita yang gigih menekuni ilmu agama dan berusaha mempraktikkan ilmu yang diperolehnya. Pengarang memperlihatkan sumbangan Ungku Nur dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang menjadi fokus dunia keserjanaan, namun diselarikan dengan penguasaan dalam bidang agama. Justeru, novel ini memuatkan tanggungjawab Ungku Nur sebagai wanita berpendidikan tinggi dalam pencapaian akademik yang tidak mengabaikan pengetahuan agama berusaha mengubah persepsi masyarakat ke arah penghayatan Islam. Muatan terjemahan ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabawi dalam beberapa bahagian surat yang dilakarkan Ungku Nur³³ memperkukuhkan nilai islah dalam ilmu yang disuguhkan dalam novel ini. Jelas bahawa pembaikan dalam diri seorang ilmuwan yang disejajarkan dengan kecintaan terhadap Islam dapat memercikkan pembaikan dalam diri masyarakat pula ke arah rasa cinta terhadap ilmu dan agama.

(b) Islah dalam Budaya

Nilai islah dalam budaya dimuatkan menerusi *TTD* berdasarkan penampilan diri Salsabila sebagai anak muda yang patuh terhadap warisan khazanah bangsa. Hal ini terakam melalui kecintaan Salsabila terhadap

³² Salsabila pernah mengikuti kursus di MARDI bagi mendalami ilmu pertanian, sila lihat Faisal Tehrani, *Tunggu Teduh Dulu*, Kuala Lumpur: Selain, 2004, hlm. 50.

³³ Sila lihat Faisal Tehrani, *Surat-surat Perempuan Johor*, Putrajaya: Aberdeen Books World, 2007, hlm. 37, 60, dan 73.

tanah pusaka kepunyaan Allahyarham ayahnya dengan mengusahakan sesuatu yang bermanfaat untuk keluarga, menunjukkan budaya menghormati orang tua masih dipraktikkan secara turun temurun walaupun diasak dengan kemajuan sains dan teknologi. Pengarang mengemukakan keprihatinan Salsabila sebagai wanita Melayu Islam yang mengutamakan budaya Timur dengan meletakkan ibu bapa sebagai tunjang dalam kehidupan. Walaupun kedua-dua ibu bapa Salsabila sudah meninggal dunia, namun cara wanita ini melayani ibu tirinya dengan baik³⁴ memperlihatkan perutusan dan pengiktibaran yang tinggi terhadap khalayak bahawa Islam mendaulatkan keluhuran dan mengenenpikan dendam tanpa batasan masa khususnya terhadap orang tua. Maka jelas bahawa pembaikan yang digalurkan terhadap Salsabila dapat memberi pembaikan kepada keluarga seterusnya bangsa dan agama.

Melalui *SsPJ* pula, nilai islah dalam budaya dikemukakan pengarang melalui pendirian Ungku Nur terhadap keyakinan dalam kajian penyelidikannya tentang warisan sejarah bangsa. Didapati bahawa Ungku Nur amat mencintai perkembangan budaya menerusi pengkajian terhadap pantun peninggalan Allahyarhamah Tuk Hamidah. Penelitian Ungku Nur terhadap peninggalan warisan budaya bangsa ini dikesani menerusi ungkapan-ungkapan pantun yang diselitkan dalam surat-surat yang dihantar kepada keluarganya di tanah air sepanjang melakukan kajian di Turki.³⁵ Selain ungkapan-ungkapan pantun, Ungku Nur turut memperhalusi kumpulan syair-syair yang mengisahkan perjuangan tentang agama untuk dimanfaatkan dirinya dan ahli keluarganya.³⁶ Pengutaraan ungkapan-ungkapan pantun dan syair tersebut yang berkisar tentang agama dan kehidupan ini sesungguhnya menawarkan suatu bentuk pembaikan dalam mencintai budaya bangsa yang tidak meminggirkan Islam sebagai tunjangnya. Jelas bahawa pembaikan yang diajukan pengarang terhadap watak Ungku Nur dalam soal memartabat warisan budaya bangsa dapat memberi pembaikan terhadap generasi kini yang kian meminggirkan khazanah yang berharga tersebut.

³⁴ Lihat bagaimana layanan Salsabila sewaktu makciknyanya sakit di hospital walaupun ibu tirinya itu tidak memedulikannya sewaktu kecil, sila lihat Faisal Tehrani, *Tunggu Teduh Dulu*, Kuala Lumpur: Selan 2004. hlm. 77 dan 211.

³⁵ Muatan pantun-pantun nasihat yang berlegar tentang agama dan kehidupan dinukilkan Ungku Nur hasil inspirasi daripada Tuk Hamidah, sila lihat Faisal Tehrani, *Surat-surat Perempuan Johor*, Putrajaya: Aberdeen Books World, 2007, hlm. 24, 30, 48-49, 67, 69, 70-71, 82, 89, 101, 105-106, 109-110, 165, 167, 181-182, 195-198, 203.

³⁶ Ibid. hlm. 124, dan 133.

(c) Islah dalam Ekonomi

Menerusi *TTD*, islah dalam ekonomi dikemukakan pengarang berdasarkan kesungguhan Salsabila menjayakan perniagaan berbentuk pertanian yang berteraskan Islam. Hal ini dapat dikesan melalui pengamatan Salsabila terhadap perladangan betik adalah kerana rasa cinta yang dalam kepada hasil tani bumi Tuhan. Pengarang memperlihatkan penghayatan agama yang tinggi dimiliki Salsabila ekoran daripada cara wanita ini meladeni penanaman betiknya kepada masyarakat. Berdasarkan pembaikan Salsabila dalam ekonomi menerusi kegigihannya dalam perladangan betik, maka dapat pula disalurkan pembaikan tersebut kepada ummah sejagat:

“Saya kira bukanlah melihat ke belakang jika kita kembalikan minat kepada pertanian. Kita asyik-asyik sibuk dengan industri, teknologi, ekonomi, dan segala macam kepintaran IT. Kita lupa hasil bumi, hasil tani yang memberi kita makan. Tumbuh-tumbuhan menyimpan rahsia tersendiri. Seperti kita manusia dan apa jua makhluknya ada fungsi. Setiap yang dijadikan Tuhan ada peranannya. Alam semesta ini datang daripada Allah, berfungsi untuk Allah, dan akan balik kepada Allah kelak. Bayangkan betapa banyaknya yang kita selamatkan, daripada mengalir keluar jika negara membekalkan keperluan pemakanan rakyat tanpa perlu bergantung pada import luar.”

(*TTD*, 2004: 221)

Manakala nilai islah dalam ekonomi dimuatkan pengarang dalam *SsPJ* pula berdasarkan daya usaha Ungku Nur melakukan penyelidikan dan kajiannya terhadap sejarah bangsa dan hubungannya dengan negara luar bukanlah untuk komersial tetapi mengangkat kedudukan Islam agar diketahui umum. Novel ini memaparkan ketekunan Ungku Nur meneroka susur galur sejarah Johor dan hubungannya dengan Turki adalah untuk disampaikan kepada masyarakat kini; yang dengan sendirinya membuka mata tokoh sejarawan agar meletakkan “kebenaran” sejati di puncak. Namun, inisiatif Ungku Nur menjalankan penyelidikan dan kajiannya bukan sekadar untuk diketahui umum dan dibayar dengan imbuhan tertentu, bahkan meletakkan Islam sebagai paksi perutusan dan pengiktibaran agar masyarakat menjadikan agama sebagai titik tolak perjuangan dalam kehidupan. Bagi Ungku Nur, peningkatan taraf ekonomi masyarakat Melayu-Islam harus digandingkan dengan kecintaan terhadap pendidikan, penyelidikan dan agama. Jelas bahawa pembaikan yang

disuguhkan pengarang terhadap keperibadian mulia Ungku Nur tentang kecintaan terhadap penyelidikan dan pendidikan yang dapat merubah kedudukan ekonomi masyarakat Melayu-Islam dapat membangunkan pembaikan pemikiran masyarakat hari ini yang tidak mengandungkan ekonomi dan ilmu Islam.

(d) Islah dalam Sosial

Melalui *TTD*, nilai islah dalam sosial terpancar berdasarkan jalur hubungan Salsabila terhadap komuniti masyarakatnya. Hal ini ditelusuri menerusi ikatan perhubungan dalam keluarga antara anak dengan ibu tiri dan kakak dengan adik ipar. Pengarang memperlihatkan jaringan kasih sayang yang padu ditonjolkan Salsabila terhadap ibu tirinya walaupun wanita yang dinikahi arwah ayahnya itu tidak mengasihaniya semasa kecil. Penyataan kasih sayang antara anak dengan ibu tiri yang dipaparkan pada watak Salsabila menggambarkan kemuliaan hati wanita itu terhadap orang yang lebih tua yang berstatus “ibu”. Novel ini memperlihatkan kemurniaan hati Salsabila menjaga ibu tirinya tatkala sakit, dan sama-sama menunaikan ibadah umrah ke Tanah Suci sebagai lambang kesucian hati Muslimah sejati. Di samping menjalinkan hubungan yang baik dengan ibu tirinya, Salsabila turut melayan adik iparnya dengan mesra. Walaupun ditonjolkan kebobrokan adik lelakinya (Shahruzzaman) yang berlainan ibu terhadap dirinya dengan mengkhianati ladang betikinya, namun Salsabila tetap menjaga adik iparnya (Mimi) yang dilanda kesusahan menggambarkan sifat dendam dan busuk hati tidak pernah wujud dalam diri wanita mulia tersebut. Maka, pengutaraan nilai-nilai mumi demikian menjadikan novel ini memperlihatkan nilai islah dalam sosial. Cara Salsabila memahatkan pembaikan dalam dirinya dapat dijadikan pengajaran kepada wanita Melayu-Muslim yang lain dalam mengukuhkan pembaikan.

Manakala menerusi *SsPJ*, nilai islah dalam sosial dikemukakan pengarang berdasarkan penampilan Ungku Nur melayan ayahnya dan bekas suaminya dengan baik walaupun kedua-dua lelaki itu telah melukakan hatinya dan menghancurkan kehidupan rumahtangganya. Penyataan hormat menghormati dan sayang menyayangi sebagai saudara seislam jelas ditampilkan oleh Ungku Nur kerana tetap menganggap ayahnya sebagai pejuang dan bekas suaminya sebagai insan yang perlu diberi perhatian. Ujaran memautkan rasa ukhwah dalam kalangan Muslim diutarakan pengarang menerusi akhlak Ungku Nur yang tidak berdendam,

ikhlas dan luhur³⁷ jelas memperlihatkan nilai islah dalam sosial diajukan dalam novel ini sebagai gagasan yang bermanfaat terhadap khalayak pembaca. Gambaran pembaikan Ungku Nur dalam novel ini dapat memotivasi golongan wanita Melayu-Muslim dalam masyarakat agar sentiasa melakukan pembaikan dalam hubungan sesama manusia walaupun pernah diluka dan dikecewakan.

Khatimah

Kedudukan watak Salsabila dan Ungku Nur dalam mengangkat nilai tarbiah dan islah yang bersangkutan paut dengan ilmu, budaya, ekonomi dan sosial sesungguhnya menawarkan suatu jalur baharu dalam pengangkatan martabat wanita Melayu Islam pascamerdeka. Pengutaraan sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh dua watak dominan ini menunjukkan wanita bukan sekadar dijadikan teraju menggarap karya, wanita bukan sekadar dijadikan bahan menghidupkan teks dan wanita bukan sekadar dijadikan lakaran menyampaikan mesej tetapi berperanan lebih jauh daripada itu. Hal ini demikian kerana didapati peranan dan tanggungjawab golongan wanita Muslim adalah menjangkau terhadap proses dakwah yang menuntut mereka bergelut dengan kemajuan pendidikan dan pengunjuran pembaikan dalam masyarakat sepanjang masa.

Novel *Tunggu Teduh Dulu dan Surat-surat Perempuan Johor* menyuguhkan makna dan pengertian wanita sebenar sebagai Muslimah yang berjaya besar, berdaya saing, berakhlak tinggi dan beramal soleh. Dengan membenihkan Islam sebagai acuan kehidupan, memutuskan Islam sebagai teras kejayaan dan menyuburkan Islam sebagai medan kecemerlangan sesungguhnya menunjukkan nilai tarbiah dan islah perlu dilaksanakan secara mujahadah khususnya di tangan golongan hawa. Penerokaan terhadap perubahan pendidikan yang disuakan terhadap masyarakat khususnya penglibatan wanita Muslim pascamerdeka telah melakarkan sumbangan yang tinggi dan perjuangan yang hakiki dalam arus pembangunan tanah air hari ini.

³⁷ Wanita Muslimah ini tegar memartabatkan Islam dalam kehidupannya yang sering bermonolog dengan diri melalui surat-surat untuk dirinya sendiri, sila lihat Faisal Tehrani, *Surat-surat Perempuan Johor*, Putrajaya: Aberdeen Books World. 2007. hlm. 37-42 dan 104-110.

Bibliografi

- Al-Quran dan Terjemahnya*. 1419H. Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba' at al-Mushhaf al-Syarif Madinah Munawwarah, Kementerian Urusan Agama Islam Wakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. 2003. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 2001. *Kepimpinan Wanita dalam Islam—Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asiah 'Ali. 1999. *Muslimah—Pendidikan, Kekeluargaan dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Muttaqin Sdn. Bhd.
- Baterah Alias, Che Zarrina Sa'ari. 2006. *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Faisal Hj. Othman. 1996. *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. 2004. *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Selain.
- Faisal Tehrani. 2007. *Surat-surat Perempuan Johor*. Putrajaya: Aberdeen Books World.
- Jawiah Dakir, Asmah Bee Mohd Noor, Rosnah Baharudin. (pytg.). 2000. *Sumbangsih Wanita*. Bangi: Universiti Kebangsaan.
- Kamariah Kamarudin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalijah Mohd Salleh. (tt). *Women in Development*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Muhammad Ali Al-Hashimi. (terj.). 1998. *Keperibadian Muslimah*. Selangor: Maktabah al-Qardhawi.

Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, H.A. Yaakob Matondang. 2003.
Dakwah dalam Perspektif Sosio-budaya Malaysia Indonesia.
Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<http://www.tehranifaisal.blogspot> yang diakses pada 20 Jun 2010.

http://ms.wikipedia.org/wiki/Institusi_pendidikan_dalam_Islam, diakses
pada 15 Ogos 2011.

**PEMANFAATAN AYAT AL-QURAN SERTA
SEBAB PENURUNANNYA (*SABAB AL-NUZUL*)
DALAM NOVEL *PERANG UHUD* KARYA
ABDUL LATIP TALIB
(*THE USE OF QURANIC VERSE AND ITS CAUSE OF
REVELATION (SABAB AL-NUZUL) IN THE NOVEL
PERANG UHUD BY ABDUL LATIP TALIB*)**

Mohd Shahrizal Nasir

Abstrak

Makalah ini membincangkan sebuah novel popular berkaitan sejarah Islam yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pembaca khususnya golongan remaja. Kisah Perang Uhud telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan mempunyai pengajaran yang berguna untuk umat Islam. Dengan bertolak daripada pegangan peri pentingnya pemanfaatan ayat al-Quran dalam karya kreatif dilakukan menurut tata tertib tertentu demi mengelak mempersendakan kehadirannya sebagai wahyu, makalah ini merungkai novel *Perang Uhud* karya Abdul Latip Talib. Analisis bertolak daripada sebab penurunan (*sabab al-nuzul*) ayat tersebut kepada Rasulullah SAW, dengan memfokuskan kepada beberapa kutipan ayat al-Quran yang terdapat dalam novel berkenaan. Analisis akan tertumpu kepada kewajaran kutipan ayat al-Quran tersebut dalam cerita yang dikisahkan, ketepatan maksudnya, serta sejauh mana kesantunan tata tertib pemanfaatan dan peminjaman daripada al-Quran telah dihormati. Ternyata dalam novel tersebut, ayat al-Quran diletakkan pada akhir episod tertentu sebagai pengukuhan cerita. Berbekalkan beberapa buah kitab tafsir sebagai rujukan, adalah dikehendaki pemanfaatan seperti ini mengundang penelitian yang lebih lanjut lagi.

Kata kunci: al-Quran, *Sabab al-nuzul*, Kesantunan pinjaman, Karya kreatif, Novel populer.

Abstract

This article discusses a popular novel related to the history of Islam which received overwhelming response from readers especially teenagers. The story of the Battle of Uhud (Perang Uhud) is recorded by Allah in the Quran and it has useful lessons for the Muslims. With the point of holding the importance of using Quranic verse in the creative work done by a certain discipline in order to prevent it from any degrades as words of revelation, this article analyses the novel Perang Uhud written by Abdul Talib Latip. The analysis embarks with the cause of revelation (sabab al-nuzul) of Quranic verse which revealed to Prophet Muhammad PBUH, and focuses on few quotes of Quranic verses found in the novel. The analysis will concentrate on the reasonableness of the use of Quranic verse in the novel's episodes, the accuracy of its meaning, and the extent to which the etiquette of using the Quranic verses have been valued and respected. It appears in the novel that the Quranic verse was placed at the end of the specific episode as to strengthen the story. Referring to numbers of exegesis of the Quran, it is proposed that the use of Quranic verse in this novel needs a further research.

Keywords: *The Quran, Cause of revelation, Courtesy of usage, Creative work, Popular novel.*

Pendahuluan

Fenomena “Sastera Islam” mula kelihatan sekitar tahun 1970-an yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan “dakwah” di Malaysia (*Ungku Maimunah*, 1989: 288). Fenomena ini membuatkan ramai kalangan penggiat sastera bersaing antara satu sama lain bagi memperhebatkan penghasilan karya kreatif yang bertunjangan “Sastera Islam”. Tidak kurang bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam ruang fenomena ini, lalu memasukkan unsur-unsur Islam dalam karya masing-masing. Hasilnya, keislaman karya diperagakan dengan penggunaan ayat-ayat al-Quran, nama-nama pejuang Islam yang terpahat dalam lipatan sejarah

Islam seperti ‘Umar al-Khattab dan Rabi‘ah Adawiyah, penggunaan istilah-istilah Arab seperti mukadimah, kamil, syumul, wasatiyah, khatimah, natijah, batil, juga penggunaan kaligrafi pada kulit-kulit buku dan lain-lain. Keadaan-keadaan yang disebutkan tadi hanya tertumpu kepada aspek permukaan dan tidak bertunjangkan sesuatu yang lebih bersifat konkrit tentang “Sastera Islam”. Sebenarnya, penghasilan karya sastera daripada perspektif ilmu bersepadu yang dituntut oleh Islam, antara lain bertujuan meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai yang baik, murni dan diredai oleh Allah SWT (*Mohd. Kamal, 1996: 93*). Dengan kata lain, karya sastera yang betul-betul berasaskan “Sastera Islam” ialah apabila mampu meningkatkan ketakwaan seorang hamba kepada Allah SWT ke tahap yang lebih mantap.

Minat terhadap “Sastera Islam” atau “Sastera Berunsur Islam” agak menurun sedikit pada tahun 1980-an tetapi kembali dewasa kini dengan “Sastera Islam” merupakan hasil sastera yang mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya daripada golongan remaja. Antara petunjuk identiti keislaman (*identity maker*) karya seperti ini ialah pemanfaatan ayat al-Quran dan juga peristiwa dalam al-Quran atau Hadis-hadis Nabi SAW. Ini rata-rata diterima sebagai “Sastera Islam” atau “Sastera Berunsur Islam”, malah diperagakan pada kulit buku serta menjadi maklumat penting untuk dimasukkan dalam rangsang sari atau *blurb* buku tersebut.

Sehubungan itu, makalah ini berusaha untuk meneliti pemanfaatan ayat al-Quran dalam sebuah novel berjudul *Perang Uhud* karya Abdul Latip Talib yang menurut kulit buku novel tersebut, ia merupakan sebuah novel sejarah Islam dan novelisnya merupakan seorang penulis novel sejarah nombor satu di Malaysia. Novel ini memperagakan sebuah kisah sejarah Islam yang juga merupakan kisah al-Quran kerana ianya secara jelas dimuatkan dalam al-Quran menerusi beberapa buah surah seperti *surah Ali ‘Imran, surah al-Nisa’* dan *surah al-Hasyr*.

Pemanfaatan ayat al-Quran ini mengundang beberapa pertimbangan yang wajar diberi perhatian serius. Antara yang terpenting ialah soal etika, adab serta kesantunan pemanfaatan ayat al-Quran itu sendiri. Jika semasa awal kemunculan “Sastera Islam”, terdapat kalangan penulis dan pengkritik karya sastera yang berpendapat penggunaan kaligrafi dan istilah Arab antara petunjuk paling jelas dalam pengklasifikasian karya kreatif sebagai “Sastera Islam”, namun dewasa kini mereka memilih untuk memanfaatkan ayat al-Quran atau Hadis Rasulullah SAW dalam karya kreatif mereka. Pemanfaatan ayat al-Quran

sebagai *identity marker* adalah satu fenomena yang perlu diberi perhatian yang serius bagi memelihara kesucian dan martabat ayat al-Quran tersebut yang tidak boleh digunakan secara sambil lewa dalam karya kreatif. Justeru, antara aspek yang perlu diketahui oleh para karyawan sastra yang memanfaatkan ayat al-Quran dalam karya kreatif mereka ialah *sabab al-nuzul* atau sebab penurunan ayat al-Quran tersebut. Dengan mengetahui *sabab al-nuzul* ayat, proses pemanfaatan ayat al-Quran akan dilakukan dengan mengambil kira konteks sebenar penurunannya. Keadaan ini secara langsung dapat mengelak berlakunya kesalahan ketika menafsir ayat al-Quran tersebut. Perkara ini dapat menjamin kesantunan novelis dalam memanfaatkan ayat al-Quran menurut ketetapan Islam.

Pewajaran Memahami *Sabab al-Nuzul* Ayat al-Quran

Sesuai dengan tajuk novel, iaitu *Perang Uhud* yang merupakan satu peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku serta ia dirakamkan dalam al-Quran, makalah ini akan mengambil kira perspektif sejarah dalam analisisnya. Perlu difahami bahawa pemahaman terhadap ayat al-Quran perlu mengambil kira beberapa aspek bagi memastikan tidak berlaku sebarang tafsiran salah atau songsang terhadap ayat berkenaan. Perkara ini amat penting kerana al-Quran merupakan sebuah Kitab suci umat Islam yang sarat dengan panduan bagi meraih kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Martabat al-Quran ini dikuatkan apabila ia merupakan mukjizat agung Nabi Muhammad SAW yang kekal sehingga ke hari ini. Justeru, adalah amat wajar bagi setiap Muslim untuk menjaga tatatertib dan kesantunan ketika berhubungan dengan al-Quran seperti memanfaatkan ayat-ayatnya dalam karya sastra.

Antara aspek yang perlu diberi perhatian dalam proses pemanfaatan ayat al-Quran ialah penelitian terhadap *sabab al-nuzul* atau sebab penurunan ayat al-Quran. Seperti yang sedia dimaklumi bahawa ayat-ayat al-Quran tidak diturunkan kepada Rasulullah SAW secara sekali gus, tetapi ia turun secara berperingkat selama dua puluh tiga tahun (*Al-Qattan*, 1998: 91). Penurunan secara berperingkat ini boleh dilihat menerusi beberapa situasi seperti apabila berlakunya sesuatu peristiwa dan apabila sesuatu persoalan dikemukakan kepada Rasulullah SAW sedangkan persoalan itu di luar pengetahuan Baginda SAW (*Al-Qaradawi*, 1999: 249; *al-Qattan*, 1998: 71). Situasi-situasi inilah yang menjadi antara sebab penurunan ayat-ayat al-Quran kepada Rasulullah SAW selama dua puluh tiga tahun.

Pewajaran bahawa perlunya mengetahui *sabab al-nuzul* ayat al-Quran dapat dilihat menerusi pandangan beberapa tokoh besar Islam. Antaranya ialah pendapat Ibn ‘Abbas ketika menjawab persoalan yang diutarakan oleh ‘Umar al-Khattab mengenai sebab perpecahan umat Islam sedangkan Nabi SAW dan kiblata mereka adalah satu. Menurut Ibn ‘Abbas, masalah yang meruncing itu berlaku apabila umat Islam yang membaca al-Quran tidak mengetahui sebab penurunan ayat al-Quran, lalu mereka mempunyai pendapat tersendiri mengenai ayat tersebut (*al-Qaradawi*, 1999: 250). Keadaan ini yang membuatkan timbulnya perpecahan dan perbalahan sesama umat Islam yang berpunca daripada kegagalan mereka memahami ayat al-Quran dan sebab penurunannya secara tepat.

Selain itu, Imam Ibn Daqiq al-Ayd pula menyatakan bahawa penjelasan mengenai sebab penurunan ayat al-Quran merupakan satu cara yang tepat bagi memahami makna ayat al-Quran tersebut (*Al-Qaradawi*, 1999: 249). Bertolak dari sini, dapat difahami bahawa antara tatacara bagi memahami makna sebenar ayat al-Quran serta memastikan bahawa ianya dimanfaatkan pada konteksnya secara tepat, penelitian terhadap *sabab al-nuzul* ayat al-Quran harus dilakukan secara berhati-hati kerana jika keadaan sebaliknya berlaku, maka ia akan dilihat sebagai satu usaha untuk memesongkan ayat al-Quran, dan keadaan ini salah di sisi Islam.

Menurut al-Suyuti, mengetahui *sabab al-nuzul* ayat al-Quran merupakan satu keperluan yang amat penting untuk memahami ayat al-Quran dengan lebih tepat bersesuaian dengan konteks penurunannya. Menurutnyanya lagi antara faedah mengetahui *sabab al-nuzul* ayat al-Quran ialah dapat menyingkap hikmah pensyariatannya sesuatu hukum yang bersandarkan kepada firman Allah SWT (*Al-Qaradawi*, 1999: 252). Berkaitan dengan hukum-hakam Islam ini, penelitian terhadap *sabab al-nuzul* ayat al-Quran mampu menjelaskan penentuan terhadap hukuman sesuatu jenayah Islam yang dijelaskan dalam al-Quran. Maksudnya, jika sesuatu kesalahan jenayah itu sama situasinya dengan *sabab al-nuzul* ayat al-Quran yang mengandungi hukum syarak, maka hukum atau penetapan syarak itu boleh diaplikasikan terhadap kesalahan jenayah tersebut. Sebagai contoh permasalahan yang berkaitan dengan hukuman *zihar*, iaitu menyamakan isteri dengan *mahram* sendiri. Dalam al-Quran, ayat yang menerangkan hukuman *zihar* merupakan jawapan bagi permasalahan yang berlaku dalam rumah tangga Salamah bin Sahar, maka permasalahan ini menjadi sebab turunnya ayat berkaitan hukum *zihar*. Justeru, jika situasi yang sama berlaku, iaitu yang melibatkan hukuman *zihar*, maka hukumannya disandarkan kepada peristiwa Salamah bin Sahar tadi. Di sini jelas menunjukkan kepentingan memahami *sabab al-nuzul* ayat al-Quran

bagi penetapan sesuatu hukuman kesalahan jenayah dengan mengambil dalil atau hujahan ayat al-Quran berdasarkan konteks penurunan ayat tersebut.

Namun perlu menjadi peringatan bahawa penelitian terhadap *sabab al-nuzul* sesuatu ayat al-Quran perlu dilakukan secara berhati-hati. Tambahan pula, menurut Yusuf al-Qaradawi, jumlah *sabab al-nuzul* ayat al-Quran yang benar-benar sahih adalah terlalu sedikit (*Al-Qaradawi*, 1999: 255). Justeru, keadaan ini menghendaki agar *sabab al-nuzul* ayat al-Quran dirujuk kepada sanad-sanad Hadis sahih yang meriwayatkan *sabab al-nuzul* ayat serta pendapat ulamak Hadis yang muktabar. Hal ini amat penting agar kesahihan *sabab al-nuzul* ayat al-Quran itu dapat dipelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan dan pendapat yang bersifat *da'if* atau lemah.

Berdasarkan pertimbangan di atas, menjadi satu kemestian untuk para karyawan sastera khususnya novelis agar mengetahui *sabab al-nuzul* ayat al-Quran jika mereka ingin memanfaatkan ayat al-Quran tersebut dalam karya kreatif mereka. Kegagalan mereka untuk memahami *sabab al-nuzul* ayat al-Quran secara tepat bakal membuatkan khalayak pembaca mendapat maklumat yang salah berkaitan isi kandungan al-Quran. Perkara ini amat merbahaya kerana dari sinilah tercetusnya punca perselisihan pendapat dalam kalangan umat Islam tentang ayat al-Quran, sepertimana yang telah dijelaskan oleh Ibn 'Abbas.

Kerangka Analisis: Tatacara Pemanfaatan al-Quran

Al-Quran merupakan Kitab suci bagi umat Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW secara berperingkat selama dua puluh tiga tahun. Hakikatnya, al-Quran mempunyai hak-hak yang tersendiri. Maka menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim untuk memenuhi tuntutan hak tersebut. Antara hak-hak al-Quran ialah hak untuk diimani, hak untuk dibaca, hak untuk dihafal, hak untuk difahami, hak untuk diamalkan dan hak untuk disebar isi kandungannya. Tanpa menafikan kepentingan hak-hak al-Quran yang lain untuk difahami, hak al-Quran untuk disebar isi kandungannya merupakan pokok perbincangan makalah ini. Ianya berbalik kepada fenomena “Sastera Islam” yang menjadi wadah untuk menyebarkan dakwah Islamiah kepada khalayak pembaca. Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan bahawa pemanfaatan ayat al-Quran dalam novel-novel “Sastera Islam” merupakan satu usaha yang baik serta selaras dengan tuntutan memenuhi hak al-Quran agar isi

kandungannya disebarkan kepada umat manusia. Namun, keadaan ini semestinya memerlukan penelitian yang serius agar pemanfaatan ayat al-Quran tersebut dilakukan secara tepat dan beradab.

Menurut Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya berjudul *Bagaimana Berhubungan Dengan al-Quran al-'Azim?*, pemanfaatan ayat al-Quran pada tempat yang tidak sepatutnya atau pada konteks yang salah merupakan satu bentuk penyelewengan nas al-Quran yang menjadi punca kesesatan golongan Ahli Kitab terdahulu (*al-Qaradawi, 1999: 316*). Keadaan ini amat membimbangkan kerana kesan daripada pemanfaatan ayat al-Quran dalam karya kreatif yang dilakukan secara batil atau tidak tepat, akan memberi kemudaratan kepada khalayak pembaca. Malah ia juga boleh memesongkan makna sebenar ayat al-Quran tersebut.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, pemanfaatan ayat al-Quran dalam karya sastera merupakan antara strategi para karyawan yang berusaha untuk menyerlahkan karya mereka agar dapat dikategorikan sebagai karya “Sastera Islam”. Oleh itu, sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa kisah al-Quran banyak diadaptasi oleh para karyawan dalam usaha memperlihatkan kehebatan karya kreatif ciptaan mereka. Antara kisah-kisah al-Quran yang telah diadaptasi menjadi karya kreatif seperti kisah Nabi Yusuf AS dan Zulaykha, kisah taufan Nabi Nuh AS, kisah yang melibatkan Nabi Muhammad SAW seperti Israk Mikraj, peperangan pada zaman Rasulullah SAW dan banyak lagi.

Keindahan kisah al-Quran yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran didasari oleh aspek “benar” dan “realiti” serta mudah difahami. Hal ini menyebabkan kisah al-Quran mampu dijadikan asas kepada jalan cerita karya kreatif yang diadaptasi daripada kisah tersebut. Sepertimana yang dimaklumi bahawa kesemua isi kandungan al-Quran sentiasa bersifat benar, mampu difahami oleh akal fikiran manusia serta tidak terkeluar daripada ruang lingkup realiti kehidupan.

Setiap kisah yang dirakamkan dalam al-Quran memiliki nilai keindahan yang tinggi bagi membolehkan sesiapa sahaja yang membaca dan menghayatinya terkesan dengan isi kandungan tersebut. Kisah yang dirakamkan dalam al-Quran mempunyai signifikannya yang tersendiri untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia mahupun dijadikan iktibar sebagai wadah untuk melakukan muhasabah diri. Apa yang lebih utama untuk ditegaskan di sini ialah setiap kisah al-Quran membawa mesej benar serta jauh daripada sebarang bentuk khayalan atau imaginasi yang karut, walaupun kadang kala kisah tersebut menjangkau batasan fikiran manusia

seperti kisah al-Quran yang melibatkan perkara-perkara ghaib (*al-ghaybiyyat*). Sebenarnya, kepercayaan dan keimanan terhadap kisah al-Quran seperti ini menjadi pengukuh tahap keimanan seseorang Muslim kepada Allah SWT. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud: “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa, iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka” (*surah al-Baqarah*, ayat 2-3).

Sebenarnya, tatacara atau kesopanan pemanfaatan al-Quran sudah diperkatakan dengan begitu meluas oleh banyak pihak. Umpamanya, terkini terdapat sebuah makalah yang secara khusus memperkatakan hal ini. Makalah yang bertajuk *al-Quran, Ilmu, Disiplin Islami Dan Sastera* tulisan Zulkarnain Mohamed ini telah dimuatkan dalam sebuah buku yang disunting oleh Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir berjudul “Kedudukan Ilmu Dalam Kesusasteraan: Teori Dan Praktis”. Untuk tujuan makalah ini, iaitu merungkai teks *Perang Uhud* karya Abdul Latip Talib, satu konsep penting yang akan diguna pakai secara khusus ialah *iqtibas* atau adaptasi. Menurut Zulkarnain Mohamed, *iqtibas* bermaksud mengadaptasi atau mengambil ayat atau kisah al-Quran untuk dibuat penyesuaian tertentu dengan mengekalkan kisah asal seperti yang termaktub dalam al-Quran (Zulkarnain, 2010: 129). Konsep *iqtibas* kisah al-Quran ini boleh dilihat dalam dua bentuk, iaitu yang bersifat positif dengan mengekal dan memperakukan teras, keyakinan, semangat atau nada cerita asal, manakala *iqtibas* bersifat negatif adalah yang sebaliknya (Zulkarnain, 2010: 129). *Iqtibas* mempunyai beberapa tatacara tersendiri yang wajar dihormati seperti yang akan dijelaskan di bawah ini.

Tatacara konsep *iqtibas* ini mengundang keprihatinan terhadap beberapa tatacara atau kesopanan pemanfaatan al-Quran sebagai sumber utama pengkisahan novel *Perang Uhud* tersebut. Antara tatacara kesopanan tersebut ialah perlunya memelihara hakikat *tanzil* (penurunan), mukjizat dan wahyu (Zulkarnain, 2010: 142). Sebenarnya perkara inilah yang akan disentuh secara khusus dalam bahagian analisis makalah, iaitu untuk meneliti pemanfaatan ayat al-Quran berdasarkan kepada sebab penurunan ayat al-Quran tersebut. Perlu ditegaskan di sini bahawa martabat al-Quran sebagai *Kalamullah* (titah Allah SWT) amatlah tinggi. Justeru, al-Quran tidak boleh ditafsirkan menurut akal fikiran manusia yang amat terbatas. Pemanfaatan isi kandungan al-Quran dalam apa juga

bidang termasuk sastera, tidak boleh sama sekali menyalahi konteks sebenar ayat itu diturunkan. Untuk mengetahui konteks sebenar sesuatu ayat al-Quran itu diturunkan, maka *sabab al-nuzul* ayat tersebut perlu diteliti bersandarkan sumber rujukan yang sahih. Pemanfaatan ayat al-Quran dengan cara yang salah, iaitu tanpa menitik-beratkan sebab penurunan ayat al-Quran tersebut merupakan satu bentuk kegiatan memanipulasi ayat al-Quran, dan perkara ini amat bertentangan dengan akidah Islamiah serta perlu diperbetulkan. Namun, perkara ini tidak bermakna bahawa karyawan tidak boleh mengambil idea daripada isi al-Quran untuk dimanfaatkan dalam karya kreatif mereka, tetapi jika ini yang berlaku, ia haruslah selari dengan konteks ayat itu diturunkan dan tidak dicemari dengan imaginasi yang boleh merosakkan kesahihan dan kebenaran wahyu Ilahi tersebut. Secara ringkasnya, sekali lagi ditegaskan bahawa sebarang bentuk adaptasi kisah al-Quran dalam karya kreatif perlu selari dengan konteks atau tujuan ayat tersebut diturunkan, manakala sebarang usaha memanipulasi kisah al-Quran perlu ditolak secara tuntas agar kesucian Kitab agung umat Islam ini dapat terus dijunjung dan keteguhan iman khalayak pembaca dapat dipelihara.

Selain itu, tatacara kedua yang perlu diberi perhatian berkaitan pemanfaatan al-Quran dalam karya kreatif ialah menghindari unsur penghinaan dan mempersenda kebenaran yang dibawa oleh ayat-ayat al-Quran (Zulkarnain, 2010: 142-143). Apa juga bentuk penstrukturan dalam karya kreatif yang memanfaatkan al-Quran yang mengandungi unsur penghinaan dan mempersenda kesahihan al-Quran adalah dilarang oleh Islam secara tuntas. Meskipun ayat al-Quran tersebut telah dimanfaatkan bersandarkan konteks penurunannya yang sebenar, namun kewujudan unsur negatif yang dikira menghina dan mempersenda al-Quran, secara jelas telah merendahkan martabatnya sebagai sebuah Kitab suci umat Islam. Secara tidak langsung, keadaan ini turut memberi gambaran bahawa Islam sebuah agama yang sesat dan rendah martabatnya, sedangkan Rasulullah SAW memberi jaminan bahawa umat Islam tidak akan sesat selama-lamanya selagi mereka masih berpegang kepada al-Quran. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Aku telah tinggalkan untuk kalian dua perkara, kalian tidak akan sesat selama-lamanya selagi berpegang dengan kedua-duanya, iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi-Nya.” (Hadis riwayat Imam Malik).

Adalah menjadi kewajipan para karyawan untuk memahami makna serta hukum-hukum yang dibawa oleh ayat al-Quran sebelum memanfaatkan ayat tersebut dalam karya kreatif mereka. Perkara ini merupakan tatacara ketiga pemanfaatan al-Quran. Justeru, kitab-kitab tafsir

yang muktabar, Hadis-hadis Rasulullah SAW yang sahih serta kitab-kitab *sirah* (sejarah) hidup Rasulullah SAW mesti dijadikan rujukan utama kerana kesemuanya ini akan dapat membantu proses pemahaman ayat al-Quran secara tepat (*Zulkarnain*, 2010: 143). Dengan kata lain, para karyawan harus memastikan bahawa setiap maklumat berkaitan ayat al-Quran tersebut diperolehi daripada sumber yang tepat dan berautoriti. Jika perkara ini tidak diusahakan, ia bakal membawa kepada salah faham khalayak pembaca berkaitan kandungan al-Quran menerusi penyaluran maklumat yang tidak benar. Perlu ditegaskan di sini bahawa nas al-Quran tidak boleh sama sekali ditafsir menggunakan logik akal, apatah lagi apabila ia diolah bagi memenuhi kehendak dan tujuan pihak-pihak tertentu. Secara jelas, perkara ini telah melanggar batasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Rasulullah SAW pernah memberi amaran kepada golongan yang menafsir ayat al-Quran berdasarkan pendapat peribadi, sabdanya yang bermaksud: "... dan barangsiapa yang memperkatakan sesuatu berkaitan al-Quran dengan pendapatnya, maka akan disediakan tempatnya dalam neraka." (Hadis riwayat Tirmidzi).

Satu perkara lagi yang perlu difahami berkaitan tatacara pemanfaatan al-Quran ialah kefahaman bahawa sastera tidak boleh disamatarafkan dengan al-Quran. Perkara ini disandarkan kepada fakta bahawa sastera itu berasaskan pengalaman dan imaginasi penulis, manakala al-Quran berasaskan kebenaran dan kepastian kerana ia diturunkan oleh Allah SWT, iaitu Pencipta yang Maha Mengetahui (*Zulkarnain*, 2010: 144). Al-Quran yang tidak ada kesamaran dan keraguan ini, menolak sebarang bentuk persamaan dengan selainnya yang merupakan hasil kreativiti manusia. Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud: "Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak (keraguan) padanya (tentang datangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa." (*surah al-Baqarah*, ayat 2).

Jika kesemua tatacara ini sentiasa dipenuhi oleh para karyawan sastera yang memanfaatkan al-Quran dalam karya kreatif mereka, maka kedudukan al-Quran akan sentiasa terpelihara, manakala karya kreatif akan lebih bermanfaat hasil daripada pemanfaatan al-Quran yang sentiasa menjunjung mesej benar. Walau bagaimanapun, al-Quran tidak boleh disamakan dengan apa juga bentuk karya kreatif meskipun karya tersebut membawa mesej yang serupa dengan isi al-Quran. Perkara ini bertepatan dengan sanggahan Allah SWT terhadap tohmahan yang dilemparkan oleh golongan musyrikin Mekah yang mendakwa bahawa al-Quran merupakan syair, iaitu sejenis seni sastera. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya (Muhammad), dan kepandaian

bersyair itu pula tidak sesuai baginya, yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat pengajaran dan Kitab suci yang memberi penerangan.” (*surah Yasin*, ayat 69). Sesungguhnya jika semua perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini tidak diambil perhatian yang serius, dikhawatiri ia bakal memberi impak negatif kepada akidah para novelis dan juga khalayak pembaca. Mengimani al-Quran serta menjunjung kebenaran isi kandungannya merupakan antara rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap individu Muslim dengan keyakinan yang *qat’i* (putus).

Melihat peri pentingnya tatacara pemanfaatan al-Quran yang wajar diberi perhatian oleh para karyawan sastera, maka seterusnya makalah akan melihat pemanfaatan al-Quran dalam novel *Perang Uhud*, khususnya tatacara pertama yang telah dihuraikan sebelum ini, iaitu berkaitan memelihara hakikat *tanzil* atau *sabab al-nuzul* ayat al-Qur’an.

Novel *Perang Uhud*: Satu Analisis Kritis

Tanpa menafikan banyaknya aspek yang boleh diberi perhatian berkaitan soal pemanfaatan al-Quran dalam karya kreatif, namun makalah ini secara khusus akan melihat *sabab al-nuzul* ayat-ayat tersebut sahaja. Bertolak daripada perbincangan tentang *sabab al-nuzul* dan juga hujah-hujah berkaitan pemanfaatan ayat al-Quran dalam karya sastera serta tataracaranya di atas, makalah ini akan meneliti novel *Perang Uhud* karya Abdul Latip Talib, dengan penekanan diberikan kepada beberapa persoalan penting, iaitu kewajaran kutipan ayat al-Quran dalam cerita yang dikisahkan, ketepatan maksudnya, serta sejauh mana kesantunan tatatertib pemanfaatan dan peminjaman daripada al-Quran telah dihormati oleh novelis tersebut.

Untuk tujuan itu, beberapa kitab tafsir akan dijadikan panduan bagi mendapatkan maklumat berkaitan *sabab al-nuzul* ayat-ayat al-Quran yang dimanfaatkan dalam novel *Perang Uhud*. Antara kitab tafsir tersebut ialah tafsir *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir al-Quran al-‘Azim wa al-Sab’ al-Mathani* oleh al-Alusi, tafsir *al-Jami’ li Ahkam al-Quran* oleh al-Qurtubi, kitab *Tafsir al-Quran al-‘Azim* oleh Ibn Kathir dan tafsir *Fi Zilal al-Quran* oleh Sayyid Qutb. Analisis menunjukkan terdapat sebelas kumpulan ayat al-Quran telah dimanfaatkan dalam novel *Perang Uhud*. Daripada jumlah tersebut hanya tujuh kumpulan ayat dan *sabab al-nuzul* ayat tersebut dikaitkan secara khusus dengan peristiwa *Perang Uhud*. Sesuai dengan matlamat untuk menyerlahkan soal *sabab al-nuzul* ayat al-Quran dalam novel *Perang Uhud*, maka makalah ini akan memfokuskan hanya kepada

beberapa ayat al-Quran yang dimanfaatkan secara kurang tepat dengan sebab penurunannya.

Secara umum, novel *Perang Uhud* boleh dikelaskan sebagai sebuah karya kreatif yang mengaplikasi konsep *iqtibas* atau adaptasi kisah al-Quran secara positif. Perkara ini dapat dilihat apabila novelis masih mengekalkan nama insan yang terlibat dalam Perang Uhud serta jalan cerita yang tidak menafikan teras, keyakinan, semangat atau nada cerita asal kisah tersebut secara terang. Pada tahap ini, pujian wajar diberikan kepada novelis di atas usahanya menjauhkan diri daripada terlibat dengan pengaplikasian konsep *iqtibas* ayat al-Quran secara negatif dalam karya kreatifnya.

Novel *Perang Uhud* mengisahkan satu peristiwa perang yang disertai oleh Rasulullah SAW pada tahun ketiga Hijrah. Peristiwa perang ini berlaku antara pasukan Quraisy Mekah pimpinan Abu Sufian bin Harb dengan pasukan Muslimin di bawah pimpinan Rasulullah SAW. Peristiwa perang ini telah berlaku di kaki Gunung Uhud dan ianya berakhir dengan kekalahan di pihak tentera Muslimin. Kekalahan tersebut berpunca daripada tindakan beberapa orang pasukan pemanah yang turun daripada Bukit Rumat bagi mendapatkan harta perang yang ditinggalkan oleh golongan Quraisy. Harta yang sengaja ditinggalkan oleh pasukan berkuda Khalid al-Walid itu membuatkan sebilangan tentera Muslimin khususnya para pemanah tidak patuh kepada perintah Rasulullah SAW. Ketika sedang sibuk mengumpulkan harta perang, tiba-tiba pasukan Muslimin kembali diserang oleh pasukan berkuda Quraisy dan akhirnya tentera Muslimin tewas dalam Perang Uhud tersebut. Selain mengisahkan peristiwa di medan Perang Uhud, novel turut memaparkan beberapa kisah yang berlaku sebelum dan selepas peristiwa perang tersebut. Seramai 71 orang *shuhada'* telah gugur dalam Perang Uhud termasuk bapa saudara Baginda SAW, iaitu Hamzah bin Abdul Mutalib. Malah, Rasulullah SAW juga mendapat kecederaan dalam Perang Uhud tersebut.

Dalam bahagian ini, makalah akan menganalisis tiga kategori berkaitan *sabab al-nuzul* ayat al-Quran tentang Perang Uhud, iaitu; pertama: berkaitan episod dalam Perang Uhud yang menjadi *sabab al-nuzul* turunnya ayat al-Quran tetapi tidak diserlahkan dalam novel, kedua: berkaitan ayat al-Quran yang dimanfaatkan dalam episod novel dan ianya bertepatan dengan *sabab al-nuzul* ayat tersebut, dan ketiga: berkaitan ayat yang dimanfaatkan dalam episod novel tetapi ianya tidak tepat dengan *sabab al-nuzul* ayat tersebut.

Kategori pertama, iaitu berkaitan episod dalam Perang Uhud yang menjadi *sabab al-nuzul* turunnya ayat al-Quran tetapi tidak diserlahkan dalam novel. Di sini dapat dilihat bahawa, dalam usaha novelis memanfaatkan ayat al-Quran yang dijadikan penguat jalan cerita Perang Uhud, terdapat beberapa situasi dalam Perang Uhud yang menjadi *sabab al-nuzul* ayat al-Quran, namun ia tidak dimanfaatkan dalam novel *Perang Uhud*. Situasi tersebut ialah apabila golongan munafik membatalkan niat mereka untuk sama-sama berperang, lalu berpatah balik ke Madinah. Jumlah mereka mencapai satu pertiga daripada jumlah keseluruhan tentera Muslimin. Keadaan ini menyebabkan golongan Muslimin terbahagi kepada dua kumpulan (*Al-Faqih*, 1996: Jil.2, 137). Dua kumpulan ini berselisih pendapat tentang hukuman yang perlu dikenakan ke atas golongan munafik tersebut. Kumpulan pertama berpendapat agar golongan munafik tersebut dibunuh, manakala kumpulan kedua tidak menyetujuinya, sebaliknya tentera Muslimin diminta untuk terus bersiap sedia menghadapi tentera Quraisy (*Ibn Kathir*, 2004: Jil.1, 730). Menurut Ibn Kathir, situasi ini menjadi sebab penurunan ayat 88 *surah al-Nisa'* yang bermaksud: "Maka apakah yang menyebabkan kamu (berpecah) menjadi dua golongan terhadap kaum munafik itu, padahal Allah telah menjerumuskan mereka (ke dalam kekufuran) disebabkan apa yang telah mereka usahakan? Adakah kamu pula hendak memberi petunjuk kepada orang-orang yang telah disesatkan oleh Allah? Padahal sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka engkau tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya" (*Surah al-Nisa'*, ayat 88).¹ Jika diperhalusi, situasi ini amat penting untuk dimuatkan dalam novel kerana membawa pengajaran yang besar di sebalik peristiwa Perang Uhud. Perselisihan pendapat dalam kalangan tentera Muslimin ini memerlukan wahyu petunjuk daripada Allah SWT. Ia menjadi petanda bahawa pertolongan Allah SWT amat diperlukan pada saat genting menghadapi musuh Allah SWT yang bukan sahaja terdiri daripada golongan kafir Quraisy, malah musuh Allah SWT daripada golongan munafik yang berada dalam kelompok tentera Muslimin sendiri. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hak novelis sama ada untuk memanfaatkan ayat al-Quran ini dalam novel atau mengabaikannya. Perkara ini sedikit sebanyak menyerlahkan kekurangan yang terdapat dalam novel *Perang Uhud* yang pada banyak tempat telah memanfaatkan *sabab al-nuzul* ayat al-Quran secara jelas.

¹ Terjemahan ayat 88, *surah al-Nisa'* menurut kitab terjemahan al-Quran: "Maka apakah yang menyebabkan kamu (berpecah) menjadi dua golongan terhadap kaum munafik itu, padahal Allah telah menjerumuskan mereka (ke dalam kekufuran) disebabkan apa yang telah mereka usahakan? Adakah kamu pula hendak memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah? Padahal sesiapa yang telah disesatkan oleh Allah, maka engkau tidak sekali-kali akan mendapat jalan untuk menyelamatkannya".

Malah, *sabab al-nuzul* ayat al-Quran yang diabaikan itu turut dimuatkan dalam banyak kitab *sirah* Rasulullah SAW yang merakamkan kisah Perang Uhud bersandarkan dalil-dalil sahih daripada al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.

Kategori kedua pula berkaitan ayat al-Quran yang dimanfaatkan dalam episod novel dan ianya bertepatan dengan *sabab al-nuzul* ayat tersebut. Sebagai contoh ialah dalam episod yang mengisahkan suasana pilu yang dirasai oleh Nabi Muhammad SAW dan tentera Muslimin ketika pengkebumian Hamzah bin Abdul Mutalib yang merupakan antara *shuhada'* Perang Uhud. Kesedihan yang dirasai oleh Rasulullah SAW dan tentera Muslimin itu menyebabkan timbul perasaan kecewa dalam hati mereka dan marah terhadap tentera Quraisy. Lantas mereka berazam untuk membalas kekejaman yang dilakukan oleh tentera musyrikin Quraisy terhadap Hamzah bin Abdul Mutalib. Episod yang termuat dalam bab 13 novel ini diakhiri dengan pemanfaatan ayat 126-128 *surah al-Nahl* yang bermaksud: “Dan jika kamu memberikan balasan, balaslah dengan cara yang sama dengan seksaan yang ditimpakan kepadamu. Jika kamu bersabar, sesungguhnya itulah yang terbaik bagi orang-orang yang bersabar. Bersabarlah (wahai Muhammad) dan tiadalah kesabaran itu melainkan dengan pertolongan Allah. Dan janganlah kamu bersedih hati terhadap mereka dan janganlah kamu bersempit dada terhadap apa yang mereka tipu dayakan. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang membuat kebajikan” (*Surah al-Nahl*, ayat 126-127). Episod ini, iaitu seperti yang dipaparkan dalam novel merupakan *sabab al-nuzul* ayat 126-128 *surah al-Nahl* tersebut. Perkara ini berdasarkan pendapat Muhammad bin Ishak yang dinukilkan oleh Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya (*Ibn Kathir*, 2004: Jil.2, 1602). Perlu ditegaskan di sini bahawa ketepatan pemanfaatan ayat al-Quran serta *sabab al-nuzul* ayat tersebut bukan hanya tertumpu pada episod ini sahaja. Terdapat beberapa lagi contoh pemanfaatan ayat al-Quran lain yang termuat dalam novel *Perang Uhud* ini turut menepati *sabab al-nuzul* ayat tersebut.

Tanpa menafikan penggunaan ayat al-Quran yang tepat dengan *sabab al-nuzul*, namun novel ini juga memperlihatkan ayat al-Quran yang penggunaannya mengundang penelitian dan perbincangan kritis yang selanjutnya. Inilah kategori ketiga berkaitan pemanfaatan ayat al-Quran dalam novel *Perang Uhud*. Contoh pertama dapat dirujuk kepada satu situasi penting semasa berlakunya Perang Uhud apabila Rasulullah SAW memerintahkan golongan Muslimin agar menebang pohon kurma yang menjadi benteng pertahanan tentera Quraisy. Sepertimana yang dicatatkan

dalam novel, ayat 5 *surah al-Hasyr* diturunkan selepas perintah Rasulullah SAW menebang pohon-pohon kurma tersebut (Abdul Latip, 2010: 231).² Perintah ini merupakan strategi perang Rasulullah SAW yang bertujuan menakutkan tentera Quraisy. Namun, seperti yang tercatat dalam tafsir Ibn Kathir; Mujahid dan al-Hafiz Abu Yu'la meriwayatkan bahawa ayat 5 *surah al-Hasyr* turun disebabkan tanda tanya yang diutarakan oleh para sahabat Rasulullah SAW dalam perang tersebut (*Ibn Kathir*, 2004: Jil.4, 2804-2805). Mereka tertanya-tanya dengan tindakan mereka yang diperintahkan untuk menebang sebahagian daripada pohon-pohon tersebut dan membiarkan sebahagian yang lain. Persoalannya, adakah tindakan mereka menebang pohon-pohon tersebut mendapat ganjaran Allah SWT, manakala perbuatan sebahagian yang lain yang membiarkannya mendapat balasan dosa daripada Allah SWT. Lalu diturunkan ayat 5 *surah al-Hasyr* yang memberi jawapan terhadap persoalan para sahabat Rasulullah SAW. Situasi penting ini yang menjadi sebab penurunan sebenar ayat al-Quran tersebut. Namun ia tidak dijelaskan oleh novelis secara tepat. Sebenarnya perkara ini menjadi satu kemestian untuk diperhalusi agar situasi sebenar yang berlaku semasa Perang Uhud dapat difahami dengan jelas dan kaitannya dengan ayat al-Quran yang diturunkan pada ketika itu. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pemanfaatan ayat al-Quran harus dijelaskan berdasarkan konteks penurunannya, apatah lagi jika ia melibatkan penyerlahan yang dibuat oleh novelis bahawa episod yang diceritakan merupakan *sabab al-nuzul* sesuatu ayat al-Quran itu diwahyukan kepada Rasulullah SAW.

Selain itu, dalam novel *Perang Uhud*, ada dinyatakan bahawa ayat 173 *surah Ali 'Imran* diturunkan apabila Nu'aim bin Mas'ud, iaitu utusan Abu Sufian menemui Rasulullah SAW bagi menyatakan kesediaan tentera Quraisy untuk berperang sekali lagi dengan tentera Muslimin selepas peristiwa Perang Uhud (Abdul Latip, 2010: 241-242). Keadaan ini sepertimana yang dijanjikan oleh Abu Sufian sendiri kepada Rasulullah SAW semasa peristiwa Perang Uhud. Hakikatnya, perkara ini turut dinukilkan oleh al-Qurtubi dalam tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran* (al-Qurtubi, 1999: Jil.3, 215). Namun, penjelasan yang dinyatakan dalam novel berkaitan *sabab al-nuzul* ayat 173 *surah Ali 'Imran* bersifat umum serta tidak menepati maklumat yang tercatat dalam kitab-kitab tafsir secara terperinci.³ Sebagai contoh, menurut tafsir Ibn Kathir, ayat 173 *surah Ali*

² Terjemahan ayat 5, *surah al-Hasyr*, iaitu seperti yang tercatat dalam novel *Perang Uhud*: "Apa saja yang kamu tebang dari pohon kurma (milik orang kafir) atau kamu biarkan (tumbuh) berdiri di atas akarnya maka (semua itu) adalah dengan izin Allah".

³ Terjemahan ayat 173, *surah Ali 'Imran*, iaitu seperti yang tercatat dalam novel *Perang Uhud*: "Sesungguhnya mereka (Quraisy) telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang

Imran memang turun pada situasi sepertimana yang tercatat dalam novel tersebut apabila menjelaskan pendirian golongan Muslimin yang bersedia menghadapi tentera Quraisy (*Ibn Kathir*, 2004: Jil.1, 589-590). Perkara ini memberi petunjuk yang penting bahawa tentera Muslimin sentiasa bersedia menghadapi musuh Islam meskipun mereka telah dikalahkan dalam Perang Uhud. Pendirian tentera Muslimin ini sangat mencabar kerana keadaan mereka yang serba kekurangan serta cuaca panas pada ketika itu. Lantas tanpa sebarang bantahan, golongan Muslimin menyahut seruan Abu Sufian itu dengan berkata: "*Hasbuna Allah wa ni'ma al-Wakil*" yang bermaksud: "Cukuplah Allah menjadi pelindung kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung" (*surah Ali 'Imran*, ayat 173). Dengan ucapan berani golongan Muslimin serta sifat mereka yang sentiasa berserah kepada Allah SWT ini, maka diwahyukan ayat 173 *surah Ali 'Imran* (Qutb, 1982: j.1, 520). Penjelasan ini seharusnya dinyatakan oleh novelis dalam novelnya untuk memberi gambaran yang tepat tentang penurunan ayat al-Quran tersebut. Hal ini kerana penurunan ayat 173 tersebut merupakan satu sanjungan Allah SWT terhadap sifat mulia golongan Muslimin yang tidak berputus asa dalam perjuangan serta sentiasa meletakkan Allah SWT pada martabat yang tertinggi, iaitu sebagai Pelindung yang Maha Hebat.

Contoh seterusnya yang melibatkan pemanfaatan ayat al-Quran yang mengundang penelitian lanjut dilakukan ialah bagi ayat 174 *surah Ali 'Imran* (*Abdul Latip*, 2010: 244).⁴ Novelis telah mengutip ayat al-Quran ini serta meletakkannya pada akhir episod 21 seterusnya menjadi penutup novel *Perang Uhud*. Sebenarnya keadaan ini telah mengundang pemahaman yang salah kepada khalayak pembaca. Peletakan ayat 173 dan 174 *surah Ali 'Imran* pada situasi yang berbeza, serta dimanfaatkan secara berasingan menyebabkan seolah-olah ayat 173 dan 174 tersebut diturunkan pada situasi yang berbeza. Apatah lagi penggunaan frasa: "*Sehubungan dengan itu turun ayat al-Quran surah Ali 'Imran ...*" bagi kedua-dua ayat tersebut secara berasingan mengundang pemahaman yang secara jelas menyalahi *sabab al-nuzul* ayat-ayat tersebut. Menurut al-Nisaburi, kedua-dua ayat ini turun secara bersama iaitu dengan *sabab al-nuzul* yang sama. Ayat-ayat tersebut diturunkan bagi memberi gambaran

kamu kerana itu takutlah kepada mereka. Perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab, cukuplah Allah menjadi pelindung kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung".

⁴ Terjemahan ayat 174, *surah Ali 'Imran*, iaitu seperti yang tercatat dalam novel *Perang Uhud*: "Maka mereka kembali dengan nikmat dan kurnia (yang besar) dari Allah. Mereka tidak mendapat apa-apa bencana (kerana) mereka mengikut keredaan Allah dan Allah mempunyai kurnia yang besar".

tentang perihal golongan Muslimin yang terlibat dalam perang Uhud (*al-Nisaburi*, 2000: 68). Malah menurut kitab tafsir *Ruh al-Ma'ani*, huruf “*fa*” yang membawa maksud “maka” pada permulaan ayat 174 merupakan huruf ‘*ataf*’ iaitu huruf yang mengaitkan ayat tersebut dengan ayat sebelumnya (*Al-Alusi*, 2001: Jil.2, 340). Justeru, ia secara langsung mengukuhkan hujah bahawa ayat 174 *surah Ali ‘Imran* turun bersama ayat sebelumnya dengan *sabab al-nuzul* yang sama. Keadaan ini perlu diperbetulkan agar kesantunan pemanfaatan ayat al-Quran dapat dipelihara serta maklumat yang tepat dapat disalurkan kepada khalayak pembaca.

Seperti yang dapat dilihat di atas, dan tanpa menafikan wujudnya penggunaan ayat al-Quran dengan tepat, boleh dirumuskan bahawa masih terdapat penggunaan ayat al-Quran dalam novel ini yang tidak memperlihatkan keakuran dengan kesantunan tatacara peminjaman ayat-ayat al-Quran. Jelas, hatta novel ini dengan judulnya yang mengimbau kisah dalam al-Quran, serta menarik perhatian kepada kisah sejarah Islam, tetapi ketidaksantunan yang terserlah dari segi peminjaman ayat al-Quran, mengundang supaya novel ini perlu dinilai semula dan diperhalusi sewajarnya.

Sesungguhnya soal kesantunan peminjaman yang tidak diberi perhatian sewajarnya, seperti yang diujahkan di atas itu, menarik perhatian kepada satu aspek lain novel ini iaitu secara khusus aspek penstrukturannya. Dapat diperhatikan bahawa rata-rata penggunaan ayat al-Quran dalam novel *Perang Uhud* ialah ianya diletakkan di akhir episod. Selepas peletakan ayat al-Quran, novel akan beralih kepada bab atau episod seterusnya. Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa ayat tersebut berfungsi sebagai penutup atau pengakhir episod, atau pemisah antara satu episod dengan episod yang lain. Maklumat berkaitan huraian ayat al-Quran adalah amat minimum dan kebanyakan episod tersebut termati selepas penggunaan ayat al-Qur’an. Malah, ini semua boleh dikatakan muncul sebagai satu formula yang tetap, diguna pakai dengan konsisten dalam pengkisahan.

Justeru, adalah tidak keterlaluan sekiranya pembaca bertanya apakah fungsi ayat-ayat al-Quran tersebut digunakan sedemikian rupa secara konsisten dalam novel berkenaan. Ternyata penggunaan sedemikian khususnya peletakan ayat al-Quran di akhir episod, iaitu tempat yang strategik seperti yang dijelaskan di atas, menunjukkan fungsi yang tertentu. Secara khusus, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ia adalah untuk tujuan memperkukuhkan episod yang telah dilakarkan. Tegasnya, dengan mengadakan ayat tersebut dalam sesuatu episod, maka apa yang telah

dikisahkan sebelum ayat tersebut digunakan, adalah benar belaka. Dengan kata lain, novel menggunakan keseluruhan autoriti al-Quran sebagai Kitab suci yang tidak ada keraguan padanya untuk membenarkan lakarannya itu. Pengamatan ini tidak meleset atau dapat dipertanggungjawabkan kerana muncul sebagai formula pengkisahan novel *Perang Uhud*, seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Penggunaan ayat tersebut, dengan fungsinya yang sedemikian, mengundang supaya ia diteliti dan dibahaskan secara kritis, lebih-lebih lagi ia melibatkan ayat suci al-Quran, khususnya dari aspek kesantunan pinjaman al-Qur'an. Seperti yang disebut dalam kerangka di atas, peminjaman ayat al-Quran mesti dilakukan dalam konteks kehadirannya sebagai *Kalamullah* tidak sekali-kali dikompromi. Oleh itu, penelitian aspek penstrukturan juga memperkukuhkan hujah ketidaksantunan novel *Perang Uhud* ini.

Analisis di atas yang membincangkan soal *sabab al-nuzul* ayat al-Quran dan juga penstrukturan novel jelas menunjukkan betapa penggunaan al-Quran dalam karya kreatif Melayu Malaysia memperlihatkan ketidak arifan dan semacam sikap “ambil mudah” terhadap soal pemanfaatan al-Quran dalam karya kreatif. Begitu juga, sepingnya kritikan yang mengengahkan soal ini jelas menunjukkan bahawa soal peminjaman ini bukan merupakan pertimbangan yang penting dalam penilaian dan penghayatan karya kreatif dalam dunia sastera Melayu.

Kesimpulan

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan ayat al-Quran sebagai *identity marker* yang cukup ampuh bagi pengkategorian “Sastera Islam” atau karya “berunsur Islam” atau “novel sejarah Islam” bukan jaminan karya tersebut telah berlaku adil kepada Islam serta al-Quran dan Hadis sebagai sumber utama sandaran Islam. Justeru, apabila label-label seperti yang disenaraikan itu dimanfaatkan, sama ada oleh penulis, penerbit atau pengkritik, adalah wajar untuk dipastikan bahawa label berkenaan telah diguna dengan penuh tanggungjawab, kesantunan, ketertiban agar penggunaan tersebut tidak tersasar menjadi persendaan kepada al-Quran. Untuk tujuan memahami inti sari al-Quran serta memanfaatkannya, banyak aspek perlu diberi perhatian seperti aspek *al-Makki wa al-Madani*, *al-Qira'at al-Qur'aniyyah*, *al-nasikh wa al-mansukh*, *sabab al-nuzul* dan banyak lagi. Kesemua aspek ini saling melengkapi bagi mengetahui makna ayat-ayat al-Quran secara tepat.

Aspek-aspek ini jugalah yang menjadikan al-Quran itu sebuah Kitab suci yang unggul sesuai dengan martabatnya sebagai mukjizat Rasulullah SAW. Sebagai keyakinan mutlak orang Islam, al-Quran adalah Kitab suci, *Kalamullah*, dan mempercayai serta menghormatinya adalah tuntutan yang tidak boleh dikompromi.

Bibliografi

- Abdul Latip Talib. 2010. *Perang Uhud*. Batu Caves: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. 2001. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Jil.2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Faqih, Muhammad Muhsin. 1996. *al-Mawsu'ah al-Kubra fi Ghazawat al-Nabi al-'Azim*. Jil.2. (t.t.): Mu'assasah al-Faqih.
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurashi. 2004. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jil.1,2, & 4. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mohd. Kamal Hassan. 1996. Seni, Sastera dan Agama: Satu Kesepaduan. *Simposium Serantau Sastera Islam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.
- Al-Nisaburi, Abu al-Hasan 'Ali bin Ahmad bin Muhammad bin 'Ali. 2000. *Asbab al-Nuzul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1999. *Kayf Nata'amul ma'a al-Quran al-'Azim*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Al-Qattan, Manna'. 1998. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1999. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jil.3. Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Qutb, Sayyid. 1982. *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Shuruq.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1989. The Notion of Dakwah and its Perceptions in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s. *Journal of Southeast Asian Studies*, vol. XX (2). hlm. 288-297.
- Zulkarnain Mohamed. 2010. Al-Quran, Ilmu, Disiplin Islami dan Sastera. Dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir (peny.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis* (hlm. 83-157). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

**HUBUNGAN SOSIAL ANTARA KOMUNITI
MELAYU DENGAN KOMUNITI BUKAN
MELAYU MENGIKUT PERSPEKTIF
PERADABAN: SATU PENGENALAN**
*(SOCIAL INTERACTION BETWEEN MALAY AND
NON-MALAY COMMUNITIES ACCORDING TO
CIVILISATIONAL PERSPECTIVE: AN
INTRODUCTION)*

Najjah Salwa Abd Razak¹
Wan Norhasniah Haji Wan Husin²

ABSTRAK

Komuniti Melayu merupakan masyarakat yang berperadaban, dan telah mendiami Tanah Melayu ataupun kini dikenali sebagai Malaysia (1963) kira-kira 1500 tahun yang lampau. Kedudukan Tanah Melayu yang strategik sebagai tempat pertemuan di antara Timur dan Barat yang terlindung dari bencana alam, telah menjadikan wilayah ini salah satu kawasan perdagangan yang penting di kawasan Asia Tenggara, terutamanya di zaman pemerintahan Kesultanan Melayu-Islam Melaka. Peluang perdagangan dan perniagaan yang terbuka luas, telah menggalakkan kemunculan pedagang dari seluruh pelosok dunia. Manakala kekayaan sumber asli seperti bijih timah dan getah pula, telah menjadikan Tanah Melayu sama ada sebagai matlamat penjajahan bagi Portugis, Belanda dan Inggeris, ataupun tempat pengumpulan harta

¹ Penulis merupakan tutor di Jabatan Bahasa dan Budaya, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Sekarang beliau sedang menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Penulisan ini sebahagian kecil dari kajian tesis Ph.D beliau bertajuk 'Proses Pembinaan Negara Bangsa dan Hubungan Etnik di antara Komuniti Melayu dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban'.

bagi kaum pendatang seperti komuniti Cina dan komuniti India. Salah satu faktor penarik kedatangan komuniti asing ke Tanah Melayu kerana sifat hubungan sosial yang ditonjolkan oleh komuniti Melayu. Dari analisa terhadap sejarah hubungan sosial sama ada sesama Melayu, ataupun antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu, didapati komuniti berkenaan cenderung menerapkan nilai tolak ansur, kerjasama, hormat menghormati dan saling tolong menolong, di mana kesemuanya berteraskan kepada nilai budi. Dengan kedatangan Islam, nilai budi telah bertaut dengan Islam sehingga melahirkan budi-Islam. Menerusi nilai-nilai berkenaan, jalinan kerjasama berlangsung secara perbincangan dan rundingan dengan pihak British, kaum pendatang ataupun dengan komuniti bukan Melayu, ketika menguruskan pentadbiran ataupun berhadapan dengan konflik. Dapatan dari analisa menunjukkan, persekitaran geografi di Tanah Melayu yang senang, tanah yang subur dan laut yang kurang bergelora berperanan untuk mengukuhkan penerapan nilai berkenaan. Kemunculannya juga menjadi lebih dominan hasil daripada penyerapannya ke dalam norma sosial Melayu, iaitu sistem adat.

Kata kunci: Komuniti Melayu, Komuniti bukan Melayu, Budi Islam, Tolak ansur, Sistem adat.

ABSTRACT

Malay is a civilized community that has inhabited in Malaya or now known as Malaysia (1963) since 1500 years ago. The location of the land is strategic since it is a meeting point between the East and West and the area is almost free from natural disaster. Because of that, it used to be an important trade area in South East Asia especially during the reign of Malay-Islamic Malacca Sultanate. Encouraged by a relatively free trade system and the openness of the kingdom administration, it attracted trades from all over the world to come to Malacca. Later on at the end of 19 century, due to the discovery of tin and the growing importance of rubber, Malaya was again became the centre of attraction to western colonization, which later on became influx by cheap labours from China and India. One of the factors which attracted the alien communities was due to the characteristic social relation offered by the Malays. If one analyzes the history of social relation of the Malay either among themselves or their relation with the

alien communities, the community places high regard to values such as tolerant, cooperation, respecting others and helping each others. In fact all these values are deeply rooted in the value of budi. With the arrival of Islam, the value of budi has been well assimilated with Islamic values thus giving birth to the value of budi-Islam. Through budi-Islam, the Malay conducted their dealing with British as well the other communities during the time of peace or conflict. This value is well nurtured due to the geographical circumstances like the fertile land and naturally rich with the marine life. Besides, a set of Malay customs known as adat contributively enhance the value of budi.

Keywords: *Malay community, non-Malay community, Budi-Islam, Tolerance, Adat system.*

Pendahuluan

Perbincangan mengenai hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu telah diketengahkan oleh beberapa orang pengkaji dari sudut yang berbeza. Hasil tinjauan dari kajian-kajian lalu didapati ada sesetengah sarjana melihat dari sudut politik, ekonomi, perbezaan kelas sosial, bahasa, pendidikan dan sejarah. Antaranya, penulisan K.J. Ratnam bertajuk *Communalism and The Political Process in Malaysia* lebih melihat dari aspek politik dan budaya. Manakala Collin Abraham pula menyentuh dari sudut ekonomi, perbezaan ras dan kelas sosial dalam bukunya, iaitu *The Naked of Social Order and The Roots of Racial Polarisation in Malaysia*. Begitu juga dengan kajian Philip Loh Fook Seng dalam penulisannya *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940* dan Sia Keng Yek, dalam bukunya yang bertajuk *SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, Dilema dan Kontroversi* dan yang melihat dari sudut bahasa kebangsaan dan pendidikan kebangsaan di Malaysia. Manakala Cheah Boon Kheng dalam penulisannya *Red Star over Malaya, Resistance Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946* dan *The Masked Comrades, A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948* melihat hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu dari sudut sejarah dengan menumpukan di zaman penguasaan komunis di Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, penulisan ini akan mengkaji dari sudut yang baharu, iaitu perspektif peradaban. Ia menekankan nilai dalaman yang disebut sebagai nilai induk dan mempengaruhi perlakuan, tindakan

sebuah komuniti etnik. Bagi komuniti Melayu, hubungan sosial yang dijalinan adalah dengan menekankan sikap bertolak ansur, hormat menghormati dan bekerjasama. Sikap inilah yang sering terungkap secara semula jadi dan spontan ketika mereka berinteraksi sama ada dalam masyarakat serumpun dan sebangsa ataupun dalam masyarakat majmuk. Dari sudut perspektif peradaban, nilai induk ini disebut sebagai *budi*. Setakat analisa yang dibuat, kajian dari sudut ini belum pernah diterokai oleh mana-mana sarjana. Namun, peranan peradaban dalam hubungan sosial di antara komuniti yang berbeza telah disentuh oleh Samuel Huntington dalam penulisannya *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*. Begitu juga dalam penulisan beliau, iaitu *Who Are We? The Challenges to America's National Identity*. Ia memaparkan hubungan etnik dalam masyarakat pelbagai budaya (*multicultural society*) di Amerika Syarikat dan usaha komuniti *Anglo-Saxon* dalam menegakkan haknya sebagai peneroka awal. Penekanan kajian ini dari sudut perspektif peradaban adalah penting kerana hasil dari pemahamannya, satu gambaran tren perlakuan dan tindakan komuniti Melayu ketika berinteraksi dengan komuniti bukan Melayu dapat dikenal pasti. Justeru, kajian ini lebih bersifat multidisiplin dan kualitatif dengan menumpukan kepada analisa teks (*textual analysis*). Pengetahuan dari disiplin sejarah, politik, ekonomi, budaya, bahasa dan pendidikan akan diberi penekanan dalam kajian ini kerana dari sini analisa tren hubungan sosial dalam komuniti Melayu akan dapat diketengahkan.

Komuniti Melayu ialah kelompok awal yang berkesan (*first effective settlement*)³ dan bertanggungjawab membina peradaban Melayu di wilayah ini. Berdasarkan kajian antropologi dan sejarah, bermula di zaman Neolitik, Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan di Asia Tenggara telah dihuni oleh rumpun Melayu yang berhijrah dari daerah Yunan dan digelar sebagai Melayu-Proto ataupun Melayu-Tua ataupun Melayu-Purba. Mereka merupakan nenek moyang kepada Melayu-Polynesia⁴. Manakala bermula pada penghujung Zaman Batu Akhir

³ Istilah dan pendekatan ini telah digunakan oleh Samuel Huntington untuk mewajarkan rukun teras ataupun kerangka White Anglo-Saxon Protestant (WASP) sebagai teras pembinaan bangsa di Amerika Syarikat. Golongan peneroka awal yang terdiri daripada kelompok Anglo-Saxon ialah kelompok yang bertanggungjawab membawa pembaharuan dan peradaban di benua Amerika. Menerusi doktrin, iaitu 'penerokaan pertama yang berkesan' (*first effective settlement*), beliau melihat kelompok ini dikategorikan sebagai peneroka pertama dan tidak dianggap sebagai pendatang. Oleh itu pembentukan dasar kebangsaan bagi proses pembinaan negara-bangsa Amerika Syarikat mestilah dibina berdasarkan kerangka WASP. (S. P Huntington: 2005).

⁴ Senu Abdul Rahman. 2002. Revolusi Mental, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, hlm. 1-3; Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. 1994. Jil.1.

ataupun permulaan Zaman Gangsa-Besi (kira-kira 300M sehingga ke tahun Masihi), masyarakat dari Indochina dan daerah-daerah lain telah berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu. Kelompok ini dikenali sebagai Melayu Pesisir ataupun Melayu-Jati dan Melayu-Deutro, yang mempunyai corak kehidupan yang lebih sistematik, dan mendiami kawasan-kawasan pesisiran pantai⁵. Menurut ahli kaji sejarah, Melayu-Deutro inilah yang membentuk rumpun etnik Melayu di seluruh Kepulauan Asia Tenggara yang kini dikenali sebagai Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina⁶.

Jika sebelum abad ke-15, kerajaan Melayu yang berfahaman Hindu-Buddha ataupun beragama Islam telah berjaya membina sebuah peradaban Melayu yang berpengaruh selama 1500 tahun, namun keagungannya hancur selepas dijajah oleh negara-negara Eropah Barat selama 450 tahun. Mereka bukan setakat mengaut sumber asli seperti bijih timah dan emas di negara-negara jajahan, tetapi telah mengubah trajektori sejarah dan rupa bentuk komposisi masyarakat daripada bersifat sebangsa, serumpun dan seperadaban, kepada sebuah masyarakat yang bersifat majmuk. Dari sini komuniti Melayu terdedah dengan jalinan hubungan sosial dengan komuniti yang muncul dari peradaban yang berbeza seperti peradaban Barat, Cina, India dan sebagainya. Manakala sebelum berlakunya penjajahan, interaksi sosial dengan komuniti bukan Melayu telah pun terpupuk menerusi peranan Melaka sebagai pelabuhan entreport antarabangsa. Kedatangan masyarakat luar seperti dari Arab, Parsi, China, India dan sebagainya telah meningkat dengan kedudukannya yang strategik di Selat Melaka, yang merupakan laluan perdagangan di antara Timur dan Barat. Oleh itu, Melaka digelar oleh komuniti Arab sebagai *Malakat*, iaitu wilayah perhimpunan pedagang dan barang dagangan⁷. Kerjasama, layanan baik dan perlindungan keselamatan daripada pihak Sultan dan Syahbandar telah menarik minat pedagang asing untuk terus berdagang di Melaka sehingga dikenali sebagai *Venice* kecil.

Dapatan dari analisa berdasarkan perspektif peradaban menunjukkan, menerusi penerapan nilai induk *budi*, komuniti Melayu telah mengikat hubungan sosial menekankan semangat tolak ansur, bekerjasama dan tolong menolong bagi mengekalkan keamanan dalam kehidupan bermasyarakat.

⁵ Winstedt, R.O. 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul. hlm. 2-6.

⁶ Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. 1994. Jil.1.

⁷ Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 1-20.

Kemunculan *Budi* Sebagai Teras Pengemudi Hubungan Sosial Komuniti Melayu Mengikut Perspektif Peradaban

Perspektif peradaban merujuk kepada pendekatan yang membahaskan nilai dalaman yang membina minda dan diri (*mind and self*) di peringkat individu, keluarga dan seterusnya sesebuah masyarakat, yang bertanggungjawab mengemukakan perlakuan dan tindakan mereka. Kemunculan nilai dalaman ini adalah berbeza di antara sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain kerana ia bergantung kepada kerangka budaya manakah komuniti berkenaan muncul⁸. Secara umumnya konsep nilai dimaksudkan sebagai kepercayaan yang mendorong individu, ataupun sesebuah institusi sosial seperti keluarga, sekolah dan sebagainya untuk bertindak berasaskan nilai-nilai utama yang dipegangi oleh sesebuah masyarakat.

Budi ialah teras utama dalam pembentukan jati diri dan identiti komuniti Melayu. Ia merupakan alam jiwa (roh) yang terdapat dalam gagasan *budidaya* ataupun budaya, di mana *budi* dirujuk sebagai alam jiwa. Manakala *daya* pula merupakan gerak laku fizikal⁹. Gabungan dan garapan dari *budi* dan *daya* telah melahirkan kebudayaan, yang merujuk kepada segala bentuk warisan ciptaan komuniti Melayu yang berperadaban. Matlamat utamanya adalah untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam kehidupan bermasyarakat, yang terungkap dalam hubungan sesama manusia¹⁰.

Budi diungkapkan sebagai tapak (*foundation*) dalam lubuk jiwa Melayu yang mempengaruhi tindakan mereka ketika berinteraksi sesama manusia. Pemahaman mengenai *budi* muncul dari *akal pemikiran*, *hati* dan *perasaan* yang mahukan sesuatu yang dianggap baik dalam kehidupan bermasyarakat. Menerusi penggunaan *akal pemikiran*, komuniti Melayu membuat pemilihan yang selaras dengan kehendak akhlak, dan akan

⁸ Zainal Kling. 2000. Adat: Malay Collective Self-Image. dlm. 9th European Colloquium of Indonesian and Malay Studies. United Kingdom: Hull. hlm. 1-3.

⁹ Pengulasan mengenai peranan nilai budi telah diulas secara mendalam oleh Lim Kim Hui dlm. penulisan tesis Phd. yang bertajuk *Budi As The Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*, pada tahun 2003 yang dilaksanakan di University of Hamburg, Jerman. Beliau telah mengkaji tentang pemikiran Melayu (*Malay Mind*) melalui peribahasa. Hasilnya dapatan kajiannya menunjukkan pemikiran Melayu adalah berpaksikan kepada budi yang bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian.

¹⁰ Zainal Kling. 26-28 Mei 1995b. Bangsa Melayu, Alam dan Tamadunnya, dlm. Antara Patriotisme dan Globalisasi, Hari Sastera Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Melaka & GAPENA. hlm. 1-15.

mempertimbangkan tentang keperluan diri dan kepentingan orang luar, melalui garis panduan *budi*, iaitu '*ingatkan orang lain dan mendengar apa pula orang lain kata*'. Daripada sikap yang berhati-hati dan berjiwa halus ketika berhubungan dengan sesama manusia, ia telah membina peribadi komuniti Melayu yang berhemah tinggi, beradat dan beradab¹¹. Menerusi garapan suasana halus yang dicetuskan melalui ucapan '*timbang rasa*' memberi gambaran tahap ketinggian akal pemikiran Melayu yang berseni. Manakala ketika berhubungan dengan sesama manusia sama ada dari masyarakat sebangsa, serumpun ataupun masyarakat majmuk, *budi* menekankan tiga prinsip utama, iaitu *budi bicara*, yang melambangkan kebijaksanaan semasa berkomunikasi, *budi pekerti* yang memaparkan peribadi terpuji dan *budi bahasa* yang menggambarkan perlakuan yang halus dan berhemah tinggi. Secara umumnya, *budi* merujuk kepada gagasan kelakuan, kehalusan penggunaan bahasa dan kehalusan perhubungan sesama manusia melalui penggunaan akal fikiran yang diucapkan sebagai bertimbang rasa atas tujuan mengekalkan keamanan¹².

Untuk memahami *budi* secara saintifik adalah sukar kerana menyentuh tentang nilai dalaman Melayu yang bersifat abstrak. Keabstrakan fenomena *budi* samalah seperti dengan sifat budaya sesebuah komuniti etnik yang hanya difahami oleh komunitinya sahaja. Budaya itu diibaratkan seperti simbol dan lambang yang mempunyai maksud tersendiri, yang hanya boleh difahami oleh sesiapa yang berada dalam peraturan yang sama. Misalnya lambang had laju, berhenti, beri laluan di jalan raya dan sebagainya tidak diterjemahkan dalam bahasa tetapi hanya difahami oleh semua pengguna jalan raya. Begitu juga dengan *budi* yang tercantum dengan *budi bahasa*, *budi pekerti* dan *budi bicara* ketika berinteraksi dengan persekitaran, sesama manusia dan juga PenciptaNya¹³.

Kemunculan *budi* diperkukuhkan dengan persekitaran Tanah Melayu yang memiliki iklim dan kedudukan geografi yang terlindung dari bencana alam. Suasana sebegini secara tidak langsung telah mempengaruhi jiwa dan tindakan Melayu untuk tidak bekerja keras, kerana punca rezeki yang mudah, hasil dari tanah yang subur, laut yang kurang bergelora dan hutan yang kaya dengan sumber makanan yang memustahilkan

¹¹ Ibid.

¹² Ibid; Wan Abdul Kadir. 1993a. *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 26.

¹³ Norazit Selat. 2001a. *Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan*. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 80-89.

masyarakatnya ditimpa kebuluran¹⁴. Hasil daripada persekitaran geografi yang sedemikian, ikatan dalaman telah mempertautkan etnik Melayu dengan alamnya, sehingga mencetuskan perasaan untuk berterima kasih kepada alam yang banyak berbudi. Kemunculan nilai terhutang *budi* ini kemudiannya telah mengukuhkan lagi nilai yang menjadi matlamat hala tuju komuniti Melayu, iaitu untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian, sehingga membenihkan perasaan taat dan patuh terhadap kuasa alam. Menerusi pemupukan perasaan sebegini, mereka mengharapkan keamanan dan keharmonian terus mendominasi persekitaran di Tanah Melayu.

Selain pengaruh persekitaran geografi, perlakuan dan tindakan komuniti Melayu juga dibina menerusi sistem adat yang merangkap kepada norma sosial dan menjadi pasak kepada pembinaan identiti Melayu. Secara konseptual, sistem adat menekankan dua perkara utama, iaitu pertama, adat sebagai satu cara hidup ataupun kebudayaan yang mengalami pengubahsuaian dan pembaharuan. Adat dalam konteks ini dikategorikan di bawah adat resam dan adat istiadat, dan tidak dianggap sebagai bersifat teras kerana boleh berubah mengikut keadaan persekitaran (Norazit Selat, 2001a; Norazit Selat, 1997b; Zainal Kling, 1996c; Zainal Kling, 1997d). Kedua, adat yang menyentuh pola tingkah laku dan cara kehidupan komuniti Melayu yang diamalkan dalam jangka waktu yang panjang sehingga menjadi tradisi. Adat dalam kategori ini disebut sebagai *Adat yang sebenar adat* ataupun *Adat nan sabana adat* ataupun *Adat yang diadatkan*. Ia adalah hukum adat ataupun norma sosial (peraturan sosial) yang mengandungi kod etika dan moral yang berpaksikan kepada nilai-nilai sosial dan muncul dari nilai induk *budi*¹⁵. Penyerapan *budi* ke dalam

¹⁴ Swettenham, F. 1907. *British in Malaya*, London, Chpt. VII; Winstedt, R.O. 1925. *The Circumstances of Malay Life*, dlm. *Papers On Malay Subjects*, Wilkinson, R.J. (ed.). Kuala Lumpur. hlm. 1-15; Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking Back: Monday Musings and Memories*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. hlm. 145-146; Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*, Singapore: Times Books International. hlm. 24-27. Kesenangan yang dimiliki di Tanah Melayu diperakui oleh ramai pengkaji. Antara kemudahannya, di darat kawasan tanah tanahnya subur yang memberi peluang ke arah aktiviti bercucuk tanaman bagi menghasilkan makanan asasi seperti padi, ubi kayu dan sayur-sayuran. Manakala keadaan di laut yang kurang bergelora dan kaya dengan plankton pula menjadikan penangkapan ikan diperolehi dengan mudah. Kemudahan persekitaran di Tanah Melayu diperakui oleh Swettenham apabila beliau memaparkan tentang perkelahan masyarakat Melayu yang diselang seli dengan nilai bergotong-royong untuk menangkap ikan di sungai sebagai sajian. Setiap aktiviti dilakukan dengan bergembira tanpa mengira masa yang diambil. Kegembiraan yang dilalui menjadikan perjalanan yang dan susah dengan menaiki gajah tidak dirasai. (*Mahathir Mohamad*: 1970).

¹⁵ Norazit Selat. 1997b. *Adat Antara Tradisi dan Kemodenan*, dlm. *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi & Moden*, Norazit Selat, Hashim Awang & Norhisham Osman (ed.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 33-35; Wan Abdul Kadir. 2000b. *Tradisi dan*

norma sosial Melayu, menjadikan seluruh unsur-unsur budaya seperti agama, bahasa, adat resam, politik, ekonomi dan kesenian telah dicorakkan mengikut matlamat *budi*.

Pengukuhan kemunculan *budi* juga diperkukuhkan dengan kemunculan Islam di Tanah Melayu. Kekuatan pengaruh Islam dalam peradaban Melayu begitu jelas sehingga gagal untuk dipisahkan. Menurut Al-Attas, pengenalan terhadap ajaran yang berpaksikan kepada tauhid, iaitu memperakukan hanya keesaan Allah SWT dan sekaligus menolak penyembahan terhadap dewa-dewa dan alam ghaib, telah memberi kesedaran yang mendalam kepada komuniti Melayu. Menerusi pengenalan konsep tauhid dan takwa, secara beransur-ansur amalan pemujaan sesama manusia, khususnya terhadap golongan raja dan ketua, serta perbezaan darjat mengikut sistem kasta yang dipertahankan dalam fahaman Hindu, telah ditolak. Walaupun pengaruh Hindu sudah menguasai Alam Melayu, namun kesan yang diberikan hanya sebagai penambahan nipis ke atas tradisi budaya Melayu yang dipaksakan kepada *budi*¹⁶.

Namun ini berbeza dengan agama Islam yang menekankan soal keharmonian, persamaan, keadilan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Intipati ajaran Islam yang menekankan persamaan sesama manusia dan menggariskan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT sebagai teras perbezaan antara mereka, telah menarik masyarakat Melayu menerima Islam secara menyeluruh sebagai pegangan hidup¹⁷. Malah ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya keserasian di antara matlamat Islam dengan *budi*, yang sama-sama menjaga kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat¹⁸. Kesannya, Islam telah membawa kepada pengislaman Melayu dan pengisian sistem adat berselari dengan kehendaknya, sebagaimana terungkap dalam perbilangan kata Melayu¹⁹.

Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu. Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 76.

¹⁶ Wan Abdul Kadir. 2000b. Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Abdul Wahab Khallāf. 1987 (Cetakan ke 3). Al-Siyāsh al-Syar'iyah aw Nizām al-Daulah al-Islāmiyyah fi al-Syu'ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah, Bayrūt: Muassasah al-Risālah. hlm. 14-20.

¹⁹ Abdullah Alwi. 2001. Adat Melayu Mengikut Perspektif Orang Islam di Malaysia, dlm. Adat Melayu Serumpun. Diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 60-63.

Adat bersendikan Syarak
Syarak bersendikan Kitabullah
Kuat Adat, tak gaduh Hukum
Kuat Hukum, tak gaduh Adat
Ibu, Hukum muafakat

Walau bagaimanapun seteguh mana Islam mendominasi budaya dan identiti komuniti Melayu, namun penghayatan Islam di kalangan komuniti berkenaan bukanlah bersifat menyeluruh. Kekuatan nilai *budi* yang mendominasi jiwa Melayu menjadikan sebahagian dari saranan Islam dipegang secara longgar walaupun mengetahui ia bertentangan dengan perintah yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kelonggaran ini semakin ketara apabila Islam bertembung pula dengan fahaman sekular yang dibawa oleh Barat, dan menjadi kian jelas setelah ia dipopularkan pula oleh kelompok Melayu kelas atasan dan Melayu kelas pertengahan yang mendominasi tampuk pemerintahan dan pentadbiran negara. Kesannya, nilai keislaman telah diolah mengikut acuan *budi* sehingga membentuk identiti Melayu-Islam yang berbeza dengan masyarakat Islam di Timur Tengah. Kekuatan nilai kemelayuan menguasai pemikiran Melayu sehingga timbul pandangan, iaitu mana-mana individu yang bukan Islam memeluk agama berkenaan di Malaysia, samalah seperti mereka menjadi seorang Melayu. Fenomena ini kemudiannya telah dipopularkan dengan istilah, 'masuk Islam' bererti 'masuk Melayu'.²⁰ Kekuatan Islam mempengaruhi sistem adat telah mempertautkan nilai induk *budi* dan Islam di lubuk jiwa komuniti Melayu, dan seterusnya melahirkan istilah *budi-Islam*.²¹ Kedua-dua nilai inilah yang mempengaruhi dan mengemudikan pemikiran dan tindakan komuniti Melayu.

Hasil daripada interaksi antara *budi* dengan persekitaran geografi, sistem adat dan Islam, telah membuahkan nilai-nilai sosial tertentu, iaitu tolok ansur, kerjasama, hormat menghormati dan saling tolong menolong²². Menerusi nilai tolok ansur komuniti Melayu dididik untuk bersikap

²⁰ Mohamad Abu Bakar. Januari-Mac 1999. *Manhaj Melayu 1900-1999, Kupasan Kritis Terhadap Pemikiran Pokok dan Perlakuan Paksi Pribumi*. dlm. *Pemikir*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad. hlm. 1-57; Reid, Anthony. (2004), *Understanding Melayu (Malay) as A Source of Diverse Modern Identities*, dlm. *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*, Singapore: Singapore University Press. hlm. 14.

²¹ Budi-Islam adalah merujuk kepada nilai dalaman yang teradun di dalam lubuk jiwa komuniti Melayu dan merupakan teras utama dalam pembinaan identiti mereka. Kedua-duanya saling berhubungan ketika mengemudi dan mencorakkan pemikiran, pergerakan dan perlakuan komuniti Melayu.

²² Wan Abdul Kadir. 1993a. *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*, Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 26.

sederhana dalam kehidupan bermasyarakat. Misalnya jika berlaku perselisihan faham kerana kesalahan kecil, mereka digalakkan untuk bermaafan bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian.

Nilai kerjasama pula bertujuan untuk melindungi kepentingan bersama sekiranya berhadapan dengan musuh ataupun ditimpa bencana. Dengan pemupukannya, sebarang bentuk pekerjaan akan menjadi mudah dan permasalahan yang timbul akan dapat diselesaikan secara bersama. Misalnya dalam aktiviti penanaman padi, kerja membajak dan menuai padi kerap kali dijalankan secara bergotong royong agar membolehkannya disiapkan dalam tempoh yang singkat. Manakala *budi* baik yang dihulurkan oleh anggota masyarakat akan dibalas dengan penyediaan makanan sebagai tanda terima kasih²³.

Nilai hormat-menghormati ditekankan dengan tujuan mengurangkan perbezaan kelas sosial dalam masyarakat Melayu dan mengelakkan seseorang itu dari merasa angkuh dan sombong. Untuk mendapatkan penghormatan dari seseorang, bererti individu berkenaan perlu menerapkan sikap menghormati orang lain terlebih dahulu. Bagi komuniti Melayu, pemupukan nilai ini telah pun bermula di peringkat keluarga, di mana kanak-kanak diasuh untuk menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua melalui sistem panggilan dan cara bercakap. Pihak ibu bapa, generasi tua, para guru, penghulu dan seterusnya pemerintah, penghormatan yang diberikan ini dibalas dengan kasih sayang sama ada ditunjukkan melalui perlakuan ataupun tutur kata yang sopan²⁴. Dengan penerapan nilai saling hormat menghormati, secara tidak langsung sikap menjaga hati dan perasaan orang lain akan terungkap. Hasilnya, keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat berjaya dipupuk apabila masing-masing cuba mengelakkan konflik dan persengketaan dalam hubungan sosial.

²³ Wan Abdul Kadi, *ibid*; Norazit Selat. 2001a. *Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan*. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 80-89; Y.M. Tengku Lukman Sinar. 2001. *Adat dan Budaya Melayu di Pesisir Timur Sumatera*. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 220-226.

²⁴ Wan Abdul Kadir. 1993a. *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*, Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 26; Wan Abdul Kadir. 2000b. *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 76.

Hubungan Sosial Dalam Komuniti Melayu

Dalam hubungan sosial sama ada yang melibatkan masyarakat sebangsa, serumpun, seperadaban (satu peradaban) ataupun masyarakat majmuk, perkara utama yang dipertahankan oleh komuniti Melayu adalah mengekalkan keamanan. Untuk memenuhi matlamat tersebut, nilai *budi-Islam* berperanan sebagai pengemudi dan pencorak pemikiran, perlakuan dan tindakan Melayu agar mencapai matlamat berkenaan. Pemahaman ini boleh dilihat menerusi tren perlakuan dan tindakan komuniti Melayu ketika berinteraksi sesama mereka ataupun dengan komuniti bukan Melayu.

Interaksi Komuniti Melayu dalam Masyarakat Serumpun

Dengan matlamat untuk mengekalkan keamanan, komuniti Melayu mengikat hubungan sosial dalam masyarakat sebangsa, serumpun dan seperadaban. Kemunculan mereka dari rumpun peradaban yang sama menjadikan jurang perbezaan dari sudut keagamaan, adat resam, bahasa, pendidikan, sistem politik dan perundangan telah berkurangan. Hubungan ini diperkuatkan lagi dengan saranan al-Quran yang menyeru umatnya agar menjalinkan ikatan yang harmoni ketika berhubung sama ada sesama manusia ataupun dengan Pencipta-Nya.

Hubungan sosial sama ada sesama Melayu ataupun antara komuniti Melayu dengan masyarakat serumpun berlangsung dengan harmoni. Jika dianalisa hubungan di antara Melayu kelas atasan dengan Melayu kelas bawahan, didapati dengan wujudnya semangat bertolak ansur dan keprihatinan Sultan menjaga hak kebajikan rakyat, telah mendorong mereka untuk memberi ketaatan dan kepatuhan kepada pemerintah. Perlakuan ini diperkasakan lagi dengan tuntutan syarak yang menyarankan ketaatan terhadap pemimpin yang adil, dan mentaati Allah serta Rasulullah²⁵. Justeru, sepanjang perkembangan sejarah di Tanah Melayu, pemberontakan secara besaran daripada pihak rakyat terhadap pemerintah tidak pernah berlaku. Apa yang ada hanyalah pertelingkahan dan peperangan yang melibatkan di sesama kelas atasan, iaitu sama ada di antara Sultan ataupun sesama pembesar kerana merebut kuasa, ataupun di antara pembesar dengan Sultan kerana ketidakpuasan hati menerusi hukuman yang dijatuhkan, yang dipersepsikan sebagai satu kezaliman. Misalnya, penderhakaan Hang Jebat terhadap Sultan disebabkan hukuman bunuh yang dijatuhkan terhadap Hang Tuah tanpa usul periksa, tidak

²⁵ Surah al-Nisa': 59.

mencetuskan penentangan rakyat terhadap Sultan. Di pihak rakyat, urusan kelas atasan tidak akan dicampuri dan mereka lebih cenderung untuk berdiam diri dan mematuhi apa yang disarankan oleh pemerintah²⁶. Begitu juga dengan persengketaan di antara kerajaan Melayu-Islam Melaka dengan kerajaan Jawa yang lebih melibatkan kelas atasan. Rakyat hanya akan campur tangan setelah diarah untuk bangkit menentang kerajaan tersebut dengan matlamat untuk melindungi dan mempertahankan ketuanan wilayahnya.

Dengan kedudukan geografi di Tanah Melayu yang terlindung dari bencana alam dan perkembangan ekonomi perdagangan yang pesat, telah menggalakkan kedatangan masyarakat serumpun seperti dari Jawa, Bali, Sumatera, Minangkabau, Aceh dan sebagainya. Dari sudut budaya, menerusi perkongsian sistem adat yang sama, menjadikan tradisi berhijrah ataupun disebut sebagai 'tradisi merantau', adalah sesuatu yang lazim kerana dapat meningkatkan prestasi kehidupan²⁷. Justeru, walaupun ramai perantau dari rumpun Melayu terutamanya komuniti Jawa muncul di wilayah ini, namun persengketaan kurang tercetus dengan penduduk tempatan. Sikap komuniti Melayu yang sering menekankan nilai bertolak ansur dan hormat menghormati, menyebabkan proses interaksi dan integrasi berlaku dengan mudah. Perkongsian budaya menjadi lebih harmoni apabila golongan perantau turut menghormati adat resam komuniti Melayu²⁸, sebagaimana peribahasa yang berbunyi,

'Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung'
'Masuk kandang kambing mengembek dan masuk
kandang kerbau menguak'.

Begitu juga ketika berhadapan dengan bahaya. Pengkajian Swettenham tentang kehidupan Melayu telah menunjukkan beberapa peristiwa yang membawa kepada kerjasama serumpun ketika berhadapan dengan bahaya. Antaranya, peristiwa membunuh harimau yang menyerang

²⁶ Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 2-9; Abdul Rahman Haji Ismail. *Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja Rakyat Masyarakat Melayu seperti yang Terdapat di dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu*. dlm. *Kajian Malaysia* 3(1), hlm. 32-57.

²⁷ Khazin Mohd. Tamrin. 2001. *Dinamika Adat dan Tradisi Merantau*. dlm. *Adat Melayu Serumpun*. Diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 70-80.

²⁸ Noriah Mohamed. 2001. *Adat Jawa dan Penerimaannya di Malaysia*. dlm. *Adat Melayu Serumpun*. Diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 90-100.

perkampungan kelompok Jawa, dan amukan seorang imam yang terlalu lama memendam rasa marah disebabkan kecurangan isterinya. Imam Mamat dikatakan telah membunuh isteri, abang ipar, keluarga dan sahabatnya disebabkan terlalu lama memendamkan rasa marah kerana merasakan diri dianiaya²⁹. Meskipun huru-hara yang melanda perkampungan Melayu telah menggugat keamanan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, namun ia berjaya diatasi menerusi semangat kerjasama seluruh penduduk. Hasil pemupukan nilai kerjasama dan saling tolong menolong di antara satu sama lain, secara tidak langsung telah membenihkan nilai kekitaan yang kental dalam masyarakat Melayu. Dari sini lahirnya istilah 'orang kita', iaitu semangat untuk melindungi dan mempertahankan hak kepentingan dan kedudukan komuniti Melayu dari terugat³⁰. Walau bagaimanapun dengan pemupukan nilai bertolak ansur dan menjaga perasaan orang lain, semangat ini lebih bersifat sederhana dan tidak sampai mewujudkan sentimen kepuakan yang tegar sehingga timbul kehendak untuk meminggirkan hak kepentingan komuniti bukan Melayu.

Semangat tolong menolong dan bertolak ansur juga terserlah di zaman pasca kemerdekaan menerusi keprihatinan kerajaan. Usaha Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bagi mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan etnik Melayu, terutamanya yang mendiami kawasan perkampungan³¹. Begitu juga dengan sikap Perdana Menteri ketiga, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terus melindungi hak kepentingan komuniti Melayu dengan membantu mempertingkatkan mutu ekonomi mereka, agar dapat berdiri setanding dengan komuniti bukan Melayu. Antaranya menyediakan bantuan kewangan untuk rakyat termiskin, mengadakan rumah kos rendah dan menggalakkan penguasaan ekonomi di kalangan Melayu bawahan sehingga melahirkan kelompok Melayu pertengahan³². Oleh itu umumnya hubungan sosial di antara sesama Melayu dijalinan atas dasar tolong menolong dengan tujuan untuk menjaga keharmonian dan keamanan dalam kehidupan bermasyarakat.

²⁹ Swettenham, F. 1884. *Malay Sketches*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 30-45.

³⁰ Wan Abdul Kadir. 1993a. *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 26; _____ . 2000b. *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*, Petaling Jaya: Masfami Enterprise. hlm. 76.

³¹ Milne, R.S. & Mauzy, D.K. 1986. *Malaysia, Tradition, Modernity and Islam*. Boulder & London: West view Press. hlm. 100-120.

³² Ariffin Omar. June/December 2003. *Origins and Development of The Affirmative Policy in Malaya and Malaysia: A Historical Overview*. dlm. *Kajian Malaysia Journal of Malaysians Studies, The Bumiputera Policy: Dynamics and Dilemmas*, Mason, R. & Ariffin S.M. Omar (eds). Vol. XXI, Nos. 1&2. hlm. 1-20.

Interaksi Komuniti Melayu dengan Komuniti Bukan Melayu

Dengan matlamat untuk mengekalkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, penerapan nilai tolok ansur, kerjasama, hormat menghormati, saling tolong menolong dan menjaga hati dan perasaan orang lain telah ditekankan ketika berhubungan dengan komuniti bukan Melayu. Menerusi pemupukan nilai-nilai berkenaan, menjadikan komuniti Melayu lebih disenangi oleh masyarakat luar.

Dalam sejarah hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu, pertelagahan dan persengketaan yang serius jarang tercetus. Menerusi nilai bertolak ansur, bekerjasama dan saling hormat menghormati, komuniti Melayu lebih bersikap terbuka dan mudah didekati oleh masyarakat luar. Dari sini hubungan baik telah dijalinan dengan pedagang dari Arab, Parsi, China, India, dan sebagainya sewaktu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Peningkatan kedatangan mereka bukan sahaja disebabkan sistem pentadbiran yang tersusun dan layanan baik dari Syahbandar dan penduduk tempatan, tetapi juga kerana kaedah pelaksanaan Islam di kalangan komuniti Melayu yang agak berbeza dengan bangsa Arab. Mereka dikatakan lebih bersikap terbuka, bertolak ansur dan lebih bersederhana dalam mengamalkan ajaran Islam berbanding dengan bangsa Arab yang lebih tegas dan pesimistik terhadap golongan bukan Islam³³. Sikap keterbukaan ini juga diperakui oleh kelompok Cina pendatang dan menerusi tindakan sedemikian, telah membuka peluang kepada masyarakat luar membina penempatan di Tanah Melayu. Hasilnya wujud pelbagai perkampungan bukan Melayu di wilayah tersebut seperti perkampungan Cina di kawasan bandar dan perkampungan India di kawasan estet³⁴.

Hubungan Komuniti Melayu dengan Komuniti Eropah

Setakat kajian yang dijalankan, hubungan sosial (yang melibatkan perlakuan dan tindakan) antara komuniti Melayu dengan komuniti Eropah terutamanya Portugis dan juga Belanda tidak banyak diulas oleh para pengkaji secara mendalam. Penulisan yang ada lebih memfokuskan kepada proses penaklukan, sejarah kedatangan, pengaruh budaya dan pengaruh

³³ Luis Filipe Ferreira Reiz Thomas. 1993. Masyarakat Melayu Menjelang Penaklukan Portugis: Satu Intrepretasi Tentatif Berdasarkan Dokumen Portugis yang Masih Ada hingga Kini, dlm. *Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 121-123.

³⁴ Tan Chee Beng. 1975. *Baba and Nyonya: A Study of Chinese Peranakan in Malacca*. New York: Cornell University. hlm. 79-80.

bahasa kedua-duanya terhadap Bahasa Melayu³⁵. Walau bagaimanapun, hubungan sosial dengan komuniti Inggeris lebih terserlah dan telah diulas oleh ramai pengkaji sama ada dari sudut sejarah, kerjasama politik, pengukuhan kuasa ekonomi, perubahan terhadap sistem pendidikan dan sistem sosial Melayu, dan seterusnya melibatkan kepelbagaian etnik di Tanah Melayu yang mencakupi tiga komuniti etnik utama, iaitu Melayu, Cina dan India³⁶. Justeru, perbincangan hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti Eropah, akan lebih memfokuskan kepada komuniti Inggeris.

Penguasaan Inggeris di Tanah Melayu selama 130 tahun telah membawa banyak perubahan sama ada dari sudut politik, ekonomi, pendidikan dan budaya. Dalam proses perkembangan berkenaan, hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti Inggeris mampu dianalisa mengikut perspektif peradaban. Menerusi pengemudian nilai induk *budi-Islam*, komuniti Melayu terutamanya kelas pemerintah mengikat hubungan kerjasama secara bertolak ansur demi mengekalkan keamanan dan menjaga hak kepentingan bersama. Manakala di pihak komuniti Inggeris, sebelum Tanah Melayu dikuasai, sistem nilai Melayu telah dikaji terlebih dahulu sama ada melibatkan Melayu kelas atasan ataupun bawahan³⁷. Menerusi kaedah ini pergerakan komuniti Inggeris menjadi lebih mudah kerana tidak menggugat secara langsung perkara-perkara teras yang dilindungi oleh komuniti Melayu³⁸, seperti Institusi

³⁵ Setakat kajian yang dilaksanakan, ulasan berkenaan dengan hubungan sosial di antara komuniti Melayu dengan komuniti Portugis dan komuniti Belanda kurang dikemukakan oleh para pengkaji. Penulisan-penulisan yang ada lebih membahaskan perkara-perkara yang dinyatakan, antaranya, Abdul Aziz Zakaria, Portugis dalam sejarah Melaka; Abdul Talib Ahmad, Sejarah penjajah Portugis di Tanah Melayu (1511-1641); Zuasma Yahaya, Pengaruh masyarakat Melayu dalam budaya masyarakat Portugis: kajian di Ujung Pasir, Melaka; Lee, Sang Aik, Kajian mengenai perbendaharaan kata bahasa Kristang, masyarakat Portugis di Melaka, dalam domain-domain tertentu; Mohd. Feroz Abu Bakar, Kata pinjaman Portugis di dalam Bahasa Melayu baku: satu analisis semantik; Masman Hatuwe, Unsur Serapan Bahasa Portugis dan Bahasa Melayu Ambon.

³⁶ Antara penulisannya, iaitu Philip Loh Fook Seng *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940*; Sia Keng Yek, SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, Dilema dan Kontroversi; Cheah Boon Kheng, *Red Star over Malaya, Resistance Social Conflict During and After The Japanese Occupation, 1941-1946 dan The Masked Comrades, A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948* dan Ratnam, K.J. *Communalism and The Political Process in Malaysia*.

³⁷ Shamsul Amri, *Texts and Collective Memories: The Construction of Chinese and Chineseness from The Perspective of Malay*, dalam *Ethnic Relations and Nation-Building in Southeast Asia: The Case of The Ethnic Chinese*, edited by Leo Suryadinata, Singapore Society of Asian Studies: Singapore, ISEAS. 2004. hlm. 90.

³⁸ Swettenham, Frank, *Footprints in Malaya*. hlm. 103.

Kesultanan Melayu³⁹ dan kedudukan Islam sebagai pegangan utama. Dalam usaha untuk memenuhi kehendak ekonomi mereka, tindakan yang dipaparkan telah mencetuskan ketidakpuasan hati komuniti Melayu. Walau bagaimanapun menerusi penggunaan perspektif ini didapati komuniti Melayu menangani permasalahan tersebut secara bertolak ansur dan berbincang.

Kemunculan Inggeris telah membawa perubahan masyarakat di Tanah Melayu dari bersifat serumpun dan berkongsi satu peradaban kepada sebuah masyarakat majmuk. Proses transformasi ini berlaku bagi memenuhi kehendak ekonomi Inggeris sehingga membawa kemasukan golongan pendatang, terutamanya komuniti Cina dan komuniti India. Rentetan dari sini, pendiskriminasian terhadap komuniti Melayu, terutamanya Melayu kelas bawahan mulai terungkap, dan ini terserlah dalam sektor ekonomi, pendidikan dan juga dalam peristiwa disentralisasi.

Dalam aspek ekonomi misalnya, telah mencetuskan pertentangan di antara kedua-dua belah pihak, terutamanya dari sudut pelaksanaan. Pihak Inggeris lebih menekankan corak ekonomi pra-kapitalis, yang membuka peluang kepada sesiapa untuk mengaut sumber ekonomi, sedangkan corak ekonomi Melayu bawahan lebih berdasarkan sara diri, iaitu tidak menekankan pengumpulan harta dan pemilikan tanah, kerana dikhususkan hanya kepada kelas atasan⁴⁰. Implikasinya, peluang ekonomi lebih terbuka kepada bangsa asing sehingga menyebabkan kuasa ekonomi berada pada tangan mereka. Contohnya, komuniti Cina bukan sahaja menguasai bidang perniagaan dan perdagangan tetapi juga kegiatan pertanian seperti menanam ubi kayu, getah, gambir, lada hitam dan gula⁴¹. Manakala pada pihak komuniti Melayu, kekurangan pengetahuan dalam bidang berkenaan, menjadikan mereka sebagai hamba hutang kepada komuniti bukan Melayu. Misalnya peranan para peniaga Cina sebagai orang tengah bagi mengedarkan hasil tanaman Melayu dan peniaga India sebagai ceti, untuk memberi pinjaman kewangan.

³⁹ Menurut Roff, bagi memudahkan Inggeris menjalankan pemerintahan yang bersifat pemusatan, mereka telah mengangkat sultan sebagai individu yang berkuasa dalam sistem pemusatan kuasa dan berautoriti dalam hal ehwal adat Melayu. Bagi melancarkan pentadbiran, Residen Inggeris akan memberi nasihat kepada sultan. Lihat Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 14.

⁴⁰ Milner, A.C. 1982. *Kerajaan Melayu Political Culture on The Eve of Colonial Rule*. The Association for Asian Studies, The University of Arizona Press.

⁴¹ Lim Chong Yah, 1967, *Economic Development of Modern Tanah Melayu*, Oxford University Press: Kuala Lumpur. hlm. 44.

Begitu juga dalam bidang pendidikan. Dengan penggunaan nilai keislaman, matlamat untuk mendiskriminasikan komuniti Melayu bawahan dalam bidang ini telah direalisasikan oleh para mubaligh Kristian dan pentadbir Inggeris. Misalnya, ikatan Islam yang teradun di lubuk jiwa komuniti Melayu telah dijadikan alasan untuk tidak membuka peluang pendidikan Inggeris kepada kelas bawahan kerana dilihat berpeluang memurtadkan kanak-kanak Melayu. Oleh itu, bagi mengelakkan konflik dengan komuniti Melayu, pendidikan Inggeris tidak digalakkan⁴². Malah kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah kewangan untuk meningkatkan mutu pendidikan Melayu⁴³. Walau bagaimanapun alasan tersebut hanyalah muslihat pihak Inggeris dengan matlamat untuk mengelakkan Melayu kelas bawahan daripada bangkit menentang pentadbiran Inggeris, sebagaimana yang berlaku di India. Reaksi ini boleh dilihat dari sikap Frank Swettenham yang menyatakan ketidaksesuaian mengikuti sekolah berkenaan⁴⁴. Selain itu, terdapat juga sekolah Inggeris yang tidak berunsurkan Kristian, namun mereka tidak diberi berpeluang untuk memasuki sekolah berkenaan, seperti apa yang berlaku terhadap masyarakat Melayu di Melaka⁴⁵. Alasan yang dikemukakan, kerana kebanyakan sekolah tersebut terletak di bandar sedangkan kediaman mereka berada di kawasan luar bandar. Namun sekiranya sekolah berkenaan ditubuhkan di luar bandar, permasalahan umur yang menetapkan had tertentu dan syarat-syarat kemasukan lain, telah menyukarkan kemasukan kanak-kanak Melayu ke sekolah berkenaan⁴⁶. Kesannya, sebahagian besar mereka telah meneruskan pengajian di sekolah-sekolah Melayu.

Kekangan dalam bidang politik juga terserlah apabila kedudukan Sultan ataupun Raja-raja Melayu semakin terugat disebabkan pengukuhan kuasa Residen Jeneral. Ini terserlah menerusi penubuhan Persekutuan (*Federation*) pada tahun 1895. Di sini ia telah memusatkan lagi kuasa pelaksana pentadbiran ke tangan Pesuruhjaya Tinggi di Singapura dengan dibantu oleh Ketua Setiausaha (*Chief Secretary*) di Kuala Lumpur dan residen yang secara tidak langsung mengurangkan lagi kuasa sultan⁴⁷.

⁴² Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 78.

⁴³ Chelliah, V.D.D. 1940. *A Short History of The Educational Policy of The Straits Settlements, 1800-1925*. Kuala Lumpur: The Government Press.

⁴⁴ *Annual Report or Perak for 1890*, Cited by Stevenson Rex. *Cultivators and Administrators*. 1975. Kuala Lumpur. hlm. 57.

⁴⁵ Jayasuria, J.E. 1983. *Dynamics of Nation-Building in Malaysia*, Columbia: Sri Lanka. hlm. 13.

⁴⁶ *Ibid.* hlm. 25.

⁴⁷ Sindhu, J.S. July 1966. *Decentralisation of Federated Malay States 1930-1934*. dlm. *Peninjau Sejarah*, Vol. 1 No. 1. hlm. 18. Lihat juga penulisan Yeo Kim Wah. 1982. *The*

Pengabaian komuniti Melayu dalam bidang ekonomi, pendidikan dan politik berterusan sehinggalah ke awal abad ke-20. Ketika berhadapan dengan situasi ini, tindakan kelas aristokrat dan Sultan bagi melindungi hak kebajikan komuniti Melayu adalah menerusi kaedah perbincangan dan bukannya secara kekerasan. Dengan semangat tolok ansur dan mengekalkan keamanan, kuasa Sultan dan hak kebajikan komuniti Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan mampu diatasi secara beransur-ansur. Ini terserlah menerusi tindakan Sultan dan kelas aristokrat dalam polisi pengagihan kuasa ataupun desentralisasi (*decentralisation*) sebagaimana yang dipaparkan oleh Sultan Idris dari Perak. Demi menjaga kepentingan bersama dan mengelakkan, pihak Inggeris telah mengukuhkan lagi dasar pro-Melayu sehingga mencetuskan ketidakpuasan hati para peniaga Cina dan Eropah⁴⁸. Dasar ini diperkukuhkan kerana pada waktu yang sama pihak Inggeris berhadapan dengan ancaman Kuomintang/Cina yang mengembangkan ideologi anti-imperialis, dan kebangkitan semangat nasionalisma Cina Seberang Laut lebih tertumpah kepada negara China dan bersikap anti-British⁴⁹.

Hubungan Komuniti Melayu dengan Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK)

Dengan pemupukan sikap bertolak ansur juga telah membolehkan komuniti bukan Melayu yang beragama Islam diterima dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kedatangan golongan Arab dan India Muslim ke Tanah Melayu telah membawa kemunculan golongan Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK). Di peringkat awal kedua-dua golongan ini kurang diterima disebabkan adat budaya yang berbeza, seperti sikap segelintir golongan Arab yang menekankan soal keturunan dengan meletakkan keislaman mereka lebih sempurna berbanding dengan komuniti Melayu. Malah mereka juga dilihat sebagai pesaing terhadap kedudukan politik dan ekonomi komuniti Melayu⁵⁰. Namun menerusi pemupukan semangat bertolak ansur dan matlamat mengekalkan keamanan, pertembungan dengan golongan DKA semakin pudar, apabila mereka mulai menghormati adat resam, bahasa dan

Politics of Decentralization, Colonial Controversy in Malaya 1920-1929. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

⁴⁸ Lihat penerangan lanjut dlm. penulisan Yeo Kim Wah. *ibid.*

⁴⁹ Purcell, V. 1967. *The Chinese in Malaya*, op.cit, hlm. 213; Png Poh-Seng. 1962. *The Kuomintang in Malaya*, dlm. *Papers on Malayan History*, diedit oleh K.G. Tregonning, Singapura. hlm. 214-225.

⁵⁰ Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur. hlm. 78.

pemikiran Melayu. Ini diperkukuhkan lagi dengan sikap komuniti Melayu yang mudah didekati, terutamanya apabila masyarakat luar berkenaan berupaya mengamalkan adat resam Melayu, berbahasa Melayu dan memahami ruang lingkup agama Islam. Menurut Swettenham,⁵¹

‘Jika kita ingin memahami Melayu, kita perlu tinggal di negerinya, bertutur bahasanya dan menghormati agamanya...dari sini kita boleh menjadi sahabatnya’

Hasilnya, hubungan sosial telah bertaut semakin erat setelah golongan DKA dan DKK diiktiraf sebagai Melayu dan tindakan sebahagian daripada mereka yang bersungguh-sungguh memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu dari ancaman pihak British, komuniti Cina dan komuniti India⁵². Selain itu, kesungguhan DKA dan DKK membela nasib komuniti Melayu juga berkait rapat dengan sikap baik yang ditonjolkan. Sebagai cara membalas *budi baik* Melayu, mereka telah memberi kesedaran agar komuniti Melayu berubah demi membela hak dan ketuanan tanah air mereka dari didominasi oleh pihak British dan komuniti pendatang. Tindakan ini terserlah sewaktu kebangkitan kaum muda menyedarkan mereka agar melibatkan diri dalam bidang ekonomi, pendidikan dan keagamaan sama ada melibatkan kaum lelaki ataupun kaum wanita⁵³.

Hubungan Komuniti Melayu dengan Komuniti Cina dan Komuniti India

Sekitar abad ke-3M, komuniti Cina pedagang telah pun muncul di Tanah Melayu dan berkecimpung aktif dalam kegiatan perdagangan⁵⁴. Dari sini interaksi sosial telah terjalin dengan penduduk asal, iaitu komuniti Melayu. Manakala dengan kemunculan British pada abad Ke-19M, kehadiran komuniti pendatang yang bukan sahaja etnik Cina tetapi juga membabitkan

⁵¹ Swettenham, F. 1884. *Malay Sketches*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 30-45.

⁵² Mohamad Abu Bakar. Januari-Mac 1999. *Manhaj Melayu 1900-1999, Kupasan Kritis Terhadap Pemikiran Pokok dan Pelakuan Paksi Pribumi*. dlm. *Pemikir*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad. hlm. 1-57; Mohamad Aris Othman. 1977. *Ethnic Identity in a Malay Community in Malaysia*, Ph.D Michigan: University of Illinois, hlm. 2-7.

⁵³ Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 78.

⁵⁴ Wang Gungwu. 1968a. *The First Three Rulers of Malacca*, dlm. *JMBRAS*, XL1. I. hlm. 11-22; Wang Gungwu. 1968b. *Early Ming Relations With Southeast Asia: A Background Essay*. dlm. *The Chinese World Order*, Fairbank, J.K. (ed). Cambridge: Massachusetts. hlm. 34-62.

etnik India semakin meningkat, setelah British menerokai pelbagai sumber ekonomi.

Menerusi penerapan semangat tolok ansur dan kerjasama, hubungan sosial terjalin antara komuniti Melayu dengan komuniti Cina dan India. Menurut J.W Cushman dan A.C Milner, komuniti Cina yang berada di Tanah Melayu tidak dilayan secara keras (*ill-treated*) oleh komuniti Melayu. Etnik Cina juga memegang jawatan sebagai syahbandar bagi menjaga hak kebajikan komunitinya⁵⁵.

Dari sudut politik, hubungan sosial yang dijalinan juga menekankan matlamat keamanan dan kesejahteraan. Dengan menerapkan sikap bertolak ansur dan mengelakkan pertelingkahan, kerajaan Melaka misalnya berjaya mendapat perlindungan daripada Maharaja Ming bagi melindungi kerajaannya daripada ancaman musuh. Hubungan kerjasama terjalin erat setelah Sultan Melaka bersedia untuk mematuhi kehendak Maharaja Cina agar menghantar ufti ke sana, sama ada menerusi wakilnya ataupun baginda yang mengetuai rombongan tersebut⁵⁶. Kerendahan hati Sultan Melaka telah mendorong Dinasti Ming melindungi wilayah berkenaan dengan menghantar anggota tentera seramai 37 ribu orang. Dengan bertapaknya keunggulan kuasa Maharaja Cina di Melaka, secara tidak langsung ancaman kerajaan Jawa berjaya ditangani. Malah dengan perlindungan ini, urusan perdagangan dengan masyarakat luar berlangsung dengan lebih harmoni⁵⁷.

Semangat untuk mengekalkan keamanan dalam hubungan politik dengan komuniti bukan Melayu juga terserlah sebelum merdeka dan pasca kemerdekaan. Prinsip bertolak ansur dan enggan bersengketa terserlah menerusi perlakuan Tunku Abdul Rahman (Tunku) ketika berinteraksi dengan Chin Peng dalam Rundingan Baling pada tahun 1955. Tujuan utama Tunku ingin mengadakan Rundingan berkenaan adalah untuk memenuhi syarat kemerdekaan yang dijanjikan oleh British, iaitu kemerdekaan akan dicapai sekiranya perang menentang PKM/Cina tamat. Oleh itu Tunku bercadang untuk memujuk Chin Peng agar meletakkan senjata dan bersedia memaafkan kesalahan PKM/Cina sekiranya mereka

⁵⁵ Cushman, J.W. & Milner, A. C. 1979. Eighteenth and Nineteenth Century Chinese Accounts of The Malay Peninsula. dlm. JMBRAS, Vol. LII. Part 1. hlm. 6 (1-57).

⁵⁶ Wang Gungwu. 1968a. The First Three Rulers of Malacca. dlm. JMBRAS, XL1. 1. hlm. 11-22.

⁵⁷ Wang Gungwu. 1968b. Early Ming Relations With Southeast Asia: A Background essay. dlm. The Chinese World Order. diedit oleh Fairbank, J. K. Cambridge: Massachusetts. hlm. 34-62.

mahukan pendamaian. Namun percaturan Tunku agak silap kerana matlamat PKM/Cina yang tegar mempertahankan ideologi Komunis dan pergerakan PKM/Cina ternyata bertembungan dengan kehendak Tunku. Apa yang ingin dipenuhinya adalah keamanan dan perlindungan terhadap keselamatan seluruh penduduk Tanah Melayu, tanpa mengira sama ada komuniti Melayu ataupun bukan Melayu. Walau bagaimanapun rundingan tersebut gagal kerana keegoan dan keengganan Chin Peng untuk bertolak ansur, dengan beranggapan keamanan dan huru-hara hanya terletak di tangannya. Hasilnya, sebagai reaksi Tunku membuat pernyataan tegas bahawa kerajaan akan terus berperang untuk menghapuskan PKM/Cina demi kepentingan masyarakat awam⁵⁸. Akhir pergerakan PKM/Cina berjaya ditamatkan selepas zaman kemerdekaan.

Peneguhan semangat tolok ansur dan saling hormat menghormati komuniti Melayu akan berterusan, selagi mana hak mereka tidak dicabar secara keterlaluan. Sejarah telah menunjukkan, iaitu konflik hanya akan tercetus sekiranya wujud tindakan, ataupun perlakuan daripada komuniti bukan Melayu yang cuba menggugat Ketuanan Melayu dan kedudukan Islam sebagai agama utama. Ini boleh dilihat dalam dua buah peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu setelah kemunculan British, iaitu perang Naning yang membabitkan Penghulu Dol Said dengan pihak British⁵⁹ dan peristiwa pembunuhan James Wheeler Woodford Birch (J.W.W. Birch), iaitu Residen British di Perak⁶⁰.

Dalam peperangan Naning, konflik antara penghulu Dol Said dengan British tercetus apabila pihak British terlebih dahulu menerobosi Ketuanan politik Melayu di Naning atas alasan ia sebahagian daripada Melaka. Kesannya, Naning mesti menghantar satu persepuluh hasil tahunan kepada pemerintahan British di Melaka dan kesalahan jenayah di Naning mesti dibicarakan di sana di bawah Undang-undang Negeri Selat⁶¹. Penentangan penghulu Dol Said adalah secara mengabaikan perintah tersebut. Pada peringkat awal, iaitu sekitar tahun 1807, tindakan British tidak begitu menggugat Naning sehinggalah tahun 1825 apabila British secara tegas mengganggu pentadbiran di situ. Kekerasan British

⁵⁸ Barber, N. 1971. *The War of Running Dogs: How Malaya Defeated The Communist Guerilla. 1948-1960.* London. hlm. 230-236.

⁵⁹ Abdullah Zakaria. 2001. *Adat dan Patriotisme di Melaka: Satu Kajian terhadap Perjuangan Orang Melayu menentang British, 1825-1832.* dlm. *Adat Melayu Serumpun.* Diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar, Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 10-13

⁶⁰ Swettenham, F. 2003. *Perihal Melayu (Malay Sketches)*, Zubaidah Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 180-192.

⁶¹ Abdullah Zakaria, op.cit. hlm. 10-13.

menyinggung perasaan penghulu Dol Said kerana beliau melihat British seolah-olah cuba mencabuli persahabatan yang telah termateri⁶². Tindakan British tidak dibalas dengan kekerasan, sehinggalah British terlebih dahulu yang mengisytiharkan perang ke atas Naning. Gerakan untuk menangkap penghulu Dol Said begitu menyulitkan apabila keakraban etnik Melayu yang terikat melalui nilai kekitaan, persahabatan dan ketaatan terhadap pemerintah telah berganding bahu melindunginya. Misalnya, daerah yang berjiran dengan Naning seperti Seri Menanti, Rembau dan Sungai Ujong telah menghulurkan bantuan untuk mempertahankan Ketuanan Politik Melayu di Naning. Kesukaran ini diperkuatkan lagi dengan kesetiaan pengikut penghulu Dol Said yang tidak berbelah bahagi dan ini terbukti apabila mereka tidak terpengaruh untuk belot walaupun British menawarkan wang ringgit dari RM 200 sehingga RM 2000 kepada sesiapa yang dapat menangkapnya⁶³. Ikatan yang kukuh sesama Melayu menyebabkan British, iaitu kuasa terkuat dunia telah tersungkur di peringkat awal melawan etnik Melayu yang hanya bersenjatakan peralatan Melayu. British tidak berjaya menangkap penghulu Dol Said sehinggalah beliau sendiri yang datang menyerah diri setelah Naning jatuh ke tangan British⁶⁴. Nilai terhutang budi kepada pengikut yang setia dan mengelakkan ancaman terhadap mereka menyebabkan penghulu Dol Said telah menyerah diri. Walaupun British tidak menempatkan beliau di Naning tetapi di Melaka, kerana risau akan menaikkan semula semangat pengikutnya, namun dengan gelaran penghulu yang dimilikinya menyebabkan beliau tetap dihormati oleh penduduk Naning sehinggalah meninggal dunia⁶⁵.

Peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch bermula apabila beliau terlebih dahulu bersikap angkuh dan sombong terhadap etnik Melayu. Menurut Swettenham, pada ketika itu komuniti British belum begitu memahami perihal etnik di Semenanjung Tanah Melayu seperti adat resam, pemikiran dan prasangkanya terhadap etnik bukan Melayu⁶⁶. Jadi, salah satu punca pembunuhan Birch ialah kerana beliau mencabar nilai Kemelayuan-Islam seperti mencabuli kuasa politik Melayu, mencampuri urusan sultan dan memperkenalkan pembaharuan secara paksaan⁶⁷. Misalnya, tanpa memahami adat Melayu, beliau memujuk Sultan Abdullah dan pengikutnya supaya menerima perundangan British yang dilihat lebih

⁶² Ibid. hlm. 14.

⁶³ Ibid. hlm. 16-19.

⁶⁴ Ibid. hlm. 19-20.

⁶⁵ Ibid. hlm. 21.

⁶⁶ Swettenham, Frank. 2003. Perihal Melayu (Malay Sketches), op.cit. hlm. 180.

⁶⁷ Ibid. hlm. 180-182.

terkawal, sedangkan bagi etnik Melayu kerana tidak bersesuaian dengan kehidupan mereka⁶⁸. Malah, kegopohnya mengambil alih kuasa sultan seperti menubuhkan kuasa pentadbiran, mengutip hasil dan menguatkuasakan perjanjian Pangkor tanpa mendapat persetujuan sultan, telah menaikkan kemarahan Melayu. Tindakan beliau dibantah oleh Sultan Abdullah sehingga berlaku pakatan di antara baginda dengan pembesar, sehingga berlakunya pembunuhan di Pasir Salak oleh Siputun di bawah arahan Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan Pandat Indut⁶⁹.

Begitu juga dengan konflik antara komuniti Melayu dengan Bintang Tiga/Cina sewaktu mereka menguasai Tanah Melayu dalam tempoh 14 hari setelah pengunduran tentera Jepun pada tahun 1945. Tindakan ganas pergerakan ini membunuh dan menzalimi Melayu, menghina agama Islam secara mengotori masjid dengan najis babi dan cuba menukarkan waktu sembahyang Jumaat kepada hari Sabtu, telah mencetuskan pertelingkahan antara kedua-dua belah pihak. Sebagai reaksi balas, seluruh masyarakat Islam sama ada kaum Melayu, Jawa, Banjar ataupun Minangkabau telah bangkit menentang Bintang Tiga/Cina. Manakala semangat perjuangan yang kental untuk melindungi kesucian agama Islam dari sebarang penghinaan, menyebabkan kelompok Cina dipersepsikan sebagai golongan Kafir yang boleh diperangi (*Kafir Harbi*). Ini kerana, majoriti keahlian pergerakan ini adalah terdiri daripada etnik Cina⁷⁰. Rentetan dari sini, konflik telah tercetus antara komuniti Melayu dengan komuniti Cina dan berlanjutan sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Persengketaan ini juga berkaitan dengan kegiatan keganasan Komunis yang diterajui oleh Parti Komunis Malaya (PKM) sewaktu berada di Tanah Melayu dengan mendapat sokongan paling ramai dari komuniti Cina. Bahkan hampir 90% keahliannya merupakan etnik Cina⁷¹. Justeru, usaha kerajaan untuk menghapuskan kegiatan PKM di Persekutuan Tanah Melayu agak sukar kerana gagal mendapat kerjasama sepenuhnya dari komuniti Cina. Oleh itu, sebahagian komuniti Melayu berpandangan komuniti Cina tidak bersungguh-sungguh untuk membanteras kegiatan berkenaan, terutamanya

⁶⁸ Ibid. hlm. 181-182.

⁶⁹ Ibid. hlm. 190-192.

⁷⁰ Bryan, C.C. 2001. *Decade of Change Malaya & The traits Settlements, 1936-1945*, Singapore: Graham Bash. hlm. 439-441; Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star over Malaya, Resistance Social Conflict During and After The Japanese Occupation*, Singapore: Singapore University Press. hlm. 25-100.

⁷¹ Carnell, F.G. Jan 1953. *Communalism and Communism in Malaya*. dlm. *Pacific Affairs*. Vol. 24. No.1. hlm. 105- 109.

apabila sebahagian besarnya telah melarikan diri ke Indochina, setelah PKM berjaya memperkembangkan pergerakannya ke sana⁷².

Secara keseluruhannya, komuniti Melayu begitu menghormati bangsa luar kerana tujuan kehidupan mereka adalah untuk mencapai keharmonian. Bagi menjamin kelangsungan matlamat ini, komuniti bukan Melayu juga perlu bersedia untuk menghormati agama dan adat resam Melayu serta mengelakkan dari melakukan sesuatu tindakan yang boleh mencetuskan sensitiviti mereka. Antaranya ialah mempertikaikan keturunan mereka di negara ini dan mempermainkan-mainkan isu-isu keislaman.

Kesimpulan

Menerusi perspektif peradaban, didapati nilai induk *budi-Islam* memainkan peranan utama dalam mencorakkan pemikiran dan perlakuan komuniti Melayu. Kedua-duanya mempengaruhi hubungan sosial sama ada antara sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan Melayu, atas matlamat untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Ia terungkap menerusi pemaparan sikap bertolak ansur, bekerjasama dan saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama. Hasilnya, menerusi pengemudian nilai-nilai berkenaan, didapati komuniti Melayu tidak pernah terlibat dalam pembunuhan secara besar-besaran semenjak zaman Melaka sehinggalah ke era kemerdekaan. Malah menerusi semangat bertolak ansur, bekerjasama dan saling tolong menolong, para pemimpin Melayu berjaya melindungi komunitinya daripada ancaman bunuh secara besar-besaran dari beberapa kuasa besar yang menjajah Tanah Melayu, seperti British dan Jepun. Dengan kaedah rundingan dan perbincangan juga, pemimpin Melayu bukan sahaja berjaya memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu dari kuasa British, tetapi juga mampu melindungi rakyatnya dari terbabit dalam sebarang bentuk peperangan sebagaimana yang berlaku di negara-negara luar. Justeru, menerusi pengemudian nilai induk *budi-Islam*, didapati sikap bertolak ansur, bekerjasama dan saling menghormati yang terpapar dalam sejarah hubungan sosial pada masa lampau dilihat akan juga menunjangi bentuk hubungan sosial di antara sesama Melayu ataupun dengan komuniti bukan Melayu di Malaysia pada masa akan datang.

⁷² Thompson, V. & Adolf, R. 1955. *Minority Problems in Southeast Asia*. California: Stanford University Press. hlm. 30-35.

Bibliografi

- Abdul Rahman Haji Ismail, Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat kepada Raja: Satu Penilaian Semula Tentang Lunas Perhubungan Raja Rakyat Masyarakat Melayu seperti yang Terdapat di dalam Kitab-kitab Sastera Sejarah Melayu. dlm. *Kajian Malaysia* 3 (1).
- Abdul Wahab Khallāf. 1987 (Cetakan ke-3). *Al-Siyāsah al-Syar‘iyyah aw Nizām al-Daulah al-Islāmiyyah fi al-Syu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Abdullah Alwi. 2001. Adat Melayu Mengikut Perspektif Orang Islam di Malaysia. dlm. *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Zakaria. 2001. Adat dan Patriotisme di Melaka: Satu Kajian Terhadap Perjuangan Orang Melayu Menentang British, 1825-1832. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ariffin Omar. June/December 2003. Origins and Development of The Affirmative Policy in Malaya and Malaysia: A Historical Overview, dalam *Kajian Malaysia Journal of Malaysians Studies, The Bumiputra Policy: Dynamics and Dilemmas*. Mason, R. & Ariffin S.M. Omar, Vol. XXI, Nos, 1&2.
- Barber, N. 1971. *The War of Running Dogs: How Malaya Defeated The Communist Guerilla, 1948-1960*. London.
- Bryan, C.C. 2001. *Decade of Change Malaya & The traits Settlements, 1936-1945*, Singapore: Graham Bash.
- Carnell, F.G. Jan 1953. Communalism and Communism in Malaya. dlm. *Pacific Affairs*, Vol. 24, No. 1.
- Cheah Boon Kheng. 1983. *Red Star over Malaya, Resistance Social Conflict During and After The Japanese Occupation*, Singapore: Singapore University Press.
- Ensaiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1994. Jil.1.

- Frank Swettenham. 1907. *British in Malaya*. London, C. VII.
- Huntington, S. P. 2005. *Who Are We? The Challenges to America's National Identity*, Simon & Schuster.
- Khazin Mohd. Tamrin. 2001. Dinamika Adat dan Tradisi Merantau. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Luis Filipe Ferreira Reiz Thomas. 1993. Masyarakat Melayu Menjelang Penaklukan Portugis: Satu Intrepretasi Tentatif Berdasarkan Dokumen Portugis yang Masih Ada hingga Kini. dlm. *Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*, Singapore: Times Books International.
- Milne, R.S. & Mauzy, D.K. 1986. *Malaysia, Tradition, Modernity and Islam*, Boulder & London: West view Press.
- Mohamad Abu Bakar. Januari-Mac 1999. Manhaj Melayu 1900-1999, Kupasan Kritis Terhadap Pemikiran Pokok dan Pelakuan Paksi Pribumi. dlm. *Pemikir*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Mohamad Aris Othman. 1977. *Ethnic Identity in a Malay Community in Malaysia*, Michigan: University of Illinois.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazit Selat. 2001a. Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norazit Selat. 1997b. Adat Antara Tradisi dan Kemodenan. dlm. *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi & Moden*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noriah Mohamed. 2001. Adat Jawa dan Penerimaannya di Malaysia. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Senu Abdul Rahman. 2002. *Revolusi Mental*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Swettenham, F. 1884. *Malay Sketches*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tan Chee Beng. 1975. *Baba and Nyonya: A Study of Chinese Peranakan in Malacca*, New York: Cornell University.
- Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking Back: Monday Musings and Memories*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Thompson, V. & Adolf, R. 1955. *Minority Problems in Southeast Asia*, California: Stanford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1993a. *Budi Sebagai Asas Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. 2000b. *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wang Gungwu. 1968a. The First Three Rulers of Malacca. dlm. *JMBRAS*, XL1, I.
- Wang Gungwu. 1968b. Early Ming Relations With Southeast Asia: A Background essay. dlm. *The Chinese World Order*, Fairbank, J.K. (ed.). Cambridge: Massachusetts.
- Winstedt, R.O. 1925. The Circumstances of Malay Life. dlm. *Papers On Malay Subjects*, Wilkinson, R.J. (ed.) Kuala Lumpur.
- Winstedt, R.O. 1961. *The Malays: A Cultural History*, London: Routledge & Kegan Paul.
- Y. M. Tengku Lukman Sinar. 2001. Adat dan Budaya Melayu di Pesisir Timur Sumatera. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Borhan. (t.t). Adat Istiadat Melayu. dlm. *Adat Istiadat Melayu Melaka*, Anjuran IKSEP.

Zainal Kling. (t.t). *Melayu Baru: Pencerahan Adat dan Adab*, Universiti Malaya: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

Zainal Kling. 2000a. Adat: Malay Collective Self-Image. dlm. *9th European Colloquium of Indonesian and Malay Studies*. United Kingdom: Hull.

Zainal Kling. 26-28 Mei 1995b. Bangsa Melayu, Alam dan Tamadunnya. dlm. *Antara Patriotisme dan Globalisasi*, Hari Sastera Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Melaka dan GAPENA.

Zainal Kling. 1996c. Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. dlm. *Seminar Kebangsaan Adat Papatih & Wilayah Budaya Negeri Sembilan*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Zainal Kling. 1997d. Adat. dlm. *Adat Istiadat Melayu Melaka*, Anjuran IKSEP.

Wawancara

Temubual dengan Prof. Datuk Dr. Zainal Kling pada 22 Februari 2006, Jam 3-5 petang di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.

**KERANGKA EPISTEMOLOGI MELAYU ISLAM
DAN KAITANNYA DENGAN KONSEP SAINS:
SATU ANALISIS**
*(THE MALAY-MUSLIM CONCEPT OF
EPISTEMOLOGY AND ITS CONNECTION WITH
SCIENCE CONCEPT: AN ANALYSIS)*

Norafifah Abd Hamid
Nor Hayati Md Dahlal
Othman Md. Yatim
Rahimin Affandi Abd. Rahim
Zainal Abidin Borhan

Abstrak

Setiap manusia mempunyai keupayaan akal membina budaya. Hal ini menunjukkan keupayaan manusia tamadun bagi berinteraksi dengan masyarakat dan alam. Kemampuan berinteraksi dengan alam ini menjadi asas kepada pengetahuan sains. Oleh yang demikian, artikel ini menghurai konsep sains dalam kerangka epistemologi Melayu Islam. Sebagaimana yang difahami tentang epistemologi Melayu Islam, ianya adalah satu bidang kajian tentang kaedah mentakrif ilmu pengetahuan yang dipegang oleh masyarakat Melayu Islam, penubuhan jenis-jenis ilmu pengetahuan, penentuan sumber-sumbernya, had atau batasan ilmu pengetahuan, dengan mengkaji dan menyelidik serta menganalisis khazanah intelektual Melayu sama ada berbentuk persuratan, kesusasteraan dan lisan. Bagi memahami epistemologi Melayu Islam, ia sewajarnya sudah memahami sedikit sebanyak apakah kepercayaan atau pegangan orang Melayu. Justeru, ianya dirangka khusus mengandungi beberapa bahagian yang utama iaitu: *pertama*; pengenalan, *kedua*; sorotan pandangan negatif tentang kemampuan pemikiran manusia Melayu, *ketiga*; kerangka epistemologi manusia Melayu dan kaitannya dengan konsep sains, *keempat*; kesimpulan.

Kata kunci: Epistemologi, Konsep sains, Ras Melayu, Pemikiran Melayu, Antologi, Aksiologi.

Abstract

Every human being has a capability to develop their own tradition and culture. It can be achieved through their God-given's capability in response to the nature as well as the need of society. Obviously, such aptitude had become the major foundation for the existence of science. Therefore, this article will analyze the concept of science through the Malay-Muslim's epistemology point of view. Basically, the concept of epistemology was dealing with concept of knowledge, such as its classification, sources and limits. In order to discern such epistemology, we analyze the Malay-Muslim's intellectual tradition and literatures. The article was designed to be divided into several sections, namely firstly; the introduction of the study; followed by the second section which discarded the negative connotation ascribed to Malay-Muslim thought. In the third section, special attention was being given to the Malay-Muslim's epistemology pertaining to the concept of sciences. Finally, this article will be concluded in the fourth section.

Keywords: *Epistemology, Science concept, Malay race, Malay thought, Anthology, Axiology.*

Pengenalan

Secara fitrah, setiap manusia daripada pelbagai bangsa apa sekalipun pasti akan mempunyai keupayaan akal untuk membina budaya dan tamadun yang tersendiri. Antara kemampuan akal ini termasuklah kemampuan manusia berinteraksi dengan fenomena kemasyarakatan dan alam semesta. Apa yang jelasnya, potensi berinteraksi dengan fenomena alam semesta inilah yang menjadi asas kepada pengetahuan sains dalam catatan sejarah tamadun dunia.¹ Hal ini ditegaskan sebagai: "*kebolehan mencerpah alam tabii dan menginduksikannya secara rasional serta memancarkan idea dan konsep sains dalam bentuk dan bahasa sesuatu bangsa itu terdapat pada*

¹ Abdul Rahman Abdullah. 2010. *Wacana Falsafah Sains: Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: ISDEV Universiti Sains Malaysia. hlm. 25-50; Fadzulullah Hj. Shuib. 1995. *Kecermelangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur. hlm. 33.

semua manusia dan adalah sifat sejagat umat manusia."² Aksioma ini dicetuskan berasaskan kemampuan akal manusia yang dianugerahkan Allah kepada setiap manusia. Ianya terdiri daripada kemampuan akal manusia yang cukup tinggi, hinggakan mengatasi kemampuan makhluk Allah yang lain, termasuklah haiwan, malaikat dan syaitan itu sendiri.³

Antara kemampuan akal manusia yang diterangkan oleh al-Quran terdiri daripada (1) melihat dan merenung sesuatu fenomena di alam ini.⁴ Ianya termasuk kemampuan mengaitkan hubungan antara sebab dengan akibat dan menyingkap pelbagai faktor lain yang menyebabkan akibat tersebut;⁵ (2) mentafsir dan menganalisa sesuatu fenomena yang ditanggap oleh pancaindera lain. Ini termasuklah keupayaan untuk memahami hikmah sesuatu perkara yang berlaku daripada peringkat teori yang bersifat abstrak dan mengubahnya menjadi sesuatu yang praktikal untuk diamalkan, memperbaiki dan memperkembangkannya untuk tujuan kehidupan.⁶ (3) merakam maklumat yang dilalui oleh proses (i) dan (ii) serta mengingat semula apabila diperlukan untuk kegunaan menyelesaikan masalah⁷; (4) membuat andaian dan ramalan tentang apa yang bakal terjadi di masa hadapan. Hal ini kelihatan dengan penekanan yang diberikan oleh al-Quran terhadap subjek sejarah umat nabi-nabi terdahulu,⁸ untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang⁹ dan (5) *tafakur* untuk tujuan muhasabah diri, menambah pengetahuan dan meningkatkan tahap keimanan kepada Allah.¹⁰

Oleh itu, berasaskan kepada latar belakang tersebut, artikel ini bakal menganalisis kerangka pemikiran dan epistemologi manusia Melayu-Islam dalam konteks sains. Untuk mencapai objektif ini, beberapa kaedah yang khusus akan digunakan. Ianya terdiri daripada analisis kritikal terhadap pandangan negatif yang dikemukakan oleh sarjana orientalis dan tokoh Melayu sendiri, kaedah analisis kandungan dan fenomenologi.

² Ithnin Abdul Jalil. 2001. *Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melalui Peribahasa*, dlm. Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 453.

³ Abdul Mujib. 1999. M. Ag, *Fitrah Dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*, Jakarta. hlm. 49-55.

⁴ *Al-Quran* 4:82; 47:22-24.

⁵ *Al-Quran* 29:30; 16:78.

⁶ *Al-Quran* 2:164.

⁷ *Al-Quran* 3:190-191.

⁸ *Al-Quran* 42:13.

⁹ Abdul Halim el-Muhammady. 2002. *Tasawwur Islam: Huraian Konsep dan Implikasi dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur. hlm. 95-107.

¹⁰ *Al-Quran* 51:20-21.

Kaedah analisis kandungan dan fenomenologi akan diaplikasikan bagi mengkaji pemikiran manusia Melayu terhadap objek kajian ini.

Sorotan Pandangan Negatif Tentang Kemampuan Pemikiran Manusia Melayu

Dalam soal ini, hal ini dapat dikesan melalui beberapa pandangan negatif yang dikaitkan dengan ketidakmampuan manusia Melayu dalam membangunkan kerangka pemikiran sains yang bermutu tinggi. Antaranya:

Pertama, dakwaan ras Melayu yang lemah dari segi akal dan sikap sehingga menyebabkan mereka perlu dijajah bagi tujuan mentamadunkan manusia Melayu. Pandangan sinis ini merupakan *stereotype* yang ditanam oleh penjajah British bagi menjustifikasikan tindakan mereka menjajah masyarakat Melayu. Pandangan ini telah dikritik hebat oleh Syed Hussin al-Attas yang menegaskan bahawa teori sarjana barat ini dibuat secara berat sebelah demi kepentingan ekonomi dan politik British semata-mata. Usaha Syed Hussin al-Attas ini telah mencetuskan falsafah *Post Kolonialisme* yang mengkritik kesemua kelemahan yang diutarakan oleh sarjana penjajah barat. Apa yang boleh dibanggakan, usaha awal Syed Hussin al-Attas ini telah dipetik dan diperkemas lagi gagasannya oleh Edward Said yang kemudiannya telah mengugat keseluruhan korpus keilmuan orientalis klasik.¹¹

Bagi penulis, pandangan negatif orientalis ini dibuat kerana berasaskan kepada falsafah *Racisme* ataupun *Euro-centric*. Ia menganggap bangsa *Caucasian* (Kulit putih) lebih tinggi kedudukannya dirujuk kepada ras dan kepandaian. Secara asasnya falsafah *Euro-Centric* ini berpunca daripada paradigma *Evolutionism* ciptaan Charles Darwin yang menganggap tamadun barat sebagai lebih tinggi dan agung, berbanding dengan keadaan masyarakat timur.¹² Pencapaian tamadun barat yang membanggakan ini kononnya disebabkan kerana penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama dalam hidup manusia.¹³ Sebaliknya, masyarakat di sebelah timur yang masih berpegang kepada agama dan faham metafizik telah dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal

¹¹ Rahimin Affandi Abd Rahim. 2005. *Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Telaah Awal*, Jurnal Syariah, v. 13, bil. 1. hlm. 105-134.

¹² Edward Said. 1981. *Covering Islam. How The Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of The World*, London. hlm. 39-40, 60 dan 62.

¹³ Zainal Kling. 1993. *Kebudayaan Melayu: Satu Penelitian Etnomethodologi*. dlm. *Fenomena* 2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. hlm. 12-13.

dan tidak bertamadun yang harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah, melalui proses penjajahan.¹⁴ Bahkan kononnya tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat timur ini telah dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang terpaksa dimainkan oleh masyarakat Eropah.¹⁵

Kedua, dakwaan bahawa orang Melayu adalah peniru daripada tamadun dan difusi luar semata-mata, tanpa mampu berfikir secara kreatif untuk membangunkan tamadun mereka sendiri. Pandangan ini sebenarnya berasaskan kepada falsafah *Diffusionisme* tajaan orientalis barat. Ia menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan,¹⁶ tetapi kerana faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru secara selektif oleh masyarakat Melayu.¹⁷ Sikap ini secara terang-terang telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan yang tinggi.¹⁸ Antara budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu-Budha, Arab, India dan Parsi. Bahkan apabila mengkaji pengaruh Islam terhadap jati diri orang Melayu, mereka telah menggambarkannya secara skeptik dengan mengatakan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya tidak mempunyai pegangan keIslaman yang cukup kuat, hanya di lapisan kulit luar semata-mata, sedangkan isi dalamnya masih lagi berteraskan budaya pra Islam (animisme dan Hindu).¹⁹

Kita boleh menolak teori ini dengan fakta wujudnya fenomena mesra budaya dan pendekatan selektif yang diamalkan oleh manusia Melayu silam.²⁰ Islam dalam banyak penegasan al-Quran mengakui keabsahan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat dengan sikap yang selektif. Islam pada prinsipnya tidak membawa ideologi ras dan etnik seperti agama Yahudi yang menganggap mereka sebagai bangsa pilihan tuhan.²¹ Sebaliknya Islam adalah untuk manusia seluruhnya tanpa

¹⁴ F. Swettenham. 1893. *About Perak*, Singapore. hlm. 5 dan 9.

¹⁵ Wang Gungwu. 1970. *Scholarship and the History and Politics of Southeast Asia*, Flinders University of South Australia. hlm. 11.

¹⁶ Zainal Kling. 1994. *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Malaysia kepada Teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur. hlm. 8-10.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Bryan S. Turner. 1984. *Gustave E. Von Grunebaum and the Mimesis of Islam*. dlm. *Orientalism, Islam And Islamis.*, hlm. 193-202.

¹⁹ J. C. Leur. 1949. *Indonesian Trade and Society*, The Hague. hlm. 169; K. P. Landon. 1955. *Southeast Asia: Crossroad of Religions*, Chicago. hlm. 134-164.

²⁰ Rahimin Affandi Abd Rahim. 2003. *al-Quran dan Peranan Ulama Melayu dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu*, dlm. Mohd Radzi Othman (ed.) *Warisan Al-Quran dan Peradaban Manusia Siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. hlm. 1-31.

²¹ Ghazali Darusalam. 1998. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*, Kuala Lumpur. hlm. 30-39.

menghadkan keanggotaannya kepada bangsa Arab semata-mata.²² Bersesuaian dengan sifat yang mengakui variasi ras dan budaya sebagai tanda kekuasaan dan kreativiti Allah,²³ antara lainnya Islam mengakui kehebatan dan sumbangan tamadun bukan Arab ke atas kehidupan manusia sejagat. Tanpa mengira bangsa dan tempat, sesuatu tamadun itu harus diterima secara positif dan selektif dengan memanfaatkan apa yang baik dengan tapisan yang teliti agar ianya bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tauhid.²⁴ Kedatangan Islam telah dilihat sebagai tidak menghapuskan banyak bentuk budaya Arab tempatan, tetapi telah menerima dan mengekalkan banyak budaya *mubah* ini ataupun telah melahirkan (sintesis) budaya baru²⁵ hasil penerapan rapi dengan nilai-nilai Islam.²⁶

Sikap selektif yang disertakan dengan tapisan yang rapi telah dianggap sebagai punca utama yang menjadikan masyarakat yang menerima Islam telah dikesan mempunyai pencapaian keilmuan dan tamadun yang cukup tinggi. Pencapaian yang cemerlang ini juga dapat dikesan dalam masyarakat Melayu yang ditegaskan sebagai: “*within the space of decades, the Arabs had outgrown the phase of tribal parochialism to become the uncontested masters of an empire and the heralds of an open and expanding world community. This examples was not confined only to the history of the Arabs, for it was repeated in the case of Berbers, Turks, Mongols, Persians, Indians, Malays and the kongdoms in West and East Africa.*”²⁷

Dalam kontek alam Melayu, contoh sintesis ini boleh didapati; tindakan ulama Melayu yang meniru sistem dan bentuk *halaqat* pengajian ilmu-ilmu Islam daripada sistem pengajian Masjidil Haram di Mekah yang kemudiannya disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan Melayu dari segi bentuk asrama, stail pakaian dan sebagainya yang melahirkan sistem

²² Al-Quran 49:13.

²³ Al-Quran 25:2; 36:36; 44:38-39; 50:38; 2:29 dan 28:80.

²⁴ S. Waqar Ahmad Husaini. 1980. *Islamic Environmental System Engineering*, London. hlm. 4-5.

²⁵ Dalam soal ini, Mona M. Abul Fadl menyatakan: *Historically the Islamic paradigm of knowledge has proven congenial to the different modes of knowing. The legacy of the Birunis, Ibn Haythams, al-Ghazali, Ibn Rushd, Razi is a monument to this capacity to integrate and accommodate the diverse modes or traditions within what is more of a synthetic rather than a syncretist whole.* Lihat Mona M. Abul Fadl. 1995. *Toward Global Cultural Renewal: Modernity and the Episteme of Transcendence*, Herndon. hlm. 13-14.

²⁶ S. Waqar Ahmad Husaini. 1980. *Islamic Environmental System Engineering*, London. hlm. 30-31.

²⁷ Mona M. Abul Fadl (Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya 1995), *Toward Global Cultural Renewal: Modernity and the Episteme of Transcendence*, Herndon. hlm. 8-9.

pengajian pondok. yang lebih berorientasikan tempatan.²⁸ Ringkasnya, ulama Melayu sendiri yang didorong oleh prinsip mengakui keabsahan dan menghormati kebudayaan Melayu masih menghargai budaya tempatan dan tidak meniru secara bulat-bulat kesemua unsur-unsur dari Timur tengah.

Ketiga, pandangan yang mengatakan manusia Melayu hanya mampu berfikir dan berwacana tentang isu mitos dan bukannya membabitkan isu rasionalisme peringkat tinggi. Pandangan ini telah ditolak dengan teori Islamisasi dan perubahan paradigma pemikiran rasionalism yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquid al-Attas.²⁹ Memang diakui, pengaruh agama Hindu-Budhha dan animisme masih wujud dalam pemikiran manusia Melayu. Namun begitu, mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas, pengaruh agama pra Islam ini tidak begitu mendalam pengaruhnya di dalam pemikiran akhliah masyarakat Melayu, kerana ia hanya dipakai untuk kegunaan golongan istana yang terhad. Hal ini kemudiannya telah mula berubah dengan kedatangan agama Islam yang mampu menyuntik pemikiran rasionalisme dan egalitarian (menekankan elemen persamaan di kalangan anggota masyarakat) kepada masyarakat Melayu. Kalau dulunya golongan istana dan sesetengah rakyat awam hanya meminati kisah mitos dan dongeng, tetapi proses Islamisasi telah menyebabkan semua anggota masyarakat Melayu lebih terdedah kepada pemikiran rasionalisme berasaskan prinsip Tauhid.³⁰

Keempat, pandangan yang menegaskan bahawa Islam yang sampai kepada masyarakat Melayu adalah daripada era Taqlid Timur Tengah yang tiada mempunyai pengetahuan sains Islam. Pengaruh falsafah sains Islam daripada era tamadun Islam di Andalusia hanya sampai kepada masyarakat Eropah dan tidak dibawa masuk semasa proses Islamisasi berlaku di Alam Melayu.³¹

Pandangan ini tertolak dengan fakta wujudnya beberapa karya ulamak Melayu silam yang menyentuh isu pemikiran sains Melayu-Islam. Bahkan, terdapat fakta yang menunjukkan bagaimana karya falsafah saintis

²⁸ Md. Sidin Ahmad Ishak. 2000. *The Malays in the Middle East, With a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*, Kuala Lumpur. hlm. 29-30.

²⁹ S. M. Naquid al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur. hlm. 29-30.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Idris Zakaria. 2000. Mengapa Melayu Tiada Ahli Falsafah, dlm. *Pemikir*, Oktober-Disember 2000. hlm. 106-114.

Islam seperti Ibn Rushd, Ibn Sina, Ibn Arabi dan sebagainya telah tersebar dan difahami oleh masyarakat Melayu.³²

Kelima, pandangan daripada tokoh Melayu sendiri yang menegaskan bahawa masyarakat Melayu memerlukan model dan paradigma barat untuk membangunkan pengetahuan sains. Lebih teruk lagi, bahasa Melayu dikatakan tidak mampu membangunkan pemikiran pengetahuan bertaraf tinggi seperti ilmu sains itu sendiri.

Pandangan dangkal ini boleh ditolak dengan penegasan yang diberikan sendiri oleh saintis Melayu-Islam moden. Mereka secara langsung menempelak paradigma dan sikap yang masih *taasub* dengan warisan tinggalan penjajah British. Mereka mengkritik sikap pihak kerajaan yang dikatakan terlalu mengaku kalah dengan cara berserah dan bergantung sepenuhnya kepada keilmuan sains dan teknologi (S&T) Barat,³³ tanpa menyedari bahawa S&T Barat pada peringkat epistemologinya telah diresapi dengan idea dan roh sekularisme yang tertanam secara halus di dalam keilmuan tersebut.³⁴

Selepas Malaysia mencapai status kemerdekaan, dalam era 1960 hingga 1980-an telah timbul beberapa usaha untuk membangunkan status masyarakat Malaysia ke arah yang lebih baik berbanding dengan zaman penjajahan kuasa Barat. Usaha ini telah memberikan penekanan tentang betapa pentingnya masyarakat Malaysia ini meniru konsep pembangunan ala Barat, dengan menerimapakai secara mutlak segala formula pemodenan barat yang diharapkan akan menaikkan taraf masyarakat Malaysia yang baru merdeka. Sikap bertaqlid kepada formula Barat ini tidak terhad kepada penerimaan konsep Barat secara makro semata-mata, bahkan turut cuba meniru sikap materialisme³⁵ dan sistem pemikiran barat yang lebih memberatkan persoalan rasionalisme-saintifik mengatasi pemikiran ala

³² Lihat sebagai contohnya Wan Mohd Nor Wan Daud. 2008. Kerangka Keilmuan Tamadun Melayu: Satu Cerminan Ketamadunan, dlm. Anwar Ridhwan (ed.), *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, hlm. 98-120.

³³ Baharudin Ahmad. 1994. *Falsafah Sains dari Persepektif Islam*, Kuala Lumpur. hlm. viiii-xiii.

³⁴ Yasien Mohamad. 1993. Islamization: a Revivalist Response to Modernity. dlm. *Muslim Education Quarterly*, v. 10, No. 2. hlm. 17-18.

³⁵ Muhammad Syukri Salleh. 1990. Pembangunan untuk Manusia atau Manusia untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia dalam Pembangunan Berteraskan Islam. dlm. *Konsepsi dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang. hlm. 32-35.

tradisionalisme yang biasanya dipegang oleh masyarakat di sebelah timur.³⁶

Strategi pemodenan ini kemudiannya telah dilanjutkan dengan cukup berkesan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sehingga dasar PM keempat kerap digelar sebagai Mahathirisme yang mampu mengubah status Malaysia kepada negara maju seperti negara industri barat.³⁷ Intipati utama Mahathirisme ini boleh dilihat kepada penekanan yang lebih besar terhadap peranan S&T, industri berat, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan dasar ICT dan menangani Islam dengan pendekatan yang lebih bersifat moden.³⁸

Ironisnya, mengikut pengamatan kritikal yang dibuat oleh beberapa orang sarjana-saintis Melayu moden, tanpa menafikan elemen positif yang mampu dicapai dengan dasar pemodenan Malaysia yang begitu pesat yang dirujuk khusus kepada penekanan terhadap subjek S&T,³⁹ masih lagi terdapat beberapa kekurangan yang ketara membabitkan proses pembangunan S&T di Malaysia. Hal ini dirujuk kepada sikap berat sebelah ataupun ketiadaan pemindahan teknologi dari negara industri ke Malaysia, seperti yang diharapkan dalam proses pembangunan industri berat di Malaysia. Rata-ratanya, negara maju yang menjadi teraju utama projek usaha sama dengan syarikat Malaysia yang diharapkan bakal memindahkan S&T sama ada dalam bentuk *hardware* ataupun *software*, dikatakan telah tidak berbuat demikian.⁴⁰

Selain itu, antara faktor lain juga adalah daripada sikap yang menerimapakai pakej S&T ala barat yang diresapi fahaman sekularisme tanpa ditapis menggunakan kerangka S&T Islam⁴¹ untuk jangka masa yang panjang telah mencetuskan krisis intelektual dan ekologi yang meruncing di Malaysia.⁴² Namun demikian, kelas profesional Melayu baru yang dilahirkan melalui dasar pemodenan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini

³⁶ Abdul Rahman Abdullah. 2001. *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Utusan Publication. hlm. 136-140.

³⁷ Khoo Boo Teik. 2001. *Paradoxes of Mahathirism: an Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, Shah Alam: Oxford University Press. hlm. 114-124.

³⁸ *Ibid.*, hlm. 159-181.

³⁹ Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat: Antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fikir Digital*, Kuala Lumpur. hlm. 63-69.

⁴⁰ Muhammad Kamal Hasan. 2001. *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur. hlm. 123-135.

⁴¹ Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat: Antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fikir Digital*, Kuala Lumpur. hlm. 53-54.

⁴² Muhammad Kamal Hasan. 2001. *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur. hlm. 113-116.

tidak menunjukkan paradigma pemikiran yang bersifat rasionalisme, objektifisme dan saintisme seperti yang diharapkan wujud dalam Mahathirisme. Hal ini boleh dirujuk kepada sikap dan *trend* golongan ini yang dilaporkan telah terjebak dalam krisis mempercayai bomoh,⁴³ ajaran sesat, kepercayaan *occult*⁴⁴ dan sebagainya, yang biasanya dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional. Sejurus itu, kelas profesional Melayu baru yang kononnya dilahirkan dengan dasar Penswastaan Malaysia telah terlibat dalam jumlah yang besar di dalam krisis pecah amanah, rasuah dan pelbagai kesalahan jenayah perdagangan.⁴⁵

Kerangka Epistemologi Manusia Melayu dan Kaitannya Dengan Konsep Sains

Sebagai asas perbincangan, kita boleh memberikan beberapa premis utama bagi menunjukkan apa yang diperlu untuk membangunkan konsep sains dan kemampuan pemikiran manusia Melayu-Islam itu sendiri. Antaranya:

Pertama, teori⁴⁶ tentang bagaimana proses pembangunan sesuatu disiplin ilmu perlu dibuat. Sesuatu disiplin ilmu itu dibuat berdasarkan kepada empat faktor yang utama iaitu⁴⁷ berasaskan kepada *world-view* - pandangan manusia tentang diri, alam dan kehidupan. Ianya ditentukan oleh agama, budaya, falsafah dan perkembangan S&T, yang secara langsung mempengaruhi sikap dan tindakan seseorang. *World-view* adalah pandangan dunia, hidup, kepercayaan dan pemikiran yang berfungsi sebagai pemangkin untuk segala perilaku manusia.⁴⁸ Mengikut Hamid Zarkashi, *world-view* Islam adalah: *visi tentang realiti dan kebenaran, berupa kesatuan pemikiran yang arsitektonik, yang berperanan sebagai asas yang tidak nampak (non-observable) bagi semua perilaku manusia,*

⁴³ Lihat sebagai contohnya *The New Straits Times*, 15 Disember 1996.

⁴⁴ Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Makluma: antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fikir Digital*, Kuala Lumpur. hlm. 55-56.

⁴⁵ Muhammad Kamal Hasan. 1996. *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*, Kuala Lumpur. hlm. 233-252.

⁴⁶ Antara lainnya, kita boleh mengatakan teori adalah falsafah untuk menyelesaikan sesuatu masalah, hukum ataupun ilmu yang telah diterima ramai mutu kesahihannya memandangkan ianya terhasil daripada penyelidikan ilmiah yang agak ketat.

⁴⁷ Lihat Mona Abdul-Fadl. 1989. *Paradigms in Political Science Revisited*, Herndon: AMSS & IIIT.

⁴⁸ Muhammad Abu Bakar. 1993. *Pandangan Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial*, dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, Kuala Lumpur: DBP. hlm. 307-309.

termasuk aktiviti ilmiah dan teknologi.⁴⁹ Antara elemen asas untuk *world-view* Islam terdiri dari konsep tuhan, wahyu dan penciptaannya, psikologi manusia, ilmu, agama, kebebasan, nilai dan kebajikan dan kebahagiaan. Elemen-elemen inilah yang kemudiannya yang menentukan bentuk perubahan (*change*), perkembangan (*development*) dan kemajuan (*progress*) dalam Islam.⁵⁰

Selain itu, faktor falsafah ilmu pengetahuan yang dipegang merupakan disiplin ilmu yang perlu ditekankan. Terdapat aksioma yang menekankan peri pentingnya sesuatu ilmu itu perlu mempunyai asas-asas yang kukuh dalam soal ontologi, epistemologi dan aksiologi, sekiranya ilmu tersebut mahu bertahan lama menghadapi proses pemodenan.⁵¹ al-Quran Antara faktor laian adalah paradigma-model berfikir secara sistematik bagi mendapatkan kebenaran dan kaedah penyelesaian masalah yang dipersetujui bersama oleh kalangan ilmuan yang berautoriti. Hal ini menyebabkan tindak balas terhadap sesuatu perkembangan baru yang timbul di dalam sesuatu masyarakat ataupun kalangan ilmuan. Sehubungan dengan itu, hal ini boleh dirujuk daripada tindakan sarjana Barat yang mengambil tindakan menolak agama dalam pembentukan falsafah untuk semua keilmuan Barat apabila mereka ditindas dengan begitu zalim oleh pihak gereja.⁵²

Kedua, sesuatu pemikiran sains boleh wujud dalam sesuatu masyarakat seandainya ada beberapa perkara antaranya budaya ilmu yang menggambarkan sifat ingin tahu yang tinggi (*Passion For Meaning*) dan sikap hormat-kritis pada pandangan orang lain. Sifat ingin tahu akan menjana pemikiran yang tinggi hasil daripada pemerhatian terhadap fenomena alam semesta (sesuai dengan konsep *natural theology*). Selain itu, ianya mempunyai struktur pemikiran yang berdaya maju, seperti mementingkan elemen metodologi dan paradigma berfikir yang sihat. Hal ini memang wujud dalam masyarakat Melayu akibat pengaruh ajaran Islam yang mengajar manusia Melayu tentang peri pentingnya ilmu pengetahuan dan keperluan untuk berinteraksi dengan *sunnatullah* (ayat *kawniah*) di

⁴⁹ Hamid Fahmy Zarkasyi. 2004. *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan. hlm. 1-6.

⁵⁰ Hamid Fahmy Zarkasyi. 2004. *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan. hlm. 1-6.

⁵¹ M. Amin Abdullah. 1995. *Falsafah Kalam di Era Postmodernism*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

⁵² Abdul Latif Samian. 2003. *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 72-84.

alam semesta.⁵³ Antara lain juga, ia mempunyai bahasa dan tulisan sebagai mekanisme untuk mencatat, berwacana, membangun dan menyebarkan hasil pemikiran serta dokongan daripada pihak kerajaan yang membantu memperkembangkan idea sains.⁵⁴

Ketiga, pemikiran adalah merupakan pekerjaan akal rasional manusia yang disifatkan sebagai suatu amal perbuatan secara pastinya terikat dengan persoalan halal ataupun haram yang telah dipertanggungjawabkan di hadapan Allah. Atas dasar ini, seseorang manusia diperingatkan agar menggunakan akal fikirannya dengan cara yang betul dan sah di sisi agama.⁵⁵ Lebih penting lagi, al-Quran menekankan tentang kepentingan mengamalkan budaya berfikir yang sihat dan positif. Para sarjana Islam di dalam meneliti kandungan al-Quran telah mendapati ianya penuh berisi dengan intipati pemikiran ilmiah⁵⁶ yang menekankan peri pentingnya penolakan *taqlid* membuta tuli,⁵⁷ perintah supaya berfikir,⁵⁸ memerhati kejadian alam,⁵⁹ memeriksa kesahihan sesuatu yang disampaikan oleh orang lain,⁶⁰ galakan untuk berfikir bersesuaian dengan hukum alam dan bukannya secara tahyul,⁶¹ kutukan terhadap sikap yang melandaskan pemikiran kepada hawa nafsu dan bukannya kepada kebenaran⁶² dan banyak lagi. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa berpandukan pemahaman terhadap pendekatan ilmiah ala al-Quran ini sarjana Islam telah memperkembangkan pendekatan ilmiah Islam, yang bermula dengan penerapannya di dalam ilmu *hadith*⁶³ dan kemudiannya dikembangkan lagi ke dalam bidang-bidang kajian ilmu-ilmu Islam lain.⁶⁴

⁵³ Rahimin Affandi Abd Rahim. 2006. Islam Hadhari sebagai Wahana Ilmu untuk Kecemerlangan Umat Islam di Malaysia, dalam *Risalah Khas Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H*. Putrajaya: JAKIM.

⁵⁴ Zaini Ujang. 2009. *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. hlm. 220-221.

⁵⁵ Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu-Isu Dalam Ilmu Dan Pemikiran*, Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.

⁵⁶ Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. 1999. *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam Al-Quran*, Kuala Lumpur. hlm. 2-3.

⁵⁷ *Al-Quran* 2:170; 43:23; 17:36 dan 24:15-17.

⁵⁸ *Al-Quran* 22:46 dan 30:8.

⁵⁹ *Al-Quran* 4:82.

⁶⁰ *Al-Quran* 4:83.

⁶¹ *Al-Quran* 33:43 dan 33:38.

⁶² *Al-Quran* 18:15; 17:36; 53:23 dan 53:28.

⁶³ Akram Diya' Al-Umari. 1995. *Madinan Society at the Time of the Prophet*. Terj. Huda Khattab, Virginia. hlm. 23-30.

⁶⁴ Majid Fakhri. 1989. *Sejarah Falsafah Islam*. Kuala Lumpur. hlm. xviii-xix.

Ontologi Manusia Melayu

Kita dapat mengenalpasti beberapa elemen ontologi yang difahami oleh manusia Melayu yang boleh dipergunakan bagi melahirkan pemikiran sains Islam. Ia bertentangan sama sekali dengan falsafah sains Barat yang bersifat *Antroposentrisme (Secular)*. Pemikiran sains Barat dibangunkan berasaskan kepada paradigma Logikal Emperikal Positivisme bagi setiap kajian keilmuan dan dianggap sebagai satu-satunya cara untuk mendapatkan ilmu yang paling tepat dan betul, yang kononnya dibuat melalui kaedah yang cukup sistematik, teliti dan objektif.⁶⁵ Manakala pengkajian yang berpandukan sumber wahyu akan dianggap sebagai tidak saintifik dan tidak boleh dibuktikan secara emperikal (semua perkara yang boleh ditangani secara lahiriah dengan pancaindera).⁶⁶ Pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap mereka yang menolak agama dan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dan ditangani dengan pancaindera.⁶⁷

Selain itu, ianya juga berasaskan kepada paradigma Materialistik-Mekanisme yang menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material-mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistik yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serius.⁶⁸ Hasilnya, berasaskan kepada paradigma ini, dua penekanan telah diberikan iaitu (i) alam dan segala isinya dianggap sebagai sumber utama yang bakal menambahkan kekayaan manusia sekularis- yang perlu diperah hasilnya semaksimum mungkin dan (ii) alam perlu diteroka dan dikaji mengikut kerangka pemahaman saintifik-materialism-sekularisme agar segala hukumnya yang bersifat praktikal boleh dikaji demi untuk kepentingan manusia moden.

Jadi, kita boleh bagaimana masyarakat barat cenderung untuk merosakkan ekologi alam dalam setiap proses pembangunan yang dijalankan bagi masyarakat Melayu, konsep alam mempunyai hirarkinya

⁶⁵ Mohd Natsir Mahmud. 1997. *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang. hlm. 10-12.

⁶⁶ Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*, Kuala Lumpur. hlm. 71-72.

⁶⁷ Louay Safi. 1998. *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, Terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur. hlm. 190-199.

⁶⁸ Zaini Ujang. 1989. Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 2, bil. 1. hlm. 39-42.

yang berlapis yang boleh dipelajari mengikut hirarki sumber yang khusus. Terdapat dua realiti kewujudan alam; mikro kosmos (diri manusia) dan makro kosmos (alam sekitar dan alam ghaib). Hirarki kewujudan terbahagi kepada alam nyata dan alam ghaib. Manusia boleh mengetahui kesemua maklumat tentang alam ini bersesuaian dengan sumbernya yang betul. Alam dunia boleh diketahui dengan akal (kajian ilmiah), manakala Alam Ghaib boleh diketahui dengan sumber wahyu setakat yang dibenarkan kecuali zat Allah dan Ruh.⁶⁹ Namun begitu, terdapat sesetengah masyarakat Melayu menekankan kepercayaan kepada makhluk halus yang melampau, sedangkan ianya sangat ditegah dalam Islam.

Bagi alam mikro kosmos (diri manusia), ianya terdiri daripada elemen seperti benda, jisim, akal dan ruh. Ianya sesuai dengan *hadith* yang menyebut tentang penguasaan hati dan akal terhadap seluruh badan. Ia juga termasuk dengan kepercayaan tentang Maqam nafsu manusia yang terdiri daripada Maqam Nafsu *Ammarah*, *Lawwamah*, *Mutmainnah* dan *Kamil*.⁷⁰

Untuk alam makro kosmos pula, ia terdiri daripada alam sekitar, langit dan alam samawi yang tidak terduga sifatnya. Kewujudan di alam ghaib terdiri daripada malaikat, jin dan syaitan. Hasil penelitian yang dibuat oleh Prof. Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun alam Melayu, mendapati bahawa manusia Melayu mengikut pandangan *world-view* yang bersumberkan wahyu Allah;⁷¹ antaranya yang mempercayai alam ini hasil ciptaan dan tabdiran Allah mencakupi alam primordial (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah tujuan dan keputusan muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah.

Intipati terpenting yang boleh difahami adalah kesemua konsep ontologi yang difahami oleh manusia Melayu berasaskan kepada *world-view* wahyu Allah. Kesemuanya perlu difahami menggunakan empat pendekatan utama; *Tauhid*, *Rationalistik*, *World Affirmative* (dunia sebagai

⁶⁹ Muhammad 'Uthman El-Muhammady. 2001. Kosmologi pada Para Fuqaha dan Ulama Sufiah dalam Pemikiran Melayu, dalam Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya hlm. 10-22.

⁷⁰ Hal ini boleh difahami dalam Osman Bakar. 2001. Persektif Kosmologi Tasawuf dalam Pemikiran Kosmologi Melayu. dlm Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 1-8.

⁷¹ Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Ataf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 48-49.

tempat berguna) dan *Societal* (mementingkan etika dan kepedulian sosial).⁷²

Epistemologi Manusia Melayu

Dalam banyak hal, manusia Melayu amat terhutang budi dengan ajaran Islam yang memperkenalkan secara langsung elemen epistemologi ilmu ini. Ia menyebabkan proses pencarian dan pengembangan pelbagai keilmuan Melayu-Islam menjadi semakin pesat. Hal ini dijelaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan:

“di situ ditegaskan sebagai prinsip utama akidah Islamiah adalah: 1. Hakikat segala perkara itu sabit adanya dan pengetahuan mengenainya dapat dicapai sebenarnya, bersalahan dengan kaum Sufastaiyah; 2. Segala perkara yang menghasilkan ilmu bagi makhlukat itu tiga perkara; (i) pancaindera yang lima, (ii) khabar sadiq, yakni berita yang benar yang terbahagi kepada dua; (a) khabar mutawatir, dan (b) khabar yang datang daripada Rasulullah, dan (iii) akal. Adapun ilmu yang dicapai melalui akal ini terbahagi pula kepada dua; (a) ilmu badihi atau daruri yang tidak memerlukan bukti atau hujah, dan (b) ilmu Istidlali yang memerlukan bukti atau hujah.”⁷³

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa epistemologi manusia Melayu terdiri daripada beberapa perkara yang utama:

- 1) Bentuk *Bayani* (bergantung kepada teks wahyu), *Burhani* (bergantung kepada akal) dan *Irfani* (bergantung pada intuisi dan ilham). Ketiga-tiga bentuk ini telah diintegrasikan pemakaiannya oleh manusia Melayu.⁷⁴
- 2) Rasionalisme dan empirisme sekaligus. Hal ini jelas terbukti apabila manusia Melayu menekankan kepada menumpukan

⁷² Rahimin Affandi Abd Rahim. 2007. Penguasaan Ilmu Pengetahuan. dlm. Mahmood Zuhdi Abd Majid (ed.). *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, Kuala Lumpur: YADIM. hlm. 235-328.

⁷³ Syed Muhammad Naquid al-Attas. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation Of The Aqa'id Of Al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 53-54.

⁷⁴ Rahimin Affandi Abd Rahim. 2009. Pembangunan Sains Dan Teknologi Di IPTA Islam Di Malaysia: Satu Analisis Sejarah, *Jurnal ESTEEM*, v.5. no.2.

pembelajaran dengan alam semesta (ayat *Kawniyyah*) sehingga terhasil teori/hukum alam (konsep adat) yang bersifat kekal (seperti pepatah *biar mati anak jangan mati adat*) dan bersifat flexible yang perlu berubah mengikut keperluan semasa (seperti pepatah *sekali air bah sekali pasir pantai berubah*).⁷⁵

- 3) Bentuk penggunaan akal melalui metafora, alegorikal dan rasional. Ia terdiri daripada *Aktual* (potensi dan fitrah yang dimiliki sejak manusia lahir- bersifat tidak berkembang) dan *Muktasab* (diperolehi dengan cara belajar, membaca dan mengkaji bersifat sentiasa berkembang).⁷⁶
- 4) Bentuk penelitian sesuatu fenomena kehidupan dan alam secara mendalam. Banyak pepatah Melayu tentang konsep sains lahir hasil interaksi akal dengan pengalaman hidup dan alam semesta.⁷⁷ Ia dikaji oleh pemikir Melayu secara mendalam dan berulang kali, yang kemudiannya dinukilkan dalam bentuk pepatah untuk dimanfaatkan oleh anggota masyarakat.⁷⁸

Aksiologi Manusia Melayu

Mengikut perspektif manusia Melayu sebarang bentuk penguasaan ilmu pengetahuan perlu didasarkan kepada beberapa matlamat yang utama iaitu terarah dan bersesuaian dengan matlamat Islam. Ianya merangkumi kepada soal iman dan niat yang betul bagi mencapai keredaan Allah mengatasi kepentingan yang lain, bersesuaian dengan keterangan al-Quran dan *al-Hadith* Rasulullah S.A.W:

“Dan kami sekali-kali tidak akan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang buta mata hatinya kerana kesesatannya. Kami tidak akan memperdengarkan

⁷⁵ Abdullah Alwi Haji Hassan. 2001. Adat Melayu mengikut perspektif perundangan orang Islam di Malaysia. dlm. *Adat Melayu Serumpun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 65-66.

⁷⁶ Hassan Ahmad. 2004. Bahasa dan Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan, dalam Worawit Baru (a: Haji Ahmad Idris (ed.). *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 1-12.

⁷⁷ Ithnin Abdul Jalil. 2001. Pemikiran Sainifik Orang Melayu melalui Peribahasa. dlm. Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 452-460.

⁷⁸ Hassan Ahmad. 2004. Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan. hlm. 1-12.

kepadanya pertunjuk Allah kecuali kepada orang-orang yang beriman pada ayat-ayat kami, mereka itulah orang-orang yang berserah diri.”⁷⁹

“Sesungguhnya setiap amalan dengan niat dan setiap amalan individu itu dikira berdasarkan apa yang diniatkan.”

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Manakala dalam perspektif Melayu-Islam, terdapat kaitan yang erat antara iman dengan ilmu, yang memberikan perbezaan yang jelas antara ilmu dan pengetahuan iaitu pengetahuan diperolehi melalui akal dan pengalaman, manakala ilmu hanya dapat dicapai melalui iman. Namun begitu, gabungan antara ilmu dan pengetahuan boleh menguatkan iman dan seseorang sedar tentang keterbatasan akal serta pengalamannya. Walaupun pengetahuan dan ilmu memerlukan maklumat, namun cirinya berbeza iaitu pengetahuan adalah sesuatu yang dapat dicari dengan usaha gigih, ilmu pula dianugerahkan Allah kepada manusia melalui perantaraan para nabi dan Rasulullah,⁸⁰ ilmu memberi manusia hikmah (kebijaksanaan) manakala pengetahuan melahirkan kepandaian atau kemahiran tertentu. Perbezaan seterusnya ialah ilmu mendorong manusia mengerjakan amal saleh sedangkan pengetahuan boleh membawa manusia melakukan *fasad* (kerusakan).

Sehubungan itu, matlamat bagi bentuk penguasaan ilmu pengetahuan juga perlu mematuhi prinsip asas ajaran Islam khususnya soal-soal yang membabitkan persoalan Akidah, Syariah dan Tasawuf. Hal ini bersesuaian dengan *hadis*:

“Barangsiapa mempelajari ilmu untuk bermegah-megah dengannya akan para ulamak atau untuk bertengkar dengan orang-orang bodoh atau untuk menarik perhatian manusia kepadanya, nescaya Allah memasukkannya ke Neraka Jahanam.”

(Hadith Riwayat Ibn Majah)

Antara lain, ia juga turut melahirkan insan yang mulia. Neraca dan sifat manusia terbaik (idola) yang berasaskan kepada konsep budi bahasa Melayu-Islam dan bukannya seperti mana difahami oleh masyarakat moden semasa. Mengikut kaca mata masyarakat Melayu-Islam, orang yang

⁷⁹ *Al-Quran* 30:53.

⁸⁰ *Al-Quran* 18:29.

dianggap mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat dinamakan sebagai orang yang BUDIMAN; merujuk kepada orang yang mempunyai budi pekerti, budi bahasa, budi bicara, akal budi dan adab sopan yang tinggi dan mulia.⁸¹ Secara lebih mendalam lagi, ciri-ciri budiman ini dapat diperjelaskan kepada budi pekerti dan adab sopan yang mulia–tingkah laku, keperibadian, *fi'il* perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai, wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakatnya. Selain itu, budi bahasa dan budi bicara–pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya. Namun demikian, akal budi dan hati budi–akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan dan kebaikan.

Sistem nilai (cakupan bidang aksiologi) manusia Melayu juga boleh dikatakan sebagai bersifat unggul dan kondusif untuk perkembangan sains yang bercirikan mementingkan penjagaan elemen kemanusiaan dan mesra alam. Hal ini terbukti dengan beberapa perkara;

- 1) Masyarakat Melayu ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana yang kemudiannya telah melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.⁸² Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.⁸³
- 2) Masyarakat yang mengamalkan paradigma mesra alam dan mementingkan prinsip penjagaan keseimbangan alam semesta.
- 3) Masyarakat yang menghormati dan melayani semua makhluk yang wujud di alam semesta ini dengan cara yang baik.⁸⁴

⁸¹ Maklumat lanjut boleh didapati dalam Hashim Musa. 2001. *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. 2001. hlm. 79-81.

⁸² Ibn Khaldun. t.t. *Muqaddimah Al-'Allamah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar Al-Fikr. hlm. 82-95.

⁸³ Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2003. Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia, dlm. Zulkiple Abd. Ghani (ed.). *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU). Bangi. hlm. 47-74.

⁸⁴ Zainal Kling. 2000. "Manusia Melayu, Alam dan Tamadunnya". dlm. (ed.), oleh Abdul Latiff Abu Bakar *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 294-304.

- 4) Masyarakat yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak.⁸⁵
- 5) Masyarakat yang mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism.⁸⁶ Ianya juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.⁸⁷ Pendekatan ini bukan terhadap kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing.⁸⁸
- 6) Masyarakat yang kuat berpegang kepada falsafah yang mementingkan pertimbangan agama dan nilai (*perennial and ultimate perspective*), berbanding dengan masyarakat barat yang lebih mementingkan persoalan kebendaan dan individualisme mengatasi persoalan agama.⁸⁹
- 7) Mengamalkan sikap terbuka, sanggup belajar dan selektif dengan pengaruh budaya dan agama asing.⁹⁰

Jadi, berasaskan kepada ketiga-tiga elemen ontologi, epistemologi dan aksiologi yang dikemukakan di atas, kita boleh menegaskan bahawa pemikiran sains Melayu-Islam tidak mustahil untuk dilahirkan. Ini kerana kesemua elemen yang diperlukan untuk pembangunan sains memang telahpun terdapat di dalam pemikiran manusia Melayu. Hal ini bersesuaian dengan *teori pertama* (bagaimana disiplin ilmu boleh dibangunkan), *kedua* (elemen yang mampu melahirkan pemikiran sains) dan *ketiga* (budaya berfikir Islam) yang dinyatakan sebelum ini.

Selain itu, kita juga boleh menyokong pandangan ini dengan fakta lahirnya golongan saintis Melayu yang berpegang kuat kepada *world-view* Islam di Malaysia semasa. Dalam konteks pembangunan S&T semasa,

⁸⁵ Abdul Halim Othman dan Md. Shuaib Che Din. 1993. Sifat Kesederhanaan. dlm. *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 102-109.

⁸⁶ Norazit Selat. 1994. Nilai Kerja dalam Masyarakat Melayu, dlm. *Budi Kencana: Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 133-141.

⁸⁷ Wan Abdul Halim Othman. 1993. Hubungan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu, dlm. *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 61-101.

⁸⁸ Idris Zakaria. 2003. Islam dan Amalan Toleransi di Nusantara. dlm. Zulkiple Abd Ghani (ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 150-165.

⁸⁹ Abdul Rahman Abdullah. 2001. *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication. hlm. 134-140.

⁹⁰ Abdul Rahman Abdullah. 1982. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. hlm. 54-56.

terdapat beberapa kecenderungan yang boleh dibanggakan, merujuk khusus kepada peranan yang dimainkan oleh kelas intelektual Melayu baru ini seperti:

- 1) Kelas intelektual-saintis Melayu yang bergabung dalam NGO khusus, ASASI (Akademi Sains Islam Malaysia) yang cuba menerap dan menyebarkan kesedaran tentang peri pentingnya masyarakat Melayu Islam mendokong usaha membangunkan S&T mengikut perseptif Islam.⁹¹
- 2) Lahirnya wacana tentang falsafah ilmu sains Islam yang agak pesat dalam masyarakat. Wacana tentang falsafah sains Islam ini terbahagi kepada lima aliran utama; aliran akomodatif, reformatif, tradisional, tekstual dan konseptual.⁹²
- 3) Menghasilkan tulisan bentuk baru yang cuba menerangkan tentang konsep, kerangka dan bagaimana ICT moden yang menjadi *nucleus* utama kepada perkembangan globalisasi berfungsi serta mempengaruhi kalangan masyarakat Melayu. Motif utama tindakan ini antara lainnya bagi menyedarkan masyarakat Melayu tentang manfaat yang boleh diambil daripada perkembangan S&T ini.⁹³
- 4) Salah seorang daripada anggota ASASI, iaitu Tengku Mohd Azzman Shariffadeen telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, yang kemudiannya telah mencadangkan gagasan MSC kepada pihak kerajaan Malaysia. Apa yang lebih penting lagi, dilihat kepada kepakaran bidang kejuruteraan elektronik dan kecenderungan Islam yang tinggi, Tengku Mohd Azzman barang pastinya telah menyuntik nilai-nilai Islam sejati di dalam pembangunan projek MSC ini.⁹⁴
- 5) Sifat ikut serta kalangan sarjana Melayu Islam semasa dalam gagasan mewujudkan hubungan yang erat di antara keilmuan Islam klasik dengan S&T moden. Hal ini timbul berasaskan kepada gagasan tajdid Islam yang menuntut fuqaha Islam untuk mengetahui dan mengambil inisiatif untuk mempelajari keilmuan moden itu sendiri, khususnya pengetahuan ICT dan S&T.⁹⁵ Hal ini ditegaskan memandangkan terdapat sesetengah

⁹¹ Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat: Antara Akal Budi Melayu Dengan Budaya Fikir Digital*. hlm. 115-116.

⁹² Abdul Rahman Abdullah. 2010. *Wacana Falsafah Sains: Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: IESDEV Universiti Sains Malaysia. hlm. 239-272.

⁹³ *Ibid.*, hlm. 59-80.

⁹⁴ *Ibid.*, hlm. 60-63.

⁹⁵ *Ibid.*

sarjana Islam moden yang mengatakan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan kegagalan proses reformasi dan penerapan S&T dalam institusi pengajian Islam adalah kerana sikap sarjana Islam sendiri yang terlalu mengaku kalah dengan cara berserah dan bergantung sepenuhnya kepada keilmuan S&T Barat, tanpa menyedari bahawa S&T Barat di peringkat epistemologinya telah diresapi dengan idea dan ruh sekularisme yang tertanam secara halus di dalam keilmuan tersebut. Sepatutnya, berhadapan dengan dilema ini, sarjana Islam sendiri perlu menerima S&T Barat secara berhemah yang diikuti pula dengan proses pengubahsuaian S&T Barat ini dengan realiti masyarakat Islam, sebagaimana apa yang cuba dilakukan oleh Osman Bakar, Syed Hussein Nasr, Ziauddin Sardar dan ramai lagi tokoh-tokoh saintis moden Islam.⁹⁶

Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat disimpulkan bahawa manusia Melayu-Islam memang mampu melahirkan pemikiran sains yang berdaya maju. Hal ini ditegaskan berasaskan kepada wujudnya kerangka falsafah pemikiran (ontologi, epistemologi dan aksiologi) yang difahami dan diaplikasi oleh manusia Melayu. Tinggal lagi, kesemua elemen ini perlu diwacana, dikaji dan diperkasakan sepenuhnya oleh pengkaji Melayu-Islam yang lain. Lebih penting lagi, kita perlu menolak sekeras-kerasnya paradigma pemikiran Sekular Barat dan Salafi melampau yang mempertikaikan kemampuan pemikiran manusia Melayu. Hal ini hanya mampu dijalankan oleh institusi pendidikan tinggi dengan dokongan penuh daripada pihak kerajaan Malaysia sendiri.

⁹⁶ Lihat Zaini Ujang. 1989. Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan dlm. Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil.2, bil.1. hlm. 39-42

Bibliografi

- Abdul Halim el-Muhammady. 2002. *Tasawwur Islam: Huraian Konsep dan Implikasi dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Othman & Md. Shuaib Che Din. 1993. Sifat Kesederhanaan, dlm. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdul Latif Samian. 2003. *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Mujib, M. Ag. 1999. *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*. Jakarta.
- Abdul Rahman Abdullah. 1982. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2000. *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur.
- _____. 2001. *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- _____. 2010. *Wacana Falsafah Sains: Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: ISDEV Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. 2001. Adat Melayu mengikut perspektif perundangan orang Islam di Malaysia. dlm. *Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akram Diya' Al-Umari. 1995. *Madinan Society at the Time of the Prophet*. Terj. Huda Khattab. Virginia.
- Baharudin Ahmad. 1994. *Falsafah Sains dari Persepektif Islam*. Kuala Lumpur.
- Bryan S. Turner, Gustave E. Von. 1984. Grunebaum and the Mimesis of Islam. dlm. *Orientalism, Islam and Islamist*.
- Edward Said. 1981. *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See The Rest of the World*. London.

- Fadzulullah Hj. Shuib. 1995. *Kecermelangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur.
- F. Swettenham. 1983. *About Perak*, Singapore.
- Ghazali Darusalam. 1998. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*. Kuala Lumpur.
- Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat; Antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fikir Digital*. Kuala Lumpur.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2004. *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*. Surabaya: Penerbit Khairul Bayan.
- Hashim Musa. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- _____. 2001. *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hassan Ahmad. 2004. *Bahasa Dan Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan*, dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (ed.). *Pemikiran Melayu: Tradisi Dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun. (t.t). *Muqaddimah Al-'Allamah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Idris Zakaria. Oktober-Disember 2000. *Mengapa Melayu Tiada Ahli Falsafah*. dlm. *Pemikir*.
- _____. 2003. *Islam Dan Amalan Toleransi Di Nusantara*, dlm. Zulkiple Abd Ghani (ed.). *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*. Bangi: Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ithnin Abdul Jalil. 2001. *Pemikiran Sainifik Orang Melayu Melalui Peribahasa*, dalam Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

- J.C. Leur. 1949. *Indonesian Trade and Society, The Hague.*
- K.P. Landon. 1995. *Southeast Asia: Crossroad of religions.* Chicago.
- Khoo Boo Teik. 2001. *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad.* Shah Alam: Oxford University Press.
- Louay Safi. 1998. *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat.* (terj.). Nur Hadi Ihsan. Kuala Lumpur.
- M. Amin Abdullah. 1995. *Falsafah Kalam di Era Postmodernism.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Majid Fakhri. 1989. *Sejarah Falsafah Islam.* Kuala Lumpur.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 2000. *The Malays in the Middle East, with a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East.* Kuala Lumpur.
- Mohd Natsir Mahmud. 1997. *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif).* Semarang.
- Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu-Isu dalam Ilmu dan Pemikiran.* Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Mona Abdul-Fadl. 1989. *Paradigms in Political Science Revisited.* Herndon: AMSS & IIIT.
- _____. 1995. *Toward Global Cultural Renewal: Modernity and The Episteme Of Transcendence.* Herndon.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. 2001. Kosmologi Pada Para Fuqaha Dan Ulama Sufiah Dalam Pemikiran Melayu. dlm. Yaacob Haron (ed.). *Kosmologi Melayu.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Bakar. 1993. "Pandangan Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial", dlm. Tinta Kenangan, sumbangan Sempena Persaraan dan

Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Kamal Hasan. 1996. *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*. Kuala Lumpur.

_____. 2001. *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO*. Kuala Lumpur.

Muhammad Syukri Salleh. 1990. Pembangunan Untuk Manusia atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia dalam Pembangunan Berteraskan Islam, dlm. *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang.

Norazit Selat. 1994. Nilai Kerja dalam Masyarakat Melayu, dalam *Budi Kencana: Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Osman Bakar. 2001. "Persepektif Kosmologi Tasawuf Dalam Pemikiran Kosmologi Melayu". dlm. Yaacob (ed.). *Haron Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Rahimin Affandi Abd Rahim. 2003. "Al-Quran Dan Peranan Ulamak Melayu Dalam Pemodenan Rantau Alam Melayu", dlm. Mohd Radzi Othman (ed.). *Warisan Al-Quran Dan Peradaban Manusia Siri 1*, Penerbit Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

_____. 2005. Isu Pendekatan di dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Telaah Awal. dlm. *Jurnal Syariah*, V.13, Bil.1.

_____. 2006. *Islam Hadhari sebagai Wahana Ilmu untuk Kecemerlangan Umat Islam di Malaysia*. dlm. Risalah Khas Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427H. Putrajaya: JAKIM.

_____. 2007. Penguasaan Ilmu Pengetahuan. dlm. Mahmood Zuhdi Abd Majid (ed.). *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*. Kuala Lumpur: YADIM.

_____. 2009. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA Islam di Malaysia: Satu Analisis Sejarah, *Jurnal ESTEEM*. V.5, No.2.

- _____. 2003. Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia. dlm. Zulkiple Abd. Ghani (ed.). *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan. Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU). Bangi.
- S. Waqar Ahmad Husaini. 1980. *Islamic Environmental System Engineering*. London.
- Syed Muhammad Naquid al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur.
- _____. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the Aqa'id of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. 1999. *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam al-Quran*, Kuala Lumpur.
- Wan Abdul Halim Othman. 1993. Hubungan Kekeluargaan dalam Masyarakat Melayu. dlm. *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2008. Kerangka Keilmuan Tamadun Melayu: Satu Cerminan Ketamadunan. dlm. Anwar Ridhwan (ed.). *Minda Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Wang Gungwu. 1970. *Scholarship and the History and Politics of Southeast Asia*. Flinders University of South Australia.
- Yasien Mohamad. 1993. Islamization: A Revivalist Response to Modernity. dlm. *Muslim Education Quarterly*, V.10, No.2.
- Zainal Kling. 1993. Kebudayaan Melayu: Satu Penelitian Etnomethodologi. dlm. *Fenomena 2*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- _____. 1994. *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Malaysia kepada Teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor. Kuala Lumpur.

- _____. 2000. *Manusia Melayu, Alam dan Tamadunnya*. dlm. Abdul Latiff Abu Bakar (ed.). *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Zaini Ujang. 1989. *Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar*. dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*. V.2, bil.1.
- _____. 2009. *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.